

Rm 157-  
Rm 3970

# **PERJUANGAN SUCI UMNO**

**(Cetusan pemikiran  
pemimpin-pemimpin UMNO)**

h

h

Diselenggarakan oleh  
A. KARIM HAJI ABDULLAH

1993  
GOODMARK ENTERPRISE  
KUALA LUMPUR

# PERJUANGAN SUCI UMNO

Diterbitkan oleh  
GOODMARK ENTERPRISE  
29A, Jalan Jejaka 5,  
Taman Maluri, Jalan Cheras,  
55100 Kuala Lumpur.  
Tel: 9828198.

© Penyelenggaraan A. Karim Haji Abdullah

Cetakan Pertama 1993  
ISBN 983-9849-02-6

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengurus GOODMARK ENTERPRISE, 29A, Jalan Jejaka 5, Taman Maluri, Jalan Cheras, 55100 Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diaturhuruf oleh Kreasi Grafik  
20M, Jalan SS2/61,  
47300 P. Jaya, Selangor.

Muka Taip Teks : Palatino  
Saiz Taip Teks : 10/12 Palatino.

Dicetak di Malaysia oleh  
Kosnet Press Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

M  
324 2595

Harga : RM15.00

PER

706610

17 JAN 1994  
Perpustakaan Negara  
Malaysia



DATO' SRI MOHD. NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK



فرتوہانہٴ کبڠساٴ ملايو برسٴ اتو (بارو)

**PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (BARU) ATAU UMNO  
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)  
PERGERAKAN PEMUDA**


**KATA-KATA ALUAN**

Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi penghormatan untuk menulis kata-kata aluan di dalam buku "Perjuangan Suci UMNO" yang diselenggarakan oleh Saudara A. Karim bin Haji Abdullah, bekas Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Pahang.

Kandungan buku ini merupakan koleksi ucapan pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO semasa mereka merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia sejak tahun 1971. Koleksi ucapan para pemimpin UMNO ini merupakan satu dokumentasi dan khazanah yang amat berguna dimiliki terutamanya oleh ahli-ahli yang baru menyertai UMNO. Ia perlu dikaji dan dihayati agar semua anggota parti jelas mengenai falsafah perjuangan UMNO.

Ide atau pemikiran yang diutarakan oleh para pemimpin-pemimpin UMNO melalui ucapan mereka merupakan bahan yang amat berguna untuk diketahui oleh ahli-ahli UMNO sebagai usaha mereka memahami arus perjuangan dan perkembangan parti. Pemimpin datang dan pemimpin pergi tetapi pemikiran mereka yang terhimpun dalam ucapan-ucapan mereka kekal abadi dalam lembaran sejarah sesebuah perhimpunan itu.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Saudara A. Karim Haji Abdullah atas kegigihan beliau menghimpunkan ucapan pemimpin-pemimpin UMNO dalam buku yang diberi nama "Perjuangan Suci UMNO".

  
( DATO' SRI MOHD NAJIB )



*Dato' Sri Rafidah Aziz*



Koleksi ucapan para pemimpin UMNO adalah merupakan satu dokumentasi yang berguna dibaca dan dikaji oleh ahli-ahli UMNO amnya dan oleh orang-orang awam, kerana melalui ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin itu dapat disedut saranan yang boleh dijadikan panduan kepada ahli-ahli parti serta dapat difahami tentang perjuangan pemimpin-pemimpin UMNO tersebut.

Isu-isu semasa juga biasanya dikupas oleh pemimpin-pemimpin dalam ucapan mereka dan dengan itu akan dapat menjadi bahan-bahan sejarah bagi generasi-generasi akan datang.

Usaha mengumpulkan ucapan-ucapan tersebut tentu sekali memperkayakan bahan-bahan dokumentasi Politik negara ini.

Terima kasih.

A handwritten signature in cursive script, appearing to read 'Rafidah'.

( RAFIDAH AZIZ )

4 Oktober 1993

## PENDAHULUAN

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah kerana dengan taufik, hidayah dan inayahNya membolehkan saya menyelenggarakan buku yang diberi nama 'PERJUANGAN SUCI UMNO'.

Kandungan buku ini sebenarnya merupakan koleksi pidato pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO bermula dari pidato Allahyarham Tun Abdul Razak, diikuti oleh pidato Allahyarham Tun Dr. Ismail, Allahyarham Tun Hussein Onn, YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Datuk Musa Hitam dan YAB Encik Ghafar Baba. Pidato-pidato pemimpin-pemimpin ini pernah diucapkan semasa mereka melakukan perasmian Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia. Pidato-pidato ini dihimpunkan dalam koleksi ini sebagai satu dokumentasi yang berguna untuk kemudahan kajian dan rujukan ahli-ahli UMNO seluruhnya, terutama bagi mereka yang baru menjadi ahli UMNO.

Pernah seorang pemimpin tertinggi UMNO menyarankan agar generasi muda mengambil daya usaha untuk mengkaji segala ideal politik penganjur-penganjur UMNO. Katanya: "Kaji balik sejarah perjuangan UMNO. Dari Allahyarham Datuk Onn Jaafar membawa kepada era Tunku Abdul Rahman Putra. Dari zaman Tunku hingga ke zaman Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein. Kemudian membawalah ke zaman YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Kajilah segala perbezaan dan persamaan ideal perjuangan mereka. Kajilah segala kejayaan dan kelemahan perjuangan di zaman-zaman kepimpinan ini. Kalau terdapat kekurangan, adalah menjadi tugas serta tanggungjawab saudara sekalian untuk memperbaikinya."

Beliau seterusnya menyarankan: "Kajilah semula segala ideal politik penganjur-penganjur Pemuda UMNO yang lalu seperti Kapten Hussein Onn, Allahyarham Tun Razak, Allahyarham Tun Sardon Jubir, Datuk Senu Abdul Rahman, Datuk Harun Idris, Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar serta Datuk Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin. Himpunkanlah semula suara segala tokoh-tokoh lama seperti suara Allahyarham Tun Dr. Ismail, Tan Sri Syed Nasir, Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi, Allahyarham Datuk Ali Haji Ahmad dan suara

Allahyarham Dr. Burhanuddin Helmi. Dan di kalangan wanita pula kajilah semua suara-suara perjuangan Allahyarham Khadijah Sidek, Tan Sri Fatimah Hashim, Tan Sri Aishah Ghani dan juga suara-suara perjuangan Yang Berbahagia Tan Sri Ibu Zain (Allahyarham).

Sesungguhnya banyak yang boleh direnung, dikaji dan dijadikan panduan dari cetusan-cetusan pemikiran pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO yang tersurat dan tersirat menerusi ucapan-ucapan mereka yang terhimpun dalam buku ini.

Diharap buku ini berguna untuk bahan rujukan yang perlu dimiliki oleh ahli-ahli UMNO khususnya dan peminat-peminat dan pemerhati-pemerhati politik tanahair amnya.

Salam hormat,  
A. KARIM HAJI ABDULLAH  
Penyusun dan Penyelenggara

Petaling Jaya,  
15 September 1993

**KANDUNGANNYA**

M.S.

Prakata

Kata Sambutan

**TUN ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN (Allahyarham)**

- Tugas dan Tanggungjawab Memimpin UMNO (1971)

**TUN DR. ISMAIL BIN DATUK ABDUL RAHMAN (Allahyarham)**

- Tindakan Baru Pemuda dan Wanita UMNO (1972)
- UMNO Teras Politik Melayu Teras Negara (1973)

**TUN HUSSEIN BIN DATUK ONN (Allahyarham)**

- Kepimpinan Yang Luhur (1974)
- Perpaduan Mengatasi Cabaran (1975)

**DATUK SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD**

- Antara Cita-cita Dengan Pencapaiannya (1976)
- Kepimpinan Pemimpin (1977)
- Warisan (1978)
- Masa dan Pertukaran (1979)
- Rupa Bentuk dan Isi Kandungan UMNO (1980)
- Menyeru Kepada Kebaikan dan Menegah Yang Buruk (1981)

**DATUK MUSA BIN HITAM**

- Ke Arah Malaysia Yang Lebih Gemilang (1982)
- Gagasan Realiti (1983)
- Ketahanan UMNO (1984)
- Bersatu Bersetia Berkhidmat (1985)
- Demokrasi Dalam UMNO (1986)
- Penjunjung Obor Perjuangan (1987)

**ENCIK ABDUL GHAFAR BIN BABA**

- UMNO Pengganti dan Penyambung Perjuangan (1988)
- Mencipta Sejarah Dalam Perpaduan (1989)
- Memantap dan Mengukuhkan UMNO (1990)
- Perjuangan Suci UMNO (1991)
- Penguksuhan Bangsa, Politik, Ekonomi dan Islam (1992)



memegang pucuk pimpinan UMNO adalah sangat tinggi dan saya sedar bahawa tanggungjawab yang saya pikul ini sangat berat. Dengan pertolongan Tuhan dan dengan sokongan taat setia serta kerjasama yang saudara-saudara dan ahli-ahli UMNO akan beri kepada saya, saya akan cuba dengan seberapa boleh untuk menjalankan kehendak-kehendak dan dasar UMNO untuk kepentingan bangsa, negara dan ugama. Saya sedia hendak mengorbankan usaha dan tenaga yang ada pada saya untuk kepentingan parti kita dan negara selagi saudara-saudara dan ahli-ahli UMNO berkehendakkan saya dan memberi sokongan kepada diri saya.

Inilah kali kedua UMNO menghadapi perubahan pucuk pimpinan; pertama, pada tahun 1951 daripada Allahyarham Datuk Onn kepada Y.T.M. Tunku dan kedua, pada hari esok dari pihak Y.T.M. Tunku kepada diri saya. Sungguh pun berubah pucuk pimpinan tetapi UMNO sebagai sebuah parti siasah akan memperjuangkan kehendak-kehendak orang Melayu akan berjalan terus, menurut asas dan lunas UMNO yang asal. Walaubagaimanapun, dasar dan perjalanan UMNO haruslah disemak untuk disesuaikan dengan kehendak-kehendak masa dan peredaran zaman. Perubahan ini tidaklah bermakna yang kita tidak menghargai jasa-jasa UMNO pada masa yang lampau atau jasa-jasa pemimpin kita yang kita kasihi dan junjung tinggi itu. Begitu juga perubahan-perubahan ini bukan bermakna UMNO lemah tetapi kalau tidak diadakan perubahan ini UMNO akan lemah. Kalau UMNO hendak terus menjadi parti yang terbesar sekali di negara kita dan terus mendukung Kerajaan maka mustahaklah UMNO menyesuaikan dirinya dengan kehendak-kehendak rakyat dan dengan keadaan masa dan kedudukan negara kita.

Selepas peristiwa 13 Mei telah terang kepada kita bahawa ada masalah-masalah negara yang penting yang mesti diselesaikan jika Malaysia hendak maju sebagai negara yang kuat dan bersatu padu. Begitu juga UMNO sebagai parti yang mendukung Kerajaan bersama-sama dengan MCA dan MIC mustahaklah berani menukar sikap dan kedudukannya untuk menghadapi keadaan yang baharu supaya UMNO sentiasa menjadi pelopor dalam sebarang usaha yang dijalankan oleh Kerajaan.

Kita semua ingat dan mengetahui bahawa dalam masa UMNO berjuang menentang Malayan Union pada tahun 1946 dahulu, ahli-ahli UMNO terutama sekali pemuda-pemuda dan kaum ibu adalah

menjadi barisan hadapan memperjuangkan dasar parti kita. Begitu juga daripada masa kita menuntut kemerdekaan pada tahun 1955 dan 1956, ahli-ahli UMNO, pemuda dan kaum ibulah yang menjadi pelopor dalam perjuangan ini. Oleh yang demikian, dalam tahun tujuh puluhan ini juga, dalam menghadapi rintangan-rintangan dan dugaan-dugaan dan untuk menjamin negara menjadi negara yang kuat dan bersatu padu mustahaklah ahli-ahli UMNO, pemuda dan kaum ibu, menjadi pelopor atau barisan hadapan menjalankan dasar-dasar Kerajaan iaitu dasar-dasar yang dipersetujui oleh UMNO sendiri.

Saya berharap kepada ahli-ahli pergerakan pemuda dan kaum ibu supaya selain daripada memperkuat kedudukan parti, kita tidak boleh memisahkan diri dari masyarakat am dan usaha-usaha negara. Saya berkehendakkan saudara-saudara sekalian supaya menceburkan diri dalam persatuan-persatuan kebajikan masyarakat, badan-badan sukarela dan juga daya usaha yang lain supaya dalam semua lapangan perusahaan dan kemajuan, ahli-ahli UMNOlah, ahli-ahli pergerakan pemuda dan kaum ibu, ada mengambil bahagian yang cergas. Hanyalah dengan cara ini dapat parti kita bergerak bersama-sama dengan Kerajaan; ahli-ahli parti menjadi bukan sahaja pendorong dan penggerak dasar-dasar Kerajaan bahkan menjalankan bersama-sama dasar itu. Seperti kata Y.A.B. Tun (Dr.) Ismail, Timbalan Perdana Menteri, semalam, mustahaklah jentera parti kita berjalan selaras dengan jentera Kerajaan dan inilah cara yang saya benar-benar kehendaki ahli-ahli parti kita bersama-sama melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dan menjadi pelopor atau barisan hadapan dalam semua lapangan perusahaan dan kemajuan di negara kita. Dengan ini barulah rakyat dapat memandang dengan nyata bahawa segala usaha dan rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan adalah sebenar-benarnya rancangan parti dan usaha-usaha parti yang mendukung Kerajaan itu.

Kita baharu sahaja mengalami bencana banjir yang besar dan belum pernah kita alami semenjak 40 tahun yang lalu. Bagaimanapun, syukur kita kepada Tuhan kerana keadaan di seluruh negara telah dapat dikawal dengan baik dan boleh dikatakan bilangan kehilangan jiwa adalah kecil. Akan tetapi tak dapat tiada rakyat negara kita termasuk ahli-ahli UMNO telah mengalami kehilangan harta benda dan sekarang ini kita sedang mengambil langkah serta merta untuk menolong mangsa-mangsa banjir itu. Kerajaan telah pun mengisytiharkan pertolongan serta merta untuk

mangsa-mangsa banjir dan sedang mengadakan pertolongan jangka pertengahan. Begitu juga kita akan memikirkan bantuan jangka panjang untuk menjamin supaya bencana alam ini tidak menimpa rakyat negara kita.

Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pegawai-pegawai Kerajaan, angkatan-angkatan tentera dan polis dan kepada badan-badan sukarela yang telah bersungguh-sungguh bekerja siang dan malam untuk menolong menyelamatkan mangsa-mangsa banjir dan untuk menjamin yang mereka itu mendapat pertolongan dan bantuan-bantuan makanan dan lain-lainnya. Saya telah melawat beberapa tempat dalam masa banjir dan saya sangat puas hati dengan layanan yang diberi oleh semua pihak kepada mangsa-mangsa banjir itu. Begitu juga saya bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa rakyat di negara kita telah dapat menghadapi bencana alam yang besar ini dengan hati yang tetap dan tabah dan dengan usaha mereka itu sendiri dapat menyelamatkan jiwa dan setengah-setengah harta benda mereka.

Saya harap ahli-ahli UMNO, pemuda dan kaum ibu, akan mengambil bahagian yang utama dalam memberi pertolongan-pertolongan kepada mangsa-mangsa banjir ini. Inilah contoh satu perkara yang dapat kita jalankan bagi menunjukkan bahawa Kerajaan dan parti adalah berjalan sama dan rancangan Kerajaan dijalankan oleh ahli-ahli parti kita supaya terang dan nyata kepada rakyat iaitu parti kita dan Kerajaan adalah dengan sebenar-benarnya memberi bantuan dan pertolongan kepada rakyat. Begitu juga saya harap dalam usaha-usaha yang lain, dalam lapangan pembangunan dan rancangan-rancangan yang lain yang Kerajaan jalankan untuk menolong rakyat dan untuk membawa kemajuan kepada negara kita, ahli-ahli UMNO dapat bersama melaksanakan rancangan-rancangan itu.

Seperti yang saya sebutkan tadi, kita adalah menghadapi keadaan yang baharu dan masa yang berkehendakkan perubahan-perubahan. Dengan sebab itu, mustahaklah kita semua ahli-ahli UMNO, ahli-ahli pergerakan pemuda dan kaum ibu, berani menghadapi perubahan-perubahan ini, menukar sikap, menukar cara kita berfikir dan cara kita bergerak. Masalah-masalah yang kita hadapi pada tahun-tahun tujuh puluhan adalah lain daripada masalah yang kita hadapi pada tahun 1946 atau 1955 dahulu. Dengan sebab itu kita mustahaklah berani menyesuaikan jentera parti, perjalanan parti dan diri kita sendiri dengan kehendak dan tuntutan masa. Hanya

dengan cara begini dapat parti kita UMNO sebenar-benarnya memperjuangkan kehendak-kehendak dan kepentingan negara, khususnya hasrat-hasrat orang Melayu dari segala golongan, tua dan muda, intelek, kaum tani, kaum buruh dan golongan-golongan yang lain.

Dengan sebab itu Majlis Kerja Tertinggi telah bersetuju bahawa pada 11 Mei tahun ini iaitu hari ulang tahun UMNO yang ke 25, kita akan mengadakan satu Perhimpunan Agung Khas UMNO untuk hendak membincangkan perlembagaan parti, dasar dan jentera parti. Saya sendiri berfikir selepas UMNO wujud di tengah-tengah gelanggang perjuangan politik negara kita selama 25 tahun, sudah sampailah masanya bagi kita menyemak kedudukan parti kita, dasar-dasar dan perjalanannya, supaya kita dapat menyesuaikan parti kita dengan keadaan dan perubahan zaman. UMNO adalah parti yang berdasarkan demokrasi. Dasar dan perjalanan UMNO adalah dipersetujui oleh ahli-ahli UMNO dari satu masa ke satu masa. Dengan itu menurut perlembagaan parti kita, eloklah perwakilan UMNO seluruhnya menyemak balik kedudukan dan dasar parti kita supaya jika ada pindaan-pindaan yang kita fikirkan mustahak dan munasabah, dapat kita timbangkan bersama.

Seperti yang saya terangkan tadi, perubahan-perubahan mengikut aliran masa tidaklah dapat dielakkan bahkan kita mestilah menghadapinya. Kita bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa parti kita UMNO dalam tempoh 25 tahun telah dapat membuat jasa-jasa yang besar kepada bangsa dan negara - jasa-jasa yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun bahkan akan tercatat dalam sejarah bagi ingatan selama-lamanya. UMNO sebagai parti yang membangkitkan semangat orang-orang Melayu. UMNO sebagai parti yang memperjuangkan kemerdekaan dan UMNO sekarang ini hendaklah menjadi parti bukan sahaja yang boleh mengisi kemerdekaan yang telah kita capai itu bahkan boleh memberi tempat yang sempurna kepada negara kita, memberi keperibadian atau identiti kepada bangsa kita. Inilah tugas yang penting yang kita hadapi dalam tahun-tahun tujuh puluhan.

Parti kita ialah parti yang mendukung Kerajaan bersama-sama dengan rakan-rakan kita MCA dan MIC. Kerajaan kita mustahak memberi gambaran yang baru, mengubah dasar-dasar baru untuk mengatasi masalah-masalah yang saya katakan berlainan daripada masa lampau. Kita mestilah berani menghadapi masalah-masalah yang ada dalam negara kita dan berani mengambil langkah-langkah

yang tegas bagi mengisi kekosongan-kekosongan dan kekurangan-kekurangan yang saya sebutkan tadi. Kita berazam hendak menjadikan Malaysia bukan sahaja negara yang bersatu padu bahkan negara yang kuat dan makmur di mana tiap-tiap orang mendapat tempat yang sempurna di negara kita. Kita tahu masih terdapat perbezaan di antara golongan rakyat di negara kita yang berada dengan yang tidak berada dan mestilah menjadi dasar Kerajaan yang utama bagi mengurangkan jurang perbezaan ini.

Saya telah mengisytiharkan Dasar Iktisad Baru Kerajaan tidak lama dulu. Saya akan bercakap dengan panjang lebar besok mengenai Dasar ini dalam Perhimpunan Agung kita. Tujuan Dasar ini ialah hendak mengurangkan jurang perbezaan di antara rakyat negara kita dari berbilang bangsa, hendak meninggikan taraf hidup dan memberi pekerjaan-pekerjaan yang sewajarnya kepada rakyat yang mundur dan daif terutama orang-orang Melayu dan ahli-ahli Bumiputra. Kita akan menjalankan langkah-langkah yang tegas untuk mencapai cita-cita kita. Untuk mencapai matlamat ini kita mustahak menyusun semula kedudukan masyarakat supaya dapat disesuaikan kehidupan mereka dengan kehidupan masyarakat moden. Kita akan adakan perusahaan-perusahaan cara moden bukan sahaja di bandar-bandar besar bahkan di bandar-bandar kecil supaya mereka yang dahulunya tidak mendapat peluang, diberi peluang mengambil bahagian dalam lapangan ini, terutama sekali orang-orang Melayu.

Saya telah terangkan juga betapa mustahaknya kita memberi keperibadian kepada negara kita sebagai negara yang merdeka dan berdaulat. Setelah kita merdeka 14 tahun dahulu, sudah sampailah masanya kita berdiri atas kaki sendiri. Kita mestilah berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara kita dengan kekuatan kita sendiri. Kita mestilah berani juga menjalankan dasar-dasar luar negeri yang tegas dan bebas yang berlandaskan kepada kepentingan Nasional kita sendiri. Kita harus berasa bangga kerana dasar yang tegas dan bebas yang kita anuti itu telah dipandang tinggi dan dihargai oleh sebahagian besar negara-negara di dunia. Dasar luar kita yang "non-aligned" atau terkecuali itu telah mendapat sambutan baik oleh negara-negara Afrika, Timur Tengah dan Asia. Mustahaklah kita menunjukkan menerusi dasar luar kita yang kita adalah negara yang dewasa, yang boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan semua negara yang telah maju dan merdeka di dunia.

Saya baru sahaja balik dari menghadiri Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel dan saya sukacita mendapat peluang bertukar-tukar fikiran dengan Ketua-ketua Kerajaan daripada beberapa negara yang menjadi anggota Komanwel. Mereka semua memberi pandangan yang baik dan menunjukkan perasaan persahabatan dan muhibbah kepada negara kita. Kita bersyukur dan berasa megah bahawa Malaysia telah dipilih sebagai salah satu dari lapan negara "Study Group" yang dilantik bagi menyemak masalah keselamatan Lautan Selatan Atlantik dan Lautan Hindi bagi menyelesaikan masalah cadangan British hendak menjual senjata kepada Afrika Selatan. Kita telah menegaskan pendirian kita iaitu kita menentang penjualan senjata itu sebagai tanda bantahan kita terhadap Kerajaan Afrika Selatan menjalankan dasar "Apartheid" atau penindasan ke atas orang-orang kulit hitam di negara itu.

Dalam hubungan dengan negara-negara luar, kita mempunyai satu tujuan sahaja iaitu hendak hidup berbaik-baik dengan semua negara, hendak mengadakan kerjasama dengan negara-negara yang suka hendak bersahabat dan berkerjasama dengan kita dalam menjaga keselamatan dunia terutama sekali di Wilayah Tenggara Asia. Kita berpendapat hanyalah dengan adanya keamanan dan ketenteraman baru negara-negara terutama negara-negara kecil dapat hidup dengan maju dan makmur. Dengan sebab itulah kita telah mengemukakan dasar perkecualian Tenggara Asia dan saya sukacita bahawa cadangan kita itu nampaknya mendapat sambutan yang baik. Negara-negara Komanwel terutama sekali negara-negara Afrika dan juga West Indies menyambut baik cadangan kita itu.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang pada pagi ini kerana saya akan memberi ucapan dasar yang penting dan panjang lebar besok. Saya bersyukur ke hadrat Tuhan bahawa selepas berlaku peristiwa 13 Mei, keadaan di negara telah pulih seperti sediakala. Tidak berapa lama lagi iaitu pada 22 Februari, kita akan mengadakan Persidangan Parlimen semula dan kita akan pulih balik semula kepada pentadbiran cara demokrasi berparlimen. Kita tidak menyalahgunakan kebebasan yang ada pada mereka untuk bercakap dan bertutur sesuka hati tetapi hendaklah menjamin supaya demokrasi yang kita junjung tinggi, yang kita amalkan itu tidak dirosakkan lagi dan peristiwa 13 Mei tidak akan berulang lagi. Kerajaan bercadang hendak meminda perlembagaan supaya perkara-perkara sensitif yang menyentuh perasaan puak-puak di

negara kita tidak akan diungkit dan dipermain-mainkan. Pada hari esok, kita akan mengeluarkan Kertas Putih menerangkan cadangan-cadangan pindaan Perlembagaan yang kita akan kemukakan bila Parlimen bersidang semula. Pindaan-pindaan Perlembagaan ini sangat mustahak dan hanyalah apabila pindaan-pindaan ini diluluskan oleh Parlimen barulah kita boleh terus pulih kepada pentadbiran cara demokrasi. Pindaan-pindaan ini akan menjamin supaya mereka yang tidak bertanggungjawab tidak akan menyalahgunakan kebebasan yang ada pada mereka itu dalam pentadbiran cara demokrasi. Saya berharap cadangan yang dibuat oleh Kerajaan akan mendapat sokongan dari seluruh ahli-ahli UMNO.

Masalah-masalah yang penting yang kita hadapi dalam beberapa tahun yang akan datang ialah perpaduan antara penduduk-penduduk di negara kita yang terdiri dari berbagai bangsa. Pindaan-pindaan kepada Perlembagaan yang saya sebutkan tadi akan menjamin supaya perkara-perkara seperti bahasa, ugama, kerakyatan, hak-hak istimewa orang-orang Melayu tidak dipersoalkan; dan perkara-perkara ini akan termaktub dalam Perlembagaan dengan tak boleh dipinda oleh mana-mana pihak pada bila-bila masa pun. Kita telah juga mengisytiharkan Rukun Negara tidak lama dulu yang menjadi panduan kepada rakyat negara ini untuk hidup berbaik-baik antara satu dengan lain. Kerajaan berharap bahawa rakyat negara ini akan menjunjung tinggi Perlembagaan negara kita dan juga menjunjung tinggi dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara yang telah diisytiharkan itu. Saya yakin dan percaya dengan izin Tuhan jika kita patuh kepada kedua-dua ini, rakyat negara ini akan dapat hidup dengan aman damai dan negara kita akan terus menjadi negara yang kukuh dan bersatu padu serta makmur.

Saya akhiri dengan ucapan terima kasih kepada saudara-saudara sekalian. Selamat bersidang dan selamat maju jaya.

*Ucapan Tun Abdul Razak di Perhimpunan Pergerakan Kaum Ibu dan Pemuda UMNO di Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 22 Januari 1971, jam 9.00 pagi.*



*Allahyarham Tun Dr. Ismail bin Datuk Abdul Rahman*

## TINDAKAN BARU PEMUDA DAN WANITA UMNO

ATAS permintaan Presiden UMNO dan dengan persetujuan Majlis Kerja Tertinggi, saya telah diberi tugas untuk berucap merasmikan Sidang Bersama Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO hari ini.

Inilah pertama kali saya diberi penghormatan sedemikian sebagai Timbalan Presiden dan saya bersyukur ke hadrat Allah Yang Maha Kuasa kerana dengan limpah dan izinNya kita dapat berkumpul di sini pagi ini untuk bersama-sama dalam Sidang ini. Saya mengucapkan terima kasih atas kepercayaan yang diamanahkan kepada saya dan kepada saudara-saudara sekalian yang telah datang dengan penuh minat menghadiri Persidangan ini untuk bersedia menghadapi satu zaman baru bagi parti kita.

Sidang kali ini merupakan sidang terpenting kerana parti kita UMNO meningkat masuk phase baru dalam perjuangannya sebagai penyambung lidah orang-orang Melayu. Saya menyebutkan ini kerana mulai daripada sidang ini dan pada Perhimpunan Agung UMNO esok dan lusa aktiviti parti akan tertakluk kepada perlembagaan baru yang berjalan kuatkuasanya. Saya yakin di bawah suasana baru dan pimpinan yang sentiasa hampir dengan rakyat, UMNO bukan sahaja muncul sebagai satu tenaga politik yang terkuat tetapi juga akan menjadi dalang utama dalam pembangunan dan perpaduan negara untuk tahun-tahun tujuh puluhan dan seterusnya dalam perjuangan suci yang terus menerus dan tidak dapat dipastikan akhirnya.

UMNO sebagai rakan terkanan dalam Parti Perikatan bersama-

sama dengan MCA dan MIC, telah berkembang sehingga dapat meyakinkan rakyat tentang kebolehannya memerintah dan kesanggupannya mengisi keinginan rakyat demi kepentingan negara. Dalam lingkungan inilah Pemuda dan Wanita UMNO tidak semata-mata menjadi anggota parti tetapi bersama-sama melibatkan diri dengan jentera Kerajaan untuk berusaha melaksanakan program yang ditentukan oleh parti dan ditadbirkan oleh alat-alat Kerajaan.

Dalam hubungan inilah saya sebagai Timbalan Presiden UMNO ingin membuat analisa mengenai pergerakan Pemuda dan Wanita, perhitungan politik serta menghuraikan konsep Kerajaan Berparti atau Party Government secara mendalam supaya dijadikan garis-garis bertindak di masa depan.

Pergerakan Wanita dan Pemuda UMNO masing-masing telah memasuki usia lebih 20 tahun. Dalam tempoh yang begitu lama, kedua-dua pergerakan ini telah banyak membawa sejarah dan turut mempelopori pergolakan yang membawa kepada banyak perubahan politik, ekonomi dan sosial di negara kita ini.

Pergerakan Pemuda UMNO umpamanya telah bergerak dengan tersusun dan cergas dan mengalami perubahan pimpinan dari seorang tokoh ke seorang tokoh dan maju setapak demi setapak. Dalam bentuknya sekarang saya dapati gabungan berpadu tokoh-tokoh generasi sekarang dengan generasi kedua terkumpul dalam Pergerakan Pemuda. Ini satu petanda yang sangat baik dan sihat bagi menjamin 'Continuity and Change of Leadership' dalam Pergerakan di masa akan datang.

Di masa-masa kebelakangan ini, pemuda-pemuda telah memberikan jiwa baru dalam perjuangan, menampakkan semangat yang berkobar-kobar - sungguhpun ada kalanya menimbulkan ribut dan kontroversi.

Kepada saya, ini adalah tanda pemuda sebagai tenaga dinamis dan progresif menggambarkan keinginan untuk mencipta masyarakat adil dan makmur.

Hendaknya pemuda-pemuda menggunakan setiap peluang, setiap kesempatan mengatur strategi demi kepentingan parti dan negara seluruhnya. Kata pepatah, atur langkah mengikut tari dan lagu.

Beralih kepada Pergerakan Wanita UMNO, saya inginlah memberikan penghargaan kepada sumbangan kaum wanita di masa-masa lepas terutama dalam menjamin kemenangan calon-

calon Perikatan dalam pilihanraya.

Tidak siapa menafikan kaum wanita adalah sentiasa menjadi pelopor barisan hadapan dalam perjuangan parti.

Sebagaimana yang pernah ditegaskan oleh Presiden kita, Pergerakan Wanita dan Pemuda hendaklah sentiasa menjadi pelopor di barisan hadapan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan iaitu dasar yang disusun dan dipersetujui oleh UMNO sendiri.

Kegiatan Wanita UMNO di waktu akhir-akhir ini telah mula dapat menarik golongan muda dan cerdik-pandai. Saya ingin mengesyorkan supaya kaum wanita mengemukakan tokoh-tokoh yang dapat diterima oleh masyarakat multi-racial kita ini baik dalam cara pemikiran, pergaulan dan kebolehannya memberikan pimpinan dalam serba serbi lapangan hidup di negara kita. Inilah garisan panduan untuk saudara bertindak.

Dalam pada itu, dengan tidak bermiat memperkecilkan kejayaan yang dicapai oleh Pergerakan Wanita serta kemampuannya menghadapi isu-isu nasional, saya dapati bahawa tokoh-tokoh pimpinan Pergerakan ini di tahun-tahun lepas, pada keseluruhannya terdiri daripada wanita generasi yang kian meningkat tua.

Dengan perubahan-perubahan di keliling kita, saya berharap alangkah baiknya jika gabungan daripada generasi muda (second generation) terutama dari golongan intelektual dan profesional dapat dikemukakan supaya menjadikan Pergerakan ini tangan kiri yang kuat dalam parti di samping membawa perubahan, pembaharuan dan hasil-hasil yang diharapkan.

Menyentuh bidang politik pula, Malaysia telah mencapai peringkat politik yang lebih matang atau maturity. Kita melihat bahawa pimpinan UMNO dalam konteks Perikatan tidak mengalami cabaran atau diganggu gugat dalam negara - the 'unchallenged leadership of UMNO in the nation'.

UMNO dalam rangka Perikatan merupakan satu-satunya parti yang menjamin harmoni dan kestabilan politik, ekonomi dan sosial. UMNO adalah parti yang jujur memperjuangkan hak Melayu tanpa membelakangkan konsep multi-racial negara dan kepentingan kaum-kaum lain. Dengan sebab itulah program yang boleh diterima oleh semua golongan sekalipun ada setengah-setengah golongan pembangkang mengatakan UMNO bersifat communal dalam bentuknya. Dengan sebab itu, melihat kepada perkembangan politik semenjak MAGERAN beralih kepada demokrasi berparlimen dan kehidupan politik berkembang semula, perubahan pesat dan

radikal telah berlaku dan diterima oleh rakyat Malaysia dari semua kaum dengan mudah.

Pimpinan UMNO telah dapat diterima kerana ternyata bahawa asas dan konsepnya adalah sentiasa adil kepada semua pihak.

UMNO percaya kepada demokrasi, sentiasa menjunjung demokrasi, asalkan demokrasi itu diasaskan kepada kehendak-kehendak rakyat. Demokrasi ada mempunyai tatasusila dan obligasinya. Demikian juga terdapat 'unwritten law' dalam demokrasi. Demokrasi turut patuh kepada undang-undang dan berkhidmat kepada rakyat. Dalam pada itu, sungguhpun demokrasi memberikan peluang kepada setiap rakyat bertindak dalam partinya, tetapi terdapat anasir-anasir dalam parti yang menggunakan demokrasi untuk mengelakkan kedudukan. Perbuatan membeli undi, telatah Ketua-ketua Bahagian UMNO membayar yuran ahli semata-mata untuk menyokong dan memberi kekuatan kepadanya adalah contoh-contoh bagaimana demokrasi disalahgunakan dan bertentangan dengan susila dan peraturan demokrasi. Saya memberi amaran di sini supaya perbuatan ini, jika masih berlaku dalam parti hendaklah diberhentikan segera.

Pada keseluruhannya rakyat sendiri telah menyedari bahawa untuk mencapai objektif national consolidation dan national unity, usaha-usaha hendaklah diasaskan kepada satu program dan dalam bentuk yang boleh diterima seluruhnya. Saya percaya bahawa saudara-saudara kita daripada kaum lain adalah sentiasa memandang kepada pimpinan UMNO kerana tanpa pimpinan ini mereka tidak menemui hujung jalan. Dalam hubungan ini Pemuda dan Wanita UMNO khasnya mempunyai peranan yang penting untuk memberikan fikiran dan sokongan dan jika diperlukan pengorbanan. Apa yang sering terjadi ialah dalam perkembangan politik tanahair kita yang serba kompleks ini ialah manakala pimpinan tertinggi terpaksa bertindak berdasarkan kepada amanat yang diberikan dan tidak dapat merundingkan sesuatu dengan semua golongan parti demi muslihat negara, acapkali terjadi pemuda dan wanita bertindak bertentangan dengan kemahuan pemimpin-pemimpin.

Saya berharap supaya pemuda khasnya jangan selalu cepat reacting towards events atau bertindak terhadap peristiwa, tetapi sentiasa berusaha untuk menyalurkan pendapat dan tindakan atau 'initiating ideas and actions' yang menurut perhitungan dan pendapat mereka boleh memberikan pimpinan dalam lingkungan

kegiatan tertentu. Idea-idea yang baik yang disalurkan kepada saluran tertentu adalah seratus kali ganda lebih baik daripada ucapan-ucapan dan kenyataan emosional yang hanya boleh menaikkan semangat serta menjadi sensation dalam akhbar-akhbar saja.

Politik di negara kita telah mencapai satu peringkat yang kompleks juga tetapi memberi harapan baik untuk masa depan. Sekalipun terdapat perbezaan mengenai dasar dan approach di antara parti pemerintah dan parti pembangkang, tetapi terdapat kemungkinan mencapai kemajuan dan perpaduan di kalangan pemimpin-pemimpin parti politik untuk bekerja bersama-sama demi kepentingan negara. Sebagai bukti saudara-saudara telah melihat tentang perkembangan-perkembangan di mana parti-parti pembangkang yang pada satu ketika menentang polisi pemerintah telah dapat bekerjasama dengan kita pada peringkat tinggi dan peringkat kebangsaan.

Saya yakin bahawa pimpinan parti pembangkang yang bertanggungjawab di negeri ini pada perhitungan terakhir akan dapat menutup segala perbezaan pendapat di kalangan mereka dan bekerja bagi faedah semua dalam negeri ini.

Sebagaimana yang saudara-saudara telah saksikan perkembangan di kalangan parti pembangkang yang chauvinis dan racialis telah menunjukkan bukti perpecahan dan keruntuhan.

Saya meramalkan bahawa DAP sedang menuju ke arah peringkat akhirnya dan dalam tempoh yang tidak lama lagi kita boleh menyaksikan pemberontakan dalam parti yang menyebabkan lebih ramai tokoh-tokohnya keluar.

Dari satu segi ini merupakan satu perkembangan yang baik oleh sebab pemimpin yang realis sedar bahawa DAP hanya hidup dengan laungan perkauman dan subur dengan menyalakan api permusuhan kaum saja.

Saya berpegang dengan keyakinan politik saya bahawa tidak ada parti yang boleh hidup selagi tidak ada sifat toleransi dalam parti itu sendiri.

Bagi pemuda-pemuda hendaklah sentiasa melihat akan perkembangan ini dan mengambil catitan akan segala sesuatu dengan keyakinan bahawa hal ini dijadikan asas untuk bertindak dan mengatur strategi masa depan.

Bagi tujuan ini, Pemuda dan Wanita patutlah mempunyai sifat-sifat seperti "sense of involvement" iaitu melibatkan diri dalam

segala kegiatan-kegiatan parti, "sense of dedication" atau sifat dedikasi dan "sense of belonging" terhadap parti atau pemimpin pada setiap masa.

Peranan pemuda sebagai sayap kanan hendaklah mengetahui bahawa kita sebagai anggota parti hendaklah sentiasa patuh dan menjunjung tinggi dasar yang ditentukan oleh parti dan Kerajaan. Oleh itu pemuda-pemuda bertanggungjawab mempertahankan dasar yang ditentukan ini dan melaksanakannya.

Saya faham bahawa kadang-kadang terdapat "missing link" di antara parti dan pemerintah, bagaimanapun pemuda-pemuda berasa kecewa dengan pelaksanaan yang diharap menurut dasar parti. Saya tahu bahawa pemuda-pemuda ingin supaya suara mereka yang lantang itu boleh didengar dan syor-syor mereka dapat dipertimbangkan walaupun tidak dijalankan. Dalam hubungan ini, kita dapati kadang kala tidak ada machinery yang boleh menentukan supaya hal ini diselaras untuk dikaji selanjutnya.

Saya bersetuju parti kita mengadakan satu sistem supaya suara pemuda tidak ditekan atau diabaikan dan sebaliknya didengar dan diberi peluang supaya mereka dapat bertindak sesuai dengan kehendak dan keinginan dalam lingkungan yang ditentukan oleh parti.

Semenjak rakyat berpeluang semula berpolitik selepas MAGERAN, perubahan pesat berlaku dan rakyat menerimanya bukan sahaja sebagai realiti politik, tetapi sebagai satu perkembangan untuk perubahan-perubahan yang lebih besar di masa depan.

Usaha menyatupadukan rakyat jelas berjalan kuat dan lebih berjaya. Kegunaan Bahasa Malaysia lebih luas dan lebih diterima oleh semua kaum. Pelajaran tinggi dapat dicapai oleh lebih ramai pelajar-pelajar.

Peruntukan Kerajaan kepada usaha meluaskan peranan bumiputra dalam bidang ekonomi meningkat kepada ratusan juta ringgit - peruntukan yang tidak boleh diduga dibandingkan betapa susahnya mendapat peruntukan lima juta bagi modal Bank Bumiputra dahulu.

Adalah benar dan tidak dapat dinafikan bahawa kita belum sampai kepada matlamat kita. Tetapi hasrat Kerajaan untuk menseimbangkan kedudukan dan taraf kaum-kaum di Malaysia tak boleh dicabar lagi. Kalau rancangan kita tidak mencapai kejayaan sepenuhnya bukanlah disebabkan tidak ada keinginan oleh pihak Kerajaan, tetapi ada faktor lain yang menghalang

kejayaannya.

Di dalam bidang politik parti, perubahan besar berlaku. Dan perubahan yang ternyata sekali ialah perubahan dalam UMNO sendiri. Umpamanya sungguh pun UMNO ditubuhkan sebagai satu parti politik, aktiviti pada satu masa telah beransur-ansur mengubah cara pimpinannya sehingga terdapat anggapan di kalangan yang kritis bahawa UMNO adalah parti sosial yang lebih mengutamakan kegiatan hiburan ahli-ahli daripada memikirkan soal-soal negara.

Pilihanraya 1969 dan peristiwa 13 Mei telah mengejutkan UMNO tentang tanggungjawabnya. Hasil Pilihanraya telah menunjukkan tanda-tanda kelemahan UMNO dan peristiwa berdarah mempamerkan kesan kelemahan ini.

Berikutan dengan ini apabila UMNO mengadakan Perhimpunan Agung pertamanya selepas Pilihanraya, sikap ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO bertukar. Perasaan bertanggungjawab telah pulih dan UMNO bersikap serius sekali dalam menghadapi masalah-masalah negara. Ahli-ahli UMNO tidak lagi menyokong pemimpin-pemimpin tanpa memikir dan memperhitungkan sesuatu, tetapi mengulas dan mengkritik polisi parti dan Kerajaan dengan tegas dan jelas. Pemimpin-pemimpin yang tidak dapat menghadapi kritik ini tidak ada tempat lagi dalam perhitungan masa depan parti.

Pemimpin-pemimpin ditegur, dicabar dan diberi amaran. Kesanggupan Parti dan Majlis Tertinggi menghadapi cabaran baru adalah nyata kerana bukan sahaja Majlis Tertinggi mengadakan lebih banyak mesyuarat dan membahas soal-soal yang dihadapi oleh parti dan negara, tetapi sidang-sidangnya lebih serius dan mendalam.

Seperti yang saudara maklum, untuk menghadapi aneka macam masalah parti dan negara, beberapa biro-biro telah ditubuhkan dengan tugas memikir, menimbang dan membuat syor-syor tentang masalah dalam lingkungan masing-masing, pemuda dan wanita juga mempunyai biro-biro sendiri. Peranan Biro ini sangat penting dari segi gerakan parti, kerana ia membolehkan tokoh yang berpengalaman dalam sesuatu bidang memberikan expert opinion dalam bidang itu. Keputusan Biro tidak semestinya diterima oleh Majlis Tertinggi, tetapi Majlis Tertinggi tidak mudah membelakangkan nasihat dari Biro ini. Dengan adanya Biro ini, maka pengalaman dan pengetahuan Majlis Tertinggi terhadap

sesuatu perkara adalah lebih mendalam pula.

Oleh sebab usianya masih baru, peranan Biro-biro dalam tugas yang diberi kepada mereka belum begitu memuaskan. Biro belum dapat mengkaji keseluruhan masalah parti dan negara secara yang memberi kesan.

Dari itu adalah mustahak bentuk Biro ini dikaji semula dan satu mandat baru diberi kepadanya, mungkin dengan mengadakan ahli-ahli tambahan dan pimpinan yang lebih tegas dan berkesan.

Perubahan dalam parti dari segi tanggungjawab dan kesanggupannya menjadi lebih penting kerana perhubungan parti dengan Kerajaan telah berubah. Di masa lepas, parti diasingkan dari Kerajaan sehingga Kerajaan menjadi satu badan yang hampir tidak ada hubungan dengan parti. Di masa itu, cuma ahli-ahli parti yang memegang jawatan-jawatan tinggi Kerajaan seperti Menteri-menteri sahaja yang boleh menentukan polisi dan bentuk Kerajaan. Pendapat Menteri disifatkan sebagai pendapat parti. Tetapi oleh kerana tidak ada saluran untuk anggota parti menyuarakan pendapat mereka, kadang-kadang tidak ada persamaan pendapat dan sikap antara parti dan Kerajaan.

Ini menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan pemimpin-pemimpin dipilih - seperti ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi yang bukan Menteri dan para perwakilan ke Perhimpunan Agung. Sungguhpun disiplin parti menjamin bahawa perselisihan faham antara pemimpin parti yang menjadi ahli Kabinet dengan pegawai-pegawai parti yang tidak berjawatan dalam Kerajaan tidak mendatangkan pecah belah dalam pimpinan parti, tetapi sedikit sebanyak keadaan tidak sama sependapat antara pemimpin-pemimpin ini telah melemahkan parti.

Dalam konsep baru Kerajaan Berparti, susunan dan gerakan UMNO berubah supaya UMNO dan Kerajaan menjadi lebih dekat dan identiti UMNO dan Kerajaan tidak terpisah seperti dahulu.

Oeh kerana Majlis Tertinggi UMNO dan Biro-bironya telahpun mengambil berat mengkaji secara mendalam soal-soal negara, konsep Kerajaan berparti perlu dijelaskan supaya tidak menimbulkan salah sangka. Ada juga ketika yang wakil rakyat ataupun ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan memberi arahan terus kepada pegawai-pegawai Kerajaan.

Pendapat bahawa oleh kerana UMNO ialah rakan dalam Kerajaan Perikatan, maka ahli-ahli serta pegawai-pegawai UMNO terus berkuasa di atas pegawai-pegawai Kerajaan adalah tidak benar dan

tidak betul.

Dalam sistem demokrasi, parti menjadi saluran bagi menyuarakan kehendak ramai. Saluran-saluran ini jelas dan teratur. Parti berkuasa melalui pegawai-pegawai yang dilantik oleh parti untuk menubuhkan Kerajaan. Parti berkuasa atas Kerajaan kerana parti berkuasa di atas pegawai yang dilantik oleh parti ini bermakna bahawa pegawai bukan saja pemimpin parti, tetapi sebenarnya menjadi alat parti. Sebagai alat dan saluran parti, pegawai-pegawai yang dilantik dalam Kerajaan mestilah mudah dihubungi oleh parti dan ahli-ahlinya.

Susunan UMNO sekarang lengkap dengan saluran untuk membolehkan setiap ahli menemui pemimpin parti yang ada dalam Kerajaan. Biro yang ditubuh oleh parti boleh mengesyorkan polisi dan merancang tindakan yang bukan saja boleh dikemukakan kepada pemimpin-pemimpin parti dalam Kerajaan, tetapi boleh menolong pemimpin, meneliti semua gerak-geri Kerajaan secara langsung. Semua perkara yang ingin dibangkitkan oleh ahli Biro, boleh disampaikan kepada pegawai yang bertanggungjawab. Pegawai-pegawai cuma boleh menolak pendapat Biro kalau ada alasan yang tepat ataupun ia yakin bahawa pendapatnya sendiri lebih baik dan boleh dipertahankan kalau dipersoalkan oleh perwakilan ahli-ahli.

Biro-biro boleh mengumpul bukan sahaja pendapat ahli-ahlinya, tetapi pendapat mana-mana pihak yang ada berkenaan dengan satu-satu perkara.

Majlis-majlis dialog antara pemimpin dengan ahli semakin banyak diadakan. Mana-mana kumpulan dalam parti bebas mengadakan diskusi dengan pemimpin berkenaan dengan perkara-perkara tertentu. Samada kumpulan-kumpulan ahli ini dapat mempengaruhi pemimpin bergantunglah kepada kebijaksanaan mereka. Pemimpin tidak semestinya boleh menolak pendapat dan fikiran yang dibentang kepadanya secara tidak bertanggungjawab.

Mahu tidak mahu ia mesti menimbang pendapat yang didengar olehnya. Kalau ianya diterima bermakna bahawa parti dan ahli-ahli telah berjaya membentuk polisi Kerajaan - iaitu parti dan ahli-ahli berkuasa ke atas Kerajaan.

Sungguhpun ahli berpeluang membentuk dasar Kerajaan, tetapi tidaklah berhak menggunakan alat dan saluran yang diterangkan tadi untuk kepentingan diri sendiri. Ada ahli-ahli yang berpendapat bahawa oleh kerana parti berkuasa atas Kerajaan, maka ia juga

berkuasa menggunakan kuasa Kerajaan untuk kepentingan diri sendiri.

Dalam sistem demokrasi Kerajaan ialah Kerajaan bagi semua warganegara ada hak yang sama. Kalau ahli parti yang menjadi Kerajaan berpendapat bahawa Kerajaan ialah untuk parti sahaja, maka ini bukan demokrasi, tetapi ini sistem Fascist. Ahli-ahli UMNO hendaklah menyedari hakikat ini.

Ahli parti berhak menggunakan jentera parti dan Kerajaan untuk mencari keadilan apabila tindakan terhadapnya tidak adil. Tetapi ahli parti yang menjadi Kerajaan tidak berhak mengutamakan dirinya sendiri secara tidak adil. Ia tidak berhak menggunakan parti dan Kerajaan untuk menganiayakan lain-lain pihak.

Pengalaman manusia di seluruh dunia menunjukkan bahawa Kerajaan yang tidak adil kepada semua pihak tidak akan kekal dan berjaya. Ahli-ahli parti Kerajaan tidak berhak menggunakan parti dan Kerajaan secara yang zalim semata-mata kerana ia menjadi ahli parti Kerajaan. Dalam demokrasi 'there is no law for bad Government'.

Dari itu jelas bahawa UMNO ialah parti yang demokratik, lengkap dengan alat dan saluran yang membolehkan parti berkuasa ke atas Kerajaan secara yang adil. Konsep Kerajaan Berparti sangat benar dan diamalkan sekarang secara teratur dan adil.

Malangnya, sungguhpun ada jentera-jentera dan saluran-saluran untuk tiap-tiap ahli dan tiap-tiap kumpulan dalam UMNO menguasai Kerajaan, kadang-kadang kita masih mendapati jentera-jentera ini tidak digunakan. Walaupun pemimpin parti yang ada dalam Kerajaan boleh ditemui untuk berunding, pemimpin-pemimpin ini dibelakangkan. Biro tidak digunakan sepenuhnya, sehingga ada pendapat yang berkata bahawa tidak ada guna mengadakan Biro.

Di masa-masa akhir ini, terdapat cawangan-cawangan UMNO membuat keputusan dan mengisytiharkan keputusan mereka melalui suratkhbar seolah-olah mereka ahli parti lain. Ada kalanya selepas keputusan diumumkan barulah ada cadangan berdialog dengan pemimpin parti yang bertanggungjawab.

Sebenarnya kalau keputusan telah diketahui ramai, rundingan tidak ada makna lagi. Alangkah baiknya kalau keputusan ini diumumkan sebagai hasil rundingan antara pegawai dan ahli. Saya syorkan supaya perhubungan menerusi akhbar ini dikurangkan atau diberhentikan sama sekali.

Dari segi perpaduan dalam parti, berunding dulu adalah lebih baik daripada berunding kemudian. Kuasa ahli dan kuasa parti atau Kerajaan akan lebih berkesan kalau cara ahli bertindak tidak mengelirukan parti. Di masa lepas kita akui bahawa pemimpin parti dalam Kerajaan terpisah dari parti. Sekarang jentera parti disusun semula supaya kerenggangan tidak boleh berlaku.

Walaupun ada jentera dan saluran untuk ahli menegur pimpinan parti, ini bukan bermakna ahli tidak boleh membuat teguran tanpa melalui jentera dan saluran yang disediakan. Pemimpin-pemimpin akan lebih berhati-hati dan cergas kalau sekali-sekala teguran dibuat melalui akhbar.

Teguran-teguran seperti ini boleh mengejutkan pemimpin supaya sedar tentang sesuatu perkara. Tetapi, kegunaan cara ini mestilah diawasi supaya tidak menjatuhkan maruah parti, memecah-belahkan parti dan memberi peluang bagi parti-parti lain mencelah dan mengambil kesempatan.

Telah saya huraikan konsep Kerajaan Berparti serta analisa mengenai perkembangan politik di seluruh negara. Di dalam hubungan ini inginlah saya jelaskan tugas-tugas pemuda dan wanita dalam konteks perjuangan parti di tahun-tahun yang akan datang.

Sebagai Parti yang mendukung Kerajaan, saudara-saudara patutlah sedar tentang tanggungjawab kita menghadapi rakyat dan dengan itu pertimbangan dan 'approach' saudara patutlah dihadapkan ke arah memberikan padangan yang sebenar mengenai usaha-usaha Kerajaan. Telatah membesar-besarkan kegagalan usaha-usaha parti dan Kerajaan patutlah dikurangkan.

Parti Kerajaan dalam negara membangun patut mengamati beberapa aspek-aspek ini antaranya ialah parti politik pemerintah tidak harus meletakkan Kerajaan dalam keadaan serba salah mengenai hubungannya dengan negara tetangga.

Pergerakan Pemuda tidak harus menjadi 'pressure group' secara terbuka kerana dalam demokrasi tekanan datang dari pembangkang.

Mustahaklah kita membezakan soal-soal prinsip dari soal-soal detail. Soal-soal detail tidak harus diperbahaskan di khalayak ramai dan cara-cara bertindak patutlah mengikut saluran parti dan tidak meminjam tradisi-tradisi asing yang menyentuh pendirian dan keutuhan pimpinan.

Dalam konteks ini, hubungan sesama manusia samalah pentingnya dengan hubungan di segi politik. Golongan-golongan yang radikal seperti pemuda-pemuda patut meniru akan cara-cara

hidup Timur dan menyesuaikan diri dengan keadaan serta tidak mengambil sesuatu yang tidak diterima oleh orang ramai.

Mustahak bagi Pergerakan Pemuda dan Wanita supaya sentiasa bersikap 'action oriented', bukan 'publicity oriented' dan tidak bergerak seperti anggota oposisi dalam Kerajaan.

Saudara-saudara terdiri dari golongan muda, mempunyai semangat dan idea yang dihargai oleh parti. Tetapi, patutlah diingat bahawa semangat dan tindakan saudara itu terbatas dalam framework dasar dan strategi parti.

Untuk persiapan menghadapi zaman baru dan perkembangan masa depan, pemuda-pemuda dan wanita-wanita sentiasa waspada dan:

- menyedari perkembangan disekeliling untuk dijadikan asas bertindak
- mengakui bahawa kekuatan dan tenaga parti sebahagian besar terletak pada saudara
- menyiapkan diri untuk menerima pimpinan parti bila waktunya tiba kelak
- memperteguh ketahanan bangsa dalam menghadapi keadaan yang berubah-ubah
- mempertingkatkan sifat-sifat agresif yang positif untuk memberi jiwa baru kepada parti
- sentiasa menghadapi rakyat kerana leadership parti dan negara sentiasa berasaskan rakyat jelata atau mass based
- memandu ahli-ahli terhadap pemilihan pimpinan parti untuk menjamin bahawa pemimpin-pemimpin yang kita pilih adalah jujur, berkhidmat pada rakyat dan negara dan bukan untuk kepentingan diri.

Dengan kupasan, teguran, analisa dan harapan ikhlas inilah saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO. Terimakasih.

*Ucapan Tun Dr Ismail merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 23hb Jun 1972.*

## UMNO TERAS POLITIK MELAYU TERAS NEGARA

ALHAMDULILLAH, dengan taufik dan hidayat Tuhan Yang Maha Kuasa, saya dapat hadir bersama-sama dalam Majlis ini untuk merasmikan Pembukaan Sidang Bersama Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO.

Inilah kali kedua saya mendapat kehormatan yang seperti ini dan saya yakin dengan pejumpaan ramai antara pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO serta semua lapisan Pergerakan Pemuda dan Wanita akan dapat membaharui azam dan menggembelengkan tenaga dengan tujuan untuk membela kepentingan orang Melayu, rakyat Malaysia dan kepentingan Negara.

Sesungguhnya saya mengucapkan terimakasih di atas kepercayaan yang diamanahkan kepada saya. Kepada saudara-saudara sidang perwakilan sekalian yang datang dari jauh dan dekat dan dengan penuh minat untuk hadir di Persidangan ini, saya ucapkan selamat datang.

Dari wajah saudara-saudara ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO yang hadir di Dewan ini, saya nampak satu sikap yang bersemangat serta mencerminkan keazaman yang sungguh-sungguh untuk menghadapi satu lagi zaman baru bagi parti dan negara kita.

Sidang kali ini adalah penting kerana di bawah Perlembagaan UMNO yang baru, kita perlulah memperkukuhkan kedudukan parti, memperkukuhkan keyakinan rakyat terhadap parti, menyatupadukan tenaga untuk memasuki 'phase' perjuangan yang

kian hebat.

Setahun telah berlalu dan saya dapati suasana baru telah timbul dikalangan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO.

Bagi Pergerakan Wanita khususnya, saya rasa sukacita kerana di bawah pemimpin Saudari Senator Aishah Ghani yang telah pun dilantik menjadi Menteri berikutan dengan pemilihan beliau sebagai Ketua Pergerakan Wanita, telah meneruskan program kerja untuk menuju peringkat baru untuk menggembelngkan tenaga wanita dan menyatukan hasrat serta minat mereka terhadap pembaikan kaum sejenisnya.

Perubahan yang berlaku di dalam Pergerakan Wanita UMNO sangatlah menarik, istimewa sekali menunjukkan dengan jelas bahawa semangat kerjasama yang mendalam telah timbul dalam pergerakan tersebut. Pada hemat saya, kepercayaan dan keyakinan mula diberi penuh kepada pucuk pemimpin untuk menentukan haluan pergerakan ini di masa depan.

Saya percaya dengan sokongan dari setiap ahli Pergerakan Wanita yang lama dan baru, ia akan bergerak maju ke hadapan untuk mengukir sejarah perjuangan yang cemerlang dengan menambahkan aktiviti yang boleh memberikan manafaat kepada seluruh golongan wanita di Malaysia ini.

Dalam pada itu, saya masih ingin menekankan peri mustahaknya pergerakan ini mendapatkan golongan-golongan terpelajar wanita terutama generasi muda supaya melibatkan diri di dalamnya dengan diberi kursus politik kerana mereka boleh memberikan tenaga memimpin, buah fikiran dan juga pendapat-pendapat yang boleh membantu terhadap kemajuan Pergerakan Wanita.

Saya yakin golongan-golongan wanita terpelajar telah bertambah ramai, tetapi minat mereka terhadap pergerakan politik masih kurang.

Hal ini mungkin disebabkan kurangnya usaha bagi mendapatkan mereka itu masuk melibatkan diri ataupun kerana tidak ada satu-satu daya penarik yang boleh menarik mereka menyertai pergerakan seperti ini.

Wanita-wanita muda dan juga belia perlulah mengimbangkan pemikiran mereka daripada hal-hal hidup sehari-hari dan bersosial kepada soal-soal yang lebih serius, soal masyarakat dan negara.

Saya yakin dengan program tertentu, wanita muda seperti itu akan dapat ditarik menyertai pergerakan ini dan mungkin kekurangan tenaga memimpin di kalangan pergerakan wanita

khasnya luar bandar akan dapat diatasi.

Menyentuh tentang Pergerakan Pemuda pula, saya sukacita dengan perkembangan yang berlaku dalam pergerakan yang telah menampakkan tanda-tanda perubahan dan perkembangan yang baik. Secara terus terang saya akui telah membuat teguran-teguran dari masa ke semasa terhadap pergerakan pemuda kerana pada hemat saya imej yang ditunjukkan oleh pergerakan ini seperti yang ditonjolkan dalam akhbar-akhbar boleh menimbulkan keraguan serta kebimbangan di kalangan rakyat Malaysia.

Saya berpegang teguh dengan konsep bahawa pemuda-pemuda generasi sekarang yang bakal mewarisi pimpinan negara di masa depan perlulah menunjukkan imej atau sikap yang bertanggungjawab, sikap dan keyakinan dari seluruh rakyat negara ini oleh sebab kita tidak dapat menolak hakikat bahawa negara ini bukan dipunyai oleh orang Melayu sahaja, tapi semua golongan rakyat Malaysia yang telah memberikan taat setia dan sumbangan terhadap negara.

Dari teguran-teguran yang telah saya buat dari masa ke semasa dan dengan pertemuan saya dengan pemimpin-pemimpin Pergerakan Pemuda, telah tercapai persefahaman bahawa pergerakan ini akan menumpukan usahanya bersungguh-sungguh bagi memberikan keyakinan dan mengelakkan rasa bimbang berbandukan kepada konsep yang telah saya gariskan itu.

Saya sukacita dengan keputusan pergerakan pemuda yang ingin mengadakan dialog secara tidak rasmi dengan golongan pemuda parti gabungan dalam Perikatan seperti MCA dan MIC untuk membincangkan masalah-masalah yang menghadapi parti dan hubungannya dengan masyarakat dan negara umumnya.

Saya berpendapat dengan pertemuan yang seperti ini, sungguhpun ada 'fundamental issues' yang tidak mungkin mencapai kata sepakat, setidak-tidaknya perbincangan akan mendorong kepada pengertian luas atas pendapat dan pemikiran masing-masing pihak sekalipun mereka 'agree to disagree'.

Perbincangan yang seperti ini boleh juga diadakan dengan parti-parti lain dalam 'front national' terutama di negeri-negeri yang tergolong dalam Kerajaan Campuran. Dengan perbincangan seperti ini dapatlah menentukan strategi bagi membela kepentingan rakyat dalam rangka masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa.

Politik Malaysia telah menjadi begitu kompleks. Dari segi politik dan dengan pembentukan 'front national' serta wujudnya

Kerajaan Campuran di beberapa buah negeri dan peringkat pusat, pertentangan politik tidak lagi ditekankan kepada pertentangan antara parti dengan parti, tetapi yang terlebih penting ialah di antara parti Pemerintah dengan rakyat yang dipimpinnya.

Saya yakin tidak ada seorang pun rakyat yang boleh menuduh bahawa dasar yang diamalkan oleh Kerajaan sekarang adalah bertentangan dengan kehendak mereka. Ini meliputi dasar ekonomi, dasar luar negeri dan dasar dalam negeri. Akan tetapi, kita sedar bahawa jurang yang memisahkan antara 'promise dan performance' masih luas dan ada kalanya hasil dari pelaksanaan dasar itu tidak sejajar dengan apa yang diharapkan.

Namun demikian, adalah menjadi tugas parti Pemerintah untuk memperlihatkan bagaimana jentera Kerajaan melaksanakan dasar yang telah digariskan oleh parti dari masa ke semasa dan membuat analisa serta memajukan pendapat yang boleh membantu bagi mengarah dan menyempurnakan pelaksanaan dasar itu.

Ahli-ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita bahkan seluruh parti tidak lagi dapat memisahkan diri dengan pelaksanaan dasar itu. Setiap ahli parti tidak lagi dapat berdiri di atas pagar memerhati dan membiarkan rancangan-rancangan Kerajaan berjalan tanpa menuju matlamatnya.

Dalam hubungan ini, tidaklah memadai dengan kita mempunyai wakil-wakil sahaja di semua peringkat.

Penglibatan diri dari segi penyertaan pelaksanaan dan perancangan adalah diperlukan. Tetapi, sikap yang senantiasa ditekankan ialah sikap yang meliputi kepentingan semua - 'national in outlook'.

Dalam menghadapi masalah rakyat, saya faham bagaimana tingginya harapan rakyat oleh sebab tujuan kita ialah memberikan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup dan matlamat kita ialah untuk meninggikan taraf hidup serta berusaha ke arah memenuhi hasrat-hasrat rakyat dari segi kepentingan ekonomi dan sosial serta harapan mereka untuk menjadi masyarakat maju serta moden.

Selain daripada ahli-ahli, peranan yang dimainkan oleh setiap wakil rakyat sangatlah penting.

Dalam hubungan ini saya sukalah membuat teguran yang ikhlas terhadap wakil-wakil rakyat yang telah diberikan amanah untuk menyempurnakan kehendak-kehendak rakyat, tetapi setengahnya telah gagal untuk berbuat sesuatu, sekalipun untuk menunjukkan muka berhadapan dengan rakyat yang mereka wakili dan melayani

kehendak-kehendak mereka.

Ini adalah satu perkara yang amat dikesalkan dan saya harapkan dari tempoh sekarang sehingga kita menghadapi rakyat dalam pilihanraya yang akan datang, yang saya kira tempohnya tidak lama lagi, wakil-wakil rakyat hendaklah menyedari peranan dan tanggungjawab mereka, sedar bahawa parti meletakkan kepercayaan di atas mereka dan membuat perhitungan sendiri bagaimanakah cara sebaik-baiknya menyempurnakan kehendak dan tuntutan rakyat terhadap Kerajaan.

Sungguhpun parti pasti mengambil langkah-langkah tegas menggantikan wakil-wakil rakyat yang tidak berbakti kepada pengundi-pengundi, namun demikian mereka yang telah dipilih dan sedang berkhidmat ini mempunyai tugas yang tidak boleh diabaikan untuk menjamin kepentingan parti terhadap orang ramai.

Saya berharap sehingga perubahan berlaku sebelum pilihanraya, setiap wakil rakyat, setiap mereka yang diamanahkan oleh rakyat dan parti akan menunaikan kewajiban dengan penuh disiplin dan penuh kesedaran bahawa sumbangan yang mereka berikan itu sekalipun kecil adalah besar ertinya kepada rakyat biasa.

Malaysia memasuki era baru dalam politik, dalam dan luar negeri. Di luar negeri di bawah dasar bebas dan berkecuali, Malaysia termasuk dalam golongan negara-negara 'non-aligned' dan tidak mengikat dirinya dalam sebarang ikatan politik dan pertahanan dengan mana-mana kuasa.

Dasar ini sungguhpun tidak begitu digemari oleh setengah-setengah pihak, akan tetapi untuk mencerminkan keperibadian bangsa Malaysia yang ingin hidup bebas dan berdaulat, kita akan terus berpegang pada dasar luar negeri tanpa bimbang dan takut. Mengenai dalam negeri pula parti pemerintah Perikatan sekarang disokong oleh parti dalam Kerajaan Campuran telah mencapai peringkat kemajuan yang amat membanggakan.

Inilah gabungan dari politik personaliti dan situasi. Sesungguhnya ada sebilangan orang di negara ini yang menjadi 'Prophets of Doom' dan ada pula segolongan kecil yang menjadi 'Agents of Doom', tetapi kita tidak gentar bahawa masa hadapan kita adalah cerah dan penuh harapan.

Saya penuh yakin dengan nasib masa depan. Dalam pada itu, semua golongan masyarakat di Malaysia ini patutlah menyedari bahawa tidak ada satu bangsa pun yang mempunyai majoriti melebihi daripada bangsa-bangsa lain. Negara kita ialah yang

sebenarnya bercorak 'multi-racial' dan multi-cultural' dan sifat-sifat 'multi-racial' ini terbayang jelas dalam kehidupan rakyat Malaysia hari-hari.

Untuk masa hadapan kita Kerajaan telah menggubal Dasar Ekonomi Baru yang menuju kepada perpaduan dan harmoni seperti termaktub dalam Rukunegara. Ini akan kita laksanakan dengan kerjasama semua pihak dan semua golongan. Oleh itu, jenerasi muda yang mempunyai cita-cita yang tinggi dan semangat yang berkobar-berkobar hendaklah memahami akan hakikat corak politik di Malaysia ini.

Kita mengkui bahawa sentimen bangsa-bangsa yang ada di Malaysia ini terhadap negara asal mereka tidak dapat dikikis dengan serta-merta, tetapi apa yang kita tegaskan bahawa semangat cintakan negara Malaysia sudahpun dipupuk dan kesetiaan mereka kepada negara adalah satu-satunya jalan bagi menentukan masa depan kita yang gemilang.

Generasi muda juga patutlah faham bahawa kepentingan yang ada di hadapan kita ialah kepentingan negara umumnya dan tidak kepentingan 'factional'.

Sebarang usaha untuk menimbulkan semangat 'factional' ataupun perkauman sudah tentu mendatangkan akibat buruk serta menimbulkan mala-petaka dan kehancuran.

Pemimpin-pemimpin generasi saya telah berjaya mencapai kemerdekaan dan telah membina negara ini dengan kerjasama semua kaum. Adalah menjadi harapan dan keyakinan saya, kerjasama serta tugas memimpin negara ke arah perpaduan dan kemakmuran dapat disuburkan terus oleh jenerasi muda seperti saudara-saudara sekalian.

Nasib parti dan nasib negara saling bertalian rapat sebab kita adalah parti yang memerintah. Prestej, kedudukan terhormat yang terdapat pada negara kita pada masa ini di tengah-tengah keluarga antarabangsa, pengaruh yang kian meluas dari negara kita meliputi rantau ini, semuanya ini adalah sama-sama dirasakan oleh parti kita, Parti Perikatan, kerana kita adalah parti yang memerintah. Inilah juga kebenaran hakikat kenyataan saya pada tahun 1971 di Johor Baharu dulu bahawa parti itu ialah Kerajaan dan Kerajaan itu adalah parti; bahawa parti mesti memainkan peranan dan tugasnya dalam urusan-urusan pemerintahan; bahawa 'integration' dari parti dan pemerintah mestilah padat dan seerat-eratnya kerana kedua-duanya adalah 'indivisible'; sebab destiny kedua-duanya

tidak boleh dipisahkan.

Ini tidak bererti tiap-tiap anggota parti mesti campur langsung dalam urusan-urusan pemerintah seperti yang telah saya terangkan dulu. Apa yang saya maksudkan ialah 'integration' dari perumusan dasar membawa kepada pelaksanaan dasar antara parti dan alat-alat negara mestilah erat supaya kedua-duanya tidak bercanggah; supaya antara perumusan dasar dan pelaksanaan dasar tidak terdapat 'contradiction' bahkan berjalan dengan harmoni, senafas serta sealian.

Parti kita merupakan alat yang menampung hasrat dan cita-cita rakyat lalu merumuskan hasrat dan cita-cita ini dalam bentuk dasar atau polisi yang konkrit untuk dilaksanakan oleh alat-alat negara di setiap peringkat.

Samada apa yang kita rumuskan daripada cita-cita dan hasrat rakyat itu menepati kehendak mereka dan sealian dengan keperluan mereka bergantung kepada 'rapport' kita dengan rakyat, setakat mana kita dapat memahami dan menampung hasrat rakyat dengan betul, setakat mana pula kita dapat merumuskan cita-cita dan hasrat itu dalam bentuk dasar yang praktikal dan realistik.

Ini bererti kita mesti terus mendampingi rakyat, bahawa kita tidak boleh barang seketika pun melupakan dan mengabaikan kewajipan kita, sebagai parti yang menjadi mata, telinga, penyambung, lidah dan anggota rakyat. Tugas dan kewajipan itu tetap tidak berubah, cuma cara tindakannya sahaja yang berlainan dan bertukar-tukar sesuai dengan keadaan, dengan peredaran masa. Satu perubahan yang besar yang kita dapati sekarang ialah peranan pemuda dan wanita yang kian bertambah berat dan bertambah besar dalam konteks pembangunan negara.

Peranan itu harus pula diselenggarakan dalam bidang kerja yang garis-garisnya ditentukan oleh undang-undang tubuh parti. Tidak ada parti yang tidak mempunyai garis-garis tanggungjawabnya sendiri yang mesti dipatuhi oleh anggota-anggotanya berdasarkan pada undang-undang tubuh parti itu. Inilah yang dikatakan disiplin parti iaitu beberapa peraturan dan ketertiban yang mesti dipatuhi oleh segenap anggota parti itu tanpa mengira kedudukan dan darjatnya dalam parti.

Saya menekankan perkara disiplin ini kerana inilah kunci kekuatan parti. Walau bagaimana besar dan kuat sekalipun sebuah parti kalau sekiranya disiplin anggota-anggotanya lemah, nescaya lambat laun hancurlah parti itu.

Manakala saya katakan tadi bahawa tugas kita sebagai mata, telinga, penyambung lidah rakyat tidak berubah, apa yang saya maksudkan ialah parti kita yang menjadi tumpuan rakyat, bukan golongan-golongan tertentu dalam parti. Kita mesti hindarkan penyakit berpuak-puak atau 'factionism' ertinya satu golongan kononnya berhaluan ke utara, satu golongan lagi kononnya berhaluan ke selatan, satu ke timur dan satu ke barat. 'Factionism' sepertimana juga penyakit 'warlordism' dalam negara Cina dulu sebelum Komunis berkuasa dulu, manakala negara itu terbahagi kepada kawasan-kawasan tertentu yang dikuasai oleh 'warlord' masing-masing; jeneral ini berkuasa di utara, jeneral itu berkuasa di selatan, ada jeneral berkuasa di timur, demikian pula ada jeneral berkuasa di barat.

Dalam sebuah parti yang besar serta berpengaruh seperti UMNO kalau sekiranya penyakit berpuak-puak atau 'factionism' ini mulai menghinggapi kita, nescaya akan berpecah-belahlah kita sesama sendiri.

Perbezaan pendapat, fahaman dan fikiran dalam mana-mana parti atau perkumpulan memang ada; malah inilah juga yang menyuburkan pertumbuhan intelek dalam mana-mana kumpulan pun. Sebenarnya ini patut digalakkan. Tapi manakala pimpinan parti sudah membuat keputusan mengenai satu-satu perkara, sudah menentukan garis-garis tindakan dalam satu-satu issue, ia mestilah dipatuhi. Sebelum ada keputusan itu, kita bolehlah berbincang seberapa hangatnya. Tetapi pertukaran fikiran dan perbincangan mengenai satu-satu perkara juga mestilah mengikut aturan; ia tidak boleh dilakukan di depan umum, di tengah terang kerana mengelak akan salah faham dan disalah terima oleh umum.

Manakala keputusan telah dibuat mengenai satu-satu perkara, sekalipun ada pujian atau kejian, pujian atau kejian itu dirasakan oleh parti, bukan oleh satu-satu golongan tertentu dalam parti atau orang perseorangan dalam parti. Sebenarnya perkara ini adalah elementary dan sepatutnya tidak perlu saya katakan sekarang kerana kita semua sudah bergerak bertahun-tahun lamanya dalam parti dan memang tahu hal-hal yang mengenai disiplin dan peraturan-peraturan lain dalam parti.

Tetapi, hal-hal yang mudah inilah juga yang kita selalu lupa kerana barangkali ia mudah. Selalunya yang mudah itulah sebenarnya yang susah dan yang rumit.

Apalagi kalau sekiranya kita sudah berjaya, sudah maju maka

biasanya perkara-perkara yang kecil jarang-jarang kita fikirkan sangat. Dalam kehidupan sehari-hari, kita katakan seseorang itu lupa daratan manakala ia tidak tahu lagi menimbangkan sesuatu dengan wajar, ia melupakan masa lalu, masa ia susah dan menderita. Demikianlah kita sebagai parti, setelah kita berjaya, mencapai kedudukan yang kuat dan memerintah negara ini terus-menerus, tanpa putus-putusnya semenjak belum Merdeka penuh, tetapi pokok iaitu disiplin dan hal-hal lain yang ada kaitannya dengan perpaduan dan kesatuan dalam parti kita.

Peliharalah disiplin dalam parti kerana disiplin itulah yang memelihara keutuhan dan kesatuan dalam parti. Semakin kuat dan teguh kedudukan parti, semakin kuat dan teguh kita hendaknya memelihara disiplin dalam parti itu.

Apalagi dalam keadaan yang penuh pergolakan, dalam dunia yang penuh cabaran di tengah-tengah tugas yang maha berat, disiplin parti mestilah diperkuat dan diperkukuh setiap masa.

Parti kita sebagai parti yang memerintah tentunya menghadapi berbagai-bagai cabaran dan ujian tidak sahaja sebagai parti, tetapi juga sebagai pemerintah. Tekanan-tekanan (pressures) dari berbagai jurusan terpaksa dihadapi dan diatasi dengan keutuhan dan kekuatan dalam parti.

Parti yang utuh perpaduannya dan kesatunnya ialah parti yang dapat memenuhi peranannya dan tanggungjawabnya kepada negara dan rakyat.

Seperkara lagi yang perlu difahamkan ialah parti kita mesti bertindak dan berlaku sebagai parti yang mewakili setiap golongan dan lapisan dalam masyarakat.

Hakikat bahawa kita sebuah parti yang mewakili rakyat Melayu tidak bererti bahawa kita tidak mencerminkan dan memancarkan hasrat dan cita-cita seluruh rakyat Malaysia. Kalau tidak begitu, bagaimanakah kita dalam zaman sebelum Merdeka dulu, kerana kita pada masa itu tidak ubah seperti sekarang bercorak seperti sebuah parti yang mewakili satu-satu kaum, tetapi cita-cita yang kita perjuangkan iaitu kemerdekaan dan kebebasan tanahair meliputi seluruh rakyat, bukan terkhusus kepada golongan Melayu atau UMNO semata-mata.

Demikian jugalah sekarang, kestabilan dan kemakmuran, kerukunan hidup dan perpaduan rakyat, semuanya ini adalah cita-cita yang menepati kepentingan tiap-tiap bidang rakyat negara ini.

Oleh itu amatlah penting bagi kita mengerti bahawa dalam

tindak-tanduk kita di tengah-tengah gelanggang politik, kita tidak boleh bertindak dan berlaku seolah-olah kita inilah sahaja yang berhak atas bumi Malaysia ini.

Nasionalism yang tidak mengira dan memperhitungkan kepentingan orang lain ialah force yang negatif. Nasionalism kita menampung hasrat dan cita-cita seluruh rakyat negara ini, seluruh golongan dalam masyarakat dan bukan nasionalism yang merupakan 'factionism', 'sectranism' atau 'chauvinism'.

Kita tidak boleh berlagak bahawa kitalah yang serba tahu dan serba pandai, bahawa kita boleh menjadi dukun yang sanggup mengubati segala penyakit ekonomi, politik dan sosial di negara ini. Keinginan mahu menjadi dukun politik, dukun ekonomi dan dukun sosial ini sangat kuat sekarang dan menular di kalangan beberapa pihak, dan tidak terkecuali dalam parti kita sendiri. Statement demi statement dikeluarkan atas berbagai issue; memberikan hukum (judgement) atas perkara-perkara yang ada kalanya tidak diketahui dengan mendalam, atas perkara-perkara yang belum sempat kita periksa dengan teliti.

Demikianlah gejala-gejala yang timbul yang patut menjadi contoh tauladan dan bimbangan kepada kita semua dalam bertindak di masa depan.

Saya telah memberikan pendapat-pendapat mengenai falsafah parti dan perlunya menguatkan disiplin bagi menambahkan 'resilience' atau ketahanan parti menghadapi sebarang ancaman dari mana-mana pihak.

Saya harap dengan semangat yang sentiasa kuat, dengan perpaduan yang kukuh serta patuh kepada pemimpin, saya yakin bahawa parti kita akan terus maju, bergerak bagi menghadapi zaman baru.

Saudara adalah tenaga kekuatan parti. Tetapi, janganlah lupa bahawa UMNO adalah teras politik, sebagaimana juga bangsa Melayu diterima sebagai teras negara.

Kepada saudara-saudara, kami meletakkan amanah dan harapan untuk memimpin parti di masa depan. Dengan analisa dan harapan inilah saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO.

*Ucapan Tun Dr. Ismail merasmikan sidang bersama Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO di Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Jumaat 29hb. Jun. 1973*



*Allahyarham Tun Hussein bin Datuk Onn*

## KEPIMPINAN YANG LUHUR

ALHAMDULLILLAH, saya merasa syukur ke hadrat Allah kerana dengan limpah dan rahmatNya kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini untuk memulakan satu lagi babak dalam aktiviti UMNO, iaitu Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia yang ke-23.

Saya mengucapkan terima kasih atas penghormatan tinggi yang diberikan kepada saya untuk merasmikan Pembukaan bersama Persidangan Perwakilan Pemuda dan Wanita UMNO tahun in. Inilah julung kali saya mendapat penghormatan yang begitu tinggi dan mulia. Sesungguhnya saya merasakan penuh syukur kerana inilah satu detik peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah hidup saya dan sebagai Timbalan Presiden UMNO.

Sesungguhnya saya mengucapkan terima kasih atas kepercayaan yang diamanahkan kepada saya. Inginlah saya memberikan jaminan di sini bahawa saya akan sentiasa menjunjung tinggi kepada kepercayaan dan amanah yang diberikan kepada saya itu.

Dari wajah saudara-saudara ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO yang hadir dalam Persidangan ini, saya ada ternampak cahaya sikap dan semangat memancar keluar mencerminkan semangat dan keazaman yang kukuh bersedia menghadapi satu lagi zaman baru bagi parti dan negara kita.

Mengambil kesempatan ini, saya inginlah mengucapkan selamat datang kepada saudara-saudara yang datang dari jauh dan dekat, khasnya pemerhati-pemerhati dari Sarawak dan Sabah. Semoga, usaha kita dan hasrat kita untuk membangun dan memperteguhkan

parti akan sentiasa diberkati Allah.

Perhimpunan kita pagi ini, dan yang diikuti oleh Perhimpunan Agung UMNO Malaysia pada hari esok merupakan satu lagi perkembangan penting dalam parti kita. Di dalam tempoh setahun lalu kita telah mengalami beberapa peristiwa penting. Perhimpunan kali ini diadakan pada ketika negara dan Parti melalui detik-detik sejarah sedih dan juga yang gemilang sebagaimana adat dunia. Saya menyebut sejarah sedih UMNO kerana dalam tempoh ini UMNO telah kehilangan seorang tokoh, seorang patriot dan pemimpin yang gigih, dan negara kehilangan seorang negarawan yang ulung, yang sukar bandingannya. Pemergian Allahyarham Tun Dr. Ismail, Timbalan Presiden UMNO, meninggalkan kesan yang sangat mendalam. Sebaliknya, rahmat dan ajaran yang tersembunyi dari kematinnya itu patutlah kita jadikan panduan bagi memperkukuhkan azam serta menambahkan kecekalan kita untuk berjuang bagi memperkuatkan UMNO dan setiap perjuangannya. Marilah kita bersama-sama berdoa supaya Tuhan akan mencucuri rahmat ke atas rohnyanya dan segala jasa-jasanya tetap akan berada dalam kenang-kenangan kita.

Saya menyebutkan peristiwa gemilang kerana kita baru sahaja menyaksikan Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Islam yang baharu berakhir yang memberikan erti yang besar bagi Malaysia kerana telah menjadi tuan rumah kepada Persidangan tersebut.

Disamping itu, Persidangan itu telah juga menghasilkan beberapa perkara yang bukan sahaja meninggikan imej kita sebagai negara membangun dan termuda, tetapi juga sebagai negara yang tetap memperjuangkan cita-cita Islam dan ke arah mewujudkan Perpaduan dan masyarakat Islam sedunia yang kukuh. Demikian juga kita telah melihat kemuncak dari perkembangan dalam hubungan luar negeri dengan peristiwa di mana Tun Perdana Menteri telah dijemput melawat ke Republic Rakyat Cina bagi memetraikan perhubungan Diplomat antara Malaysia dan negara itu. Inilah di antara beberapa perkembangan penting yang telah berlalu dan diukir dalam sejarah negara kita.

Selaras dengan hasrat kita, Perhimpunan ini juga menandakan satu usaha untuk membulatkan tenaga politik dalam Barisan Nasional dan berazam lebih teguh untuk menghadapi cabaran politik di negara ini iaitu untuk menghadapi satu pilihanraya umum. Demikian juga, kita telah menghadapi beberapa masalah

rakyat yang seringkali dikemukakan. Adalah menjadi kewajipan kita, sebagai komponen parti memerintah untuk menghadapi masalah ini dan berusaha dengan beberapa cara untuk mengatasinya.

Saya merasa bangga dan sukacita melihat bahawa kedua-dua Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO telah menunjukkan kemampuan dalam bentuk memberikan kepimpinan, panduan dan kemajuan kepada ahlinya. Hal ini adalah mendapat penghargaan dari UMNO oleh sebab kekuatan parti kita, pada hakikatnya adalah berteraskan kepada kekuatan kedua-dua Pergerakan ini.

Perkara yang menarik perhatian saya mengenai pergerakan Wanita khususnya ialah tentang banyaknya usul-usul yang dikemukakan dalam persidangan kali ini yang membuktikan tentang kesedaran kaum wanita akan soal-soal negara, masyarakat dan hak mereka sendiri. Salah satu usul yang selalu menjadi controversy ialah mengenai desakan dan tuntutan kaum wanita mendapatkan jumlah kerusi yang lebih banyak dalam pilihanraya yang akan datang. Masalah ini adalah seperkara yang berleretan dari masa yang sudah dan saya sedar bagaimana pentingnya kaum wanita menuntut perwakilan yang banyak memandangkan bahawa perkhidmatan dan tenaga bakti mereka terhadap perkembangan UMNO, Perikatan dan juga Barisan Nasional sangatlah besar. Oleh yang demikian, saya menaruh keyakinan bahawa Tun Presiden dan Majlis Kerja Tertinggi UMNO akan memberikan perhatian dan pertimbangan yang wajar kepada masalah ini, berdasarkan faktor-faktor tertentu seperti kaliber dan kemampuan calon serta keyakinan kita untuk menang.

Seperkara yang patut saya sebutkan juga ialah mengenai usaha yang dijalankan oleh Wanita UMNO dalam lapangan Pelajaran dan juga Ekonomi. Kedua-dua bidang ini sangatlah mustahak, lebih-lebih lagi kaum wanita mempunyai peranan penting dan langsung. Dalam lapangan pelajaran, umpamanya, kaum wanita sebagai ibu sudah pasti boleh memainkan peranan untuk mendorong anak-anak pada menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan juga untuk mendapatkan kemahiran dalam beberapa lapangan. Demikian juga, dalam masalah keciciran, saya percaya kaum wanita boleh memainkan peranan penting, utamanya dalam mengatasi punca-punca keciciran itu.

Dalam bidang ekonomi, saya menaruh harapan bahawa kaum wanita boleh menjalankan ikhtiar secara tegas dan mendapat banyak lagi hasil dari apa yang mereka capai sekarang. 'Bajang' telah

menyindir bahawa kemajuan yang dicapai oleh Yayasan Dermajaya dalam menyediakan projek-projek ekonomi tidaklah sejajar dengan apa yang dicita-cita oleh kaum wanita dalam konteks perkembangan ekonomi seluruhnya. Namun demikian, saya tertarik hati bahawa ada Pergerakan Wanita di peringkat negeri yang telahpun menjalankan projek perniagaan yang tersendiri yang melambangkan dan mencerminkan hasrat ingin maju dan mengambil bahagian yang penting dalam perdagangan dan perindustrian. Saya harap wanita UMNO di bawah pimpinan YB. Puan Aishah Ghani akan benar-benar mengorak langkah dalam mengambil peluang di lapangan ekonomi.

Beralih kepada Pergerakan Pemuda, saya sukacita mendapati bahawa perpaduan dan kemajuan di kalangan pemuda di bawah pemimpin Y.A.B. Datuk Harun sudah wujud dan berkesan. Demikian juga kita mendapati bahawa pemuda UMNO merupakan golongan yang penuh motivated yang boleh meneruskan peranan untuk terus menjadi tulang belakang kepada parti. Kemajuan yang telah dicapai oleh Pergerakan Pemuda dalam lapangan ekonomi dan politik adalah satu perkara yang amat dihargai dan dibanggakan. Namun demikian, Pergerakan Pemuda hendaklah sentiasa berpandu kepada konsep bahawa ia adalah sebahagian dari organisasi yang intergrated dalam UMNO dan bukan merupakan satu parti yang tersendiri. Kita tidak mahu timbul apa yang disebut 'satu parti dalam parti'. Demikian juga kita tidak ingin melihat bahawa Pergerakan Pemuda dan Wanita menjadi satu golongan 'Pressure group' yang bertindak sendirian untuk memenuhi kehendak dan cita-citanya sekalipun masalah itu merupakan soal masyarakat.

Pergerakan Pemuda dan Wanita patutlah menerima hakikat bahawa kedua-duanya adalah sebahagian dari 'integrated party machinery'. Dengan itu, lojikkah tindakan yang diambil atau yang dijalankan oleh komponen parti dibuat menerusi saluran parti itu sendiri, khasnya mengenai soal negara. Langkah ini bukanlah bertujuan untuk melumpuh serta melemahkan dayausaha Pergerakan. Sebaliknya, ia bertujuan supaya ia terus menjadi aktif dan dari kegiatannya pula menyebabkan UMNO sendiri hidup dan cergas. Disamping itu, kita bermaksud meningkat disiplin parti supaya kesetiaan kepada parti sentiasa berada di hati sanubari ahli-ahli seluruhnya.

Persidangan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO kali ini merupakan pelaksanaan kepada konsep Perlembagaan UMNO

yang baharu. Saya sukacita kerana mendapati dalam tempoh dua tahun berjalannya perlembagaan, kedua-dua Pergerakan yang menjadi tulang belakang kepada UMNO telah dapat mengukuhkan kekuatan dan menambah keyakinan ahli-ahli terhadapnya. Dalam pada itu, sebuah parti yang menjadi parti pemerintah patutlah berusaha sedaya upayanya berdasarkan kepada rancangan kerja yang tersusun dan yang benar-benar meyakinkan bahawa ia adalah satu parti yang bertanggungjawab dan meletakkan keyakinan rakyat di atas segala-galanya.

Dalam pada itu, kita mendapati bahawa suasana dan keazaman baru telah timbul di dalam perkembangan kedua-dua Pergerakan dan saya berharap bahawa kedua-dua Pergerakan ini akan terus bergerak mencerminkan hasrat dan membela kepentingan UMNO keseluruhannya. Pergerakan Wanita khasnya telah menunjukkan kebolehan dan kemampuannya untuk bertindak sesuai dengan perkembangan baru. Program kerja yang telah digariskan oleh Pergerakan ini sangatlah menarik oleh kerana ia menunjukkan dengan jelas bahawa semangat kerjasama mula timbul dan subur dalam Pergerakan tersebut. Menurut hemat saya kepercayaan dan keyakinan yang diberikan oleh kaum wanita di negara ini adalah dengan kebijaksanaan pemimpin wanitanya dan telah dapat menentukan kelancaran Pergerakan ini untuk masa depan. Ini sangatlah menggalakkan kerana dengan sokongan dari semua peringkat, ahli wanita yang lama dan yang baru saya yakin ia akan dapat maju ke hadapan dan terus berjuang dan mencerminkan hasrat dan berdasarkan aktiviti yang bertambah-tambah yang boleh memberikan menafaat kepada seluruh kalangan wanita di negara kita ini.

Negara kita menghadapi berbagai masalah khasnya soal belia se pertimana juga negara-negara lain yang membangun dan telah maju. Perbezaan hanyalah pada tigitan digri kerana aktiviti belia di negara kita akhir-akhir ini menampakkan satu semangat yang berkobar yang mahukan perubahan baharu dengan serta-merta. Saya faham bagaimana kuatnya semangat belia dan bagaimana cintanya mereka terhadap negara. Dalam kekuatan mereka belia mungkin bersikap kasar, aggresif dan condong kepad ekstrimism. Inilah sebahagian dari peribadi belia istimewa di negara demokrasi yang sentiasa menggalakkan perkembangan belia tanpa batasan dan sekatan. Tetapi patut kita ingat bahaya dan akibat dari tindakan yang melampau adalah huru-hara dan purak-peranda.

Sebaliknya, tiap suatu yang diperjuangkan oleh belia tentulah mempunyai sebab. Dalam segi pembangunan, mungkin belia tidak dapat mengatasi kesabaran di atas kelambatan pelaksanaan sesuatu projek. Alat-alat jentera Kerajaan mungkin tidak begitu sempurna untuk memenuhi cita-cita rakyat sepenuhnya. Dan inilah yang mendorong serta menimbulkan perasaan tidak puas hati dan tidak sabar di kalangan belia. Sebagai pemimpin Kerajaan dan parti saya sedar akan masalah ini dan akan mencuba bagaimana keadaan ini dapat diperbaiki supaya keyakinan rakyat terhadap kerajaan sentiasa dipupuk, dan dipelihara subur. Di samping itu, tidaklah pula menimbulkan akibat yang tidak diingini di kalangan belia-belia kita. Bagaimanapun saya inginlah menegaskan bahawa sekalipun belia-belia mempunyai harapan yang tinggi melangit tetapi revolusi harapan meninggi atau "rising expectation" itu hendaklah disejajarkan dengan semangat yang dikatakn revolusi tanggungjawab meninggi atau "rising responsibility" pula.

Menyedari akan masalah-masalah yang ditimbulkan itu dan mengakui pula bahawa belia adalah satu force, satu tenaga yang boleh salurkan terhadap pembangunan dan usaha yang memberi menafaat, kita menghadapi pula apa yang dikatakan soal kepimpinan. Kita memerlukan pemimpin dari semua peringkat. Dan dari pemimpin itu pula, kita memerlukan nilai kepimpinan yang tinggi, murni, dedikasi dan penuh tanggungjawab. Kepimpinan yang cekap, efektif, yang amanah, yang pragmatis, yang dapat memandu rakyat ke arah mengisi kehendak mereka dalam semua bidang sangat-sangat diperlukan oleh negara dan parti. Kepimpinan merupakan sendiri yang sangat penting, khasnya diperingkat bawah yang memerlukan kepimpinan yang benar-benar membela kepentingan masyarakat. UMNO telah berusaha melahirkan kepimpinan yang baik di semua peringkat. Akan tetapi, kita masih belum mencapai ke peringkat yang boleh membanggakan dan kita berharap parti akan sentiasa berusaha untuk menambahkan pemimpin yang mempunyai bakat kepimpinan yang benar-benar dapat mencerminkan kepentingan parti supaya segala perjuangan dapat dihasilkan.

Dalam hubungan ini, dan dalam usaha kita untuk mewujudkan "Kepimpinan Yang Luhur" yang menjadi tema ucapan ini, saya inginlah menggariskan beberapa faktor nilai kepimpinan yang patut menjadi cabaran kepada pergerakan belia khasnya Pemuda dan Wanita UMNO.

- Pertama - Adalah mustahak bagi pemuda dan wanita untuk menjalankan peranan pemimpin sebagai pemandu dan pembimbing rakyat dalam usaha menentukan haluan parti - sesuai dengan hasrat rakyat dan negara. Ukuran dari kejayaan pimpinan itu ialah samada segala rancangan dan pelaksanaan projek yang dibuat dapat memenuhi cita-cita rakyat yang inginkan taraf hidup yang baik dan sempurna sebagaimana yang mereka harap-harapkan sebagai rakyat negara merdeka dan berdaulat.
- Kedua - Pimpinan mestilah sanggup diuji menerima cabaran atas kejujuran kepada diri sendiri, kepada masyarakat, kepada parti dan rakyat. Ujian ini dapat mengukur samada pemimpin itu telah menyeleweng dari tapak landasan yang telah dibina sejak mula-mula dulu - sesuai dengan cita-cita dan tujuan UMNO. Parti kita UMNO tidak berganjak dari landasan asalnya hinggalah membawa kepada pembentukan Barisan Nasional. Dalam konteks ini, tidaklah seharusnya timbul di kalangan pemimpin, soal kepentingan individu atau kepentingan semua. Dalam hal ini, tidaklah ada sebab untuk menyelewengkan UMNO bagi kepentingan satu-satu pihak, bahkan ini melanggar semangat perlembagaan UMNO sendiri yang mesti dijaga dan pelihara.
- Ketiga - Adalah menjadi hasrat kita untuk membina satu masyarakat yang berdisiplin, beradab tertib dan berhemah tinggi. Yang demikian, adalah penting dan mustahak kepimpinan mempunyai watak yang benar-benar mencerminkan cita-cita ini supaya diwariskan kepada bakal-bakal pemimpin yang di bawah bimbingannya. Tanpa perwatakan ini, tidak akan terdapat pemimpin yang luhur dan suci dari prasangka-prasangka yang menyebabkan mereka tidak mampu memberikan pimpinan dan bimbingan yang tegas dan objektif.
- Keempat - Pada masa ini terdapat gejala-gejala yang kurang sihat serta bermacam-macam "kesedaran baru" di kalangan pemuda yang merasakan kurang senang atau tidak puas hati dengan pimpinan yang ada dan mesti

menggantikan mereka seberapa segera. Kegiatan seperti ini boleh menimbulkan tekanan dan akibat yang tidak sihat. Cara yang sebaik-baiknya ialah bersama-sama menjaga agar pimpinan berada di atas rel yang betul dan lurus, tidak dengan perbuatan "menjatuhkan" pemimpin lama secara paksa atau dengan jalan yang tidak demokratik. Sebaliknya, ada pemimpin yang terus ingin berkuasa dengan membelakangkan dan melanggar prinsip demokrasi yang kita junjung tinggi.

Kelima - Pemimpin dan kepimpinan yang luhur ialah yang mengetahui akan jarak masa dan waktu. Pemimpin yang bijak ialah mereka yang boleh menilai dan memperhitungkan bila patut bergerak dan bila mengundurkan diri. In politics, timing is important. Seperti yang ditegaskan tadi, mustahaklah mengukur dan menilai akan kedudukan sendiri berpandukan kepada perkembangan yang berlaku di sekeliling kita. Pemimpin yang sentiasa berfikir akan terus berkuasa tanpa batas dan tidak memperhitungkan ke alam sekeliling dan sokongan kepadanya akan mendapati mereka ketinggalan zaman dan akhirnya tidak mendapat kepercayaan dari masyarakat lagi. Sejarah telah membuktikan kebenaran hakikat ini.

Dari masalah kepimpinan, saya sukalah mengulas semangat perjuangan parti seperti telah ditunjukkan oleh ahli kita. Sekalipun kita telah melihat perubahan-perubahan begitu banyak berlaku dan pergerakan pemuda dan wanita kita telah menampakkan semangat dedikasi dan khidmat untuk parti dan Kerajaan, akan tetapi terdapat pula semangat perjuangan yang tidak meletakkan kepentingan parti.

Kita perlu kembali kepada semangat perjuangan yang benar-benar berteraskan hasrat rakyat tanpa dipengaruhi oleh sebarang tarikan kebendaan. Kita telah melihat ada pemimpin yang menggunakan parti dan menjadikan parti sebagai batu loncatan untuk mendapatkan suatu faedah. Ini adalah perjuangan yang tidak jujur. Ini adalah perjuangan yang tidak mencerminkan cita-cita UMNO ketika ditubuhkan dahulu. Saya ingin menyeru supaya ahli-ahli UMNO khasnya pergerakan Pemuda dan Wanita patutlah mengembalikan semangat perjuangan tahun 1946 di mana kita meletakkan kepentingan negara, kepentingan umat Melayu dan kepentingan kedaulatan bangsa

kita di atas segala-gala yang lain tanpa mengharapkan satu balasan dan hadiah.

Saya sedar dalam keadaan yang berubah kita tidak dapat mengembalikan kepada jiwa perjuangan untuk 100% tetapi saya yakin kita akan dapat menuju pemeliharaan semangat yang boleh menjadi panduan untuk memperjuangkan di masa akan datang. Saya penuh yakin bahawa konsep perjuangan UMNO yang asal akan terus kekal selagi kita berkehendakkannya dan akan terus diperjuangkan oleh generasi-generasi di masa akan datang. Benih kepada semangat perjuangan yang telah kita tanam itu mustahak disiram dan disuburkan supaya ia sentiasa kekal dan memelihara identiti UMNO dan perjuangannya.

Melihatkan perkembangan yang sedang berlaku dan sedang dirangkaan parti kita akan menghadapi satu tugas yang maha besar iaitu pilihanraya umum. Seperti yang termaklum bahawa pilihanraya kali ini akan kita hadapi berdasarkan konsep Barisan Nasional yang bererti berlandaskan politik dan gabungan kekuatan parti politik rakyat yang besar jumlahnya di belakang kita. Dari segi kenyataan dan dari analisa yang kita buat, saya tidak meramalkan sebarang kesulitan yang mungkin dihadapi. Akan tetapi, saudara-saudara, patut ingat dalam pilihanraya rakyat yang menentukan samada calon-calon Barisan Nasional menjadi pilihan mereka. Undi adalah hak bagi setiap rakyat dan undi adalah diberikan secara sulit berdasarkan kepada perhitungan mereka. Dalam hal inilah, setiap ahli parti patutlah berusaha dari sekarang meyakinkan rakyat dengan memberikan gambaran yang jelas dan tegas, segala kejayaan yang telah dicapai oleh parti dan Kerajaan pada mentadbirkan negara kita ini. Sungguhpun kita boleh berbangga dengan kekuatan kita dan sekalipun kita boleh merasa yakin dengan sokongan dan harapan yang diletakkan oleh rakyat, tetapi kita tidak boleh lalai dan semata-mata berasaskan kepada janji-janji mereka itu. Saya ingin menyeru kepada ahli-ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita supaya tidak berlengah lagi mengaturkan langkah dan menjalankan kempen-kempen yang teratur untuk memastikan kemenangan semua calon-calon Barisan Nasional, Insya Allah, berada dalam tangan kita.

Saya telah menganalisa tentang keadaan politik dan pengharapan dari pemimpin parti kita terdapat saudara-saudara sekalian. Saya merasa yakin bahawa saudara-saudara tidak akan mensia-siakan amanah yang diletakkan oleh parti kepada saudara-saudara sekalian dan akan memikul amanah dan janji dengan penuh kesedaran bahawa

parti yang bergabung dalam Barisan Nasional akan terus hidup akan terus bertapak dan terus bergerak selagi rakyat berkehendakkan kita. Ingatlah bahawa kekuatan parti adalah berteraskan kepada keyakinan rakyat. Oleh itu, hendaklah kita mendampingi rakyat memikirkan akan masalah serta berusaha pada mengatasi masalah yang berdasarkan kepada kebolehan dan kemampuan kita sendiri.

Sebagai ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita, saya percaya saudara-saudara telah dapat mencurahkan perkhidmatan dan jasa bakti kepada parti khususnya dan kepada negara. Tidak ketinggalan juga saudara-saudara telah membuat beberapa tuntutan dan memberi pandangan yang menyeru kerajaan supaya menjalankan langkah bagi menghadapi masalah rakyat. Jika sekiranya saudara sebagai ahli parti telah membuat jasa bakti, sewajarnya saudara dapat berbangga. Sebaliknya, jika saudara-saudara masih belum menabur jasa bakti untuk memenuhkan tugas sebagai ahli parti dalam beberapa masalah dan hal tertentu, maka saya rasa, kurang sempurnalah kedudukan saudara sebagai rakyat dan sebagai ahli parti kita.

Saya menegaskan ini oleh kerana dalam pergolakan parti dan kerajaan, kita patutlah mempunyai disiplin yang tinggi dan juga semangat keazaman serta kemampuan untuk menjalankan khidmat dan jasa kita untuk parti dan negara. Saya sedar bahawa golongan pemuda dan juga wanita adalah golongan yang tidak sabar menunggu perubahan, tetapi saudara patut sedar bahawa perubahan hanya berlaku apabila timbul hasrat dan keinginan dari setiap ahli parti yang sanggup berjuang dengan penuh dedikasi terhadap kesempurnaan dan kesejahteraan parti itu sendiri dan rakyat seluruhnya. Saya menegaskan bahawa tidaklah memadai bagi seseorang itu mendabik dada sebagai ahli parti sedangkan ia tidak berbuat sesuatu yang positif dan mempunyai nilai tertentu untuk kepentingan parti. Diharap saudara-saudara benar-benar menilai kedudukan ini dan menentukan peranan supaya pergerakan Pemuda dan Wanita benar-benar menjadi tumpuan bagi perubahan dan khidmat.

UMNO dengan sejarah gemilangnya telah menunjukkan kemampuan untuk memberikan kepada negara menerusi Parti Perikatan dan juga Barisan Nasional satu kedudukan yang boleh dibanggakan. Demikian juga kita telah menentukan haluan supaya parti politik benar-benar mempunyai cita-cita politik dan kesanggupan serta kekuatan bagi memenuhi setiap kehendak semua golongan rakyat di negara ini tanpa mengira kaum. UMNO telah diasaskan oleh pemimpin-pemimpin Melayu dan juga tetap memperjuangkan hak-

hak orang Melayu khasnya tetapi tidak pula membelakangkan hak-hak warganegara dari kaum lain secara adil dan saksama. Ada orang menuduh bahawa strategi-strategi perjuangan merupakan penyelewengan kepada tujuan asal. Tetapi fahamlah sebagai parti yang bertanggungjawab parti yang mendapat sanjungan dan sokongan dari semua golongan haruslah dapat menyesuaikan diri dan memperjuangkan cita-cita yang luas tanpa membelakangkan kepentingan kalangan yang dibelanya. Saya harap saudara-saudara benar-benar faham akan hal ini dan akan terus memperjuangkan cita-cita UMNO, selagi orang-orang Melayu berkehendakkannya, dan selagi Melayu tidak hilang di dunia.

Saya telah memberikan pendapat mengenai falsafah parti dan perlunya mewujudkan kepimpinan yang luhur bagi memperkuat parti.

Saya harap dengan semangat yang sentiasa kukuh serta patuh kepada pemimpin, tidak syak lagi bahawa parti akan terus bergerak maju, menuju zaman baru.

Saudara-saudara adalah tenaga kekuatan parti, UMNO adalah teras politik sebagaimana juga Melayu diterima sebagai teras negara.

Kita menentukan bahawa Konsep Barisan Nasional ialah untuk perpaduan dan kerjasama seluruh rakyat. Dalam konteks ini, adalah penting untuk memberikan isi, makna dan pengertian atau content dan substance. Kepada saudara-saudara Parti kita meletakkan harapan masa depan.

Sebelum menutup ucapan ini, inginlah saya menyampaikan sedikit pesanan - Hari ini saudara-saudara sekalian akan membuat keputusan penting iaitu memilih pemimpin yang akan menentukan corak dan haluan Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita bagi tempoh dua tahun yang akan datang. Dalam hal ini, saya menyerahkan kepada kebijaksanaan saudara-saudara sekalian untuk memilih pemimpin-pemimpin yang jujur dan ikhlas serta sanggup meletakkan kepentingan parti di atas segala-galanya.

Akhirnya, dengan doa dan harapan inilah, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda dan Wanita 1974.

*Ucapan Tun Hussein Onn merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 28hb Jun 1974.*

## PERPADUAN MENGATASI CABARAN

DENGAN limpah kurnia Tuhan Yang Maha Kuasa, saya bersyukur ke hadrat Allah kerana dapat bersama-sama hadir pada pagi ini untuk merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda UMNO dan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, yang ke 24.

Penghormatan yang diberikan kepada saya tahun ini adalah kali kedua, semenjak diamanahkan menjadi Pemangku Timbalan Presiden Parti kita, UMNO. Oleh yang demikian, saya mengucapkan terimakasih kepada semua pihak di atas keyakinan, dan pandangan yang begitu tinggi dan sangat bermakna kepada diri saya. Sesuai dengan semangat dan amanah itu, saya dengan penuh kesedaran dan merendah diri berikrar, selagi khidmat dikehendaki, saya akan terus membulatkan tekad, memadu semangat untuk memenuhi amanah suci membela kebenaran dan menegakkan keadilan, demi kepentingan ugama, parti, dan negara kita, Malaysia.

Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO pagi ini, yang diikuti dengan Perhimpunan Agung UMNO, esok diadakan dalam suasana dan gelora politik, dalam dan luar negeri, yang telah mencipta sejarah. Saya sifatkan demikian, kerana di dalam negeri, Barisan Nasional telah memenangi pilihanraya nasional 1974, dengan cemerlang dan seterusnya berjaya mengekalkan Kerajaan. Malaysia sedang melalui arus pembangunan dan kemajuan yang pesat. Kita juga memasuki phase baru perkembangan nasionalisme yang agak luas tafsirannya, yang liberal dan penuh bertanggjawab. Di luar negeri pula, khasnya

di Indo China, kita menyaksikan percaturan politik yang sangat deras arusnya dan mengubah peta dunia rantau ini. Rakyat di negara-negara tersebut sedang mengalami perubahan besar dalam struktur politik dan memulakan satu sistem pemerintahan baru. Dipandang dari segi ini, peristiwa-peristiwa itu dalam hubungannya dengan politik dunia, mempunyai makna yang dalam.

Di samping itu, kita menyaksikan negara-negara ASEAN berusaha mewujudkan kestabilan politik dan ekonomi rantau ini, menuju kepada tercapainya matlamat menjadikan Asia Tenggara rantau aman, bebas dan berkecuali. Kita juga menyaksikan usaha memupuk dan menstabilkan kedudukan politik dan ekonomi dunia. Insya Allah, perubahan itu diharapkan memberi manfaat kepada kita dan umat dunia, seluruhnya.

Mengambil kesempatan ini, saya inginlah mengucapkan selamat datang kepada saudara-saudara sekalian. Marilah kita berdoa semoga usaha, tujuan dan hasrat kita untuk membangun, memperkukuh dan menghadapi cabaran parti dan negara diberkati Allah. Marilah kita memohon supaya kita sentiasa mendapat taufik dan hidayahNya untuk memberi pimpinan, bukan sahaja kepada ahli parti, tetapi juga kepada seluruh masyarakat Malaysia, yang berbilang bangsa ini.

Saya amat berbangga dengan kemajuan yang telah dicapai oleh Pergerakan Wanita UMNO, khasnya pada memberi pimpinan dan panduan kepada ahlinya. Dalam hubungan ini, inginlah saya mengucapkan tahniah kepada Y.B. Saudari Aishah Ghani serta Ahli Jawatankuasanya yang telah berjaya meletakkan Pergerakan Wanita atas landasan yang kukuh, selaras dengan semangat Tahun Wanita Antarabangsa.

Aktiviti Pergerakan Wanita mencerminkan kematangan pimpinan, kekuatan serta kebulatan tekad ahlinya dalam memberikan semangat baru kepada Pergerakan. Rancangan mengadakan kursus supaya pentadbiran Pergerakan berjalan dengan mengadakan kursus supaya pentadbiran Pergerakan berjalan dengan tersusun, sangatlah baik. Demikian juga projek Koperasi Usahajaya wanita sangat berguna dalam meninggikan taraf ekonomi wanita. Saya berharap Pergerakan Wanita terus membuktikan, dari masa ke semasa, bahawa ahlinya mempunyai kebolehan, kemampuan berfikir dan bergerak yang boleh dimegahkan, dalam semua lapangan.

Saya juga ingin memuji Pergerakan Wanita yang telah mempelopori usaha menyusun Undang-undang Mengenai Poligami

dan Cerai, yang sekarang dalam peringkat pertimbangan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu serta Kerajaan. Ini bererti Pergerakan Wanita mempunyai pandangan luas, bukan sahaja menumpukan usaha terhadap kepentingan parti, tetapi bergerak untuk kebahagiaan masyarakat wanita, di samping mendukung martabat agama, kebesaran bangsa dan negara. Inisiatif seperti inilah patut dijalankan oleh Pergerakan Wanita dengan penuh kesedaran supaya kaum wanita benar-benar merupakan satu komponen yang mempunyai keyakinan, berpendirian dan keperibadiaannya sendiri. Semoga dengan daya usaha seperti ini, Pergerakan Wanita tetap dipandang oleh seluruh wanita di negara ini, sebagai lambang pimpinan, payung berlindung serta tempat mendapat pimpinan agar meluhurkan lagi daya pemikiran, budi dan rohani wanita dalam kehidupan politik, sosial dan kebudayaan, sesuai dengan nilai agama dan moral bangsa kita.

Beralih kepada Pergerakan Pemuda pula, saya ingin memberikan tahniah kepada saudara, Y.A.B. Datuk Harun dan ahli Jawatankuasanya yang telah memberikan pimpinan berkualiti dan meletakkan asas Pergerakan Pemuda pada peringkat yang kuat pada hari ini.

Usaha Pergerakan Pemuda, di beberapa lapangan, terutama sekali mengadakan kursus pimpinan di peringkat negeri dan pusat sangatlah memberi kesan. Saya yakin, hasil daripada kursus ini akan mendorong Pergerakan Pemuda ke arah matlamat yang lebih dan bermutu lagi.

Pada keseluruhannya, pemimpin Pemuda telah menunjukkan kematangan fikiran, sikap dan keazaman yang lebih kuat pada menghadapi masalah parti dan masyarakat. Saya ingin mengulangi penghargaan bahawa Pergerakan Pemuda dan Wanita sentiasa memainkan peranan penting, dalam parti dan masyarakat kita. Kedudukan ini mestilah dikekalkan dan diperkuatkan, supaya Pergerakan di peringkat bahagian dan cawangan, sentiasa menjadi tenaga penggerak dan pendorong dalam erti kata yang sebenarnya.

Saya diberitahu dari rumusan kursus yang diadakan bahawa Pemuda dan mungkin juga Wanita merasa gelisah dengan apa yang disifatkan 'halangan' atau 'sekatan' yang dikenakan ke atas mereka, terutama pada memperjuangkan nasib rakyat, yang patut mendapat perhatian parti dan Kerajaan. Terus terang saya tegaskan bahawa pucuk pimpinan parti tidak mengadakan apa-apa sekatan. Tidak ada tekanan, ke atas sesiapa. Apa yang mungkin berlaku, pada

hemat saya, adalah sejajar dengan garis falsafah politik parti, seperti yang ditegaskan dalam amanat Allahyarham Tun Dr. Ismail... "Bahawa Pergerakan Pemuda, sebagai badan yang bertanggungjawab dalam parti, patutlah menyuarakan setiap pandangan dan fikiran mereka kepada pimpinan parti, menurut saluran tertentu..." Seterusnya beliau menegaskan "... Pergerakan Pemuda tidak harus menjadi pressure group dalam parti kerana lazimnya, di bawah demokrasi, pressure group hanya datang dari pihak pembangkang." Hakikat ini, tetap menjadi panduan tindakan semua peringkat UMNO, pada masa ini, dan pada masa-masa yang akan datang.

Dalam pada itu, saudara-saudara, saya ingin menegaskan bahawa angkatan muda UMNO the younger generation - tidak harus merasakan diri mereka terkongkong. Tidak harus memikirkan mereka tersekat. Mereka tidak perlu melayan pendapat bahawa pimpinan UMNO seluruhnya tidak ingin mereka bangun mempelopori masalah masyarakat dan negara. Sebenarnya, UMNO sebagai parti yang luhur, yang flexible, mampu menerima dan menampung tenaga perjuangan muda dan lama. Sanggup menempatkan tenaga perjuangan, sesuai dengan bakat dan mutu kecekapan mereka. Perasaan seperti ini, tidak patut ada pada Pemuda dan Wanita. Sebaliknya, Pemuda dan Wanita, angkatan penerus atau warisan pimpinan parti dan zaman, tidak patut menghapuskan nilai-nilai abadi, yang telah dibina dan diperjuangkan oleh angkatan 'lama'. Cahaya lilin yang lembut, patut juga dihargai kerana sekian lama ia telah berjasa menerangi sudut-sudut yang gelap, dalam perjuangan di negara kita. Sejajar dengan ini, parti dan Kerajaan tetap menghargai sumbangan, usaha dan fikiran Pemuda dan Wanita dalam apa jua lapangan, dalam apa jua masalah. Hal ini telah dibuktikan dan akan terus dilaksanakan.

Seerti yang sering dikatakan, Pemuda dan Wanita yang bertanggungjawab, yang ingin berbakti, Pemuda dan Wanita yang sanggup berkorban jiwa raga, harus menanyakan pada diri masing-masing, iaitu: Apakah usaha yang patut kami sumbangkan supaya setiap gerak langkah, segenap kegiatan mesti bererti membina organisasi dan ideologi parti; menguatkan susunan dan merapatkan barisan dalam parti. Pemuda dan Wanita tidak berhenti berfikir, mencari bentuk yang lebih sempurna, mengembangkan kreasi atau daya cipta yang lebih baik, serta cara menyusun diri yang lebih sempurna supaya terus menjadi katalis dalam susunan perjuangan.

Tanyakanlah pada diri masing-masing setiap kali dan setiap hari. Dan saya percaya, setiap pejuang angkatan baru Pemuda dan Wanita yang berkecimpung dalam UMNO, sebagai satu organisasi yang utuh akan mewajibkan dirinya berkorban dalam organisasi, bukan organisasi dikorbankan untuk kepentingan diri sendiri.

UMNO, bersama-sama dengan parti-parti dalam Perikatan telah memperjuangkan kemerdekaan. Dan kemerdekaan negara telah kita capai dengan kerjasama serta sokongan semua rakyat. Tugas kita, ahli parti dan rakyat di negara ini, ialah menjamin bahawa kemerdekaan itu bukan suatu objektif kosong. Kemerdekaan mesti diisi, kerana rakyat yang menyokong kita mengharapkan nikmat dan faedah daripada kemerdekaan itu. Ini berupa tugas berat, yang menuntut keberanian dan keperwiraan, yang memerlukan perpaduan dari semua golongan rakyat Malaysia... perpaduan negara, perpaduan tujuan, perpaduan hasrat, perpaduan keazaman, dan lebih penting dari itu perpaduan mengatasi semua cabaran. Untuk itu, saya tidak sangsi lagi bahawa barisan Pemuda dan Wanita akan berserta menyanggupkan diri mereka menjadi barisan hadapan.

Kita sedang melalui proses pembangunan demi memberikan kehidupan yang sempurna kepada rakyat. Dalam proses ini, kita menghadapi realiti politik kerana kesedaran rakyat, harapan dan aspirasi rakyat kian memuncak. Di sinilah letaknya tugas kita. Di sini juga timbulnya dilema kita, andaikata apa yang dilakukan tidak memenuhi matlamat yang sebenar. Saya percaya cabaran ini mendapat respon atau sambutan dari barisan Pemuda dan Wanita kita.

Setelah 18 tahun merdeka, parti kita UMNO telah menghadapi beberapa cabaran. Pada ketika ini, cabaran itu lebih mendesak kerana adanya pengaruh baru yang merupakan kesan atau "impact" modenisasi, ke atas masyarakat kita khasnya orang-orang Melayu. Pemimpin UMNO, termasuk ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita, mendapati diri mereka berhadapan dengan cabaran baru itu. Selagi manusia bersifat manusia, pergolakan jiwa atau batin, pergolakan dalam masyarakat, pergolakan dalam negara, akan terus berlaku. Kejayaan hanya tercapai, bukan dengan mengundurkan diri, tetapi melibatkan diri kita, menghadapi dan menentang segala cabaran itu dengan dada yang terbuka, dan semangat yang kuat, untuk mengatasinya. Kejayaan hanya tercapai bagi mereka yang benar-benar jujur dan kemampuan menghadapi

cabaran ini. Kejayaan akan tercapai selagi kita mempunyai strategi berjuang tatatertib menyusun diri.

Pada masa ini, dalam keadaan pembangunan yang pesat di negara kita, ada aktiviti yang dijalankan berbentuk penyelewengan. Penyelewengan yang saya maksudkan ialah perbuatan setengan ahli parti yang keluar dari landasan perjuangan iaitu mengutamakan kepentingan diri. Penyelewengan juga berbentuk penglibatan setengah ahli politik dalam perbuatan rasuah. Penyelewengan juga berlaku dalam bantuan Kerajaan kepada rakyat. Penyelewengan seperti ini jika tidak dibasmi boleh terus menerus berlaku dan menjadi perkara yang kekal. Tugas penting bagi kita ialah memastikan bahawa penyelewengan ini dibongkar dan didedahkan tanpa mengira siapa melakukannya - si kancil atau naga. Dengan penyelewengan ini, maka masanya sudah tiba bagi kita mengkaji semula kedudukan. Pendeknya, kita perlu mengkonsolidasi kedudukan kita. Kita tidak mampu membiarkan penyelewengan terus menerus berlaku. BSN sedang memperhebatkan lagi kegiatan dan tindakannya. Kami pemimpin parti dan Kerajaan tidak ragu-ragu meneruskan tindakan tegas bagi membendung perbuatan ini, supaya ia tidak menjadi cancer yang menggoncangkan kestabilan dan perpaduan negara ini. Kita tidak rela penyelewengan itu menjelma sebagai kuman politik atau political decadence, kerana kita memiliki pertubuhan untuk berjuang, dan perjuangan yang berlandaskan pertubuhan!

Untuk mencapai matlamat memberi faedah kepada rakyat, agensi Kerajaan telah ditubuhkan dengan banyaknya. Pemimpin UMNO dan pegawai Kerajaan serta Badan-Badan Berkanun telah diletakkan di tempat tertentu dengan tugas melaksanakannya dengan jujur. Sememang sifat manusia, mereka mempunyai kelemahan. Tetapi ini tidak boleh dijadikan alasan mengapa matlamat kerajaan tidak boleh dicapai kerana negara kita masih mampu mengeluarkan punca kewangan, tenaga terlatih dan dedikasi. Saya ingin mengingatkan orang-orang yang diberi tanggungjawab ini supaya tidak menghampakan amanah rakyat. Negara tidak mampu melihat keadaan dimana bagi mencapai sesuatu matlamat, terpaksa mengambil masa yang lama. Oleh yang demikian, kita akan menggerakkan segala tenaga dan segala saluran untuk membaiki kelemahan demi kepentingan negara umumnya.

Malaysia pada zahirnya, mengamalkan dasar Ekonomi bebas. Dasar ini dipersetujukan sebagai muslihat merebut kemerdekaan.

Sekalipun demikian, kita yakin, perkara ini boleh mencapai kejayaan dan perimbangan, jika semua pihak menjadikan keselamatan dan perpaduan negara, sebagai matlamat akhir, dan tidak hanya menitik beratkan keuntungan dan kepentingan diri. Dari perangkaan yang ada, masih terdapat sebahagian sektor swasta yang belum menunjukkan kejujuran sepenuhnya bagi memberi kesan yang mendalam untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi baru hendaklah diletakkan di kemuncak, sebagai perkara utama. Kerajaan berazam bertindak untuk mencapai tujuan ini, sebelum rakyat jelata mencanangkan rasa kehampaan mereka. Wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan hendaklah sentiasa waspada. Mereka hendaklah menjadi jentera Kerajaan secara positif untuk memastikan segala rancangan yang telah dibentuk dan disetujui dilaksanakan menurut rencana bagi mencapai matlamatnya dan berjalan dengan lancar dan licin.

Di dalam pilihanraya nasional yang lalu, kita sudah berjanji kepada rakyat. Kita berikrar akan tunaikan janji-janji itu. Kerajaan yang didukung oleh UMNO, sebagai komponen Barisan Nasional akan sentiasa mengekalkan kedudukannya supaya Kerajaan tetap membawa kesejahteraan dan keadilan kepada rakyat. Kerajaan dan parti akan memastikan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga, masalah kemiskinan terutama bagi penduduk-penduduk luar bandar akan dijadikan tumpuan utama.

Tahun ini hendaklah kita bersifatkan sebagai "Period of Consolidation and Review", atau mengukuhkan kedudukan dan mengulangkaji kecapaian matlamat kita. Kerajaan, bersama-sama rakyat akan terus bergerak setelah mendalami peringkat pencapaian matlamat kita. Saya sedar adanya Pemuda dan Wanita UMNO yang telah mengeluarkan rasa "frust" atau kecewa mereka terhadap jurang antara pengumuman menteri-menteri dan kecapaian pelaksanaan projek Kerajaan. Mereka menyuarakan rasa kecewa terhadap jentera pelaksanaan dan faedah yang benar-benar dinikmati oleh Rakyat. Mereka juga kurang puas dengan bentuk nasionalisma Melayu sekarang sebagai asas UMNO, dan mendakwa sebagai satu perkara yang sudah luntur dan lapuk. Mereka ini mahu ideologi baru sebagai landasan perjuangan, sesuai dengan aliran zaman. Di samping itu, mereka juga menyatakan kemajuan yang dijalankan sekarang begitu pesat, sehingga bumiputera telah tertinggal dan tercicir di belakang.

Mungkin sedikit sebanyak dari perasaan ini tidak boleh dinafikan

sama sekali. Namun demikian, saudara haruslah faham bahawa dalam mencapai kemajuan, kita terpaksa mengharungi jalan yang penuh dengan ranjau dan rintangan. Seringkali berlaku pertentangan kepentingan - conflict of interest. Dalam negara yang baru merdeka seperti Malaysia, aspirasi rakyat naik menjulang. Proses pembangunan sentiasa diikuti dengan "rising expectation" di mana hasrat dan aspirasi rakyat melambung lebih tinggi dari kecapaian dan kemampuan kita sendiri. Manakala aspirasi rakyat merupakan hasrat yang tidak ada batasannya, tetapi dalam menggembeling tenaga untuk pelaksanaan kita ada batasan-batasan kepada beberapa faktor, seperti sumber kewangan. Namun demikian, kita tidak akan undur. Kita tidak akan biarkan realiti pahit ini. Kita tidak akan memperjual-belikan prinsip dalam perjuangan kita. Bahkan apa yang diharapkan dari Pemuda dan Wanita ialah mempertinggikan rasa tanggungjawab itu.

Di samping itu, adalah menjadi cita-cita Kerajaan mencapai kemajuan jasmani, selaras dan seiring dengan kemajuan rohani dan moral yang tinggi. Sebagai parti yang mendukung Kerajaan, kita tetap berpegang kepada ajaran Islam dan berpandu kepada RUKUN NEGARA. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak lupakan betapa perlunya diadakan satu tinjauan semula tentang kecapaian dalam soal rohani ini. Tindakan tegas sedang diambil untuk meninggikan taraf pelajaran agama. Semangat Islam (Spirit Of Islam) akan menjiwai semua rakyat Islam di negara ini. Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas mengatasi dan menghapuskan gejala-gejala yang didatangkan dari luar yang boleh meruntuhkan moral rakyat negara kita. Kita memerangi dadah kerana dadah juga mempunyai tujuan politik. Dadah digunakan untuk melemahkan semangat orang-orang Melayu supaya kita menjadi bangsa yang khayal. Kita berusaha menghapuskan pengaruh budaya barat dengan menyuburkan kebudayaan asli kita. Pemuda dan Wanita UMNO, mestilah turut memerangi gejala ini, dengan semangat dan kekuatan yang penuh.

Dinilai dari perspektif yang luas, negara kita telah mencapai kejayaan dalam banyak lapangan. Tetapi lebih banyak lagi perlu dijayakan. Penyertaan setiap warganegara dikehendaki, supaya segala rancangan Kerajaan, mendapat sambutan baik, bukan dingin atau "negative". Semua golongan hendaklah merasa terlibat, dalam semua aktiviti dan gerakan, untuk mencapai keharmonian, ketenteraman, dan kemakmuran negara kita.

Di sinilah perlunya tiap-tiap ahli UMNO, Pemuda dan Wanita, memainkan peranan sebagai penganjur dan penggerak. Masyarakat berbilang bangsa hendaklah dilibatkan supaya mereka tidak menjadi pemerhati atau duduk atas pagar. Kerajaan sentiasa memainkan peranan sebagai pengimbang untuk memastikan bahawa perbezaan dan pembahagian pendapatan yang tidak seimbang tidak terlalu ketara antara yang berada; antara kaum, antara bidang pekerjaan, antara kawasan bandar dan luar bandar dan antara satu negeri dengan negeri yang lain. Semua tujuan dan matlamat ini, boleh dicapai, selagi ada semangat kejujuran, kerjasama dan pengorbanan dari segenap lapisan rakyat. Dan perkara ini perlu dilaksanakan supaya keretakan tidak berlaku.

Dalam soal ideologi, sebagai ganti kepada semangat perjuangan 1946, pada hemat saya, Perlembagaan UMNO, sudah lengkap. Mungkin pendekatannya secara baru yang lebih dinamis diperlukan untuk zaman ini. Namun demikian, kita perlu melengkapkan diri untuk menghadapi cabaran masa depan. Dalam zaman sains dan teknologi ini, keutamaan dan kewajipan kita ialah untuk meresapi segala bidang pengetahuan dan pelajaran. Jika sebahagian besar dari angkatan muda mencapai tujuan ini, dengan bangga, kita boleh menghadapi cabaran masa depan dengan penuh keyakinan. Perlulah kita menyesuaikan atau merubah sikap -attitudinal change- dan menentukan apa yang benar-benar penting sesuai dengan kehendak zaman.

Pergolakan yang berlaku sekarang, menunjukkan satu gejala yang 'rational'. Ia menunjukkan bahawa orang Melayu bukanlah satu masyarakat yang 'passive'. Masyarakat kita bukanlah satu masyarakat yang statik, yang tidak bergerak dengan masa. Tetapi ia membuktikan juga kita adalah satu masyarakat yang sudah sedar, yang bertanggungjawab. Pemimpin parti dan Wakil Rakyat, tidak boleh dianggap sebagai gembala sekumpulan kambing ataupun sebagai Santa Claus. Mereka adalah penganjur satu masyarakat rakyat yang sedar akan tanggungjawab dan hak mereka masing-masing. Tetapi, dalam mencapai matlamat negara-jangka pendek dan panjang, soal keselamatan dan ketenteraman negara perlu diutamakan. Janganlah atas nama kebebasan, seorang itu boleh bertindak tanpa batasan. Perbuatan seperti ini menimbulkan, chaos dan anarki dan menghancurkan negara. Tiap-tiap satu tugas yang diberi, mestilah dipertanggungjawabkan supaya tindakan yang diambil, tidak menimbulkan keadaan yang membawa kepada

perpecahan dan kelemahan parti. Kestabilan parti dan perpaduan ahli UMNO, menjadi perkara yang mesti sama-sama digaja. Ahli-ahli parti hendaklah mengawasi supaya anasir yang cuba memecah-belahkan perpaduan dan keeratan, dipencilkan. Dan saudara mesti yakin, perorganisasi maknanya mengatur tata tertib kehidupan dan perjuangan bagi menguatkan perjuangan. Berorganisasi ertinya menjauhkan perpecahan, dan tindakan sewenang-wenang. Berorganisasi bererti membenamkan kepentingan diri sendiri dan mengutamakan kepentingan cita-cita perjuangan. Dalam organisasi, kita mesti mengurangkan perasaan, mengorbankan hawa nafsu sendiri. Keinginan dan kepentingan diri sendiri hendaklah disalurkan ke dalam kepentingan bersama, iaitu kepentingan cita-cita, dan ideologi parti kita, UMNO.

Kerajaan, sebagai pembawa dan penyebar keadilan dan kebajikan (*purveyor of justice and welfare*) tetap memastikan bahawa kepentingan perseorangan atau golongan kecil, tidak mengatasi kepentingan rakyat jelata yang terbanyak. Parti dan Kerajaan mengamalkan perpaduan menerusi perimbangan. Kita telah mencapai kemajuan. Tetapi kita masih mendapati rakyat luar bandar memerlukan pembelaan. Kemiskinan masih meluas, diantaranya disebabkan oleh kurangnya tanah hakmilik atau mereka tidak mempunyai tanah yang cukup. Satu dasar baru tanah negara untuk membolehkan petani memiliki tanah sendiri akan diadakan. Bagaimanapun, Kerajaan akan memastikan bahawa dasar ini dilaksanakan dengan saksama dan adil. Negara kita bersifat heterogeneous, atau berbilang kaum dan kepercayaan. Kenyataan ini harus diterima dan tidak boleh dielakkan. Namun demikian, setiap kita mesti menyedari bagaimana Perlembagaan negara digubal dan dipersetujui. Kita hendaklah tunduk pada hakikat bahawa Perlembagaan diterima kerana adanya persefahaman dan rasa tolok ansur di kalangan pemimpin kita, semua kaum. Untuk masa depan, kita hendaklah meninjau ke belakang, berpandu dari sejarah, supaya kita dapat pastikan kelemahan kita diatasi menerusi perubahan tertentu. Dan apa yang hendak dicapai adalah sebagai ekor dari persetujuan yang telah diambil di masa lampau.

UMNO merupakan tulang belakang Barisan Nasional. UMNO adalah teras politik dan bangsa Melayu Teras kepada negara. Ramai mentafsirkan bahawa pemimpin yang menguasai UMNO, mereka juga menguasai parti dan seterusnya Kerajaan. Jika hakikat ini diakui kebenarannya, mustahaklah setiap ahli yang dikasihkan

UMNO, termasuk Pemuda dan Wanita, supaya menjaga keutuhan parti, memperkukuh dan memperkuat landasannya, menuju kepada perpaduan negara. Pemuda dan Wanita perlu menentukan pemimpin itu sendiri dari yang jujur dan dedikasi. Dalam sebarang tindakan, perlulah kita mengambil perhitungan, menyediakan persiapan dan perapatkan barisan menghadapi sebarang kemungkinan dan keadaan yang mencabar dalam parti kita.

Pada masa ini, timbul atau sengaja ditimbulkan rasa bimbang dalam kedudukan politik negara kita. Golongan komunis menggalakkan hal ini supaya rakyat ragu-ragu dengan kekuatan dan kemampuan Kerajaan. Anasir antinasional mahu keadaan ini supaya boleh menimbulkan kekacauan. Golongan yang bernafsu besar mahu supaya keadaan ini melemahkan pimpinan parti dan Kerajaan. Sebenarnya, UMNO telah memimpin bangsa Melayu dan seluruh negara secara dinamis, kerana Pemuda dan Wanita adalah tenaga kerjanya. Dalam apa hal juga, kita sedar tentang adanya perbuatan jahat ini. Pemimpinan parti dan Kerajaan tidak rela dengan sebarang perbuatan melemahkan Kerajaan dan akan menentangnyanya dengan sungguh-sungguh.

Tempoh ini, merupakan saat yang penting kerana kita akan menentukan haluan parti kita untuk tiga tahun akan datang. Kita juga akan memilih pemimpin baru untuk Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Demam dan lobby perebutan untuk jawatan dalam majlis tertinggi ini telah menjadi sangat hebat, hingga menarik perhatian dalam dan luar negeri.

Kita semua maklum, pemilihan untuk jawatan tertinggi UMNO tahun ini, agak lebih mendebarakan hati, daripada tiga tahun lalau. Sebab utama ia lebih menggetarkan ialah kerana dekukukan parti kita yang kuat, yang belum pernah tercapai dalam sejarah parti dan negara kita. UMNO dan Barisan Nasional ialah parti yang berkuasa. Bukan saja berkuasa, tetapi parti kita terbukti kuat, berpengaruh dan paling stabil serta padu. Salah satu kesan dan kedudukan parti yang kuat ialah pemimpin yang terpilih dalam pimpinan parti, dengan sendirinya menikmati kedudukan kuat. Inilah rahmat yang dirasakan, bukan saja oleh pemimpin itu sendiri, tetapi juga oleh setiap anggota parti kita.

Sudah sewajarnya jawatan tertinggi parti jadi rebutan. Dengan itu, saudara tentu sekali sudah tahu akan menilai sendiri mana pemimpin sejati dan layak dijadikan ikutan dan tumpangan. Yang Amat Berhormat Tun Presiden, telah menyebut perlunya ahli

membezakan antara batu dan permata. Dan memetik kata seorang pujangga: Dalam menilai pemimpin, khasnya orang politik, yang terpenting bukannya apa yang dibuatnya, tetapi apa yang disembunyikan. What is important, is not what he does, but what he hides! Ini adalah tugas saudara yang penting pada hari esok.

Bagi kami, dalam pempinan parti, kami menyedari benar-benar masalah ini. Pimpinan parti memerlukan pemimpin yang jujur, yang ikhlas, dedikated dan yang taat setianya tidak berbelah bagi kepada parti dan rakyat. Dalam ucapan saya tahun lepas, saya telah mengutarakan Kepimpinan Yang Luhur Semakin parti kuat dan berpengaruh, semakin mendesak masalah yang dihadapi-iaitu memerlukan pemimpin yang tahan uji, yang dedikated, yang tidak rasuah, di segenap peringkat. Bukan saja kita memerlukan pemimpin demikian, demi kepentingan masa depan parti tetapi juga masa depan negara kita. Sebabnya: kita berupa parti yang berkuasa, yang diamanahkan oleh seluruh rakyat, dari segala kaum dan keturunan, untuk mengendalikan negara dan menentukan nasib masa depan mereka.

Pemimpin UMNO, bukanlah jadi pemimpin ahlinya saja tetapi ia adalah pemimpin kebangsaan dan pemimpin negara. Hakikat inilah yang harus kita ingat. Perjuangan MUNO, sebagai komponen Barisan Nasional telah berubah begitu besar dari babak menentang dan menghancurkan Malayan Union kepada perjuangan mencapai dan mengisi kemerdekaan iaitu mempertinggi taraf hidup rakyat, menebuskan ketinggalan bangsanya sendiri, menjadi contoh teladan kepada negara lain, dirantau ini. Pendeknya, ini satu peranan dan tanggungjawab yang tidak termimpi oleh kita semua, sepuluh atau dua puluh tahun dulu. Kita memerlukan pemimpin seperti ini, kerana hanya leadership yang jujur, dedikated dan bersih peribadinya, yang mendapat keyakinan dari ahli UMNO. Dan yang lebih penting seklai, ialah kepercayaan dan keuakinan seluruh rakyat negara ini kepada mereka.

Ada orang bertanya, lepas Tun Razak siapa? Perkara seperti ini tidak sepatutnya dihebohkan kerana kalau terlalu heboh, boleh menimbulkan perasaan tidak tenang dan tidak tenteram di kalangan rakyat. Pemimpin tidak boleh dibuat-buat seperti kita membuat rumah. Pemimpin tidak muncul, semata-mata dengan mendewadewakannya. Nilai pemimpin bukan kerana ia bersifat Robin Hood moden. Sebenarnya, pemimpin yang bakal mewarisi tempat kami, sudahpun ada. Mereka telah sedia lahir. Telah sedia bergerak iaitu

di tengah-tengah rakyat, dari kalangan ahli UMNO dan pemimpin UMNO sendiri ... di tangan-tengah saudara sekalian, Pemuda dan Wanita. Dan tentu pula, mereka akan lahir dari generasi baru, yang sekarang dilatih, dididik, serta diuji. Parti kita memberikan sepenuhnya peluang kepada generasi muda membuktikan kejujuran, kejaguan, keyakinan dan kehandalan mereka menjadi pemimpin, dalam semua bidang. Kita memerlukan tenaga muda sebab mera memberi kesegaran kepada parti kita.

Parti merangkumi golongan yang berbagai aliran fikiran, yang berbagai jenis asalkan tunduk kepada dasar perjuangan parti. Base atau asas serta tapak kita menegakkan parti tidak sempit, tetapi amat luas sekali. Kerana itu wajarlah kalau ada berbagai fikiran dan pandangan dalam parti mengenai berbagai masalah dan issue.

Alhamdulillah, pemimpin yang telah diamanatkan dengan kepercayaan dan keyakinan untuk mengendalikan negara, ialah mereka yang terbukti jujur dan dedicated kepada kewajipan dan tanggungjawab. Pemimpin parti tidak harus memancarkan watak parti saja, tetapi juga watak negara. Pimpinan UMNO sekarang memberi keyakinan kepada rakyat dan kepada dunia bahawa negara ini dikendalikan oleh pemimpin yang moderate, tetapi jujur, dan mempunyai vision. Pemimpin melambangkan rakyat dan melambangkan negara. Kebetulan pula, perhatian besar ditumpukan kepada Perhimpunan Agung kita untuk mencari dan melihat hasil siapa pemimpin dan apa pula dasar yang akan dilaksanakan oleh kerajaan dan parti di masa depan. Sudah tentu, setiap keputusan yang kita buat, dalam Perhimpunan ini, akan diteliti, dikaji dan ditafsirkan oleh rakyat dan oleh dunia kerana keputusan kita menyentuh dan mempengaruhi kehidupan mereka.

Siapakah yang akan kita pilih sebagai pemimpin juga akan diuji, teliti dan ditafsirkan kerana pilihan itu akan memberikan 'leadership trend', masa depan. Perlulah disedari bahawa keputusan dan pilihan pemimpin bukan saja untuk ahli UMNO tetapi sebenarnya, untuk rakyat dari berbagai kaum serta golongan. Ini juga menyentuh kepentingan negara-negara di rantau ini. Kita patut juga menyentuh kepentingan negara-negara di rantau ini. Kita patut juga memastikan bahawa apa yang lahir kelak daripada Perhimpunan ini dapat memperkukuh kejakinan seluruh rakyat terhadap parti kita. Dapat memberikan kesan dan pengaruh dan menafaatkan kepada keadaan dan keadaan kedudukan rantau ini. Tunjukkan kepada rakyat bahawa kita tidak menghampakan mereka. Dan

sesungguhnya kita merasa bertanggungjawab terhadap masa depan mereka dan rantau ini. UMNO mesti lahir dari Perhimpunan Agung ini lebih kukuh, lebih padu, lebih kuat dan lebih gagah dari sebelumnya. Dan kita akan meninggalkan Perhimpunan ini dengan fikiran lebih matang, lebih kuat keyakinan dan kepercayaan kepada diri kepada parti dan kepada negara kita. Perkukuhkanlah ketahanan parti dan ketahanan nasional. Berhati-hatilah dalam semua perkara.

Saya telah menggariskan pendapat mengenai falsafah parti dan tanggungjawab kita kepada negara dan perlunya diwujudkan perpaduan menerusi perimbangan. Perpaduan adalah sendiri kestabilan negara. Perpaduan mengatasi cabaran.

Pada akhirnya, adalah menjadi hasrat parti dan Kerajaan Barisan Nasional menjadikan masyarakat Malaysia ini, satu masyarakat yang berdisiplin, berbudibahasa, beradab tertib dan berhemah tinggi. Adalah menjadi rujukan parti kita UMNO untuk mempertingkatkan kesedaran rakyat terhadap tanggungjawab mereka. Kesedaran yang saya nyatakan ini hendaklah dianggap sebagai kesedaran yang sihat dan perlu disalurkan bagi mencapai matlamat murni iaitu rakyat bahagi, dalam negara yang aman dan makmur.

Saya sudahi ucapan untuk menyatakan harapan agar perbincangan saudara Pemuda dan Wanita berhasil mencapai tujuannya. Dengan nama Allah Yang Maha Besar, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO, yang ke-24.

Terima kasih dan " Selamat Bersidang " .

*Ucapan Tun Hussein Onn merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 20hb. Jun 1975.*

## ANTARA CITA-CITA DENGAN PENCAPAIANNYA

SAYA ucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwata'ala kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNya maka dapat kita pada pagi ini berkumpul beramai-ramai untuk menghadiri satu Persidangan yang besar maknanya untuk menentukan masa hadapan negara dan juga rakyat keseluruhannya. Kita patutlah memohon kepadaNya taufik dan hidayah serta petunjuk agar Persidangan yang akan berjalan pada pagi ini akan lahirkan keputusan-keputusan yang bermunafaat dan akan mencipta satu lagi babak yang bersejarah dalam perjuangan parti, bangsa, agama dan negara kita. Saya yakin dan saya percaya dengan doa restu yang kita pohon bagi persidangan pada hari ini maka kita akan mencapai kejayaan seperti yang kita harap-harapkan.

UMNO seperti yang kita semua sedia maklum telah lahir lebih dari 30 tahun dahulu dan telah dapat berkembang serta menjadi teguh sepanjang masa. Pemimpin datang dan pemimpin pergi tetapi UMNO tetap kukuh dan berkesan perjuangannya. Ini ialah berkat dari perpaduan dan kerjasama yang ada di kalangan ahli-ahli dan semua anggota-anggota UMNO. Kekalnya UMNO disebabkan juga oleh sejenis kebebasan yang wujud di dalam parti ini. Kebebasan tanpa had tidak menjamin kejayaan. Kebebasan dalam demokrasi adalah kebebasan yang bertanggungjawab, iaitu kebebasan yang ada batasan tertentu. Kebebasan jenis inilah yang memainkan peranan yang penting bagi mengekalkan UMNO sebagai pertubuhan politik yang berkuasa. Ahli-ahli UMNO tentu

7 2 1984  
MCI 117  
10/11/84 11 118



*YAB Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad*

sedar dan mesti sedar tentang hakikat ini.

Dalam usaha menjadi keutuhan parti, tiap-tiap seorang dalam parti mestilah faham rukun dan tatasusila parti dalam menjalankan tindak-tanduk mereka. Cara-cara bergerak telah ditentukan. Ahli-ahli yang sayang kepada parti perlu pegang kuat kepada cara-cara bertindak kerana susunan ini menjamin keutuhan parti. Tindakan di luar daripada cara-cara yang tertib akan membawa reaksi dan tindak balas yang sama keras dan sama coraknya. Akibatnya ialah huru-hara dan pecah-belah yang boleh menghancurkan parti. Tiada siapa yang akan beruntung jika parti UMNO ini hancur, tidak mereka yang dikatakan menang dan tidak juga mereka yang dikalahkan.

Oleh itu kita perlu berjaga-jaga sebelum kita melakukan sesuatu supaya dapat kita memisahkan antara kegiatan dan pimpinan yang mengutamakan keutuhan dan kepentingan parti daripada kegiatan dan dorongan yang boleh merosakkan parti. Peranan dan tanggungjawab kita bukan perjuangan kerana perjuangan, tetapi perjuangan yang berlandaskan kepada tata tertib parti dan keutuhan parti.

Pergerakan Pemuda dan juga Pergerakan Wanita UMNO adalah sebahagian dari tubuh badan parti UMNO. Ini juga menjadi satu hakikat yang perlu difaham. Pentingnya fahaman ini dapat dilihat dari sejarah UMNO sendiri. Pada satu ketika pemimpin-pemimpin UMNO berpendapat bahawa pembangunan agama adalah sama penting dengan kegiatan politik yang menyebabkan UMNO ditubuh. Oleh sebab itu Bahagian Ulamak ditubuh sebagai satu daripada Bahagian-bahagian UMNO. Tetapi malangnya bahagian ini telah mengasingkan diri dan memutuskan hubungannya dengan badan yang melahirkannya. Dari Bahagian Ulamak sebuah parti politik lain telah ditubuh. Maka berpecah-belahlah UMNO dan orang-orang Melayu. Perpecahan ini telah terus berada sehinggalah wujud Barisan Nasional.

Peristiwa ini tidak boleh dilupakan. UMNO kuat dan berjaya kerana perpaduan yang terdapat dalamnya. Jika ada perkara yang menimbulkan perasaan tidak puas hati, cara-cara menyuarkan perasaan ini sudah ditentukan. Jika ada perasaan tidak puas hati terhadap pemimpin, ini juga dapat dilahirkan melalui saluran tertentu. Kejayaan mungkin tidak dapat dijamin tetapi selagi saluran ini terbuka, cara-cara lain tidak harus digunakan. Penggunaan cara yang merupakan cabaran atau ancaman bukan

sahaja tidak akan berhasil tetapi akan membawa kepada perpecahan dan kehancuran.

Oleh itu Pergerakan Pemuda dan Wanita harus berhati-hati tentang sikap terhadap parti. Teguran perlu dibuat jika penyelewengan berlaku atau difikir berlaku. Tetapi teguran itu hendaklah merupakan teguran dalam parti oleh sebahagian daripada parti. Jika teguran Pergerakan Pemuda dan Wanita dibuat seolah-olah terbit dari parti lain, perbuatan ini adalah tidak wajar dan mungkin menimbulkan berbagai masalah bagi semua pihak.

Saya telah sebutkan sedikit tentang satu peristiwa dalam sejarah UMNO. Oleh kerana sejarah boleh memberi pelajaran yang berkesan, marilah kita bersama-sama meninjau dengan lebih luas sedikit tentang sejarah UMNO. Peninjauan ini menjadi lebih penting kerana UMNO sudah berusia 30 tahun. Ini bermakna ramai dari saudara-saudari bukan sahaja tidak ada bersama di waktu UMNO dilahir tetapi juga tidak terlibat secara langsung dengan gerak-geri UMNO di tahun-tahun permulaan.

UMNO ditubuh pada tahun 1946 dengan satu objektif sahaja-iaitu menentang Malayan Union. UMNO tidak ditubuh kerana ingin kemerdekaan. Malayan Union yang menjadi sasaran yang sebenar pada mulanya. Oleh itu perhatian dan tenaga ditumpu kepada usaha yang besar dan mudah difahami ini. Semua pihak mudah menyokong tindakan UMNO kerana kejayaannya adalah kejayaan bagi semua orang Melayu. Ketewasan Malayan Union akan membawa kebahagiaan kepada orang Melayu kerana tujuan Malayan Union ialah untuk merampas hak dan menjadikan orang Melayu orang mendatang di negara mereka sendiri. Tidak ada niat dan tujuan lain dalam perjuangan UMNO tahun 1946.

Tetapi apabila Malayan Union ditewas, pemimpin-pemimpin UMNO dengan tidak semena-mena telah mendapat layanan istimewa dari penjajah. Ada yang menjadi Menteri Besar dan pegawai yang tinggi dan ada yang mendapat bintang-bintang kehormatan. Dengan ini maka bermulalah perasaan iri hati dan keretakan dalam UMNO.

Walau bagaimanapun perjuangan diteruskan sehingga kemerdekaan dicapai. Di waktu perjuangan untuk kemerdekaan, iri hati terhadap ahli dan pemimpin UMNO yang mendapat tempat dan pangkat tidak menjadi-jadi sangat. Seperti perjuangan menentang Malayan Union, perjuangan untuk kemerdekaan mudah

difaham dan berjaya mengembeling tenaga semua pihak dalam UMNO. Tetapi selepas kemerdekaan dicapai dan lebih ramai ahli UMNO dan juga orang Melayu mendapat manfaat dan nikmat maka iri hati bukan sahaja timbul semula tetapi telah bertambah. Dengan ini bibit-bibit perpecahan mula tumbuh dan kembang.

Sungguhpun UMNO mempunyai hasrat dan matlamat yang besar bagi bangsa, agama dan negara, tetapi semakin lama semakin kecil perkara-perkara yang menarik minat dan tindakan dari ahli UMNO. Minat dan tindakan pula tidak ditujukan kepada pembangunan tetapi ke arah keruntuhan dan kejatuhan sesuatu ataupun seseorang.

Jika trend ini berterusan UMNO akan menjadi lebih lemah. Jika UMNO menjadi lemah maka kesannya akan dirasai bukan sahaja oleh generasi ini tetapi lebih-lebih lagi oleh generasi yang akan mewarisi pertubuhan ini, iaitu Pemuda dan pergerakannya dalam UMNO.

UMNO tidak wujud untuk pemimpinnya. Semua pemimpin adalah sementara. Mereka akan pergi dan akan diganti oleh pemimpin yang baru. Tetapi pemimpin dan kepimpinan adalah penting bagi pertubuhan. Sementara pemimpin tidak perlu dipertahankan semata-mata kerana ia pemimpin, ianya juga tidak harus dilemahkan dengan sengaja. Tidak ada kebaikan dari kepimpinan yang lemah sepertimana tidak ada manfaat dari pertubuhan yang lemah.

Oleh itu adalah penting semua pihak, khususnya mereka yang akan mewarisi pertubuhan ini menentukan supaya UMNO ini kekal dengan kepimpinan dan keahlian yang kuat. Untuk menjamin kekuatan ini perkara yang kecil perlu diketepikan. Soal peribadi juga tidak penting. Yang penting ialah hasrat dan tujuan UMNO ditubuh dan apakah pemimpin memperjuangkan hasrat ini. Yang penting ialah sokongan dan kepercayaan kepada perjuangan dan keupayaan parti.

Masalah peribadi, masalah siapa dahulu siapa kemudain siapa naik siapa turun adalah perkara kecil. Kita perlu ketepikan perasaan kita terhadap perkara ini. Kita perlu tumpukan perhatian dan tenaga kita semata-mata kepada perjuangan untuk menjayakan bangsa, agama dan tanahair.

Setiap anggota UMNO mahupun Pemuda ataupun Wanita haruslah memahami dan mengamalkan sikap ini. Kita harus pada ketika ini menghidupkan balik semangat perpaduan seperti yang

telah lahir pada masa kita berjuang untuk mencapai kemerdekaan dahulu. Saya suka di sini memberi sedikit ingatan iaitu jangan sekali-kali kita khayal dan sangkakan bahawa kemerdekaan yang telah kita capai itu akan berkekalan secara automatis. Kekal atau tidak kemerdekaan kita bergantung kepada kesedaran kita dan sikap bertanggungjawab dalam tiap-tiap sesuatu yang dilakukan oleh kita.

Adalah menjadi satu hakikat iaitu satu generasi mempunyai tanggungjawab terhadap zamannya. Oleh sebab itu adalah mustahak kepimpinan dalam satu-satu generasi selaras dengan zamannya. Ini adalah perlu kerana pemimpin serta aspirasi satu-satu generasi hanya akan dapat difaham oleh generasi tersebut sahaja. Saya yakin dan saya percaya generasi muda dalam UMNO tahu apakah peranan yang harus dimainkan oleh mereka bagi mengukuhkan dan mengembangkan parti UMNO. Saya percaya mereka mempunyai kesedaran dan keyakinan terhadap diri sendiri untuk meneruskan perjuangan yang telah dirintis dan diusaha oleh generasi yang lama.

Saya telah menyebutkan beberapa ketika yang sudah bahawa minat orang-orang muda terhadap UMNO adalah kurang pada masa ini. Pihak generasi muda di dalam UMNO haruslah membuat kajian mengapa keadaan ini berlaku. Apakah ini disebabkan oleh UMNO sudah menjadi sombong dan bongkok dan tidak memperjuangkan lagi kepentingan orang di luar UMNO? Atau apakah disebabkan oleh kurang fahaman tentang cara dan peranan yang dimainkan oleh UMNO? Mungkin juga generasi yang baru ini mempunyai minat di bidang lain dan menganggap politik sebagai tidak penting. Mungkin pula mereka berpendapat bahawa hak dan kedudukan mereka terjamin kerana selama-lamanya mereka akan dipertahankan oleh Kerajaan-kerajaan yang bersimpati dengan mereka.

Semua ini perlu dikaji dengan teliti. Keluhan dan tangisan tidak ada tempat. Sesuatu itu tidak berlaku tanpa sebab. Kita perlu kaji dan kita perlu tahu kerana cuma dengan cara ini sahaja dapat kita bertindak membetul atau mengatasi masalah kekurangan minat di kalangan belia terhadap UMNO.

Tindakan yang saudara akan lakukan bukanlah kerana saudara-saudari tamak dan ingin berkuasa. Usaha mempertahankan UMNO dan mengukuhnya adalah penting bagi belia sendiri, samada di dalam atau di luar UMNO. UMNO masih merupakan satu agensi

yang penting bagi membangunkan orang Melayu. Samada belia di luar UMNO faham atau tidak, sebagai orang yang bertanggungjawab, saudara-saudari perlu berusaha supaya UMNO terus mendapat sokongan dari generasi muda.

Hanya dengan sikap dan tindakan seperti ini sahajalah UMNO akan terus menjadi pertubuhan politik yang dinamis, dan saudara-saudari akan menjadi pemimpin yang sebenarnya. Jika pada masa-masa yang akan datang keahlian UMNO merosot kerana tidak ada usaha secara sistematis mengkaji dan membetulkan keadaan dalam UMNO, tidak ada siapa lain yang boleh disalahkan. Oleh itu saya ingin memperingatkan saudara-saudari dalam masalah ini.

Kita harus ingat juga iaitu segala tindakan yang kita lakukan pada masa ini akan mecorakkan keadaan pada masa yang akan datang. Ini bermakna segala apa yang kita lakukan sekarang akan menjadi asas pada bentuk dan keadaan yang akan diwarisi pada masa akan datang. Memandangkan kepada keadaan yang mungkin berlaku pada masa akan datang saya berharap agar generasi muda dalam UMNO akan dapat bertindak dengan lebih bertanggungjawab serta dengan sikap yang lebih positif. Mengkritik memang penting tetapi mengkritik serta mengeluarkan suara yang lantang sahaja tidak akan bermakna bahawa kita sudah menjalankan tugas kita dan bertindak secara bertanggungjawab. Kita haruslah memainkan peranan yang boleh membuahkan hasil bagi mengisi cita-cita kita.

Kegiatan politik tidak terhad kepada penentuan dasar dan pentadbiran negara sahaja. Perkara-perkara lain yang menentukan sikap atau membentuk masyarakat juga termasuk dalam sikap atau membentuk masyarakat juga termasuk dalam bidang tugas pertubuhan politik. Ini ialah oleh kerana sikap dan bentuk masyarakat menentukan politiknya. Politik yang demokratik umpamanya adalah hasil dari nilai-nilai yang liberal di kalangan masyarakat. Lebih liberal nilai masyarakat lebih liberallah sikapnya dalam politik. Keruntuhan akhlak dalam politik Barat adalah hasil keruntuhan nilai moral masyarakat liberal Barat.

Oleh itu adalah penting pertubuhan seperti UMNO ini mengambil bahagian dalam membentuk nilai-nilai masyarakat. Pentingnya penglibatan UMNO dalam bidang ini menjadi lebih nyata kerana di masa-masa yang lampau ini kesan kebudayaan dan nilai asing nampaknya sudah kembang dan berjaya membentuk sikap yang tidak sihat di kalangan orang Melayu, khususnya pemuda dan pemudi di negara ini.

Manusia biasanya lebih mudah dipengaruhi oleh nafsu dan perasaan benci dan marah. Agama, khususnya agama Islam, dan kebudayaan, terutama kebudayaan Timur, membentuk peribadi yang lebih mulia yang tidak mudah dipengaruhi oleh nafsu dan perasaan benci dan iri hati tadi. Di waktu ini terdapat satu pertandingan antara pengaruh nafsu dengan pengaruh agama dan kebudayaan. Yang lebih merunsing lagi ialah mereka yang kononnya berjuang untuk kebaikan menggunakan nafsu dan perasaan iri hati serta benci sebagai alat. Mereka berbuat demikian kerana kesan perasaan-perasaan ini adalah lebih kuat dan lebih mudah menjayakan kepimpinan mereka.

Sebab ini kita dapat lihat dalam persaingan antara golongan-golongan dalam masyarakat Melayu khasnya, terdapat lebih banyak kecaman terhadap sesuatu daripada kelahiran perasaan kasih sayang kepada cita-cita yang diperjuangkan. Jika kepentingan kebangsaan diperjuangkan, bukan kasih kepada bangsa yang disebut dan tindakan yang positif kerana perasaan kasih sayang ini, tetapi kebencian kepada orang yang kononnya tidak terdorong oleh perasaan kebangsaan yang di sebut-sebut dan ditonjolkan. Kadang-kadang dalam usaha kononnya memperjuangkan kebangsaan, cara-cara yang buruk seperti mengumpat dan membohong dipergunakan.

Jika agama diperjuangkan, lagi sekali bukan kebaikan agama yang disebutkan tetapi keburukan orang lain yang kononnya tidak begitu mengamalkan ajaran-ajaran yang disarankan. Jika yang dijadikan sasaran itu mengamalkan ajaran Islam, tuduhan dibuat juga berasas kepada berbagai jenis pembohongan dan kesalahan lain yang sengaja direka. Tujuannya ialah semata-mata ingin menyakit hati dan menimbulkan perasaan benci kerana perasaan ini lebih mudah mempengaruhi manusia daripada perasaan kasih sayang.

Cara-cara yang buruk ini mungkin memberi kejayaan tetapi kejayaan ini tidak akan selamat dan tidak akan kekal. Mereka yang menggunakan cara-cara ini akhirnya akan ditewaskan dan dimusnahkan dengan cara ini juga. Pepatah berkata "Those who live by the sword shall perish by the sword". Mereka yang memperalatkan senjata akan dimusnah oleh senjata.

Tidak ada tempat dalam UMNO bagi cara-cara yang buruk ini. Pemuda dan Wanita perlu sedar dan faham bahawa UMNO ditubuh kerana kita sayang kepada bangsa, agama dan tanahair. Kerana sayang kepada bangsa, agama dan tanahair kita sanggup bertungkus-

lumus dan mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit. Oleh itu dalam keadaan sekarang di mana terdapat golongan-golongan yang suka menggunakan perasaan benci, iri hati dan nafsu untuk mendapat pengaruh, Pemuda dan Wanita UMNO perlu berjuang dengan lebih kuat lagi untuk mengembalikan masyarakat jalan yang benar dan luhur.

Pemuda dan Wanita perlu berjuang berasas kepada kebaikan UMNO dan tidak perlu menimbulkan kebencian kepada sesuatu atau sesiapa untuk mendapat pengaruh. Kepentingan Kebangsaan Melayu perlu diperjuangkan kerana ini adalah baik bagi orang Melayu dan bagi Negara. Begitu juga agama perlu diperjuangkan kerana agama Islam membawa kepada kebahagiaan kepada kita semua. Perbuatan memperjuangkan agama Islam melalui sindiran dan perasaan benci dan iri hati adalah perbuatan yang mencemarkan agama. Ini tidak harus dilakukan oleh orang-orang UMNO.

Di waktu kita bersidang dalam Dewan ini dengan keadaan yang tenang kita harus ingat bahawa perjuangan yang berasas kepada iri hati dan benci telah membawa keazaban kepada orang lain. Di Timur Tengah di waktu ini orang Arab sesama Arab, bahkan orang Islam sesama orang Islam sedang berperang dan bunuh-membunuh. Perkara yang sedih ini berlaku kerana cita-cita agung, iaitu merebutkan balik Baitul Makdis dari tangan Yahudi sudah dilupakan. Yang diutamakan ialah iri hati dan benci antara satu kumpulan orang Arab dengan orang Arab yang lain, antara satu kumpulan orang Islam dengan orang Islam yang lain. Akibatnya ialah kecelakaan yang dahsyat bagi semua golongan. Begitu ramai orang Islam mati tetapi orang Israel tidak sedikit pun terjejas.

Nafsu dan perasaan yang buruk bukan asas yang sihat bagi perjuangan. Dalam UMNO asas perjuangan adalah PATRIOTISMA dan kasih sayang kepada bangsa, agama dan tanahair. Walau apa sekalipun yang dilakukan oleh pihak lain, saya ingin mengingatkan saudara-saudari bahawa cuma PATRIOTISMA dan kasih sayang sahaja yang boleh dijadikan asas perjuangan UMNO. Tidak ada tempat bagi asas yang lain dan tidak ada tempat bagi pemimpin yang ingin kepada asas yang lain.

Pemuda dan Wanita yang menyertai perjuangan UMNO adalah pemimpin masyarakat kerana kebanyakan daripada ahli masyarakat tidak menyertai politik. Sebagai pemimpin mereka harus faham peranan dan tugas seorang pemimpin. Ada pendapat yang diterima oleh segolongan orang iaitu pemimpin adalah mereka yang cuma

menyuarakan dan memperjuangkan pendapat dan hasrat orang ramai. Samada pendapat itu tepat dan lebih tidak dipersoalkan. Walaupun pendapat dan tuntutan ramai itu akan membinasa masyarakat itu sendiri juga tidak diambil kira. Yang penting bagi golongan ini ialah oleh kerana menyokong tuntutan ramai mereka boleh menjadi popular, maka mereka sanggup memperjuangkan apa saja. Begitu juga jika sesuatu amalan ramai adalah buruk, maka pemimpin jenis ini akan berdiam diri kerana menentang amalan buruk ini akan menjadikan mereka tidak popular.

Sebenarnya orang seperti ini bukan pemimpin. Mereka adalah oportunist yang cuma kenal peluang bagi menjayakan diri mereka. Mereka tidak peduli tentang apa akan jadi kepada masyarakat. Mereka tidak sanggup menempuh jalan yang sukar dilalui walaupun untuk kebaikan. Mereka cuma mahu jalan yang mudah sahaja.

Pendapat dan sikap seperti ini tidak ada tempat di kalangan pemimpin-pemimpin di semua peringkat dalam UMNO. Kita tidak hanya harus mengikut dan memeralatkan pendapat ramai. Kita harus meneliti pendapat ini terlebih dahulu untuk mengetahui samada faedah dan kebaikan akan tercapai kerana memperjuangkannya. Jika pendapat ramai didapati mungkin merosak mereka yang menuntutnya, sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, dari parti yang juga bertanggungjawab, kita perlu cuba membetulkan balik pendapat ramai. Kita perlu bentuk fikiran ramai supaya mereka tidak menerima akibat buruk walaupun usaha ini akan menjadi kita tidak popular. Pemimpin bukan sahaja dikehendaki mengikut kehendak ramai tetapi juga membentuk fikiran dan sikap ramai ke arah kebaikan. Sebahagian yang besar dari kegagalan orang Melayu dalam berbagai bidang ialah disebabkan kepimpinan yang mengutamakan populariti semata-mata. Walaupun sesuatu itu buruk, asalkan disukai ramai ada saja pemimpin yang sanggup memperjuangkannya. Akibatnya ialah lebih banyak masa dihabiskan kerana memperjuangkan atau mempertahankan sesuatu, daripada melaksanakan apa yang jelas baik bagi masyarakat.

Sebagai pemimpin UMNO sekarang dan untuk masa depan fahaman tentang peranan dan tanggungjawab saudara-saudari perlu diketahui betul-betul. Adalah lebih baik kita hancur kerana menjaga kepentingan penganut UMNO dan orang Melayu serta negara daripada kita menjadi popular dengan memimpin kaum bangsa kita ke arah kecelakaan. Biarkan orang lain menjadi popular

keran populariti yang mudah dan mudah adalah sementara. Akhirnya kejayaan adalah bagi mereka yang berpegang kepada kebaikan dan kebenaran.

Pentingnya kepimpinan seperti ini menjadi lebih lagi kerana negara sekarang menghadapi cabaran dari pegganas komunis. Untuk mencapai kemenangan secepat mungkin sepenuh tenaga dan wang ringgit mesti disalurkan kepada peperangan rakyat yang sedang kita lancarkan. Tenaga dan wang ringgit untuk peperangan bermakna lain-lain kehendak terpaksa diturunkan prioritinya.

Sejak kita merdeka rakyat telah leka dengan berbagai jenis pembangunan. Mereka telah dilayan bukan sahaja dengan kemudahan yang penting seperti sekolah dan klinik, tetapi juga dewan orang ramai yang akhirnya digunakan sebagai tempat simpan kambing atau biarkan runtuh dan lain-lain pembangunan yang kurang berfaedah. Asyik dengan layanan yang biasa didapati dengan mudah, mereka tentu tidak sanggup bersabar sementara tenaga dan wang Kerajaan ditumpukan kepad peperangan. Walaupun kita sudah berperang mereka akan terus mendesak dan menuntut itu dan ini. Sesiapa yang cuba mengubah sikap mereka tidak akan menjadi popular.

Di sini wujud satu ujian kepimpinan bagi orang-orang UMNO. Apakah kita sanggup menjadi tidak popular kerana kita sedar peperangan terhadap komunis adalah lebih penting atau kita utamakan populariti diri kita walaupun kesannya mungkin kecelakaan bagi bangsa dan negara?

Saya tidak syak bahawa bagi setengah-setengah pemimpin lain, keutamaan bagi mereka adalah populariti. Mereka akan menimbulkan masalah layanan terhadap rakyat walaupun layanan ini akhirnya akan menghancurkan rakyat. Mereka akan mendedahkan dan mempamerkan kekecewaan rakyat sengaja untuk menarik perhatian dan sokongan kepada diri mereka.

Tetapi bagi pemimpin UMNO, tugas dan tanggungjawab adalah jelas, kita tidak mahu populariti, kerana populariti. Walaupun rakyat akan menjerit akan mengecam kita, yang mesti diutamakan ialah kebahagiaan yang cuma akan dicapai melalui kemenangan perang terhadap komunis. Lebih besar kesanggupan rakyat mengorbankan kehendak mereka yang tidak begitu penting lebih mudah dan lebih cepat kemenangan akan dicapai. Lebih cepat menang lebih awal lagi dapat kita sekali lagi menumpukan perhatian kepada tuntutan dan rintihan rakyat.

Peperangan menentang komunis adalah peperangan rakyat. Peperangan ini menjadi peperangan rakyat bukan kerana diisytihar sebagai peperangan rakyat tetapi kerana peperangan ini melibatkan semua lapisan rakyat, samada miskin atau kaya, lelaki atau perempuan; Melayu, China atau India. Semua rakyat akan merasai kesan-buruk dari peperangan ini.

Bagi yang miskin umpamanya, kesan pertama ialah kurangnya peruntukan wang untuk pembangunan. Pembangunan di negara ini ditumpukan kepada pembasmian kemiskinan. Bertambahnya peruntukan untuk peperangan bermakna peruntukan untuk membasmi kemiskinan akan berkurangan. Bagi yang kaya peperangan akan menyusah kehidupan dan menyekat perniagaan mereka. Jika perniagaan mereka tersekat, kehidupan mereka dan pekerja yang bergantung kepada perniagaan mereka juga akan terancam.

Dalam serangan mereka, penganas komunis tidak akan membeza antara miskin dan kaya, atau antara kaum dengan kaum. Jika mereka berjaya barang sedikit pun semua pihak akan merasai penindasan mereka. Perkara ini sudah berlaku di lain-lain negara. Tidak ada satu sebab yang ini tidak akan berlaku di sini.

Bagi orang Melayu khususnya, agama mereka akan terancam. Komunis tidak akan membeza agama Islam orang miskin dan agama Islam orang kaya. Sekarang ini pun mereka telah mencuba menghancurkan kepercayaan semua orang Melayu, samada miskin atau kaya, kepada agama Islam.

Tentulah jelas kepada kita semua bahawa semua pihak ada kepentingan masing-masing yang mesti dipertahankan dalam peperangan menentang komunis. Saya perlu terangkan dan tegaskan perkara ini kerana satu ucapan saya di Perak telah diputarbelitkan oleh akhbar *The New Straits Times* dua minggu dahulu. Sungguhpun dalam ucapan itu saya menegaskan bahawa "Peperangan menentang Komunis BUKAN peperangan kelas tetapi adalah peperangan ideologi" atau "The war against the Communists is NOT A CLASS WAR, but is an ideological war", pihak *New Straits Times* kerana, sebab-sebab yang saudara-saudari tentu faham, telah melaporkan bahawa saya berkata, "Peperangan menentang Komunis BUKAN sahaja peperangan kelas, tetapi adalah juga peperangan ideologi", atau *The war against the Communists is NOT JUST A CLASS WAR, but also an ideological war.*"

Laporan putarbelit ini sudah tentu mengelirukan rakyat dan

mungkin menimbulkan perasaan di kalangan orang yang miskin dan pekerja-pekerja bahawa perang ini adalah antara orang kaya dengan orang miskin, dan mereka tidak seharusnya menyertai di sebelah orang kaya. Kesan laporan seperti ini tentulah nyata. Oleh itu adalah penting kita semua ahli dan pemimpin UMNO dari Pemuda, Wanita dan UMNO dewasa, memahami dan menerangkan tentang anti-komunis ini. Ini menjadi tanggungjawab saudara-saudari dan juga saya sendiri. Dalam perang melawan komunis UMNO mesti memainkan peranan yang utama. Kita mesti menjadi lidah dan suara kerajaan dan rakyat. Kita perlu berusaha mengembelikan semua tenaga untuk menentukan ancaman pengganas komunis bukan sahaja ditewas dan dihancurkan tetapi ditewas dan dihancurkan secepat mungkin.

Dalam ucapan pembukaan saya ini, saya telah menempuh cuma sebahagian sahaja daripada tugas dan tanggungjawab UMNO, khususnya Pemuda dan Wanita, sebagai parti yang mendukung Kerajaan. Saya tidak menempuh tentang peranan kita dalam masalah ekonomi, pelajaran, kebudayaan, dadah, jenayah, hubungan kaum, dan lain-lain lagi. Tetapi walaupun saya tidak dapat ulaskan semuanya ini satu persatu, saya percaya saudara-saudari sebagai pemimpin UMNO faham secara umum tugas dan tanggungjawab. Memandang kepada begitu banyak masalah yang kita hadapi dan tindakan yang perlu diambil tentulah tidak wajar kita menimbulkan masalah-masalah kecil ataupun mempersoalkan "Apakah ada dalam perjuangan ini untuk diri saya?" ("What is there is this for me?"). Perjuangan kita melalui parti ini bukanlah untuk kebanggaan atau kepentingan diri. Jika seorang dari bangsa kita mencapai kejayaan, kita semua mesti berbangga seolah-olah kita semua berjaya. Sebaliknya kegagalan seorang dari kita mesti menyedihkan kita semua.

Begitu juga sebagai parti yang memimpin negara ini apa juga kejayaan negara kita, kita semua mesti berbangga dengannya. Sepertimana dalam bidang sukan kita berbangga dengan kejayaan pasukan hoki dan badminton kita, kita perlu berbangga dengan kejayaan yang dicapai oleh negara atau warganegara kita.

Jika kita faham tentang semua ini dan kita menentukan sikap kita berasas kepada fahaman ini, saya percaya, Insya Allah, kita akan berjaya dan Negara kita akan mencapai kemenangan dan kejayaan.

UMNO ditubuhkan dengan cita-cita yang tinggi lagi mulia.

Cita-cita tidak akan menjadi kenyataan tanpa usaha. Tidak ada sesuatu dalam dunia ini yang mudah. Pencapaian cita-cita juga tidak mudah. Tetapi jika ada ketekunan dan tabah hati dalam usaha, jika ada kerendahan diri dan taqwa kepada Allah, lambat laun Insya Allah semua akan tercapai. Kejayaan adalah bagi mereka yang berusaha.

Dengan ini, dengan berdoa ke hadrat Allah Subhanahuwata'ala supaya diberi taufik dan hidayah kepada para peserta dan kita semua yang bersidang pada hari ini, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Persidangan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita UMNO bagi tahun 1976.



*Ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 1hb Julai 1976.*

## KEPIMPINAN PEMIMPIN

ALHAMDULLILLAH, syukur kita kepada Tuhan Yang Maha Kuasa kerana dengan limpah rahmatNya dapat kita sekali lagi berjumpa pada pagi ini untuk terus menjayakan perjuangan kita untuk mencapai matlamat-matlamat yang telah kita rancangkan semasa UMNO ditubuhkan dahulu. Kita juga harus bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwata'ala kerana telah diestuiNya segala langkah dan tindakan yang telah kita lakukan demi mendirikan kebahagiaan negara, bangsa dan agama. Tugas kita belum tamat dan tidak akan tamat. Oleh itu kita, akan teruskan perjuangan kita dan dengan penuh takwa dan kesedaran kita pohonkan kepada Tuhan taufik dan hidayah, mudah-mudahan berhasillah perjuangan yang suci ini. Kita juga berdoa ke hadrat Allah Subhanahuwata'ala agar perjumpaan kita pada pagi ini mendapat sepenuh restu.

Perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita bagi tahun ini sudah tentu tidak sama iklimnya dengan tahun lepas. Yang pertamanya tahun ini bukan tahun pemilihan pemimpin dan yang keduanya wakil-wakil, pemuda-pemuda khususnya, tentu masih merasai sedih kerana telah hilang pemimpin pilihan mereka, iaitu Tan Sri Syed Jaafar Albar, Singa UMNO, pejuang bangsa dan negara yang telah kembali ke rahmat Allah semasa berada dalam perjuangan.

Saya tidak dapat menjadi hipokrit dengan mendakwa bahawa saya selalu memandangi tinggi perjuangan Allahyarhan Tan Sri Syed Jaafar Albar tetapi saya tidak dapat nafikan perannya dalam membangunkan UMNO, mengembangkannya keseluruh negara

dan menolong menjayakan segala usaha dan cita-citanya. Ketokohnya tidak terhad kepada UMNO sahaja, tetapi meliputi negara. Sebab itu jenazahnya ditempatkan di tempat yang sesuai dengan peranan politiknya terhadap negara. Sebagai ahli pidato yang berkesan, tidak ada siapa di dalam atau di luar UMNO yang setanding dengan Albar. Sebagai pemimpin, Albar sama-sama memikul beban parti kita dari masa yang ianya dipandang rendah dan hina sehingga UMNO menjadi parti pemerintah yang boleh memberi kebahagiaan dan kemuliaan secara langsung kepada anggotanya. Kegigihan Albar tidak boleh disangsi, begitu juga kesanggupannya menghadapi aneka cabaran.

Setahun dalam perjuangan parti politik adalah satu jangka masa yang panjang tetapi juga singkat. Dari segi arus dan peristiwa politik, satu tahun boleh membawa kehancuran atau kebahagiaan, dan berbagai lagi kejadian yang bermakna dan berkesan. Tetapi satu tahun amatlah pendek untuk menunaikan janji, merancang dan menjayakan sesuatu tujuan ataupun cuma menyusun gerak langkah untuk mencapai sesuatu matlamat.

Bagi Pemuda UMNO setahun yang lepas mencerminkan hakikat ini. Tahun 1976-77 memperlihatkan berbagai peristiwa yang malang dan sedih. Saudara Pemangku Ketua Pemuda dan semua ahli tentu faham apa dianya peristiwa-peristiwa ini. Sebaliknya dari segi kecapaian beberapa rancangan yang dirancang oleh Allahyarham Tan Sri Albar dan rakan-rakannya serta juga oleh Pemangku Ketua, bukti kejayaan tidak begitu jelas dan ketara.

Saya percaya walau apapun kemalangan yang menimpa dan kegagalan yang menyerang Pergerakan Pemuda, mereka tidak mudah kecewa atau tidak "frust" mengikut istilah moden yang amat un-Islamic dan akan teruskan perjuangan mereka sehingga kejayaan menjadi satu kenyataan kepada semua pihak.

Pergerakan Wanita pada tahun yang lalu nampaknya bergerak maju dalam keadaan yang tenang. Oleh itu kita tidak selalunya mendengar tentang peristiwa-peristiwa yang melibatkan mereka. Bagi suratkhbar yang bergantung kepada yang sensational, Pergerakan Wanita amat mengecewakan. Tetapi dari segi parti, kegiatan wanita yang secara senyap-senyap menyusun perkembangannya dan menarik sokongan kepada parti, nilai dan kesan kegiatan wanita amat berharga.

Dalam hidup tradisi Melayu, wanita memang memainkan peranan yang penting dan utama. Masyarakat Melayu tidak akan

perupakan Melayu tanpa pegangan wanita kepada keluargaan yang sihat dan kesanggupan bekerja sementara lelaki asyik berhujah dan berpolitik dalam ertikata yang asli. Tradisi wanita ini telah dibawa masuk ke dalam UMNO dan hasilnya ialah UMNO menjadi kukuh dan mencapai kemenangan setiap masa. Tradisi ini juga menyebabkan gambaran keterangan dalam perjuangan wanita sehingga kadang-kadang kita lupa kepada peranan mereka. Tetapi saya percaya Presiden UMNO dan semua ahli Majlis Tertinggi serta lain-lain pemimpin UMNO tidak pernah tidak menghargai peranan yang dimainkan oleh wanita.

Ada satu pepatah yang berkata "No news is good news". Jikalau tidak ada peristiwa buruk berlaku tidak akan ada berita yang dilaporkan. Suratkhbar sekarang lebih asyik melapor berita buruk dari yang baik. Jika sesuatu yang buruk berlaku kepada Malaysia umpamanya semua majalah asing akan laporkan dengan terperinci. Bagitu juga kalau suratkhbar, terutama yang harap mencari makan dari penderitaan orang lain.

Oleh kerana Wanita UMNO jarang terlibat dengan peristiwa yang buruk maka kadang-kadang tidak ada laporan sama sekali berkenaan dengannya. Ini adalah alamat baik. Jadi jangan wanita berasa tersinggung atau sedih kerana ukuran inci ruangan suratkhbar yang dipenuhi oleh cerita wanita begitu pendek bagi tahun 1976-77. Wanita wujud bukan untuk memperkayakan media massa. Wanita wujud kerana penyertaan wanita Melayu dalam politik adalah penting dan berkesan.

UMNO kini telah melangkah masuk ke usia yang ke-31 tahun bagi sebuah badan siasah 31 tahun bermakna UMNO sudah lama dewasa dan sepatutnya matang dalam politik. Memang kecerdasan dan kematangan ini terbukti dalam gerak-geri dan kejayaan yang dicapai oleh UMNO.

Tetapi kita juga harus ingat bahawa kejayaan atau sukses biasanya mempengaruhi dan mengubah sikap manusia dan masyarakat. Biasanya sukses menjadikan seseorang atau sesuatu masyarakat itu sombong dan bongkak. Soal yang kita harus tanya ialah apakah UMNO sudah atau belum terpengaruh oleh kejayaannya? Apakah UMNO atau ahli-ahlinya sudah menjadi sombong dan lupa daratan?

Saya ingin menjawab bahawa tidak ada bukti yang UMNO telah dipengaruhi oleh kejayaannya dan masih bersikap satu kumpulan orang yang tertindas yang cuma ingin membela hak yang adil dan saksama. Saya ingin berkata demikian, tetapi malangnya ini tidak

seratus peratus benar. Walaupun UMNO belum lupa daratan seperti telah terjadi kepada setengah parti yang terlalu kuat di Malaysia, namun tanda-tanda pengaruh kejayaan terhadap sikap ahli UMNO sudah ada.

Umpamanya perpaduan yang dianggap begitu penting di waktu UMNO ditubuh di zaman penjajah, tidak lagi begitu dihargai. Kononnya kita mesti usaha betulkan perkara ini dan ini di dalam UMNO walaupun kesannya ialah melemahkan dan mungkin menghancurkan UMNO.

Memandang kepada perubahan sikap ahli UMNO terhadap perpaduan, maka musuh-musuh UMNO pun tidak segan-segan lagi menyertai usaha membetulkan UMNO ini. Mereka ini, yang bukan ahli UMNO dan tidak tertakluk kepada peraturan-peraturan UMNO, dengan lantang mengkritik, bukan UMNO, kerana kata mereka, dengan nada yang penuh simpati UMNO adalah benteng pertahanan orang Melayu, tetapi penyelewengan yang kononnya berlaku dalam UMNO yang melemahkan benteng yang orang Melayu harapkan ini.

Mereka ini menunjuk kepada perbuatan pemimpin-pemimpin UMNO, atau peristiwa-peristiwa dalam UMNO atau pendirian UMNO terhadap sesuatu perkara yang dikatakan oleh mereka menyerang orang Melayu atau UMNO sendiri, sebagai bukti penyelewengan UMNO dalam menjalankan tugas sucinya. Mereka ini akan membincang, menulis dan berucap tentang peranan UMNO mempertahankan orang Melayu khususnya dan negara amnya, bukan sebagai musuh tetapi sebagai orang yang kononnya penuh simpati dengan UMNO, yang cuma ingin melihat UMNO kekal dan kuat untuk menjalankan tugasnya. Kadangkala bila membaca tulisan mereka kita hampir percaya bahawa penulis adalah ahli UMNO yang sayang kepada pertubuhan ini dan ingin memeliharanya ataupun lebih daripada itu. *They are more UMNO than UMNO.*

Dahulu di waktu musuh UMNO tetap berlagak sebagai musuh dan mengkritik semua perbuatan sikap ahli UMNO terhadap mereka amatlah mudah. Ahli UMNO merapatkan barisan dan bukan sahaja mempertahankan UMNO tetapi dengan pintar dan berani, menyerang musuh-musuh ini. Perbuatan musuh menyerang UMNO cuma mengukuhkan dalam UMNO.

Tetapi sekarang, oleh kerana musuh menukar tektik dan berlagak sebagai penyokong secara tidak langsung, penentuan sikap ahli UMNO terhadap mereka tidak begitu mudah. Terpengaruh dengan

sikap bersimpati musuh jenis baru ini, sebahagian dari ahli UMNO tidak lagi menganggap mereka ini sebagai musuh yang ingin hancurkan UMNO, tetapi sebagai penyokong di luar pagar. Oleh itu pada mulanya ahli UMNO sanggup menerima sokongan dari orang di luar pagar ini, dan selepas dari itu ahli UMNO pula menjadi penyokong orang ini apabila mereka mengecam UMNO. Dengan ini maka hilanglah keutuhan UMNO dan dianya menjadi satu gelanggang di mana berbagai pendapat dan desakan dipertarungkan. UMNO dalam bentuk ini tidak lagi parti politik seperti dicipta dahulu, tetapi adalah semata-mata forum atau gelanggang perbahasan yang bebas.

Apabila UMNO sudah menjadi forum dan bukan parti lagi maka lebih ramai lagi muncul mereka yang ingin menggunakan gelanggang ini untuk mencari pengaruh. Mereka membuat berbagai analisa yang kononnya berilmiah dan mereka juga menonjolkan masalah dan perkara yang kata mereka perlu diperjuangkan oleh UMNO demi, bukan sahaja kebaikan orang Melayu dan negara, tetapi demi kebahagiaan UMNO sendiri.

Dan ramailah ahli-ahli UMNO yang tertarik dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh orang luar ini. Ya, memang benar apa kata sipolan-sipolan. Ya, memang analisa orang itu benar. Ya, memang betul pemimpin UMNO terlali dalam perkara ini. Ya, memang peristiwa ini berlaku dalam UMNO. Ya, memang benar pemimpin UMNO terlibat dalam perkara yang buruk ini. Ya, memang kita mesti singkir jenis ini. Ya, memang kita perlu singkir pemimpin UMNO demi kebaikan UMNO.

Ada suara kecil yang berkata bahawa perbuatan seperti ini akan menghancurkan UMNO. Jawab mereka yang sudah terpengaruh, kita mesti bersihkan diri kita dahulu, lepas itu kita satupadu dan kukuhkan semula.

Masih ada suara yang meragu-ragukan perbuatan ini. Tetapi perubahan sikap sudah jauh berjalan dan mereka yang masih ragu diberitahu, adalah lebih baik UMNO hancur daripada keburukan yang ditonjol oleh pihak luar tadi terus berlaku.

Dan dengan ini dari luar dan dari dalam UMNO pun diserang. Mungkin saudara-saudari berpendapat bahawa ini adalah gambaran yang keterlaluan. Tetapi ini tidak keterlaluan. Ahli UMNO sekarang lebih berminat mendengar, membaca dan mempertahankan bukan sahaja pendapat orang yang mengkritik dari luar ini, tetapi ada ahli yang mempertahankan pengkritik-pengkritik ini seolah-olah orang

ini yang menjadi pemimpin UMNO.

Sementara kegelisahan dalam UMNO berlaku dan UMNO mungkin lemah, orang ini, pengkritik ini hidup bahagia. Tidak ada sesuatu yang merugikan yang akan berlaku kepada mereka. Mereka tidak mungkin diguling oleh bahagian UMNO atau hilang kerusi. Mereka terus bekerja di mana mereka bekerja naik pangkat, dapat pencen, jual buku dan majalah lebih banyak, dijemput ke sana ke sini. Tidak ada pengorbanan apapun dari pihak mereka.

Semua ini berlaku kerana orang Melayu, termasuk pengkritik-pengkritik tadi dan ahli UMNO sendiri tidak terasa tertindas lagi seperti mereka yang pelopori UMNO dahulu. Sukses sudah mempengaruhi mereka. Sekarang mereka rasa tidak siapa yang boleh menggugat kedudukan mereka. Orang Melayu sudah berkuasa. UMNO tulang belakang parti dan kerajaan. Memang inilah hak dan inilah peranan dan tempat orang Melayu dan UMNO. Inilah keadaan yang ada sekarang dan inilah keadaan yang akan berlaku pada bila-bila masa. Oleh itu, apa sebab khuatir? Apa sebab kita perlu menjaga keutuhan parti? Apa sebab kita perlu jaga perpaduan dalam UMNO? Dan apa sebab kita perlu hapuskan sengketa di antara kita orang Melayu, tuan empunya negara ini?

Kejayaan bukan sahaja mengancam dan meretakkan perpaduan di kalangan orang UMNO dan orang Melayu, tetapi ada banyak lagi kesan yang buruk. Saya tidak perlu menyebut yang lain ini tetapi memadai jika saya katakan bahawa semua kesan buruk ini boleh mengembalikan orang Melayu kepada keadaan dahulu, keadaan mereka berpuak-puak, berpecah-pecah, lemah dan ditindas serta dijajah di tanahair mereka sendiri.

Tujuan mengingatkan saudara-saudari tentang perubahan keadaan dan perubahan sikap dan sedang berlaku ialah kerana ingin menyelamatkan diri kita semua-satu tujuan semulajadi bagi mana-mana masyarakat manusia. Tetapi terselamat sahaja tidak mencukupi.

Kita hidup di negara berbilang kaum. Walaupun tidak menjadi hasrat kita merebut hak orang lain atau menindas sesiapa, yang tidak dapat dielak dalam masyarakat majmuk ialah persaingan. Kaum-kaum dalam masyarakat majmuk bersaing dengan sengaja atau tidak. Dalam apa juga bidang, persaingan terpaksa berlaku.

Oleh itu, walaupun perpaduan wujud di kalangan orang Melayu dan ahli UMNO, ianya tidak akan berhasil jika tidak ada kesanggupan dan keupayaan bersaing dalam semua bidang. Kuasa

politik yang datang dari perpaduan yang kukuh boleh menolng persaingan ini, tetapi kuasa politik bukan kuasa muktamad untuk menentukan kemenangan. Kuasa muktamad ialah kecekapan kita dan kesanggupan kita dalam menghadapi aneka jenis halangan dan tekanan.

Kita boleh menyeru supaya orang lain faham masalah yang kita hadapi, supaya orang lain jujur dan patuh kepada dasar pembangunan negara, supaya orang lain menolong kita. Kita boleh pun mengecam orang lain kerana tidak menolong kita. Tetapi akhirnya, yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan kita ialah usaha dan kebolehan kita sendiri.

Sebab itu, jika perpaduan wujud di kalangan kita, dan kita dapat menyingkir segala peristiwa yang melemahkan parti, kita masih dikehendaki tumpu perhatian kepada penguasaan kecekapan-kecekapan yang perlu. Kepercayaan bahawa semua masalah boleh diatasi dengan kuasa politik adalah khayalan. Kuasa politik mungkin membuka peluang bagi kita menyerap ilmu, atau memasuki sesuatu jurusan perniagaan, atau mendapat jawatan. Tetapi samada kita berjaya menyerap ilmu, mendapat keuntungan perniagaan atau menjalankan tugas dengan sempurna cuma boleh ditentukan oleh kita sendiri, oleh usaha dan ketekunan kita, oleh kecekapan yang ada pada kita.

Masalah kita sebagai ahli politik dalam negara demokratik ialah kita mungkin tidak popular jika kita sanggup menggunakan atau lebih tepat lagi menyalahgunakan kuasa politik untuk bukan sahaja memberi peluang tetapi untuk menentu dengan tepatnya hasil yang kita idamkan. Desakan akan datang sepanjang masa supaya kuasa politik digunakan bukan sahaja untuk membuka peluang tetapi kejayaan peluang itu juga ditentukan oleh kuasa politik.

Masalahnya ialah jika kuasa politik digunakan untuk menjayakan peluang, maka kehilangan kuasa politik akan membawa kegagalan walau apapun peluang diberi. Orang yang menggunakan kuasa politik untuk mengatasi semua masalah dan cabaran, akan lumpuh dan gagal apabila dipisahkan dari kuasa politik.

Dengan usaha yang dijalankan oleh musuh UMNO ada kemungkinan bukan sahaja UMNO tetapi orang Melayu akan kehilangan kuasa politik, lebih mudah musuh kita berjaya. Walau apapun kekuatan kita pada hari ini harus kita ingat tidak ada satu yang kekal di dunia ini. Semua yang ada permulaan akan berjumpa dengan penghujungnya. Oleh itu janganlah kita fikir bahawa kuasa

yang ada pada kita adalah untuk selama-lamanya. Kita cuma boleh menentu lambat atau cepat kehilangan kuasa berlaku.

Bagi mereka yang cekap dan berkebolehan, tidak adanya kuasa politik kepada mereka tidak mengancam diri mereka. Mereka terus berada, dan secara tidak langsung berkuasa, termasuk dalam bidang politik.

Memandang kepada hakikat ini, kita harus mengguna kesempatan ini, di waktu kita mempunyai kuasa politik, untuk melengkapkan diri dalam berbagai bidang. Kita harus berusaha supaya tidak selalu bergantung kepada kuasa politik. Dengan cara ini kita akan betul-betul kuat dan boleh berdikari memelihara diri.

Soalnya ialah apakah UMNO sebagai parti politik yang bertanggungjawab sanggup mencegah perbuatan mengguna kuasa politik untuk serba-serbi tanpa mengambil kira kesannya. Sanggupkah kita mendesak dan memberi amaran kepada orang Melayu dan khasnya politik? Sanggupkan kita menjadi tidak popular kerana tidak mahu UMNO dan orang Melayu menjadi lumpuh dan tidak terdaya menghadapi apa-apa cabaran apabila terpisah dari kuasa politik?

Soal ini perlu saudara-saudari tanyakan kepada diri sendiri tiap-tiap kali kita mahu mengguna kuasa politik. Apakah hasil yang diharapkan benar akan tercapai? Atau apakah demi keselamatan jangka panjang, kita harus berdiri menghadapi cabaran tanpa bergantung kepada apa yang kita sangkakan tongkat ajaib kita?

Saya sedar nasihat ini tidak popular. Sepanjang masa saya dengar sungutan kenapa tidak menggunakan kuasa politik perlu dijelas. Kepimpinan tidak akan mempunyai makna jika tindakan diambil semata-mata atas alasan disukai ramai.

Kepimpinan dalam demokrasi memang menjadi satu perkara yang rumit dan sebenarnya bertentang dengan prinsip dan asas demokrasi. Pemimpin perlu memimpin, iaitu menunjuk jalan kepada penganut yang sudah tentu lebih ramai. Sebaliknya demokrasi berkehendak supaya pendapat ramai diikuti. Ini bermakna jika penganut yang ramai mahu sesuatu pemimpin terpaksa turut.

Soal ini mungkin dianggap terlalu akademik tetapi samada akademik atau tidak, pemimpin-pemimpin UMNO dalam semua peringkat terjerat dalam perangkap ini. Saudara-saudari yang hadir dalam mesyuarat ini juga terus terperangkap kerana saudara-saudari juga terpaksa menghadapi masalah di mana saudara-

saudari dikehendaki memimpin ahli UMNO dan juga menurut mereka. Jika seperti zaman UMNO dahulu, tidak ada perbezaan antara kehendak pemimpin dengan ahli biasa, masalah tidak timbul. Tetapi sekarang, zaman dan suasana sudah berubah.

Hasil usaha musuh UMNO serta perubahan nilai sudah mencetuskan keadaan yang mana bukan sahaja pendapat ahli kadangkala berbeza dengan pemimpin, tetapi juga bertentangan terus dengan pemimpin.

Soalnya ialah apakah pemimpin perlu menurut semata-mata atau cuba memimpin sama. Pemimpin yang semata-mata menurut bukanlah pemimpin sebenarnya. Ia lebih merupakan oportunis yang cuba mengguna pendapat ramai untuk mendapat tempat bagi dirinya. Memang ramai pemimpin jenis ini terdapat dalam demokrasi. Ada saja peristiwa yang disukai ramai, maka pemimpin jenis ini pun muncul sebagai jaguh walaupun semua pihak tahu bahawa dahulu pemimpin ini tidak ada minat sama sekali dalam perkara yang sekarang ia perjuangkan. Dengan tidak ragu-ragu saya berkata UMNO akan menjadi lebih bahagia tanpa pemimpin jenis ini.

Pemimpin yang berguna dalam demokrasi mestilah memimpin di samping menurut. Memang sukar memimpin di waktu menurut, tetapi perbuatan ini tidak mustahil. Pemimpin muncul kerana mereka mempunyai kebolehan yang lebih daripada yang lain. Kebolehan ini tentu berasas kepada pengetahuan yang juga lebih. Melalui pengetahuan ini pemimpin dapat menilai sesuatu dengan lebih tepat dan waras. Jika pemimpin tidak oportunis, penilaian yang dibuat olehnya mestilah disampaikan kepada pengikutnya supaya mereka pula akan dipandu dengan maklumat tambahan ini. Dengan ini pemimpin tidak menjadi penurut sahaja tetapi benar-benar menjadi pemimpin dalam konteks demokrasi.

Memimpin cara ini memang sukar. Jika kita kena gaya pemimpin jenis ini akan hilang popularitinya, akan tersingkir dan mungkin tersungkur. Oleh itu keberanian adalah perlu. Pemimpin yang tidak berani pegang kepada apa yang diketahuinya adalah baik tetapi cuma menyesuaikan dirinya sepanjang masa adalah pengecut. Pengecut seperti ini yang mementingkan populariti dirinya lebih dari kebaikan akan membawa pengikutnya ke lembah kehinaan dan kehancuran.

Tetapi di samping itu pemimpin tidak harus menganggap bahawa perbuatan menentang, samada menentang suara ramai atau menentang pemimpin atasan, bermakna keberanian dan kematangan kepimpinan.

Cuma berani menentang sahaja belum menjadi seseorang itu pemimpin yang benar. Keberaniannya mestilah berasas kepada yang benar dan diiringi dengan kewarasan fikiran serta kejujuran. Berani tidak bermakna. Pemimpin mestilah berani kerana benar.

Perhimpunan saudara-saudari hari ini adalah perhimpunan pemimpin. Yang bermesyuarat hari ini ialah UMNO, tulang belakang Barisan Nasional dan pemerintah Malaysia sejak merdeka 20 tahun dahulu. Oleh itu negara bahkan dunia memerhatikan kepimpinan yang akan dilahirkan dalam perhimpunan ini. Tidak syak lagi apa yang berlaku hari ini akan menjadi petunjuk masa hadapan bagi negara Malaysia.

Perlukah saya ulang di sini betapa pentingnya kita tahu peranan pemimpin dan kepimpinan dalam negara demokratik ini? Perlukah ditegaskan lagi betapa pentingnya kita bersikap waras dan memperlihatkan kematangan kita?

Gejala-gejala yang mesti dihadapi oleh pemimpin demokrasi adalah lebih banyak daripada gejala-gejala dalam lain-lain sistem politik. Seperkara yang sukar diatasi ialah pendedahan yang terpaksa dihadapi oleh pemimpin. Persahabatan di kalangan manusia cuma berlaku kerana tidak semua daripada perasaan antara dua sahabat didedahkan kepada masing-masing. Biasanya perasaan yang baik dilahirkan dan yang buruk disembunyikan. Jika kebencian terhadap sesuatu tabiat atau perbuatan kawan diberitahu kepadanya, persahabatan itu tidak akan kekal. Sudah tentu kalau perasaan yang buruk terhadap musuh dilahirkan sepanjang masa, permusuhan akan bertambah dan pemulihan tidak akan berlaku.

Sebagai pemimpin saudara-saudari tidak dapat elak daripada menghadapi masalah ini. Apa yang saudara-saudari perkatakan dalam mesyuarat ini umpamanya akan didedahkan sepenuhnya kepada seluruh negara, yakni termasuk musuh-musuh saudara-saudari dan musuh UMNO. Ada pula di antara ahli pendedah ini yang akan membuat gambaran supaya timbul kebencian terhadap orang-orang yang tertentu di antara saudara-saudari. Kita akan berbuih mulut mencuba betulkan balik laporan dari pendedah jenis ini, tetapi kesannya tidak mungkin dihapus sepenuhnya.

Hakikat ini juga perlu disedari oleh saudara-saudari tiap-tiap kali ucapan dibuat. Yang mendengar bukan sahaja yang hadir dalam dewan yang bahagia ini. Yang mendengar adalah kawan seluruh negara. Yang lebih buruk lagi ialah mereka di luar dewan ini akan mendengar bukan ucapan sepenuh yang tertib dan berbatas yang

saudara-saudari lafazkan, tetapi sedutan-sedutan yang dipilih dengan tujuan-tujuan tertentu samada dengan niat baik atau jahat. Yang menjadi hero dalam dewan mungkin merupakan corak di luar dewan dan juga sebaliknya. Oleh itu berhati-hatilah apabila membuat ucapan. Kerana hasilnya mungkin tidak seperti dijangka.

Kepimpinan pemimpin dalam demokrasi boleh dicabar dengan seribu satu cara. Buat masa yang lampau ini satu cara yang jelas berkesan ialah dengan menimbul keraguan terhadap apa yang kononya ada di sebalik kepimpinan seorang pemimpin. Dengan perkataan lain sikap terhadap pemimpin bukan jelas dan nyata tetapi apa yang tersembunyi ditentukan oleh perbuatan atau perkataannya, tetapi oleh tohmah dan sangkaan buruk yang sengaja dilempar terhadap peribadinya.

Kesan taktik ini nyata sekali apabila kita perhitungkan bilangan pemimpin kita yang diragu-ragukan. Di kalangan pemuda hampir semua pemimpin disyaki tidak jujur walaupun mereka khadmat dengan penuh dedikasi dan kejujuran. Semua yang diusahakan oleh mereka dipersoal tentang niat dibaliknya. Ada pemimpin yang sudah sampai peringkat yang mana mereka mendapat label. Setelah ini berlaku apa juga yang dibuat olehnya ditafsir mengikut label. Jika ia membuat jahat, maka ini membuktikan tuduhan yang dibuat itu adalah benar.

Saya yakin semua pemimpin pemuda dan wanita berjuang untuk kebaikan parti. Tetapi oleh keran firmah dan perasaan syak wasangka yang ditanam oleh pihak lain, kita dapati bahawa kepercayaan antara satu sama lain hampir tidak wujud kadang kadang. Dalam keadaan yang mana kepimpinan yang peribadi menjadi sasaran, tenaga dan usaha tidak dapat lagi ditumpukan kepada perjuangan parti dan bangsa. Sepenuh tenaga dan usaha terpaksa ditumpu kepada pemulihan diri pemimpin.

Kepimpinan yang matang harus fikir tentang perkara ini. Isu yang dahulunya menyatupadu, sekarang menjadi issue yang memecah-belah. Pejuang untuk sesuatu matlamat sekarang dikecam sebagai penentang matlamat itu juga. Jaguh terbalik menjadi petualang. Hero tiba-tiba menjelma menjadi crook. Ketenteraman hilang diganti dengan gamat dan riuh. Dan semua pihak pun keliru dan kehilangan punca. Dan ramailah yang cuba menanggung di air yang keruh ini. Ada yang nampak peluang ambillah dan ada yang cuma ingin hancurkan, jika tidak ada UMNO, sekurang-kurangnya Pemuda.

Kepimpinan wanita juga tidak terselamat daripada usaha jenis ini.

Oleh kerana tidak banyak peristiwa berlaku dalam wanita yang boleh diperalatkan, maka peristiwa rekaan diada-adakan. Sudah tentu jika wanita latah dan mula mencurigai hasrat dan niat pemimpin-pemimpinnya, maka wanita juga akan menjadi sasaran.

Saya tidak mahu mengaku ada KRISIS kepimpinan dalam Wanita atau Pemuda. Tetapi saya tidak dapat menolak kenyataan bahawa usaha musuh UMNO untuk menyerang bahagian UMNO yang tersensitif sekali sudah mencapai kejayaan peringkat pertama. Saban hari kita dengar tentang berbagai masalah yang tidak memberi nikmat sama sekali kepada bahagian-bahagian ini atau kepada UMNO.

Apakah kualiti kepimpinan kita sudah capai taraf yang cukup tinggi untuk mengatasi masalah-masalah ini? Saya yakin dan percaya bahawa kepimpinan kita sudah matang dan berkeupayaan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Tetapi walaupun demikian, masalah-masalah kepimpinan dan pemimpin dalam UMNO, khususnya dalam Wanita dan Pemuda perlu dihurai dan dijelaskan.

Proses masa tidak dapat tidak akan memaksa pemimpin tua yang sekarang ini mengundur diri. Tempat mereka akan diambilalih oleh pemimpin yang lebih muda, baik dari golongan Wanita atau dari golongan Pemuda. Tugas yang tua ialah menentukan supaya, yang pertama, ada badan yang akan diwarisi oleh pemimpin yang muda yang sedang bergiat sekarang dan keduanya ialah pemimpin yang akan mengambilalih tempat-tempat pemimpin tua mempunyai kelayakan yang cukup untuk menjalankan tugas mereka. Inilah yang saya usahakan pada hari yang berbahagia ini.

Saya berharap dalam ucapan pembukaan ini saya telah berjaya sedikit sebanyak menjelas dan harap menumpukan perhatian saudara-saudari kepada masalah dan tektik yang kita hadapi. Saya berharap penjelasan ini berguna kepada kita dan berdoa ke hadrat Allah Subhanahuwata'ala moga-moga diberiNya taufik dan hidayah kepada kita semua. Dengan ini saya dengan segala sukacita dan penuh harapan membuka dengan rasminya mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Malaysia dan Pemuda UMNO Malaysia bagi tahun 1977.

*Ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 30hb. Jun 1977.*

## WARISAN

PERHIMPUNAN Agung Tahunan adalah peristiwa biasa bagi UMNO di semua peringkat tetapi Perhimpunan Tahun 1978 ini berbeza dari perhimpunan-perhimpunan yang lain bukan sahaja kerana pemilihan pemimpin pemuda dan wanita akan dibuat serentak dengan pemilihan kepimpinan UMNO dewasa tetapi persidangan ini diadakan selepas satu pilihanraya yang juga luar biasa.

Kita telah mengadakan pilihanraya kali ini lebih awal daripada jadual biasanya. Tetapi bagi saudara-saudara dan saudari-saudari, keistimewaan Pilihanraya 1978 saya percaya tidak terletak kepada tarikhnya tetapi kerana peranan yang telah diberi kepada golongan pemuda dan wanita untuk mewakili dan memimpin rakyat dan juga negara. Peranan ini memberi erti yang istimewa dalam aliran masa depan UMNO. Ia juga merupakan satu jenis ujian kepada golongan muda yang tidak puas hati dengan berbagai perkara dan sekarang mendapat peluang untuk membetulkannya.

Calon-calon wanita dan pemuda bukan sahaja diberi peluang mengambil tempat calon yang lama tetapi ramai dari mereka telah diberi jawatan-jawatan yang penting setelah mereka menang, baik di peringkat Kerajaan Pusat, mahupun di peringkat Kerajaan Negeri. Tiga dari Menteri Besar/Ketua Menteri terdiri dari orang yang umurnya kurang dari 40 tahun (iaitu pemuda dalam tafsiran perlembagaan UMNO) dan ramai dari Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen serta ahli-ahli Exco negeri juga dari golongan pemuda. Wanita juga diberi peranan yang bertambah di

peringkat negeri dan pusat.

Tekanan kepada angkatan muda dan wanita tentulah jelas dalam pilihanraya ini. Tekanan ini dibuat dengan sengaja sebagai menyambut desakan pemuda dan wanita dan juga sebagai satu usaha memperbaharui parti kita UMNO. Usia UMNO sudah meningkat 32 tahun dan ramai dari ahli dan pemimpinnya sudah pun meningkat umur. Oleh itu pemindahan kuasa dari golongan tua kepada golongan muda perlu disusun sekarang ini.

Mungkin ada pemikiran bahawa pemindahan kuasa dari satu generasi kepada satu generasi tidak dirancang. Mungkin ada mereka yang berpendapat bahawa penentuan pemimpin yang akan mewarisi kuasa perlu dibuat selepas yang lama dan usang mengundur kiri. Mungkin ada mereka yang berpendapat satu rebutan kuasa patut diadakan selepas pengunduran pemimpin lama. Ini mungkin difikir lebih demokratik dan boleh dipengaruhi oleh kepimpinan yang ada. Cara ini kononnya akan menentukan mereka yang betul-betul disukai ramai akan dipilih.

Kita tidak boleh nafi bahawa penentuan second echelon leadership di waktu pemimpin lama masih ada dan berkuasa boleh dipengaruhi oleh cara-cara fikiran dan falsafah yang sudah ada dan menyekat penyerapan fikiran yang berbeza dan radikal daripada berkembang. Tetapi kita harus ingat bahawa pertamanya sebuah parti mesti ada prinsip perjuangannya yang tetap dan tententu. Perubahan secara radikal akan menjadikan parti itu parti lain sama sekali-iaitu parti yang asal secara tidak langsung sudah dibubarkan dan diganti dengan yang baru. Jika ini menjadi niat mereka yang ingin mewarisi kepimpinan parti, maka adalah lebih baik mereka menyatakan hasrat mereka atau mereka menubuh parti sendiri dan cuba menarik sokongan untuknya. Perbuatan mengubah secara langsung prinsip perjuangan sebuah parti merupakan satu pengkhianatan kepada pengasas parti, dan mungkin juga satu penipuan terhadap penganut dan penyokong yang ada.

Yang keduanya pemindahan kepimpinan di waktu pemimpin lama masih ada tidak menyekat penyerapan idea dan cara baru yang sesuai dengan prinsip parti. Kepimpinan baru tetap membawa perubahan tetapi kerana cara pemindahan kepimpinan dilakukan, parti akan kekal dalam bentuk asal dan tubuh badan parti tidak boleh diperalatkan oleh mereka yang tidak menerima prinsip perjuangan parti tetapi ingin menggunakan tenaga dan alatan yang ada kepada parti secara readymade untuk tujuan lain.

UMNO tetap berubah pada tiap-tiap kali kepimpinannya berubah. UMNO di bawah kepimpinan Datuk Onn berbeza daripada UMNO di bawah kepimpinan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman, yang berbeza pula daripada UMNO di bawah Tun Abdul Razak yang berbeza dan UMNO di bawah Y.A.B. Datuk Hussein Onn. Tetapi perbezaan ini adalah perbezaan stail, perbezaan pendekatan, perbezaan tekanan dan sikap. Prinsipnya, asas perjuangannya tidak berbeza-beza UMNO masih UMNO yang ditubuhkan 32 tahun dahulu yang disokong oleh rakyat dan diberi kepercayaan oleh rakyat kerana ianya UMNO. Tidak ada penyelewengan prinsip, dan sudah tentu tidak ada pengkhianatan yang berlaku.

Cara pemindahan kuasa dilakukan dalam UMNO adalah penting untuk perjuangan dan pengekalan UMNO. Rebutan ala coup tidak harus berlaku kerana coup melahirkan coup. Mereka yang menggunakan cara ini akan digulingkan dengan cara ini juga-dan cara ini tidak stabil. Ia akan memecahkan UMNO kepada faksi-faksi yang masing-masing bergelut untuk menjatuhkan yang lain. Akhirnya UMNO sendiri akan jatuh dan tidak ada apa yang akan diwarisi oleh pemimpin coup atau counter-coup, walaupun usaha mereka berjaya. Oleh itu saya berharap golongan muda dalam parti mengawasi cara-cara mereka bertindak untuk mengganti kepimpinan yang lama. Janganlah gugurkan tradisi semata-mata kerana ianya tradisi. Jangan percaya kepada yang baru semata-mata kerana ianya baru.

Seperkara lagi yang dibuktikan oleh pilihanraya baru ialah buruk-baiknya disiplin dan ketertipan dalam UMNO. Di mana kawasan yang UMNO memegang teguh kepada prinsip dan cara perjuangannya iaitu di mana disiplin parti dijunjung tinggi tidak ada siapa yang dapat mengalahkannya. Sebaliknya di mana terjadi perbalahan, walaupun ada faksi yang benar dan jujur dan berjaya UMNO seratus peratus, akibatnya ialah kekalahan, bukan sahaja bagi calon yang rasmi tetapi juga bagi yang meninggalkan UMNO untuk merebut tempat untuk faksinya dan dirinya. Faksi-faksi UMNO yang secara haram menyokong pembelot UMNO tidak mendapat kemenangan. Yang mendapat kemenangan ialah orang lain dari parti-parti lawan, yang walaupun lemah telah menjadi kuat kerana UMNO sudah menjadi lemah.

Hakikat ini perlu difaham oleh semua ahli UMNO terutama mereka yang muda dan yang baru masuk dalam UMNO. Pemindahan kuasa dan kepimpinan sering berlaku dalam UMNO.

Untuk maksud ini cara dan peraturan telah disusun. Tetapi cara dan peraturan sahaja tidak bermakna dan berkesan melainkan semangat di belakang peraturan-peraturan ini difahami. Peraturan menentukan cara sesuatu keputusan dibuat-seperti cara memilih pemimpin atau cara memilih calon. Tetapi yang penting ialah mereka yang gagal tidak kecewa, tidak menentang keputusan, tidak sabotaj dan tidak melakukan sesuatu apa yang boleh melemah dan merosakkan parti.

Hakikat ini juga perlu difaham oleh pemuda dan wanita kerana peranan yang lebih meluas yang diberi kepada mereka dalam pilihanraya yang baru lepas ini. Hakikat ini juga perlu difaham kerana dalam Perhimpunan Agung tahun 1978 ini kita memilih pemimpin untuk pemuda, wanita dan UMNO dewasa dan pemimpin yang dipilih mesti diterima bukan sahaja oleh penyokong-penyokong tetapi juga oleh mereka yang menyokong calon yang kalah. Dengan itu maka apa yang biasa terjadi kepada parti lain tidak akan terjadi kepada UMNO. Pemilihan pemimpin tidak seharusnya menyebabkan faksi yang kalah mengasingkan diri dan membelakangkan parti jika mereka benar-benar memahami konsep demokrasi. Selepas pemilihan pemimpin, semua yang sayang dan setia kepada parti dan percaya kepada perjuangannya perlu rapatkan balik barisan dan berikan sokongan yang penuh kepada kepimpinan yang telah dipilih.

Inilah tradisi UMNO yang terbesar dan terpenting sekali. Perbalahan boleh dan memang berlaku sebelum sesuatu keputusan dibuat tetapi apabila keputusan sudah dibuat walaupun keputusan itu pahit diterima, semua pihak merapatkan semula barisan dan memberi sokongan yang sewajarnya. Inilah tradisi yang mengekalkan UMNO. Oleh itu tradisi ini perlu difaham oleh mereka yang akan mewarisi UMNO supaya amalannya dapat diteruskan. Sekali lagi perlu diulangkan bahawa kita sedar sesuatu tradisi harus diikuti semata-mata kerana ianya satu tradisi. Tetapi tradisi yang saya sebutkan tadi adalah tradisi yang hingga kini boleh menyelamatkan UMNO dengan kekuatannya. Oleh itu tradisi ini perlu dikekalkan. Tidak ada makna bagi kita mengenenpikan atau memusnahkan sesuatu tradisi jika akibatnya ialah tidak ada lagi parti yang kita akan warisi. Oleh itu berhati-hatilah. Musuh UMNO ramai akan bukan semuanya berada di luar UMNO.

Solidarity dalam UMNO dan kekuatannya sehingga kini

menjamin kestabilan negara Malaysia. Ini adalah kenyataan yang diakui oleh kawan serta lawan. Sebab itu rakan-rakan kita dalam Barisan Nasional dan rakyat amnya memandang berat terhadap keutuhan dan kestabilan dalam UMNO. Kita sebagai pihak yang terlibat perlu memandang peranan kita sebagai satu tanggungjawab serius. Parti lain dan pemimpin parti lain dan ahli parti lain boleh main politik, boleh merujuk, boleh tinggal parti, boleh tubuh parti lain, boleh sabotaj parti sendiri, boleh membuat serba-serbi tetapi UMNO tidak-UMNO dan ahli-ahlinya dan pemimpin-pemimpinnya tidak boleh bertindak sesuka hati memecah dan meroboh apa yang telah dibina. UMNO dan ahlinya mesti serius, kerana mereka mempunyai tanggungjawab yang berat terhadap agama, bangsa dan negara.

Pemuda dan Wanita mahu peranan yang lebih dan pemuda dan wanita telah diberi peranan yang lebih. Dalam sedikit masa ramai pemimpin yang ada sekarang terpaksa mengundur diri dan peranan yang akan dimainkan oleh pemuda dan wanita akan bertambah lagi. Akhirnya saudara-saudari akan mewarisi pertubuhan ini sepenuhnya. Mungkin saudara-saudari akan berbangga dengan pengambilan alih sebuah pertubuhan politik yang jelas kukuh dan berjaya. Tetapi warisan ini bukan untuk kebanggaan, bukan untuk ditayang. Warisan ini merupakan satu tanggungjawab yang berat dan untuk memikul tanggungjawab ini persediaan diri perlu dibuat sekarang ini juga. Apa yang dikhuatiri ialah sementara ramai yang tahu mengkritik tentang itu dan ini yang berlaku sekarang, tidak ramai yang memahami atau mengetahui sejarah asas perjuangan UMNO yang menentukan kejayaannya sekian lama. Memandang kepada masalah ini, maka satu rancangan dan usaha untuk menyediakan diri untuk mengambilliah tugas mesti dibuat. Persediaan diri yang dimaksudkan ialah penyerapan secara sistematik sejarah dan asas perjuangan UMNO selain dari asas-asas kepimpinan yang berkesan.

Di antara strategi UMNO yang telah memberi kemenangan kepadanya sejak tahun 1951 ialah kesederhanaan dan kesanggupan bekerjasama dengan parti-parti lain asalkan tidak menjejaskan hasrat perjuangan UMNO. Strategi ini penting kerana kejatuhan lain-lain parti, lain-lain bangsa, bahkan lain-lain negara adalah disebabkan oleh tamak dan sikap yang melampau. Adalah lebih baik kita berjaya sekadar yang boleh (yang praktikal) daripada mencuba rebutan untuk segala-galanya tetapi akhirnya semuanya

tercibir. Kesedaran UMNO bukan disebabkan oleh kurang keberanian tetapi berasas kepada perhitungan yang waras yang tidak dikongkong oleh perasaan dan nafsu. Kesederhanaan UMNO adalah kesederhanaan yang mengutamakan kejayaan perjuangan untuk agama, bangsa dan tanahair lebih dari kepuasan hati.

Musuh-musuh kita memang tahu asas kejayaan kita ini dan mereka telah dan akan mencuba memisahkan kita dari asas ini. Pemimpin yang lama tidak mungkin terperangkap. Tetapi kita dapati pemimpin yang baru, yang mungkin tidak tahu sejarah UMNO, asas perjuangan UMNO dan, tambahan pula, terdiri dari golongan muda mungkin tidak begitu tertarik dengan kesederhanaan, mungkin lebih mudah dipengaruhi oleh cabaran dan godaan yang dibuat oleh musuh kita. Dalam soal kemelayuan atau kebumiputeraan, agak mudah kita menyambut cabaran musuh kita dengan cuba membuktikan bahawa kita lebih kuat semangat perkauman daripada mereka. Untuk membuktikan betapa kuatnya semangat kita ini, kita cuba mengalahkan musuh politik kita dalam peraduan menjerit perkauman dan kita pameran segala kejayaan kita dalam memperjuangkan kepentingan kaum kita.

Dengan latah dan telatah kita ini maka seperti dijangka oleh musuh politik kita rakan kita dari parti kaum lain pun mencurigai kebijaksanaan bersahabat dengan kita dan mula membenci kita. Dalam keadaan ini mudah sekali bagi musuh kita pergi kepada kaum-kaum lain untuk mempengaruhi mereka itu terhadap bahayanya bekerjasama dengan kita. Demi kepentingan diri mereka, kaum-kaum lain didesak oleh musuh kita supaya memberi sokongan kepada mereka. Kekalahan beberapa calon UMNO dalam pilihanraya 1969 dan juga 1978 adalah disebabkan percubaan beberapa orang dari kita membuktikan semangat perkauman kita adalah lebih kuat dari musuh kita dan membelakangkan kesederhanaan yang menjadi asas perjuangan UMNO.

Kita harus ingat bahawa kita adalah parti yang berkuasa. Apa yang dikatakan oleh kita boleh dan mungkin dikotakan. Kesederhanaan yang menjadi asas kepada perjuangan UMNO bukan bermakna membelakangkan kepentingan kaum kita. Kesederhanaan ini adalah kesederhanaan yang pragmatis. Tuntutan kepada yang lebih tetapi yang tidak mungkin dicapai adalah khayalan. Tuntutan kepada yang bukan-bukan yang membawa reaksi yang buruk dan mungkin menghancurkan kita adalah perbuatan yang bukan sahaja tidak bertanggungjawab tetapi

mungkin merupakan satu pengkhianatan.

Oleh itu kita tidak harus tahu atau takut mempertahankan, kesederhanaan UMNO. Kesederhanaan inilah yang menyelamatkan bukan sahaja parti kita tetapi juga agama, bangsa dan negara kita. Jika hari ini gerak-geri UMNO dan perhimpunan agungnya diberi perhatian yang serius bukan saja oleh orang Melayu, tetapi oleh semua kaum di Malaysia, bahkan oleh dunia, ini ialah disebabkan oleh kesederhanaan yang hingga kini memberi kejayaan kepada UMNO.

Saudara-saudari yang mewarisi UMNO perlu sedar tentang hakikat ini dan perlu peliharakannya. Janganlah hendaknya kerana terikut-ikut dengan irama yang dimainkan musuh, kita gugurkan sesuatu yang sekian lama telah memberi kejayaan kepada kita. Sebab itu saudara-saudari yang akan mewarisi UMNO patut faham asas kesederhanaan UMNO dan kenapa kesederhanaan ini perlu dalam konteks politik di negara kita. Saudara-saudari tidak harus terikut-ikut dengan stail dan sikap mereka yang mencabar kita. Cabaran-cabaran itu adalah cabaran kosong kerana mereka yang mencabar tahu benar bahawa bukan sahaja UMNO tetapi mereka sendiri, di waktu mereka berkuasa tidak mungkin membuat apa apa untuk mencapai apa yang dijadikan isu oleh mereka. Cabaran mereka cuma adalah satu strategi untuk merisaukan dan memesongkan kita supaya kita gugurkan kesederhanaan kita dan dengan itu kita dikalahkan.

Sehingga ini kerjasama antara UMNO dan parti-parti lain dalam Barisan Nasional cuma berlaku di peringkat kumpulan dewasa. Tidak ada kerjasama yang wujud di peringkat pemuda dan juga wanita sedangkan pemuda dan wanitalah yang akan mewarisi UMNO ini. Keraguan mungkin timbul, bahkan sudah timbul, di kalangan rakan-rakan dalam Barisan Nasional. Apakah Barisan Nasional dapat dikekalkan selepas UMNO diambilalih kepimpinannya oleh generasi yang muda? Dengan keraguan ini timbullah tanda tanya tentang kestabilan negara kita di masa akan datang.

Sebab itu sekali lagi saya ingin ingatkan bahawa sikap pelampau parti lawan adalah tayangan yang strategi sahaja, dan kita tidak harus terikut-ikut. Generasi muda, baik pemuda, atau wanita perlu menunjuk hari sekarang dengan mengadakan perhubungan dengan rakan sebaya mereka bahawa mereka akan meneruskan sikap UMNO yang diamalkan sekarang.

Seperkara lagi yang kita harus berhati-hati ialah perkembangan tafsiran agama Islam yang bersendirian - tafsiran yang dibuat bukan berasas agama dan ajaran-ajarannya tetapi kerana satu perlumbaan yang sudah wujud di kalangan orang Islam di negara kita dan juga di negara Islam dan masyarakat Islam yang lain. Tafsiran moden yang mengikut kehendak hati ini berbahaya kerana akibatnya ialah pecah-belah, sengketa, kekeliruan dan kelemahan bagi orang Islam dan negara-negara mereka.

Sepatutnya hari ini orang Islam dan negara-negara Islam menjadi kumpulan yang terkuat sekali di dunia dan boleh bukan sahaja mempertahankan agama dan negara mereka tetapi mengembangkan syiar Islam dan menambah penganut agama Islam. Oleh kerana kurniaan Tuhan negara-negara Islam telah menjadi yang terkaya di dunia. Lebih daripada itu negara Islam menguasai satu bahan yang boleh memaksa seluruh dunia tunduk kepada mereka dengan tidak payah berperang atau berbuat apa-apa lain. Selain dari zaman keagungan Islam dan abad-abad permulaan perkembangan agama Islam, inilah zamannya yang Islam mempunyai peluang dan kekuatan untuk menambah penganut dan mengembang ajaran-ajaran suci yang diturunkan Allah S.W.T.

Tetapi apa yang sebenarnya berlaku sekarang ialah pecah-belah, percakaran dan perang saudara yang melemahkan bukan sahaja orang Islam tetapi juga melemahkan pegangan mereka kepada agama Islam. Sebab itu kita dapati di Timur Tengah lebih ramai orang Islam dibunuh oleh orang Islam sendiri daripada orang Islam yang dibunuh oleh musuh yang terdiri dari bukan Islam. Sebab itu di beberapa buah negara yang minoriti Islam ditindas dan diburu tanpa sesuatu yang berkesan yang dibuat oleh negara-negara Islam. Sebab itu juga beberapa negara yang dahulu 100% atau hampir 100% Islam, sekarang ini sudah menolak agama Islam dan menerima ideologi dan fahaman yang bertentangan dengan Islam - iaitu atheistik.

Memandang bahawa negara dan bangsa yang lebih dahulu Islam daripada kita yang begitu kukuh pegangan mereka dahulu kepada agama Islam boleh menolak agama Islam dan menjadi komunis, kita harus berwaspada dan memerhati dan menganalisa sebab-sebab dan kejadian ini berlaku. Jika kita berbuat demikian kita akan mendapati bahawa langkah pertama ialah perbuatan mentafsirkan agama mengikut kehendak hati dan hasrat diri atau hasrat kumpulan tertentu. Ada yang berkata Islam adalah sosialisme

asli dan ada yang berkata Islam adalah ideologi. Setelah kekeliruan wujud maka dengan mudahnya kumpulan anti-Islam merebut kuasa.

Di negara kita sekarang perbuatan mentafsir sesuka hati sedang berlaku dengan pesatnya. Yang menarik mereka ini bukanlah ajaran Islam yang sebenar tetapi yang memenuhi kehendak nafsu mereka. Perlumbaan sedang berlaku untuk menunjuk-nunjuk apa yang mereka anggap sebagai "keIslaman" yang lebih nyata kepada masyarakat. Walaupun agama Islam melarang perbuatan mengkafirkan orang Islam dengan sewenang-wenangnya, memecah dan memulaukan orang Islam dan membuat penilaian tersendiri tentang keIslaman orang Islam lain, perbuatan ini kian bertambah. Sungguhpun Islam menyeru kepada perpaduan dan persaudaraan di kalangan umat Islam, mereka ini membelakangkan semua seruan ini. Sebaliknya mereka suka kononnya mengikut sunnah nabi dengan menggunakan pakaian seragam yang membeza dan mengasingkan mereka dari orang Islam lain. Jika orang lain turut memakai seperti diamal atau didesak oleh mereka, mereka ini akan menukar pakaian mereka seperingkat lagi supaya perbezaan antara mereka dengan orang Islam lain dapat dikekalkan. Dan jika ini pun ditiru dan diikuti, mereka akan terus menukar lagi untuk mengekalkan perbezaan antara mereka dengan orang lain. Dengan ini maka wujudlah kumpulan-kumpulan yang diasingkan melalui pakaian seragam seperti terdapat dalam agama-agama lain, yang mempunyai "monks" dan "nuns" dan berbagai "religious orders" yang mempunyai pakaian seragam tertentu. Kumpulan-kumpulan ini pula memandang kumpulan-kumpulan lain dan orang Islam lain dengan pandangan yang merendahkan kerana pada anggapan mereka pegangan orang lain kepada agama Islam adalah kurang daripada mereka. Di mana duduknya sikap seperti ini dalam Islam tidak diambil pusing oleh mereka.

Perbuatan ini tidak terhad kepada pakaian tetapi diteruskan dalam bidang lain. Dalam bidang dakwah pun ada perlumbaan bukan untuk dakwah sebenarnya tetapi untuk menunjuk-nunjuk kononnya bahawa dakwah yang dijalankan oleh diri sendiri adalah lebih ketat dan lebih Islam dari dakwah pihak lain. Yang penting bagi mereka ini bukan dakwah tetapi rupa dakwah. Untuk maksud ini sekali lagi perpaduan dan persaudaraan dalam agama Islam dibelakangkan walaupun firman Allah mewajibkannya. Yang penting ialah kelebihan diri dari orang lain, dalam kegiatan yang

mereka anggap sebagai dakwah.

Hasrat menunjuk keistimewaan dan kekuatan dakwah setengah-setengah dari mereka sudah sampai ke peringkat mereka menafikan ajaran Al-Quran yang tidak secocok dengan kehendak hati mereka yang mengutamakan firman, hadis dan sunnah yang ditafsirkan oleh mereka sendiri. Dengan ini timbullah kumpulan-kumpulan yang ingin mencapai jalan yang mudah ke syurga dengan melakukan perbuatan jenayah di tengah malam. Jika ini tidak dihalang dan dihentikan, akan ada kumpulan lain pula yang ingin tunjuk bahawa kononnya untuk Islam mereka sanggup melakukan perbuatan yang lebih dari yang telah dilakukan - mungkin termasuk pembunuhan.

Demikianlah riak perlumbaan yang sedang berlaku di kalangan setengah-setengah orang Islam di Malaysia kini. Perbuatan mereka memberi gambaran bahawa Islam adalah satu agama yang aneh dan tidak toleran serta kejam kepada orang yang bukan Islam. Ini tidak mengapa, kata mereka yang kononnya menjalankan dakwah Islamiah secara ini. Kononnya adalah lebih penting kita membersihkan Islam di kalangan orang Islam sendiri sebelum kita cuba menarik orang yang bukan Islam supaya memandang tinggi dan menerima ajaran agama Islam. Mereka yang berkata demikian sudah lupa bahawa pada satu ketika orang Melayu bukan beragama Islam. Kalaulah orang-orang Islam dari Semenanjung Arab dan India 600 tahun dahulu lebih mengutamakan kebersihan agama Islam diri mereka sendiri untuk menentukan tempat bagi mereka sahaja di akhirat dan tidak berusaha mengembangkan agama Islam di kalangan orang Melayu yang beragama Hindu dan Animis pada ketika itu, mungkin hari ini kita orang Melayu tidak Islam - seperti orang lain di sekeliling orang Melayu sekarang tidak Islam kerana tidak ada usaha kita ke arah pengislaman. Jika kita bersyukur dengan pengislaman kita, kita harus menentukan supaya orang lain juga akan menerima nikmat ini. Tetapi golongan yang berdakwah secara eksklusif lebih mengutamakan kononnya kebersihan diri mereka supaya mereka terjamin ke syurga walaupun orang lain akan ke neraka. Mereka ini mementingkan diri sendiri dengan tidak memikirkan apakan ini yang dituntut oleh agama.

Semua ini adalah relevan kepada kita di dalam UMNO. Hari ini sudah ada ramai dari ahli UMNO yang tertarik bukan dengan suruhan agama Islam tetapi dengan perbuatan riak ini. Ada ahli-ahli kita yang juga ingin berlumba untuk menunjuk bahawa kita

akan dilihat sebagai lebih Islam dari orang lain. Ada di antara kita yang ingin memperalatkan Islam seperti diperbuat oleh parti lain supaya orang akan tertipu dengan warna Islam yang kita sapukan kepada parti kita - iaitu setakat kulitnya sahaja seperti yang telah disapukan oleh parti lain kepada diri mereka.

Aliran ini adalah bahaya, bukan sahaja kepada diri kita sebagai parti politik tetapi juga kepada agama Islam sendiri dan semua orang Melayu. Aliran ini akan menentukan supaya perpecahan berlaku di kalangan kita orang Melayu, supaya kelemahan menimpa kita kerana menumpukan semata-mata kepada perbuatan riak menunjuk-nunjuk keislaman kononnya dan membelakangkan usaha lain yang disuruh oleh agama - seperti persaudaraan dalam Islam, seperti menuntut ilmu dunia sesama ilmu untuk akhirat, seperti bekerja kuat secara yang halal untuk menambah rezeki, seperti mengembangkan syiar Islam dan lain-lain lagi.

Kita harus waspada supaya kita tidak terperangkap dengan kehairahan yang sedang berlaku di kalangan setengah-setengah orang Islam di negara kita.

Kita adalah sebuah parti yang bertanggungjawab. Apa yang terjadi kepada UMNO akan menentukan nasib agama dan bangsa di negara kita. Sebab itu kita mesti menentukan bahawa agama Islam tidak dipengaruhi oleh riak nafsu dan dengan itu kita akan hancur dan orang Islam akan hancur di negara kita ini. Kita perlu pegang kuat kepada ajaran Islam yang sebenar. Kita tidak harus pilih hadis dan sunnah nabi dan firman Tuhan yang secocok dengan kehendak hati kita sahaja dan menolak atau membelakangkan yang tidak menolong membantu tafsiran yang kita pilih untuk agama Islam yang kita anuti.

Perlumbaan menunjuk kepada masyarakat kelebihan Islam kita daripada Islam orang lain tidak ada tempat dalam UMNO. UMNO mesti pegang kepada ajaran Islam yang sebenar. Kita perlu terus mengamalkan persaudaraan dan perpaduan dalam Islam walaupun dengan orang Islam yang menjadi musuh-musuh politik atau musuh lain kita termasuk mereka yang suka memencilkan diri. Kita akan menunaikan semua ibadat dalam Islam dengan tidak memilih yang mana satu yang kononnya lebih menolong diri kita ke syurga dan mengenyepikan yang mana yang cuma menolong masyarakat dan agama amnya.

Kita akan berbuat demikian kerana inilah peranan yang ditentukan oleh agama kita dan ini adalah termaktub dalam

perlembagaan parti kita. Kita tidak harus malu kerana ini. Kita tidak harus terikut-ikut dengan perbuatan orang lain.

Generasi muda UMNO perlu faham semua ini kerana sekali lagi saya ingin tegaskan bahawa mereka akan mewarisi UMNO dan perjuangannya. Jikalau generasi baru UMNO terpesong dari garis panduan dan matlamat-matlamatnya terutama dalam bidang agama, ada kemungkinan UMNO akan hancur dan orang Melayu dengan keIslaman mereka juga akan hancur. Awasilah. Hari ini sudah ada negara-negara Islam dan masyarakat-masyarakat Islam yang menolak agama Islam dan menerima ideologi Atheis. Dan mereka terjadi demikian kerana amalan agama yang dipilih-pilih dan perlumbaan menunjuk-nunjuk yang saya sebutkan tadi. Janganlah kita juga turut ke jalan kebinasaan ini.

1978 adalah tahun permulaan pemindahan kuasa di dalam UMNO. Generasi muda sudah bermula mengambilalih. Yang menjadi penting kepada kita dan kepada masyarakat di Malaysia ialah pengambilan alih ini berjalan dengan tertib dan licin. UMNO mesti utuh dan kukuh bukan sahaja di masa proses pengambilan alih ini berlaku tetapi setelah ianya berlaku. Tidak ada gunanya jikalau ada pengambilan alih cuma sebahagian sahaja dari UMNO yang kekal di bawah kepimpinan baru sementara yang sebahagian lagi mengasingkan diri kerana kecewa.

Kepimpinan sekarang masih di tangan Angkatan 1946. Kepimpinan yang baru bukan sahaja dari Angkatan ini tetapi ramai yang cuma dewasa setelah merdeka dicapai. Sebuah parti perlu berubah mengikut zaman. Tetapi asas dan tradisi perjuangan parti juga ada tempat dalam pengekal dan kejayaan parti. Sebab itu hari ini kita harus meninjau sejarah dan alam sekeliling parti. Mudah-mudahan dengan berbuat demikian kita dapat mengelak nasib yang sering melanda mereka yang kerana tamak dan angkuh telah hancur dan luput dari muka bumi ini.

Dengan izin saudara-saudara sekalian saya ingin menyentuh sedikit tentang pemilihan pemimpin bagi parti kita. Seperti saya katakan tadi pada tahun ini kita akan memilih pemimpin di semua peringkat dalam UMNO. Oleh itu perhimpunan tahunan ini adalah lebih bergelora dari tahun-tahun yang kita tidak mengadakan pemilihan pemimpin.

UMNO mengamalkan sistem demokrasi dalam pemilihan calon seperti juga dalam lain-lain urusan parti. Mengikut demokrasi calon-calon dan penyokong-penyokong mereka berhak berkempen

supaya kejayaan mereka lebih cerah. Kempen yang dimaksudkan ialah kempen yang menumpu kepada kebolehan calon untuk mengisi jawatan yang dipertandinginya.

Banyak faktor-faktor yang menentukan kebolehan calon perlu disebutkan. Minatnya, khidmatnya, yang terdahulu, semangatnya, kelayakannya dan seribu satu perkara lain.

Tetapi satu aliran yang tidak sihat sudah terdapat di masa yang lampau dalam kempen untuk calon. Aliran ini tidak menekankan kelayakan calon, tetapi tertumpu kepada keburukan - iaitu keburukan calon yang lain. Yang lebih mendukacitakan lagi ialah jika tidak ada keburukan calon lain yang boleh memburukkan peluangnya, ada orang-orang yang boleh adakannya.

Sebab itu menjelang pemilihan calon maka timbullah berbagai cerita berkenaan si polan-si polan. Di waktu saya mungkin bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden satu cerita yang dihebohkan ialah saya telah berkahwin dengan setiausaha saya. Malangnya bagi mereka yang menyebarkan berita ini, saya tidak perlu bertanding. Dengan itu maka cerita dongeng ini pun dihentikan.

Saudara-saudari tentu ingat cerita berkenaan Encik Ghafar pada tahun 1972, juga berkenaan dengan Tan Sri Kadir kononnya berkahwin di waktu Tan Sri Fatimah bertanding Ketua Wanita.

Satu lagi cerita yang amat digemari ialah penceburan dalam kegiatan-kegiatan yang tidak disukai oleh orang UMNO. Seperti biasa kebenaran tidak penting. Yang penting ialah kesan terhadap calon lain. Saya yakin soal komunis dan soal Freemason akan ditimbulkan semula. Calon yang ditentang kononnya komunis atau Freemason ataupun sekurang-kurangnya penyokong pertubuhan-pertubuhan ini.

Ada banyak cerita lain yang akan kedengaran di waktu ini - cuma di waktu ini - waktu pemilihan calon. Selepas itu cerita ini akan hilang sama sekali - seolah-olah tidak pernah disebut. Soal adil tak adil, baik tak baik tidak diambil kira. Bagi mereka yang begitu sekali taksud dengan kemenangan bagi calon mereka, tidak ada sesuatu walaupun kotor bagai najis yang mereka tidak sanggup berbuat.

Memanglah benar kita perlu menentukan supaya mereka yang tercemar dan mempunyai latar belakang yang buruk tidak harus dipilih sebagai pemimpin. Tetapi yang menjadi masalah ialah perbuatan sengaja mengadakan yang tidak ada semata-mata untuk maksud mengalah calon lawan. Perbuatan ini amatlah buruk

kerana akibatnya ialah yang layak tidak dipilih dan yang bergantung kepada cara-cara yang kotor akan dipilih.

Jika ini berterusan UMNO akan dipimpin dan diwarisi oleh mereka yang buruk budi pekerti dan akhlak serta yang tidak mempunyai bakat dan kaliber memikul beban dan tanggungjawab dalam sebuah parti yang berkuasa. Tiap-tiap kali pemilihan dibuat, semakin buruklah kepimpinan parti dan semakin lemahlah parti.

Oleh itu saya ingin merayu kepada saudara-saudari sekalian supaya menolak cara yang buruk ini. Jikalau ada kualiti yang buruk kepada mana-mana calon buatlah tuduhan atau kecaman secara terbuka dan buktikan apa yang diperkatakan. Jika benar apa yang diperkatakan, calon itu tidak akan terpilih. Tetapi jika tuduhan itu tidak benar janganlah menyebarkan risalah yang disembunyi puncanya, jangan menyebarkan berita angin dan jangan tikam dari belakang. Memadailah dengan kita perikatakan kualiti yang baik yang ada kepada calon yang kita minati.

Dalam beberapa ucapan yang telah saya ucapkan dahulu saya telah berkata bahawa generasi muda tidak lagi berminat untuk menyokong UMNO. Tetapi sejak itu usaha telah dijalankan untuk menawan hati pemuda-pemudi dan hasilnya ialah ramainya mereka ini menyertai UMNO. Ini dapat dilihat waktu pilihanraya baik dari segi tenaga kerja atau pengundi.

Sokongan ini mempunyai alamat yang baik bagi UMNO. Tetapi pertambahan ini cuma akan berkesan jikalau UMNO berjaya mengekalkan peranannya sebagai parti politik yang utama dalam negara kita ini.

UMNO akan menjadi warisan saudara-saudari. UMNO mempunyai semua aset warisan yang baik. Apakah ia akan kekal sebagai warisan yang baik bergantung kepada mereka yang mewarisinya.

Oleh itu fikirlah dengan mendalam tentang peranan saudara-saudari dalam UMNO. Fikirkan juga tentang apa yang saya telah perikatakan dalam ucapan ini.

Hari ini saudara-saudari akan mewarisi suatu badan yang masih kuat dan kukuh dan saudara-saudari akan berbangga dan bersyukur dengan nasib baik saudara-saudari. Kalaulah kerana lali dan percakapan di masa depan, UMNO ini hancur dan generasi yang berikutnya tidak ada apa yang hendak diwarisi, saudara-saudari mungkin dikutuk oleh mereka.

Tanggungjawab waris UMNO adalah berat. Oleh itu berhati-

hatilah.

Dengan amaran ini, maka saya dengan perasaan penuh tanggungjawab merasmikan Pembukaan Perhimpunan Agung Pemuda UMNO dan Perhimpunan Agung Wanita UMNO bagi tahun 1978.

*Ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 14hb September 1978.*

## MASA DAN PERTUKARAN

MASA mempunyai satu khasiat dan kesan yang amat penting bagi masyarakat manusia. Masa tidak sahaja menjadi yang muda tua, satu proses yang tidak boleh disekat, dihenti atau dibalikkan, tetapi masa juga dapat mengubah corak dan pemikiran masyarakat dan nilai hidup mereka sehingga masyarakat berubah menjadi berlain dan berbeza sama sekali. Masa boleh menjadi masyarakat yang mundur maju dan yang maju mundur, menjadi yang anarki tertib dan tersusun dan yang tersusun dan tertib anarki, menjadi masyarakat yang berpegang kuat kepada agama atheis dan hedonistik (iaitu yang hidup untuk kepuasan nafsu sahaja) dan sebaliknya yang atheis dan hedonistik sedar kepada kerohaniah dan agama. Pendek kata masa berkuasa mengubah fikiran dan keadaan masyarakat sehingga tidak ada satu yang kekal, sama ada baik atau buruk.

Tidak berapa lama dahulu British dengan angkuhnya berkata "the sun never sets on the British Empire" - bermakna bukan sahaja jajahan mereka mengelilingi dunia dan tidak ada satu masa yang seluruh empire mereka gelap malam tetapi bermakna juga empire mereka akan kekal selama-lamanya. Perjanjian mereka diisytiharkan berkuatkuasa selagi ada bulan dan bintang dan matahari - iaitu sehingga kiamat. Dan Perdana Menteri mereka, Winston Spencer Churchill berjanji kepada dunia yang dianya tidak akan "preside over the liquidation of the British Empire." Demikian Great Britain dahulu.

Tetapi masa mengubah nasib Empire British dan hari ini cuma

tinggal sekeping dua wilayah sahaja lagi. Matahari tidak pancar secara berkekalan di atas jajahan British lagi. Dan negara yang begitu terkenal sebagai kuasa dunia sekarang ini cuma tinggal nama sahaja - dan bukan itu sahaja - keadaan di Great Britain sendiri mencemaskan. Kalau dahulu mereka mengecap orang lain sebagai pemalas dan pengotor - hari ini mereka sendirilah yang dicapkan dengan label-label itu.

Masa tidak sahaja mengubah nasib Empire British tetapi juga negara dan bangsa-bangsa lain. Kadangkala perubahan yang berlaku adalah begitu radikal sehingga kita tidak dapat kenal mereka lagi. Yang miskin menjadi kaya-raja sehingga orang yang kuat dan megah datang bertalu-talu menyembah mereka dan mereka dilayan bagaikan raja di negara yang dahulu menghina mereka. Dan yang megah dahulu hari ini sudah tidak ada lagi dan menjadi pengemis dunia, meminta-minta kepada orang yang dahulu ditindas oleh mereka.

Demikian masa dan kesannya. Kepada individu, kepada masyarakat, kepada negara, kepada dunia - semuanya merasai peralihan. Masa menjadi penawar kepada segala jiwa perasaan. Masa mengubah segala sikap dan nilai yang kononnya kekal abadi. Masa menjadikan yang ada tidak ada dan yang tidak ada diadakan atau dicipta buat kali pertamanya. Tidak ada yang kekal dan tidak ada yang mustahil apabila diserang oleh masa.

Saya menjelaskan peranan masa untuk memperingati diri saya dan saudara-saudari bahawa tidak ada yang mustahil apabila diserang oleh peralihan masa. Sudah tentu pemikiran dan sikap dalam politik mudah ditukar selepas genapnya sekian masa. UMNO yang mempunyai dasar perjuangan yang tertentu juga mungkin bertukar dasar perjuangannya dan menjadi parti yang bercorak kiri atau kanan daripada kedudukan UMNO sekarang. Dan dengan itu kejayaan UMNO dan kejayaan negara juga akan terancam.

Peralihan masa harus dititikberatkan oleh saudara-saudari kerana kemungkinan ialah saudara-saudari dari generasi yang muda yang akan mewarisi dan mengalami pertukaran yang berlaku dan kesan kesannya. Generasi yang ada tetap luput dan hilang ataupun tidak berdaya lagi memimpin atau mempengaruhi keadaan. Mereka cuma akan merasai kesan. Tetapi yang akan terlibat secara langsung ialah generasi muda iaitu saudara-saudari yang kelak akan memimpin negara ini.

Penukaran yang akan dibawa oleh peralihan masa tidak

semestinya menjadikan keadaan lebih buruk dari yang ada. Memang benar penukaran yang akan berlaku boleh membawa kepada lebih banyak kebaikan dari sekarang. Generasi sekarang dan pemimpin pemimpnnya harus mengakui bahawa bukan semua keadaan yang wujud di masa mereka baik-baik belaka dan tidak boleh jadi lebih baik. Yang sebenar ialah banyak yang buruk dan tidak diinginkan berlaku sekarang, samada kerana tidak dapat dielak atau mungkin juga kerana nilai dan tindakan yang dibuat oleh pemimpin generasi ini tidak sebaik seperti yang dijangka. Mungkin generasi yang lain dapat membuat penilaian yang lebih tepat dan baik terhadap keadaan alam masyarakatnya dan membentuk dasar dan tindakan yang boleh membawa kepada lebih banyak kebaikan. Dan dengan itu pertukaran yang akan berlaku membawa lebih kebaikan dari keburukan.

Tetapi pertukaran yang lebih buruk lebih mengancam kerana apa yang tidak dapat dinafikan ialah keadaan sekarang adalah lebih baik dari dahulu - iaitu dari zaman penjajah dan masa-masa sejeurus selepas kemerdekaan dicapai - bukan sahaja bagi orang UMNO dan orang Melayu tetapi semua kaum bumiputera dan bukan bumiputera dan seterusnya negara keseluruhannya.

Biasanya apabila masyarakat manusia mencapai kemajuan maka timbullah perasaan bahawa kemajuan tidak perlu dipelihara. Dianya adalah keadaan semulajadi. Walau apapun dibuat dianya akan berkekalan. Dengan perkataan lain kemajuan dianggap sebagai perkara biasa dan kerana ianya perkara biasa kita boleh "take for granted" bahawa ia akan ada sepanjang masa.

Sejarah menunjuk bagaimana negara-negara dan empire-empire yang maju dan gagah, termasuk empire Islam telah merosot dan akhirnya lumpuh-lenyap dalam jangkamasa yang pendek sahaja kerana pemimpin-pemimpin dan penduduk tidak lagi berusaha mempertahankan kekuatan negara dan empire-empire ini. Bagi setengah-setengah negara atau masyarakat mereka tidak pun sampai ke kemuncak pembangunan yang mungkin tetapi telah merosot lebih awal.

Jika dikaji kita akan dapati bahawa punca merosotnya negara dan masyarakat ialah sikap tidak menghargai, dan oleh itu tidak memelihara, kemajuan yang telah dicapai. Pemimpin-pemimpin asyik bercakar dan penganut berpecah-belah dan bermusuhan antara satu sama lain.

Sejarah orang Melayu penuh dengan peristiwa-peristiwa seperti

ini. Di zaman raja berkuasa, rebutan kuasa berlaku bukan sahaja selepas kemangkatan seorang raja tetapi sepanjang masa. Dan tiap-tiap kali rebutan berlaku, kuasa-kuasa asing dipohon memberi bantuan kepada kedua-dua pihak. Akhirnya negeri-negeri Melayu semuanya dijajah dan komposisi penduduknya tidak lagi dikuasai oleh orang Melayu.

Pada tahun 1945 - 1946 baharulah satu kesedaran menyerang orang Melayu akibat dari penderitaan di waktu perang Dunia Kedua dan cadangan British merampas kuasa dan mendirikan Malayan Union. Sejak dari tahun ini perpaduan orang Melayu telah meningkat dan dengan perpaduan datang kuasa dan kemajuan.

Apabila kita bercakap tentang kemajuan kita tidak bermaksud material atau dunia sahaja. Sejak kuasa terdapat kepada kita (walaupun kuasa ini diagih juga dengan kaum-kaum lain) kita telah dapat mengukuhkan kedudukan dan amalan agama Islam di kalangan orang Islam - khususnya orang Melayu. Tidak dapat siapapun - termasuk pengkritik kita - yang boleh berkata bahawa perpaduan yang diteroka oleh UMNO tidak meninggikan dan mengembang syiar Islam di Malaysia dan mendapat pengiktirafan dari lain-lain negara Islam. Dan dengan progres yang dibuat sekarang, kuasa Kerajaan yang diperolehi melalui UMNO akan membawa lebih banyak kemajuan dalam bidang agama. Dengan perkataan lain kemajuan yang dimaksudkan hasil dari perpaduan dan kuasa ialah kemajuan yang menyeluruh - yang meliputi alam lahiriah dan rohaniah.

Tetapi kemajuan telah timbul keangkuhan di kalangan beberapa segmen orang Melayu. Mereka ini berpendapat kuasa dan kemajuan adalah perkara semulajadi. Mereka berpendapat bahawa yang perlu ialah menuntut lebih daripada yang sudah ada. Mereka tidak kkuatir samasekali bahawa kuasa boleh hilang dari tangan mereka. Dengan sombongnya mereka melupakan asas-asas kuasa itu - iaitu perpaduan dan kecekapan menggunakan kuasa. Mereka lupa bahawa bagaimana besar sekalipun kuasa yang dipunyai oleh beberapa jenis manusia dalam sejarah, kerana kelalaian dan penyalahgunaan kuasa akhirnya mereka jatuh.

Kita belum sampai ke puncak kemajuan baik di bidang material atau spiritual. Tetapi tanda-tanda tak sedarkan diri dan keangkuhan kuasa (arrogance of power) sudahpun wujud walaupun tidak meliputi semua orang Melayu. Ada kumpulan-kumpulan orang Melayu yang giat mengadakan serpihan-serpihan dari masyarakat

Melayu tanpa sebab yang waras. Apabila wujudnya serpihan ini maka tumpuan kegiatan mereka ialah memburuk dan memecah baki yang masih bersatu-padu. Untuk tujuan ini mereka tidak kira apakah kesan kegiatan mereka terhadap orang Melayu serta agama dan negara mereka.

Pada satu ketika kumpulan-kumpulan ini memeralatkan masalah sosial dan ekonomi. Tertarik dengan pendapat sosialis, dengan suara yang nyaring mereka ini mengkritik dan mengecam apa yang dikatakan ketidakadilan sosial, iaitu pembahagian kekayaan dalam masyarakat. Samada bukti menunjuk ini benar atau tidak mereka melaungkan slogan "yang kaya menjadi lebih kaya dan yang miskin lebih miskin".

Bagi kumpulan ini soal kekayaan material adalah perkara utama dalam mencapai kebahagiaan hidup - pendapat yang tidak berbeza dengan pendapat komunis. Bagi mereka masyarakat yang bahagia ialah masyarakat yang anggotanya mendapat pendapatan yang sama. Bagi mereka ini equality pendapatan bermakna keadilan dan kebahagiaan. Oleh itu mereka berjuang untuk persamaan pendapat semata-mata.

Apakah benar bahawa pemilikan harta sama-rata bermakna keadilan dan kebahagiaan tidak disoal oleh kumpulan ini. Kerana ada orang berkata begitu dan mereka disogok oleh sosialis dan komunis asing dengan nilai ini, mereka menerima sahaja hujah-hujah ini tanpa kajian. Bahawa pembahagian kekayaan sama rata dalam sesuatu masyarakat akan menjadi semua anggota masyarakat itu miskin tidak disoal oleh mereka itu. Mereka menolak kenyataan yang jelas menunjuk bahawa amalan sistem sosialis dalam milik harta kekayaan menjadikan rakyat miskin dan hamba kepada beberapa kerat pemimpin yang hidup mewah.

Kesan dari kempen pihak sosialis ini terhadap orang Melayu yang baharu sahaja mula membangun ialah kemajuan yang terhalang. Dalam bidang pelajaran bagi anak-anak Melayu yang ketinggalan akibat penjajah British, kegelisahan yang dicituskan oleh sosialis/komunis memesonkan pandangan kepada apa yang dicerminkan sebagai usaha memperbaiki keadaan masyarakat - iaitu usaha mengamalkan sistem dan dasar sosialis dan komunis. Kononnya masyarakat yang ada adalah kapitalis dan tidak adil, dan oleh itu harus dihancurkan. Dan pelajar-pelajar Melayu pun ke hulu ke hilir untuk membangkit perasaan dan melancar berbagai tindakan.

Akibatnya peluang belajar yang disediakan dengan begitu susah

untuk mereka tercibir dan tidak dapat menolong mereka mengatasi kemunduran diri mereka. Orang Melayu yang berharap kepada generasi muda; orang Melayu yang memikir bahawa perjuangan dan korban mereka sudah mula berhasil, kecewa. Sosialis, komunis dan lain-lain musuh yang tidak suka orang Melayu mencapai kejayaan pula riang-gembira. Orang Melayu akan terus ketinggalan dan masyarakat mereka akan terus subur untuk semaian pendapat yang akan menjadikan mereka alat komunis dan sosialis.

Dalam bidang pekerjaan kesan sosialis juga dirasai. Pelajar-pelajar dan cerdik-pandai sosialis cuba mempengaruhi pekerja dan kesatuan-kesatuan sekerja supaya tidak menunjuk minat kepada pekerjaan. Kita semua tahu bahawa kita harus bekerja dengan jujur untuk mendapat nafkah. Kita semua tahu bahawa sebagai orang Islam kita harus memberi khidmat kita seperti yang dijanjikan. Kita tahu adalah salah bagi kita mengambil upahan untuk khidmat yang kita tidak beri. Kita tahu pula bahawa bangsa yang bekerja dengan kuat dan jujur tentu maju dan sebaliknya bangsa yang malas dan menipu dalam pekerjaan mereka akan mundur.

Tetapi apabila pihak sosialis menyuruh orang Melayu supaya tidak bekerja kuat, tidak bekerja betul dan menggunakan tenaga dan kecekapan mereka untuk merosakkan dan mengancam perusahaan yang memberi peluang mereka bekerja dengan tujuan untuk mendapat pendapatan yang lebih, ramai orang Melayu terikut-ikut dan tidak menyoal motif orang-orang yang kononnya bersimpati dengan mereka. Pekerja Melayu dengan mudah terperangkap dengan tarikan pendapatan yang lebih melalui ugutan dan mengikut telunjuk orang-orang ini.

Kesannya ialah orang Melayu tidak dapat meninggikan taraf kecekapan mereka dalam berbagai bidang dan mereka mendapat imej sebagai pengacau dan pemalas dan cuma akan membawa masalah kepada sesiapa yang memberi peluang bekerja kepada mereka. Sementara itu orang yang menyuruh mereka mengambil berbagai tindakan mencapai lebih banyak kejayaan kerana mereka bekerja keras dan sering meninggikan taraf kecekapan mereka.

Kita tahu bahawa bangsa yang pemalas dan tidak cekap tidak akan berjaya dan sebaliknya tidak rajin dan berkebolehan mudah berjaya dan lebih bahagia. Kita dapat lihat bagaimana orang Inggeris yang sudah menjadi malas dan tidak berdisiplin tidak lagi dihormati atau berkuasa dalam dunia. Kita dapat lihat bagaimana bangsa-bangsa yang kalah perang telah bekerja dengan kuat dan

penuh minat dan hari ini menjadi bangsa yang kaya-raya dan dihormati oleh semua. Kita lihat dan kita tahu semua ini; kita tahu keburukan yang akan menimpa kita kalau kita malas dan tidak mahu menuntut ilmu dan kecekapan. Tetapi apabila pihak sosialis dan koncu-koncu mereka berkata bahawa tanpa ilmu dan kecekapan kita boleh dapat kesenangan dan mewah, kita mudah percaya. Kita percaya kata-kata mereka bahawa mengugut dan merampas perusahaan orang lebih mudah memberi kejayaan. Dan dengan itu walaupun peluang diberi kepada kita, kita tidak juga meninggikan kecekapan dan pengetahuan kita.

Kita tahu tidak ada jalan yang mudah untuk mencapai kejayaan. Kita tahu cuma melalui ketegasan dan ketekunan sahaja kita boleh memperbaiki keadaan kita. Tetapi kita mudah terpedaya dengan cara yang mudah yang ditayang oleh sosialis kepada kita. Mogok, tak bekerja dan ugutan kononnya memberi lebih pendapatan daripada bekerja dengan jujur dan penuh minat.

Buat suatu masa ramai juga dari anak muda kita terutama di institusi pelajaran tinggi yang cuba mengamalkan cara sosialis. Mereka tidak belajar dan mengasahkan kecekapan mereka tetapi sebaliknya mereka cuba mencapai matlamat mereka dengan cara mengadakan huru-hara. Mereka menyusun dan mengadakan demonstrasi dan kekacauan di seluruh negara. Mereka menghasut orang kampung dan pekerja kilang supaya menggunakan demonstrasi massa sebagai satu cara mudah mendapat sesuatu bagi diri sendiri. Kerja dan usaha tidak perlu kata mereka. Dengan menimbulkan kekacauan di seluruh negara Kerajaan terpaksa tunduk kepada desakan mereka. Pendapatan tidak payah dikaitkan dengan kerja. Kerajaan boleh ditekan supaya memberi sarahidup kepada semua yang tidak bekerja. Dengan itu semua orang tidak perlu bersusah-payah bekerja lagi. Bahawa inilah yang membawa kehancuran masyarakat yang lebih maju dari kita tidak diambil kira. Yang ditumpukan oleh anak muda Melayu ini ialah cara ini begitu berkesan serta mudah kerana ini bergantung kepada nafsu manusia - dan nafsu memang lebih mudah diperalatkan daripada nilai-nilai yang waras.

Pengaruh nafsu juga diguna oleh penuntut yang pro-sosialis dalam menguasai fikiran dan gerak-geri pekerja-pekerja. Bila ada saja mogok atau lain-lain perusahaan maka sampailah koncu-koncu sosialis ini untuk menanggung di air yang keruh. Mereka memberi bantuan moral dan wang kononnya kerana simpati mereka

terhadap penderitaan kaum buruh. Walhal maksud mereka ialah untuk mendapat pengaruh supaya Kerajaan takut kepada pemimpin sosialis dan sedia mengikut kehendak mereka. Matlamat puak pro-sosialis ialah mengadakan general strike seluruh negara. Ini tetap akan menjatuhkan Kerajaan dan kuasa akan terdapat kepada pemimpin sosialis tanpa proses demokrasi. Sekali kuasa terlepas kepada tangan mereka, mereka akan susun pentadbiran mereka supaya demokrasi tidak akan mengancam kedudukan mereka dan kuasa yang terdapat kepada mereka akan berkekalan.

Dasar dan tuntutan sosialis memang menarik. Mereka tidak bersetuju dengan kekayaan yang menjolok dan diperolehi oleh kapitalis dari titikpeluh pekerja. Pekerja, kata mereka harus mendapat bahagian yang sama dan adil dari hasil usaha mereka. Oleh itu semua perusahaan harus dimiliki oleh pemerintah untuk membiayai segala kemudahan percuma untuk rakyat. Bahawa yang akan menjadi elit dan mengganti tempat orang kaya ialah pemimpin-pemimpin pemerintahan sosialis tidak disebutkan. Bahawa dengan ini juga semua pekerja akan menjadi hamba golongan elit ini tidak juga diperkatakan.

Pada permukaannya konsep dan dasar sosialis ini amatlah menarik sehingga pada satu ketika ada usul supaya UMNO mengamalkan ideologi separuh sosialis. Tetapi apabila dibahas dalam Mesyuarat Agung UMNO usul ini ditolak dan perjuangan UMNO secara umum dikatakan berpandu kepada nasionalisma demokratik.

Pada masa sosialis cuba memesongkan perjuangan UMNO ada satu lagi kumpulan yang juga mencari kesempatan. Sebenarnya kumpulan ini wujud lebih awal lagi tetapi perjuangan mereka telah menjadi samar-samar kerana sebahagian darinya telah menyertai Kerajaan Barisan Nasional. Oleh itu serpihan dari kumpulan ini telah mencipta berbagai gerakan yang kononnya berasas kepada agama Islam. Buat beberapa tahun awalan tujuh-puluhan mereka ini bekerjasama dengan puak sosialis dari berbagai kaum. Demonstrasi-demonstrasi pada masa itu disertai oleh kumpulan ini atas apa yang ditafsirkan sebagai Islamic socialism.

Gagalnya usaha sosialis telah menyebabkan kumpulan-kumpulan "agama" ini berpisah dan berjuang berasingan. Walaupun perpisahan berlaku, taktik dan strategi adalah sama dan matlamat juga adalah sama. Malangnya ada kumpulan-kumpulan yang benar-benar ingin berpandu dengan ajaran Islam telah terperangkap

sehinggakan ahli UMNO pun telah terlibat. Dengan ini maka sekali lagi perjuangan UMNO untuk bangsa dan agama terancam dan terugat.

Agama Islam merupakan kuasa yang kuat yang mempengaruhi nilai-nilai dan gerak-geri orang Melayu. Hakikat ini digunakan oleh kumpulan-kumpulan yang ingin memeralatkan agama untuk memecah-belahkan orang Melayu supaya menjadi lemah dan oleh itu terpaksa bergantung kepada mereka. Pengaruh mereka akan menjadi lebih kukuh dan menyeluruh kerana kelemahan orang Melayu.

Kumpulan-kumpulan yang memeralatkan agama tidak puashati dengan agama Islam kerana tidak ada paksaan dan tekanan dalam Islam. Tuhan yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang tidak sesuai dengan strategi mereka. Tuhan yang mengampuni dosa juga tidak sesuai.

Mereka lebih suka kepada Tuhan yang bengis seperti dalam agama-agama kolot dahulu yang mana penganut dikorban dan disembelih jika tidak mahu mengikut perintah Tuhan. Mereka lebih suka kepada agama yang menjadikan pemimpin agama pemilik kuasa menghukum dan menyiksa penganut seperti high-priest dahulukala. Mereka lebih suka kepada agama yang mempunyai sistem clergy atau priests yang bukan sahaja mentafsir agama tetapi adalah lebih dekat kepada Tuhan dan menjadi orang perantaraan antara manusia dengan Tuhan. Pendek kata mereka ingin menjadi dalang yang berkuasa walaupun orang lain yang memerintah. Kejadian di sebuah negara Asia Tengah di mana Kerajaan diletak di bawah telunjuk kumpulan clergy yang berkuasa menghukum dan menjalankan hukuman amat menarik minat kumpulan ini.

Bahawa agama Islam adalah agama yang toleran mengecewakan mereka ini. Oleh itu sepanjang masa mereka mengutamakan kekerasan hukum Islam dan aspek yang negatif sahaja yang kononnya mencerminkan agama Islam keseluruhannya. Dunia dan kejayaan di dalam dunia kononnya tidak penting dalam Islam. Bertentangan dengan ajaran Islam mereka mentafsirkan berbagai ilmu sebagai ilmu sekular yang tidak harus dipelajari oleh orang Islam. Dengan ini mereka berharap golongan yang terpelajar dalam dunia Islam ialah mereka sahaja. Dan golongan lain tidak berpengetahuan dan terpaksa tunduk kepada mereka.

Mereka tidak mahu penganut Islam berusaha untuk mencari kekayaan walaupun dalam Islam tidak ada ketegahan terhadap

kekayaan. Bahawa Nabi Muhammad s.a.w. dan ramai keluarga dan rakannya adalah dari golongan yang kaya yang mampu mengeluarkan zakat tidak disebut oleh mereka.

Satu pepatah yang digunakan oleh mereka untuk mengekalkan kemiskinan dan melarang bekerja kuat ialah kononnya "rezeki secupak tidak akan jadi segantang". Dengan ini Tuhan disalahkan kerana memberi rezeki cuma secupak sahaja dan penganut Islam tidak berupaya bagi menambahnya menjadi segantang. Tak salahlah kalau kita tidak berusaha menambah rezeki.

Bahawa sebenarnya Tuhan memberi bukan secupak tetapi segantang atau lebih jika sahaja kita berusaha dengan fikiran dan tenaga yang juga dikurniakan Tuhan tidak disebut oleh mereka. Umpamanya tanah yang kita milik boleh memberi lebih rezeki (iaitu perolehan) jika kita tidak membazirnya sedikitpun dan kita gunakan tenaga kita sepenuhnya untuk mengeluarkan hasil yang sepenuhnya. Tetapi akibat dari menyalahkan Tuhan, tanah yang dikurniakan olehNya kepada kita dibiarkan sehingga benarlah rezeki cuma secupak. Dan kita pun berkata, "Lihatlah, rezeki secupak pemberian Tuhan. Dia tidak boleh menjadi segantang. Bukan saya malas. Tuhan yang menentukan lebih dahulu." Jadi kalau kita miskin Tuhan yang salah, bukan kita.

Bahawa pembaziran tanah kurniaan Tuhan adalah satu sikap yang sombong dan tidak bersyukur kepada Allah s.w.t., tidak difikirkan sama sekali. Tabiat buruk ini tidak berbeza dari melempar buang barang yang diterima sebagai hadiah. Apakah perasaan pemberi tidak dititikberat langsung. Sebaliknya pemberi dikatakan memberi cuma sedikit sahaja dan itupun tidak berguna.

Apakah ini yang dikehendaki oleh agama, oleh Allah s.w.t? Apakah kesyukuran tidak ada tempat dalam Islam? Apakah tidak disebut dalam Quran.

"Lain syakar tum laazi dan nakum, walaain kafar tum inna azaabi la syadid", yang bermaksud: "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmatKu), maka sesungguhnya azabKu sangat pedih."

Mereka yang membawa ajaran ini; yang membentuk nilai-nilai ini menjadikan agama Islam sebagai alasan dan asas satu falsafah dan cara hidup yang bertentangan dengan agama Islam. Mereka menyalah tafsirkan agama Islam dengan sengaja. Bahawa kesan dari tafsiran yang salah ini ialah masyarakat Islam yang lemah dan

terpaksa mengemis kepada orang bukan Islam, bahkan orang yang menjadi musuh kepada Islam tidak diambilkira oleh golongan ini. Bagi mereka yang penting ialah dalam masyarakat Islam yang berpemikiran lemah dan papa-kedana, mereka mendapat tempat sebagai orang yang berkuasa.

Seperti pepatah berkata, "dalam masyarakat yang buta, seorang yang tunggal celik menjadi raja." Dalam masyarakat Islam yang tidak tahu agamanya yang sebenar, mereka yang dapat menonjol pengetahuan agama melalui hadis dan firman dan sunnah nabi yang dipilih-pilih, disebut separuh tanpa latar belakang dan disalah tafsir, mereka berharap menjadi raja yang berkuasa.

Berhadapan dengan mereka yang memperalatkan agama Islam, UMNO kadangkala terpengaruh juga. Ada di antara kita yang terima bulat-bulat tafsiran yang salah dan nilai-nilai yang buruk yang ditonjolkan oleh golongan opportunist agama ini. Ada juga di antara kita yang berpendapat bahawa kita harus menunjuk bahawa UMNO tidak kurang minatnya dalam agama dengan mengamalkan cara-cara yang salah tadi. Ada yang berkata bahawa ini adalah Islam dan kita harus berbuat seperti mereka.

Sebab itu ramai dari ahli-ahli dan bahagian-bahagian UMNO yang membuat usul-usul supaya kita juga membuat apa yang diperbuat oleh golongan yang menyeleweng dari ajaran agama Islam. Ada orang UMNO yang hendak kita mengutamakan pakaian sebagai ukuran keislaman. Ada yang hendak kita mengenyepikan pelajaran yang ditafsir sebagai sekular oleh opportunist agama sebagai amalan Islam. Dan ada yang hendak supaya Kerajaan yang dipimpin oleh UMNO melakukan apa yang salah dan kejam terhadap orang bukan Islam sebagai bukti keislaman kononnya. Dan banyak lagi perbuatan-perbuatan yang sebenarnya berasas kepada nafsu yang angkuh kerana kita sudah berkuasa, yang disuruh kita buat sebagai tanda keislaman. Bahawa semua ini bertentangan dengan Islam yang sebenar dan tidak pun selaras dengan Kerajaan Islam yang sebenar di bawah pimpinan Nabi dan sahabat-sahabatnya, tidak diambilkira. Yang penting ialah ada orang Islam yang berkuasa dan kenapa mereka tidak menunjuk kuasa ini dengan terang sebagai bukti orang Islam berkuasa - terutama terhadap yang bukan Islam. Demikianlah reaksi sebahagian dari ahli UMNO apabila berhadapan dengan strategi musuh politik UMNO yang memperalatkan agama Islam.

UMNO tidak harus terperangkap dengan usaha kumpulan-

kumpulan dakwah songsang dan mereka yang didorong oleh nafsu yang saya sebutkan tadi. Kita harus ingat bahawa kita tidak lari dari asas Islam dalam perjuangan kita. Jauh lebih awal dari parti lain dan kumpulan lain kita telah berikrar untuk melindungi Islam di Malaysia ini dan memajukannya. Dan ikrar ini tidak tinggal ikrar sahaja. Bukti yang jelas dan nyata menunjuk bagaimana dalam masa UMNO memerintah pegangan kepada agama Islam dan orang Islam telah menjadi lebih kukuh, pengetahuan mereka tentang agama Islam telah bertambah, kegiatan yang berasas agama Islam telah meningkat dan segala kemudahan untuk amalan agama Islam telah disediakan dengan begitu banyak.

UMNO harus pegang kepada agama Islam yang sebenar dan tidak terpengaruh dengan sandiwara yang sedang diperlihatkan oleh setengah-setengah orang lain. Masalah yang dihadapi oleh orang Islam adalah lebih besar dari soal warna dan bentuk pakaian, soal adanya tempat sembahyang di atas kapal terbang atau keretapi (orang Islam boleh sembahyang walaupun sambil menunggang kuda), soal tanda haram/halal yang sebenarnya tidak mempunyai makna kerana tiada siapapun yang boleh menjamin kebenarannya (orang Islam juga sanggup menjual daging haram dengan tanda halal), dan soal titik-bengik yang lain. Masalah yang dihadapi oleh Islam dan orang Islam ialah masalah survival, masalah persaudaraan dan perpaduan dalam Islam, masalah kehormatan terhadap agama Islam dan penganut-penganutnya, dan masalah perkembangan agama Islam dan pemancaran cahayanya ke sudut-sudut dunia yang masih gelap.

Zaman ini mempunyai berbagai jenis cabaran dan ancaman yang luar biasa bagi orang Islam. Yang pertama ialah persaudaraan dalam Islam. Orang-orang yang beragama Islam dan negara-negara yang diperintah oleh Islam bukan sahaja tidak bersaudara tetapi bermusuhan-musuhan. Orang Islam menuduh orang Islam lain sebagai tidak Islam bukan kerana agama tetapi kerana politik. Bila mereka bersetuju dari segi politik maka amalan agama tidak dipedulikan walaupun jelas amalan itu salah. Besok bila sudah bermusuhan semula semuanya tidak kena dan tidak Islam dan mereka menentang kerana Islam kononnya.

Begitu juga dengan orang Islam dalam sesebuah negeri. Bila tidak ada pertentangan politik, semua yang diamal adalah Islam belaka tetapi apabila bermusuhan balik maka yang dibuat bersama dahulu sudah tidak Islam lagi dan dikecam dengan hebat.

Hasil dari sikap ini ialah permusuhan, bahkan peperangan antara orang-orang Islam sesama Islam adalah lebih kuat dari antara Islam dengan orang yang bukan Islam dan yang jelas anti-Islam. Lebih ramai orang Islam dibunuh oleh orang Islam dari orang Islam yang dibunuh oleh bukan Islam. Dan kelemahan orang Islam sekarang lebih disebabkan oleh orang Islam dari yang bukan Islam.

Dalam sejarah Islam tidak ada satu mada yang negara-negara Islam mempunyai sumber kekayaan yang bukan sahaja terbanyak sekali tetapi strategis. Dengan kekayaan dan kuasa minyak orang Islam boleh mengukuhkan semua unsur kuasa dan kekuatan mereka. Tetapi kekayaan ini tidak sahaja dibazirkan malah digunakan untuk menindas rakyat sendiri, membalas dendam dalam negara dan antara negara Islam dan menghasut serta memerangi negara dan orang yang seagama. Tidak guna kita berkata bahawa ini tidak berlaku, bahawa ini adalah laporan oleh orang yang bukan Islam dan anti-Islam. Kita tahu ini berlaku kerana kita mendengar dari orang Islam yang terlibat sendiri apabila mereka berusaha mendapat sokongan dari kita dan kita lihat dengan mata kepala kita sendiri.

Dalam peperangan yang berlaku orang Islam dan negara Islam dengan segala sukahati meminta pertolongan dari orang yang sekali lagi bukan sahaja tidak Islam tetapi sebenarnya anti-Islam. Pertolongan ini terpaksa dipohon kerana orang Islam, walaupun kaya-raya, tidak mempunyai ilmu dan kebolehan membuat dan mengeluarkan alat-alat perang yang begitu penting dalam menghadapi musuh.

Analisa yang cetek sekalipun dapat menunjuk bahawa masalah orang Islam dan negara Islam bukan disebabkan oleh policy atau perjanjian atau siapa berkawan dengan siapa. Masalah orang Islam ialah kelemahan mereka yang menyebabkan mereka kalah tiap-tiap kali mereka berperang, dan kekalahan ini ialah disebabkan oleh kurang pengetahuan terutama dengan selok-belok peperangan moden. Dengan tentera yang jumlahnya lebih kuat dan dilengkapkan oleh alat peperangan yang moden, ketidakcekan mereka telah menyebabkan kekalahan mereka tiap-tiap kali.

Dan bila kalah mereka tidak mahu mengakui sebab yang sebenar tetapi sebaliknya menyalahkan apa yang tidak menjadi sebab. Dengan itu kesalahan tidak dapat dibetulkan selama-lamanya - dan kekalahan tetap akan berlaku jika ada percubaan lagi untuk melawan musuh. Akhirnya mereka hidup dalam ketakutan.

Semua ini harus diakui oleh kita jika pun tidak oleh orang Islam lain. UMNO dan orang Islam di Malaysia tidak harus memiliki sikap yang salah. Kita tidak harus khayal dan berkata bahawa sebenarnya kita betul dan berjaya sedangkan jelas di mata umum kita tidak betul dan tidak berjaya.

Dengan pengetahuan ini maka dapatlah kita betulkan yang tidak betul dan mencapai kemajuan yang seharusnya. Maksudnya ialah dengan tidak segan-segan kita mengakui bahawa dalam bidang pelajaran umpamanya kita ketinggalan dan dengan tidak membahas lagi suruhan agama terhadap tuntutan ilmu maka secara bersungguh-sungguh kita tumpukan kepada penguasaan semua jenis ilmu yang berguna.

Dalam bidang perniagaan sebagai sara hidup dan sebagai punca kekayaan kita mengakui kemunduran dan kesalahan kita. Dan oleh kerana tidak ada larangan terhadap perniagaan dan kekayaan pula boleh memberi kekuatan kepada orang Islam, kita dengan serius dan bertanggungjawab menyertai bidang ini. Segala suruhan agama tentang kejujuran dalam perniagaan harus diamalkan sehingga tiada sesiapa akan ragu-ragu bila berniaga dengan kita.

Dalam bidang pentadbiran kita amalkan cara-cara pemerintahan yang adil seperti terdapat dalam pemerintahan Islam di bawah pimpinan Nabi Muhammad dan Khulafa-ur-Rashiddin. Memang benar kita tidak dapat melaksanakan semua yang dilaksanakan pada masa itu kerana pemimpin-pemimpin itu adalah luarbiasa dan masyarakat Islam pada masa itu lebih tahu dan lebih dekat dengan Islam. Juga kekuatan orang Islam pada ketika itu tidak ada bandingannya. Tetapi segala-gala yang dapat kita amalkan dalam negara yang orang-orang Islam belum bersatu-padu dan masih serba kekurangan akan kita amalkan.

Kita tidak akan tergoda dengan Islam tayangan yang lebih menumpu kepada lambang-lambang yang direka-reka - seperti pakaian dan warna - dan kegiatan memecah batu di tengah malam. Kita akan tumpukan kepada amalan agama Islam yang sebenar yang akan memberi kekuatan dan kehormatan kepada agama Islam dan kepada kita. Dan ini termasuklah keadilan mengikut Islam terhadap semua pihak yang diperintah oleh kita. Tidak ada tempat bagi kita untuk menayang kuasa kita dengan menindas dan melakukan yang tidak adil kepada orang lain. Lebih-lebih lagi tidak ada tempat bagi kita mengubah dan menukar agama Islam dan Allah yang maha pengasih lagi penyayang kepada satu agama yang

menyuruh kita lakukan penindasan dan Allah s.w.t. kepada Tuhan yang bengis dan mahu korban darah sebagai tanda ketaatan dan kepercayaan pengikutnya.

UMNO dan ahli-ahli UMNO mesti sedar bahawa bilangan orang Melayu tidak ramai dan tidak ramai pula dari kita yang mempunyai bakat dan kebolehan dalam serba serbi kegiatan yang boleh memberi kekuatan kepada kita. Perpecahan dan ajaran yang salah telah mengurangkan lagi tenaga kita. Sesuatu yang boleh memberi kekuatan kepada kita ialah penglibatan wanita dalam semua bidang yang tidak dilarang oleh agama. Sebab itu penyertaan wanita amatlah penting dalam semua bidang bagi menambah tenaga untuk memulih kedudukan kita. Percubaan untuk menjadikan wanita sebagai orang kelas dua dalam Islam dan tidak boleh berpelajaran atau bekerja adalah perbuatan yang mengkhianati bangsa dan juga agama - kerana tanpa penyertaan wanita separuh dari tenaga orang Islam akan hilang. UMNO akan terus berjuang supaya wanita Melayu mempunyai tempat dalam barisan hadapan untuk memulihkan orang Islam dan orang Melayu.

Cabaran yang dihadapi oleh UMNO semakin lama semakin bertambah dan semakin kompleks. Perubahan dan pertukaran kerana peredaran masa akan menambah dan menjadikan lebih kompleks lagi serangan yang akan dihadapi oleh UMNO. Masa akan mencabar nilai dan pegangan bukan sahaja orang Melayu lain tetapi ahli UMNO sendiri sehingga keraguan akan timbul terhadap dasar dan konsep perjuangan UMNO sendiri. Dan dengan pertukaran nilai ini kekuatan yang hingga kini dapat ditumpang dan melindungi orang Melayu mungkin akan beransur-ansur lenyap.

Memang ini adalah aliran biasa bagi sesebuah parti politik bahkan sesuatu kumpulan dalam peredaran masa. Pertukaran nilai tidak semuanya buruk tetapi biasanya manusia yang hidup senang dan mewah tidak lagi menghargai kesenangan dan kemewahan mereka. Berbanding dengan keadaan dahulu orang Melayu sekarang berkuasa dan lebih mewah. Oleh itu lebih besar kemungkinan mereka menganggap kemewahan mereka adalah perkara biasa dan kekal dan tidak payah dihargai atau dipelihara. Dengan anggapan ini pertukaran akan lebih ke arah yang burk dari yang baik.

Kemungkinan yang buruk berlaku adalah lebih kerana mereka yang sudah mewah atau menilai mereka mewah biasanya lemah dan mudah terpengaruh dengan cara-cara yang mudah. Malangnya cara yang mudah tidak mungkin membawa kebaikan yang

berkekalan. Kesedaran tentang hakikat ini amatlah penting kerana ramai yang akan menunjuk kepada cara yang mudah. Apabila sahaja kita menghadapi satu cabaran yang sukar diatasi, akan ada orang yang berkata, sebenarnya itu tidak penting diatasi. Alihkan saja kepada jurusan lain atau asingkan diri dari yang susah ini.

Dengan perkataan lain kita harus berwaspada apabila sahaja yang mudah ditunjukkan kepada kita untuk mengatasi masalah atau cabaran yang kita hadapi. Kajian yang mendalam dan ikhlas harus dibuat tiap-tiap kali cara yang mudah ditonjolkan. Jika ada sedikitpun keraguan, kita harus berani tolak dan pegang kuat kepada cara yang lama walaupun susah untuk dilaksanakan. Cuma jikalau kajian menunjukkan dengan jelas bahawa cara yang baru ini tetap berkesan dan membawa kepada kebaikan baharulah kita harus tukar cara-cara yang telah kita amalkan.

Tidak ada yang mudah bagi kita dalam apa juga lapangan. Semuanya berkehendak kepada usaha yang gigih dan kesanggupan mengalami tekanan dan kerugian sebelum tercapai matlamat. Dalam menghadapi masa dan pertukaran yang datang bersamanya kita dalam UMNO dan orang Melayu amnya harus menyediakan diri untuk bermacam-macam dugaan. Tidak ada masa yang rintangan dan masalah akan habis diatasi. Habis satu akan diganti dengan satu lagi. Dalam perjuangan tidak akan ada kemenangan yang terakhir yang membolehkan kita berehat sepanjang masa.

Generasi muda UMNO yang berpendapat bahawa jika hari ini mereka tidak dapat mengambil bahagian dalam mengatasi sesuatu masalah, maka tidak ada gunanya penyertaan mereka dalam parti adalah salah. Masalah dan cubaan tidak akan habis selesai di waktu golongan tua menguasai parti dan Kerajaan. Lebih banyak masalah akan mengancam UMNO dan orang Melayu dan agama Islam kemudian hari yang mana tidak dapat tidak tenaga dan kebolehan golongan muda akan diperah habis-habisan. Perjuangan tidak punyai akhirnya. Kekecewaan tidak ada tempat dalam hati orang UMNO samada tua atau muda.

Oleh itu bersedialah. Masa akan membawa perubahan dan pertukaran. Nilai-nilai yang ada mungkin luput dan lenyap dan akan diganti dengan nilai-nilai yang baru. Keadaan pembahagian kuasa di negara ini juga mungkin berubah dengan masa dan perlindungan yang sehingga ini kita miliki mungkin lesap dan hilang. Kedudukan kita mungkin berubah. Yang mustahil mungkin menjadi perkara biasa.

Ramai yang menanti-nanti pertukaran ini. Ramai yang lihat kejadian di lain negara yang ingin supaya masa akan membawa pertukaran yang sama di negara ini. Ramai yang sanggup mengadakan huru-hara asalkan mereka mendapat manafaat dari mereka.

Di tengah-tengah pergolakan ini UMNO berada. Walau apa juga cabaran masa, kita perlu pegang kepada yang benar. Kita perlu pertahankan konsep yang baik dan tidak menukar semata-mata kerana ingin mengikut aliran zaman. Kita dalam UMNO adalah benteng pertahanan yang melindungi agama, bangsa dan tanahair. Dan kita tidak akan lupa tanggungjawab ini walau apapun dugaan atau cabaran.

Bersedialah. Bersedialah untuk menghadapi masa dan pertukaran. Bersedialah untuk memperjuangkan cita-cita dan matlamat perjuangan UMNO yang berasas kepada kebenaran dan tafsiran agama yang sebenar. Kita masih mempunyai banyak yang hendak dikerjakan. Masa akan menambah tugas yang mesti kita pikul. Di bahu saudara-saudarilah yang kemudiannya beban ini akan diletak. Walau apa sekalipun pertukaran yang akan dibawa oleh masa, saudara-saudari harus menentukan perlindungan yang diberi oleh UMNO dapat menyelamatkan dan memajukan orang Melayu khususnya dan dengan itu agama dan negara Malaysia.

Maka dengan ini saya dengan segala sukacitanya merasmikan Pembukaan Perhimpunan Agung Pemuda UMNO dan Perhimpunan Agung Wanita UMNO bagi tahun 1979.

*Ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 5hb Julai 1979.*

## RUPA BENTUK DAN ISI KANDUNGAN UMNO

SEKALI lagi kita berkumpul, Pemuda dan Wanita UMNO, untuk bermesyuarat, untuk membincang pentadbiran parti kita, untuk berbahas masalah-masalah yang kita hadapi di dalam dan di luar negara, untuk menentukan sedaya upaya kita, jika diizinkan oleh Allah subhanahuwata'ala, nasib kita di masa depan.

Kita sedar bahawa kita tidak dapat tentukan dengan tepat sesuatu yang akan datang. Kita cuma boleh merancang. Yang menentukan ialah Tuhan yang menguasai sekalian alam. Tetapi tidak pula kita ditegah merancang. Insya Allah, jika diizinkan Tuhan, rancangan kita akan berhasil. Kita cuma menambat unta dan berusaha sedaya upaya untuk menjaganya sambil menyerahkan kepada kehendak Tuhan. Unta masih boleh hilang, tetapi tentulah salah dan tidak bertanggungjawab jika kita biarkan sahaja unta itu kerana Tuhan yang akan menentukan unta kita hilang atau tidak, seperti setengah orang yang cuma berkata "Insya Allah" tanpa membuat usaha yang bersungguh-sungguh untuk menentukan yang dijanji akan ditunaikan.

Apa ada kena mengena soal ini dengan pemuda dan wanita dan mesyuarat ini. Kaitannya banyak kerana mesyuarat (apa juga mesyuarat) diadakan untuk "menentukan" tindakan dan matlamat untuk masa depan, iaitu merancang untuk masa depan - dan bagi pemuda walaupun apa yang berlaku sekarang adalah penting, tetapi tanggungjawab mereka pada masa depan adalah lebih penting. Bagi wanita juga demikian kerana wanita juga rata-rata dari golongan yang muda dan akan mewarisi tanggungjawab terhadap negara ini

tidak lama lagi.

Kita berada sekarang dalam satu zaman yang jauh berbeza dari zaman sebelum penjajah atau zaman penjajah ataupun zaman awalan Malaysia merdeka. Zaman ini yang bermula pada pertengahan tahun-tahun tujuh-puluhan memperlihatkan pergolakan politik dan ekonomi yang luar biasa dan mempunyai kesan yang amat penting bagi kita. Jika kita tidak faham perubahan-perubahan yang berlaku dan apakah kemungkinannya bagi diri kita, boleh jadi kita akan luput dan hilang dari muka bumi ini. Ini bukan satu sangkaan yang tidak berasas tetapi adalah hasil perhatian yang cukup serius terhadap nasib beberapa negara dan bangsa yang telah hilang dari masyarakat dunia. Ini juga adalah hasil tinjauan terhadap pergolakan politik dan ekonomi yang berlaku di seluruh dunia, khususnya di Asia Tenggara dan di Asia Tengah.

Di zaman dahulu kejadian yang berlaku di tempat-tempat yang jauh dari negara kita tidak begitu mengancam nasib kita. Dahulu perhubungan adalah sukar dan lambat. Tetapi hari ini kita boleh dengar, bahkan lihat senapang yang ditembak di sebalik sana dunia dengan serta-merta, dan keputusan yang dibuat di Moscow atau Washington atau Peking ataupun Salisbury boleh mengubah nasib kita dengan sama kesannya seperti nasib orang Russia, atau orang Amerika, atau orang Cina atau orang Rhodesia. Demikian bezanya zaman ini dengan zaman-zaman yang lepas.

Memandang kepada hakikat inilah maka kita terpaksa mengambil kira perkembangan di seluruh dunia dan membentuk sikap dan dasar untuk menangkis yang buruk dan mengamal atau memperalatkan yang baik. Pergolakan politik dan ekonomi di seluruh dunia harus diambil kira sebagai contoh dan sebagai asas perancangan kita. Di samping itu kita tidak boleh lupa sejarah dan nilai-nilai yang mulia yang kita miliki kerana kita adalah orang Islam.

Apakah aliran dan peristiwa di dunia yang harus kita titikberatkan, kerana mempunyai kesan ke atas nasib kita. Yang pertama dan utama ialah kebangkitan semula umat Islam dan agama Islam sebagai satu kuasa yang mempengaruhi semua perkembangan dan pembangunan di dunia. Samada bidang ekonomi atau bidang politik atau apajuga bidang kegiatan manusia, tidak ada satu yang terlepas dari kesan dan pemikiran yang terdapat di dunia Islam hari ini. Seperti di zaman Khulafa-ul-Rashiddin di waktu mana angkatan Islam telah mara dari padang-padang pasir

di Semenanjung Arab untuk membawa cahaya Islam ke seluruh dunia, dalam tahun tujuh puluhan abad ke duapuluh ini, melalui kekayaan yang dikurniakan Tuhan, sekali lagi orang-orang Islam dari padang pasir telah mara ke dalam arena antarabangsa untuk menentukan berbagai perkembangan.

Perkembangan ini bukan dirancang oleh orang Islam kerana ingin menakluk dunia tetapi adalah semata-mata kurniaan Allah subhanahuwata'ala - kerana Allah yang menyimpan begitu banyak kekayaan di bumi yang tidak diinginkan oleh segala penjajah.

Malaysia, dan orang Melayu, dan UMNO pun terlibat dalam perkembangan ini. Kerana orang Arab menguasai kawasan yang banyak minyak, maka mereka dapat menentukan paras kenaikan harga yang tinggi. Kerana harga yang tinggi maka menjadi ekonomikal usaha carigali dan mengeluarkan minyak Malaysia yang terdapat di tengah laut. Kerana memiliki sumber minyak sendiri, kenaikan harga minyak bukan sahaja tidak menjejaskan ekonomi Malaysia tetapi menolong meningkatkan ekonomi. Alhamdulillah, semua ini adalah kuasa Tuhan.

Sebagai orang Islam kita tentu bersyukur ke hadrat Allah subhanahuwata'ala. Bersyukur bukan bermakna semata-mata menadah tangan dan mengecap nikmat. Bersyukur bermakna kita memberi nilai yang tinggi kepada nikmat yang kita terima dan kita usaha mengedar nikmat itu kepada mereka yang belum nampak cahaya Islam. Dengan perkataan lain seperti orang Mekah dan Madinah yang setelah memeluk agama Islam telah berusaha mengembangkannya sehingga menjadi agama kepada orang-orang dari Sepanyol hingga ke China, kita juga harus memperkenalkan nikmat dari Tuhan untuk maksud yang sama.

Bezanya antara orang Islam yang mengembangkan agama di zaman Nabi dan sahabat-sahabatnya dengan orang Islam di zaman ini ialah hasil dari anutan agama Islam, orang Islam di zaman nabi dan sahabat-sahabatnya telah menuntut berbagai ilmu kerana disuruh oleh agama, yang menjadikan mereka orang yang penuh pengetahuan dan kecekapan dalam berbagai bidang. Dengan keyakinan mereka kepada agama Islam dan pengetahuan serta kekayaan mereka, mereka dapat mempertahankan wilayah mereka dari serangan oleh musuh-musuh mereka. Kejayaan orang Islam dalam berbagai lapangan dan sikap toleransi mereka terhadap rakyat mereka yang bukan Islam, bukan sahaja menolong membesarkan wilayah Islam tetapi menarik lebih ramai orang-

orang bangsa lain menganut agama Islam. Orang Melayu telah memeluk agama Islam 600 - 700 tahun dahulu semata-mata kerana orang Islam dari Semenanjung Arab dan India ketika itu menguasai lautan yang luas. Tanpa kegiatan berniaga dan kecekapan belayar orang-orang ini mungkin orang Melayu akan kekal dalam kegelapan kerana tiada siapa yang membawa Islam kepada mereka.

Sebaliknya orang Islam yang dikurnia kekayaan yang tidak terhingga di zaman ini, walaupun telah menunjuk minat kepada nilai dan ajaran Islam, terdiri dari orang yang bukan sahaja tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tetapi kadang-kadang sengaja tidak mahu menuntut ilmu. Ada segolongan yang begitu asyik kononnya mengejar syurga di akhirat sehingga mereka cuba mengubah agama Islam dari satu agama yang pragmatik dan toleran kepada satu agama yang ritualistik dan dogmatic.

Mereka bukan sahaja cuba menjadikan yang sunat itu wajib dan yang wajib itu sunat, tetapi mereka rekabentuk berbagai ibadat yang tidak pun menjadi ibadat dalam agama Islam. Dalam keinginan mereka mempamerkan minat mereka terhadap agama, mereka membandingkan diri mereka sebagai orang yang kononnya alim dan warak dengan orang lain yang mengikut laungan pendapat mereka bukan sahaja tidak warak seperti mereka tetapi tidak begitu Islam atau tidak Islam langsung. Akibat perbandingan yang dibuat oleh mereka, masyarakat Islam terbahagi dua dan bahagian-bahagian ini pula dipecah-pecahkan - golongan yang menganggap diri mereka betul Islam pun terbahagi kepada beberapa kumpulan yang saling bertentangan dan kumpulan yang dikatakan tidak Islam juga terbahagi kepada beberapa kumpulan.

Dengan ini maka orang-orang Islam yang begitu kaya telah berpecah-belah dan tidak dapat mempengaruhi atau mengembangkan Islam di kalangan orang lain. Dibandingkan dengan zaman Khulafaul Rashiddin dan khalifah-khalifah awalan, bilangan orang yang bukan Islam yang berminat memeluk agama Islam kerana kegiatan dakwah amatlah berkurangan. Sebaliknya tingkah laku dan lagak setengah-setengah orang Islam yang mahu menonjol kononnya keagungan Islam dan semangat keislaman mereka telah memburukkan imej Islam. Agama Tuhan yang suci, adil dan baik dalam semua segi ditunjuk sebagai agama yang bengis, yang menindas dan tidak menghiraukan apa-apa nilai baik yang diterima akal. Percubaan dibuat untuk menjadikan nilai yang baik itu adalah buruk dalam agama Islam, dan nilai yang buruk itu

adalah baik dalam Islam. Tetapi apabila orang bukan Islam mengamalkan nilai yang terbalik ini dan orang Islam menjadi mangsa, kumpulan yang memutar belitkan Islam tidak pula sanggup menerimanya. Jelaslah bahawa orang yang sengaja menukar nilai nilai hidup kononnya supaya secocok dengan Islam, cuma berbuat demikian kerana kepentingan diri. Mereka mempunyai dua ukuran, yang satu untuk diri sendiri dan yang satu lagi untuk orang lain. Dengan amalan dua ukuran nilai ini maka sekali lagi imej Islam menjadi buruk di kalangan orang bukan Islam dan menyebabkan mereka tidak tertarik dengan Islam, jauh sekali dari memeluknya.

Dalam keadaan yang mana ramai orang Islam tidak jujur kepada agama Islam yang sebenar, lemah pengetahuan dan kecekapan, tidak mempunyai kekuatan tersendiri dalam mempertahankan diri, berpecah-pecah dan menonjol kelakuan yang tidak baik, walaupun mereka sudah menjadi kaya dan dapat mengancam dunia dengan kuasa minyak yang ada pada mereka, namun tidak ada perkembangan agama Islam seperti yang berlaku di zaman Nabi dan sahabat-sahabatnya serta khalifah-khalifah awalan. Percubaan kononnya untuk mengukuh pegangan orang yang sudah Islam kepada ajaran dan amalan Islam cuma mewujudkan golongan-golongan dakwah yang bukan sahaja bertentangan antara satu dengan yang lain, tetapi yang lebih mengutamakan riak dari cara-cara berdakwah yang sebenar. Tidak ada percubaan yang bersungguh-sungguh untuk memperkenalkan Islam ke golongan bukan Islam mengikut keIslaman yang sebenar dan yang sudah tentu menarik. Ada pula yang menganggap pengIslaman orang yang bukan Islam tidak penting kerana kemungkinan mereka ini menjadi Islam kerana kepentingan lain atau keIslaman mereka akan cetek sahaja. Orang yang berpendapat begitu sudah lupa bahawa nenek moyang mereka sendiri juga waktu mula memeluk agama Islam mungkin mempunyai sikap yang tidak begitu jujur terhadap Islam. Tetapi selepas beberapa lama dan beberapa keturunan kepercayaan dan kejujuran kepada agama Islam meningkat sehingga tidak boleh diragukan lagi. Orang Arab yang diIslamkan di zaman Nabi juga adalah keturunan orang jahiliah. Oleh itu tidaklah mustahil orang yang mula menerima Islam hari ini, walaupun dengan cara yang cetek, akan menjadi orang yang lebih faham dan lebih kukuh pegangan kepada Islam setelah beberapa generasi. Oleh itu tidaklah wajar pendapat bahawa dakwah di kalangan orang Islam adalah lebih penting dari dakwah di kalangan orang

bukan Islam. Dan lebih tidak wajar lagi ialah pendapat bahawa perkembangan Islam di kalangan orang bukan Islam tidak perlu kerana orang Islam sendiri sudah jadi kaum jahiliah yang perlu diIslamkan semula.

Pengetahuan dan fahaman yang mendalam terhadap perkembangan di zaman ini di seluruh dunia, dan lebih-lebih lagi dalam dunia Islam yang kita menjadi sebahagian darinya, amatlah penting bagi kita. Bagi pemuda dan wanita yang bersidang pada hari ini dan akan menentu sikap dan dasar, pengetahuan tentang sejarah dan aliran politik dan ekonomi akan menentukan bahawa pendapat masing-masing dikeluarkan secara logik dan berilmiah dan akhirnya keputusan dibuat dengan penuh kesedaran dan fahaman tentang baik buruknya keputusan itu. Dengan perkataan lain, kita akan lebih terselamat akibat pendirian kita dalam masyarakat ini jika kita mempunyai pengetahuan yang cukup dari semua aspek.

Malaysia hari ini adalah sebagai satu pulau yang tenang (secara relatif) dalam lautan yang bergelombang besar. Dari segi politik kita lihat negara-negara berdekatan dalam keadaan tidak tentu arah. Ada yang mempunyai kedudukan yang tidak kukuh dan mudah tumbang. Akibatnya ketidakstabilan yang mengancam bukan sahaja kerajaan dan jenteranya tetapi rakyat sendiri. Kehidupan rakyat menjadi sukar kepada perlindungan yang biasa menjadi tanggungjawab kerajaan tidak dapat dipikul oleh kerajaan. Keselamatan nyawa dan harta benda tidak dapat diharapkan. Segala keburukan anarki menimpa semua rakyat. Akhirnya ancaman dari luar negeri samada ideological atau political atau militer mungkin menjadi realiti dan negara mungkin ditawan oleh orang asing secara langsung atau tidak langsung.

Di lain-lain negara pula kita dapati demokrasi diketepikan oleh pemerintah atas alasan keperluan kestabilan dalam negara dan untuk menghadapi ancaman musuh. Rakyat dipisah dari hak menentukan kepimpinan pilihan mereka. Dengan ini maka kehendak dan kepentingan rakyat tidak lagi mendapat layanan. Mereka terpaksa tunduk kepada kerajaan dan menerima sahaja apa yang dirancang dan dibebankan oleh Kerajaan ke atas mereka.

Di lain-lain wilayah di dunia keadaan politik juga kucar-kacir. Perpecahan permusuhan yang ketat berlaku di kalangan rakyat sehingga kadang-kadang peperangan saudara tercetus. Akibatnya kuasa asing campur tangan dan memasuki serta mengekalkan

kuasa mereka atas bermacam alasan. Dengan ini sistem penjajahan dahulu telah balik semula walaupun dalam bentuk yang berlainan.

Dalam segi ekonomi pula, rakyat semua negara seluruh dunia dihadapi dengan tekanan inflasi, kekurangan barang perlu dan kelembapan pertumbuhan. Ramai yang menganggur atau tidak lagi mendapat pendapatan yang mencukupi. Tindakan mereka mengadakan mogok dan lain-lain untuk menambah pendapatan cuma meningkat paras kenaikan inflasi dan menjadikan mereka lebih miskin. Negara yang dahulu kaya raya sekalipun tidak terkecuali dari nasib buruk ini dan tidak dapat elak kesan kenaikan harga serta pengurangan keluaran minyak.

Tetapi walaupun Malaysia merasai juga kesan-kesan perkembangan politik dan ekonomi dunia yang buruk, keadaannya tidaklah begitu buruk. Demokrasi masih boleh berjalan di negara ini dan calon parti pembangkang masih boleh dipilih mewakili setengah-setengah rakyat yang inginkan mereka. Parti yang berjaya menjadi kerajaan masih terpaksa mengambil berat kehendak kehendak rakyat untuk mengekalkan sokongan rakyat terhadapnya. Majoriti rakyat masih bersatu-padu dan mengutamakan negara daripada parti atau diri sendiri. Oleh itu ketahanan negara masih boleh dijamin. Di antara satu pilihanraya dengan satu pilihanraya ketenangan secara relatif wujud dan tumpuan dapat diberi kepada pembaikan dan usaha mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat dan negara.

Walaupun demikian ketenangan di negara ini tidak boleh dianggap peristiwa biasa sahaja yang tidak perlu dipelihara dan dilindungi. Kejayaan sesuatu usaha bergantung kepada kebolehan mengenal tanda-tanda awalan (early warning). Tidak ada gunanya bertindak apabila masa telah terlewat dan nasi sudah jadi bubur.

Memandang kepada kejadian dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di negara kita dalam masa-masa yang lewat ini dan aliran yang didapati di negara-negara lain yang mempunyai latar belakang yang lebih kurang sama dengan kita tidak syak lagi bahawa ketenangan yang terdapat sekarang sudah mula diancam. Jika tidak disekat dengan cara yang berkesan ancaman akan meningkat sehingga negara akan terjerumus dalam berbagai peristiwa politik dan ekonomi yang boleh menghancurkan negara ini dan mungkin menjadinya sekali lagi dijajah dalam bentuk-bentuk yang lain.

Persidangan Pemuda dan Wanita hari ini harus mengingatkan dan mengambil berat latarbelakang dan kemungkinan-kemungkinan

yang telah saya senaraikan. Persidangan Pemuda dan Wanita harus mengenal tanda-tanda awalan tentang kemungkinan negara ini sekali lagi akan mengalir ke arah penjajahan. Persidangan Pemuda dan Wanita harus mendedahkan dengan beraninya tanda-tanda yang tidak sihat ini dan dengan itu berani pula menentukan sikap tersendiri yang tidak terpengaruh dengan keinginan mencari jalan yang mudah dengan menyertai iklim dan emosi semasa.

Kita tahu apa yang sebenarnya dikehendaki dari kita untuk mencapai kejayaan dan melindungi agama yang suci yang kita anuti. Malangnya masih ramai dari kita yang mengutamakan "form" daripada "substance" atau rupa bentuk daripada isi kandungan. Dalam pegangan kepada agama sekalipun, sifat mengutamakan form daripada substance ini berleluasa. Amalan yang jelas dituntut oleh agama seperti persaudaraan, tuntutan ilmu dan melengkapkan diri untuk pertahanan tidak diendahkan. Sebaliknya soal janggut, serban dan jubah yang diberi keutamaan. Dengan perkataan lain yang sunat diwajibkan, tetapi yang wajib ditinggalkan. Semua ini ialah oleh kerana keutamaan yang diberi kepada rupa bentuk yang dikatakan menggambarkan keIslaman - dan tidak kepada kandungan ajaran dan akidah keIslaman yang tidak begitu mudah dipamerkan. Riak yang jelas dilarang oleh agama sudah jadi amalan.

Pemuda dan Wanita UMNO tidak perlu menonjol rupa bentuk rekaan yang kononnya dikatakan Islam kerana ini bukan sahaja tidak penting tetapi sebagai perbuatan riak adalah bertentangan dengan Islam. Saudara dan saudari tidak perlu meniru perbuatan yang begitu ketara sekarang sebagai satu usaha bersaing dengan orang yang telah memperalatkan agama untuk kepentingan diri. Kita tidak perlu berlumba-lumba dalam pameran apa yang kononnya mencerminkan rupa bentuk Islam.

Yang perlu bagi kita ialah mengamalkan ajaran Islam yang sebenar - mewajibkan yang wajib, mengharus yang harus, dan mengikut sunnah sebagai sunnah. Pemuda dan Wanita harus tekankan kepentingan pelajaran, persaudaraan, kekuatan pertahanan, pengelakan dari kemiskinan di samping amalan-amalan ibadah yang wajib yang menjadikan kita orang Islam. Dengan perkataan kita akan utamakan isi kandungan Islam dan bukan apa yang ditafsir oleh golongan tertentu sebagai rupa bentuk Islam. Islam tidak duduk pada jenis kain yang dipakai, jauh sekali kepada potongan yang tertentu. Islam berada kerana akidah, kerana iman

yang teguh yang membawa kepada amalan yang baik semata-mata.

Tidak ada amalan yang pada akal tidak baik, yang disuruh oleh agama Islam. Islam tidak pernah suruh umat Islam berpecah-belah kerana ini jelas tidak baik.

"Berpeganglah kamu kepada tali Allah dan janganlah kamu bercerai-berai," Allah berfirman dan surah Ali-Imran ayat 103.

Tetapi malangnya ada orang yang berkata dan menulis, bahkan berusaha supaya perpaduan dan persaudaraan antara orang Islam tidak dapat dicapai. Dan mereka dengan beraninya berkata mereka memecah-belah orang Islam kerana Islam.

Begitu juga dengan menuntut ilmu, Islam memang menyuruh orang Islam menuntut ilmu walaupun ke negeri China. Apakah ilmu yang nak dituntut di negeri China di zaman Nabi Muhammad s.a.w.? Apakah agama Islam yang nak dituntut di situ? Tentu tidak, kerana di masa hayat Nabi agama Islam belum sampai ke negeri China. Ilmu yang disuruh orang Islam menuntut tentulah Ilmu Sains, Hisab, Ilmu Alam dan lain-lain yang sudah berkembang di negeri China.

Tetapi sekarang ini orang yang suka memecah-belahkan orang Islam juga cuba melemahkan mereka dalam bidang ilmu pengetahuan supaya sampai bilapun orang Islam terpaksa bergantung kepada orang lain untuk kehidupan dan keselamatan mereka. Kerana kelemahan pengetahuanlah maka hari ini orang Islam dan negara-negara Islam terpaksa meminta pertolongan orang lain tiap-tiap kali mereka menghadapi masalah. Jika orang Islam menguasai semua ilmu, mereka akan dapat mengeluarkan semua kepentingan mereka sendiri tanpa pertolongan dari orang lain. Jelaslah bahawa orang yang sengaja menyekat pelajaran ilmu di kalangan orang Islam mengkhianati agama Islam.

Mereka kononnya tidak bersetuju dengan perancangan keluarga kerana ini mengurangkan bilangan orang Islam. Tetapi mereka juga menyekat wanita Islam dari menuntut ilmu kerana kononnya tugas wanita ialah menjaga rumah semata-mata. Dengan perbuatan ini mereka mengurangkan bilangan orang Islam yang effective sebanyak separuh. Apakah maknanya tambahan bilangan umat jika tambahan ini tidak menambah tenaga orang Islam dalam bidang-bidang yang mereka sekarang terancam.

Agama Islam tidak menjadi penghalang kepada kemajuan dan usaha meningkatkan ketahanan orang Islam. Tetapi penyelewengan dan kepentingan orang-orang yang memperalatkan agama Islam

ialah sebabnya kemajuan orang Islam terhalang.

Tugas UMNO, khususnya Pemuda dan Wanita ialah mengamal dan mengembang ajaran Islam yang sebenar. Kita tidak boleh dipesong oleh tafsiran dan amalan yang salah yang dibuat oleh golongan orang yang cuma memandang Islam sebagai alat perjuangan mereka. Kita tidak boleh membenarkan diri kita diperangkap dengan cara-cara buruk yang diamalkan oleh satu golongan orang Islam yang tidak takut kepada Tuhan, Rabbul-alam. Hari ini mereka berjaya menjadikan orang Islam yang sedikit di negara ini berpecah kepada dua kumpulan yang saling bertentangan. Perpaduan cuma boleh dicapai dengan golongan yang kecil yang datang kemudian ini menolak ajaran yang salah dan balik ke pangkal jalan untuk menyertai perjuangan golongan orang Islam yang benar - perjuangan Islam yang sebenar - perjuangan yang bukan bercorak rupa bentuk atau forms tetapi menekankan isi kandungan atau the contents of Islam. Kita harus ingat bahawa dahulu kita cuma satu, sehinggalah satu kumpulan dari kita, kerana mahu tempat bagi diri sendiri, telah memisah diri untuk mewujudkan kumpulan serpihan yang menentang kita. Dan apabila kita menerima mereka balik demi kepentingan perpaduan, mereka cuma sanggup setakat yang menguntungkan diri mereka sahaja. Dengan tidak sedikit pun menghiraukan kesan perbuatan mereka, mereka melakukan perpecahan sekali lagi atas sebab yang lemah. Kerana mahu menjatuhkan seorang maka perpaduan orang Islam dihancurkan.

Kali ini perpaduan cuma boleh diadakan mereka membubarkan diri atau dengan orang mereka menolak kegiatan yang merugikan Islam dan balik ke pangkal jalan. Dengan itu sahaja mereka boleh diterima balik, kerana dengan cara itu tidak lagi mereka akan dapat memecah perpaduan orang Islam sekali lagi.

Saudara dan saudari sekalian, penyatuan semula ini mungkin tidak berlaku sekarang. Tetapi sebagai ahli UMNO dan pendukung cita-cita UMNO yang memang berasas kepada Islam, saudara-saudari akan memperjuangkan supaya di satu hari perpaduan dan penyatuan yang benar akan tercapai dan tidak ada golongan yang menjadi duri dalam daging bagi kaum kita.

Dalam usaha ini kita harus menoleh ke belakang untuk melihat sejarah kerana sejarah mempunyai banyak ajaran yang berguna kepada kita. Masyarakat manusia yang berakal harus meneliti sejarah untuk mengelak dari kesalahan-kesalahan di masa yang

lampau. Sesungguhnya banyak tauladan yang boleh menjadi panduan kepada kita. Tetapi dalam konteks perpaduan, yang menjadi satu rukun dalam perjuangan UMNO, beberapa peristiwa sejarah harus diberi perhatian yang serius.

Di zaman British memerintah Tanah Melayu, seperti di zaman Belanda di Indonesia, pengekalan penjajahan mereka diasaskan kepada polisi "Divide and Rule". Di Malaysia bukan sahaja kaum dipisah dan dilaga antara satu sama lain tetapi di dalam kaum Bumiputera (Melayu) usaha dibuat oleh British untuk membahagi bahagikan mereka kepada kumpulan-kumpulan tertentu yang saling bertentangan.

British sependapat dengan seorang Islamist Belanda yang bernama Christian Snouck Hurgronge. Mengikuti profesor Belanda ini, yang begitu arif dalam agama Islam sehingga ia berjaya menyeludup pergi ke Mekah, cara melemahkan orang Islam ialah melalui pelajaran yang berbeza-beza untuk kumpulan-kumpulan tertentu. Kononnya jika satu kumpulan elitis diberi pelajaran Belanda dan yang lainnya dibiarkan dengan pelajaran tradisional, kumpulan elitis ini akan memihak kepada Belanda sementara mereka yang mendapat pelajaran tradisional di pondok yang menitikberatkan agama Islam akan menjadi begitu mundur sehingga terlalu lemah untuk menentang Belanda.

Usaha British di Malaysia memang mencapai satu tahap kejayaan. Kaum-kaum di Malaysia diasingkan dan kaum Melayu khususnya dipecah kepada kumpulan elit yang berpelajaran Inggeris yang bekerja dengan kerajaan dan kumpulan berpelajaran tradisional yang tidak berperkerjaan tetap. Elitis Melayu umumnya memandang rendah kepada golongan yang berpelajaran Melayu atau Arab dan tidak mengadakan perhubungan dengan mereka.

Tetapi dasar "divide and rule" British serta Belanda telah "backfire" kerana satu bahagian dari yang mendapat pelajaran British dan Belanda telah menolak konsep elit dan memandang ilmu yang mereka perolehi sebagai senjata melawan balik penjajah. Mereka berpendapat bahawa penjajah mesti dilawan dengan senjata penjajah sendiri. Kalau di zaman feodal politik terhad kepada istana dan sekitarnya sahaja, di zaman penjajah politik yang berkesan terpaksa diasas kepada demokrasi atau pergerakan massa. Dengan ini maka segolongan dari elit Melayu telah menyatu-padu diri mereka dengan orang yang berpelajaran tradisional Melayu dan agama. Kebolehan mereka yang mahir dengan pentadbiran

dan susunan kerja penjajah, seperti susunan massa organisation dan gerakan yang boleh menggugat pemerintah, memberi kesan kepada perjuangan menentang Malayan Union dan menuntut kemerdekaan.

Mungkin ada juga pendapat bahawa samada kumpulan elit Melayu yang diberi pelajaran oleh penjajah menyertai dan memimpin perjuangan mencapai kemerdekaan atau tidak, lambat laun kemerdekaan akan tercapai. Zaman penjajahan sudah tidak sesuai lagi sekarang. Tetapi sungguhpun mungkin kemerdekaan akhirnya dicapai, bentuk kemerdekaan dalam negara yang berbilang kaum ini mungkin tidak seperti yang diinginkan, selain dari memakan masa dan mungkin korban yang banyak. Palestin juga menuntut kemerdekaan tetapi yang berkuasa apabila merdeka ialah orang Yahudi. Begitu juga ramai dari tanah jajahan yang akhirnya merdeka setelah memberontak - tetapi yang berkuasa ialah komunis atau diktator ketenteraan. Rata-rata tanah jajahan yang telah capai kemerdekaan tidak dapat memerintah diri sendiri dengan cara yang membawa kemajuan dan kebahagiaan kepada penduduknya.

Ketenangan dan kemajuan Malaysia hari ini tidak boleh dipisahkan dari kesanggupan kepimpinan yang walaupun dilatih supaya menjadi alat penjajah, tetapi telah menyertai gerakan rakyat sepenuhnya. Di samping itu perpaduan golongan elit ini dengan semua kumpulan rakyat termasuk yang berpelajaran agama telah menggagalkan polisi "divide and rule" British. Tidaklah salah jika kita katakan bahawa senjata pelajaran yang nak digunakan oleh British bagi mengekalkan pemerintah mereka telah diguna oleh sebilangan yang tidak kecil dari orang Melayu untuk menikam balik British. Sistem barat yang mereka pelajari seperti konsep demokrasi dan mass movement dan cara-cara bertindak melalui rundingan telah membolehkan golongan ini menyusun langkah supaya semua rakyat dapat menyertai perjuangan kemerdekaan dengan cara yang berkesan. Kemerdekaan telah dicapai dalam keadaan alat-alat negara tidak rosak dan sedia diguna untuk kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat Malaysia.

Yang mencatatkan perjuangan ini ialah pemisahan satu kumpulan pemimpin yang telah sama-sama memelopori kegiatan menentang British. Kumpulan ini merasa iri hati kerana rakyat memberi kepercayaan juga kepada kumpulan elit yang tahu rahsia kekuatan barat dan tahu tentang jenis-jenis senjata yang boleh menumbangkan kuasa British. Memandang bahawa rakyat yang

menyokong UMNO tidak mungkin menolak pemimpin non-tradisional yang sanggup bergabung dengan pemimpin tradisional, maka beberapa pemimpin tradisional yang cuma memikirkan tempat bagi diri sendiri sahaja telah memecahkan perpaduan dan keluar untuk membentuk kumpulan serpihan. Mereka ini memperalatkan agama sebagai daya penarik dengan harapan bahawa dengan cara ini maka parti mereka akan capai kemenangan dan merekalah yang akan mendapat segala hal dan tempat orang yang berkuasa.

Kita bernasib baik kerana kumpulan yang mementingkan diri ini tidak besar dan tidak dapat menarik sokongan rakyat. Dalam pilihanraya pertama pada tahun 1955 mereka cuma menang satu kerusi. Dengan kegagalan mereka maka perjuangan UMNO untuk mencapai kemerdekaan tidak terhalang. Jikalau kumpulan serpihan ini menang banyak kerusi, mungkin pihak penjajah tidak akan bersetuju memberi kemerdekaan, ataupun bentuk Malaya yang merdeka diubah coraknya supaya orang Melayu tidak terdapat apa-apa kuasa.

Apakah ajaran yang boleh didapati dari ini. Yang pertama ialah walaupun pelajaran diguna oleh penjajah untuk memecah-belah dan menjajah, tetapi di Indonesia dan di Malaysia ramai dari mereka yang hendak diperalat oleh penjajah telah sebaliknya menentang penjajah.

Yang keduanya kerana mereka ini tahu selok-belok dan tabiat penjajah maka mereka dapat memperalatkan sistem dan pendekatan yang sesuai dengan psikologi penjajah untuk menewaskan mereka. Langkah-langkah yang diambil oleh kumpulan ini menubuhkan satu mass movement yang kemudiannya menggunakan tindakan-tindakan yang sesuai dengan mass movement telah dapat mematahkan rancangan British di Malaysia. Tidak syak lagi kepintaran menyusun langkah dan berunding yang ditunjuk oleh pemimpin-pemimpin UMNO berasas kepada gabungan mereka yang diberi didikan elitis oleh British dengan mereka yang dididik dengan sistem tradisi dan agama. Gabungan ini menentukan imbalan yang dikehendaki oleh agama - iaitu tugas dan tanggungjawab ditentukan oleh kecekapan yang ada pada pemimpin.

Ini membawa kita kepada pelajaran yang ketiga, iaitu kesanggupan bersatu-padu antara semua aliran pelajaran dan peringkat yang ditunjuk oleh kebanyakan elit Melayu yang dididik

oleh British. Sikap ini telah menyekat nilai kebaratan yang berasas semata-mata kepada materialisme, daripada menguasai UMNO dan negara kemudiannya. Kemudian elit ini telah menerima pendapat mereka yang berpengetahuan agama supaya kehendak agama diutamakan sambil mengambil kira keadaan di dalam negara di mana orang Islam adalah minoriti. Sebab itu Malaysia yang merdeka menerima Islam sebagai agama rasmi dan unsur keIslaman mempengaruhi bentuk negara Malaysia.

Umumnya pengalaman kita dengan kumpulan elit yang berpelajaran kebaratan ialah pengetahuan mereka berguna dan mereka adalah sebahagian dari kita. Usaha mereka mengasing dan memisahkan golongan ini dari urusan mentadbir dan pembangunan negara tidak harus dibuat. Memang ada satu kumpulan di Malaysia sekarang yang cuba membangkitkan perasaan benci kepada orang-orang yang kononnya berpelajaran barat dan oleh itu mempunyai dan mengamalkan nilai-nilai materialis barat.

Usaha untuk memisah orang-orang ini daripada orang yang mendapat pelajaran tradisional atau pelajaran agama cuma akan menjayakan hasrat penjajah dahulu, hasrat yang diteroka oleh Christian Snouck Hurgronge. Jika pecah-belah berlaku sekarang, maka Snouck Hurgronge akan ketawa dalam jiratnya, akan menepuk belakang dan kata syabas kepada orang yang selalu sangat menyebut nama Snouck Hurgronge untuk menimbul kebencian kepada sebahagian dari pemimpin Melayu. Orang ini sebenarnya berjuang bermati-matian untuk menjayakan hasrat Snouck Hurgronge.

Saudara-saudari sekalian, saya mengambil masa sedikit menerangkan perkara ini kerana kita harus berwaspada sepanjang masa. UMNO ialah parti perpaduan, sesuatu yang ditunjukkan oleh agama Islam. Oleh itu kita tidak boleh tumpukan perhatian kepada berbagai jenis perbezaan dalam masyarakat Islam dan Melayu. Tidak ada kaum buruh dan kaum kapitalis dalam UMNO, tidak ada golongan yang secular dan golongan yang mementingkan akhirat semata-mata dalam UMNO, tidak ada ideologist kebaratan dan ideologist ketimuran dalam UMNO, tidak ada puak tua dan puak-puak muda dalam UMNO, tidak ada orang bandar dan orang desa dalam UMNO melainkan semuanya adalah orang Melayu yang beragama Islam dan mempertahankan negara mereka. Kerana sifat-sifat keIslaman inilah maka UMNO akan terus berusaha menyatupadukan semua orang Islam berbangsa Melayu di Semenanjung dan bekerjasama dengan lain-lain warganegara Ma-

laysia yang tidak menentang matlamat perjuangan UMNO. Kita sanggup menerima orang yang biasa menentang kita asalkan mereka terima prinsip perpaduan dan tidak mempermainkan agama atau menentang pelaksanaan kehendak agama Islam yang sebenar yang dibuat oleh UMNO.

Prinsip perpaduan dalam UMNO dan di luar UMNO adalah satu prinsip yang penting yang telah membawa kejayaan yang banyak bukan sahaja kepada UMNO tetapi juga kepada negara Malaysia. Walaupun ahli UMNO bebas mengkritik dasar dan kepimpinan dan bertanding untuk merebut jawatan-jawatan dalam UMNO, semua ini dibuat tanpa merosakkan perpaduan. Memang benar ada kalanya beberapa orang telah lupa kepada perpaduan dan mengutamakan hasrat diri atau kumpulan. Mereka ini menggunakan cara-cara yang buruk dan terkeluar dari aturan peraturan kerana ingin mendapat sesuatu tempat bagi diri mereka.

Saya ingin mengingatkan mereka ini bahawa kemenangan tidak bermakna jika akibatnya ialah perpecahan dan yang menjadi juara pertarungan dalam parti ini mendapat cuma sebahagian sahaja dari parti. Juara seperti ini tidak menang sebenarnya kerana dianya akan memimpin cuma orang yang menjadi penurutnya sahaja, sementara yang sebahagian lagi terus menolaknya dan tidak menyertai gerak-geri parti lagi. Dianya menjadi cuma pemimpin separuh - half a leader - dan ini membuktikan bukan kecekapannya tetapi kegagalannya sebagai pemimpin. Umumnya apa yang disifatkan olehnya sebagai kejayaan akan melemahkan parti dan akhirnya negara. Pada analisa terakhir pemimpin ini akan menjadi pemimpin tanpa penganut.

Ini adalah sebabnya yang kita mahu pertandingan merebut apa juga jawatan dalam parti dijalankan dengan cara teratur dan mengikut amalan-amalan demokrasi yang baik. Wang tidak harus diguna, begitu juga taktik menambah ahli menjelang pemilihan, mengugut dan mangangkut penyokong ke sana ke sini. Pemimpin-pemimpin atau bakal pemimpin parti yang kaya-raya harus beringat bahawa dalam UMNO tidak ada perpisahan antara yang berada dengan yang tidak berada - terutama di kalangan mereka yang menjadi pemimpin. Yang penting ialah kekuatan dan perpaduan dalam parti dan bukan kejayaan puak-puak dalam parti mengikut taraf pelajaran atau ekonomi atau tempatan. Mereka yang mempunyai minat untuk menjadi pemimpin dalam parti harus sedar bahawa ahli-ahli UMNO sudah matang dan pemilihan yang dibuat oleh

mereka tanpa taktik-taktik yang kotor adalah sebaik-baik pemilihan. Mereka yang betul-betul sayang kepada parti dan terima hasrat perjuangannya tidak sepatutnya cuba mengugut dan mengancam kestabilan dan perpaduan dalam parti. Ingatlah, sekali perpecahan berlaku penyatuan balik mungkin tidak dapat dilakukan lagi. Beberapa cawangan dan bahagian telah mengalami nasib ini. Dengan tidak memihak kepada mana-mana pihak, kita boleh katakan bahawa pemimpin seperti ini, yang tidak mahu jalan yang baik, yang berhempas pulas untuk mendapat tempat bagi dirinya, yang tidak seru kepada perpaduan telah mengkhianati parti dan perjuangannya. UMNO bukan ditubuh untuk sesiapa atau mana-mana kumpulan yang memimpinnya. UMNO ialah untuk semua ahli dan semua orang Melayu yang dipercayai perjuangannya bagi menegak agama Islam dan membela bangsa dan negara.

Saudara-saudari sekalian, tanggungjawab UMNO keseluruhannya ialah buat masa sekarang dan masa depan. Tanggungjawab wanita, walaupun tidak terhad kepada wanita sahaja, adalah lebih tertumpu kepada peranan wanita dalam semua bidang, khusus dalam bidang politik.

Kita melihat perubahan yang hebat berlaku dalam sistem nilai dan tingkah-laku wanita. Di antara perubahan ini ialah sikap terhadap agama Islam. Hari ini lebih ramai yang menunjuk minat secara ikhlas terhadap amalan agama Islam.

Umumnya minat ini amatlah baik kesannya dalam dunia yang begitu terpengaruh dengan kebudayaan barat yang menjadikan wanita semata-mata sebagai simbol seks untuk membangkitkan perasaan tanpa kawalan. Gerakan Women's Lib di barat adalah hipocrisi semata-mata, guna untuk memberi wanita hak yang sama dengan lelaki dalam melakukan maksiat. Semakin lama semakin buruk kelakuan wanita barat sehingga kita tidak dapat lagi meninjau apa lagi yang buruk daripada kelakuan mereka sekarang. Tetapi keesokan hari kita akan lihat pencapaian satu lagi tahap kelakuan yang lebih buruk dari itu.

Kesedaran di kalangan wanita tentang pengaruh buruk dari barat adalah sesuatu yang kita harus bersyukur. Tanpa kesedaran ini kita akan terjerumus ke dalam lembah kehinaan yang menjadikan wanita semata-mata sebagai "sex object".

Dalam pada itu reaksi wanita pula mestilah merupakan reaksi yang waras yang berpandu kepada ajaran Islam yang sebenar. Kini terdapat terlalu ramai yang menolak apa yang datang dari barat

semata-mata kerana ia datang dari barat. Tidak ada nilai dibuat samada sesuatu itu benar-benar datang dari barat, dan jika barat samada bertentangan dengan ajaran Islam atau tidak. Kerana tidak ada penilaian yang waras inilah maka kita dapati ada wanita yang tidak mahu mengejar ilmu yang kononnya barat dan sekular dan lain-lain lagi penolakan yang melemahkan tenaga kita orang Melayu dan Islam. Mereka ini tidak memikir bahawa bilangan orang Islam di negara ini tidak begitu besar. Pengasingan wanita dari penguasaan ilmu-ilmu penting dan pemisahan mereka dari berbagai aktiviti mengurangkan tenaga orang Islam sebanyak separuh.

Wanita UMNO bukan sahaja tidak harus terpengaruh dengan trend ke arah rekaan rupa bentuk Islam tanpa nilai-nilai Islam yang sebenar, tetapi wanita UMNO harus menyedarkan kaum perempuan tentang ajaran Islam yang sebenar, dan mengamalkannya. Segala kegiatan yang memecah-belah wanita dan melemahkan kaum mereka hendaklah ditentang. Mereka tidak patut segan-segan untuk memperkatakan yang sebenar kerana ini adalah tanggungjawab mereka. Dan tanggungjawab yang terpenting sekali ialah terhadap anak dan adik di rumah yang begitu mudah terpengaruh dengan aliran semasa. Wanita harus ada pengetahuan atau tempat rujukan supaya trend yang tidak sihat yang kita lihat di kalangan anak dan adik kita dapat disekat dari berkembang.

Bagi pemuda pula peranan dan tanggungjawab tidak kurang pentingnya kerana masa depan parti dan negara bergantung kepada gerak-geri mereka. Ada pendapat yang berkata bahawa pemuda harus jadi "pressure group" yang menyedarkan parti tentang tanggungjawabnya. Sebenarnya seluruh negara, bahkan tiap-tiap seorang dari rakyat Malaysia tidak buat lain melainkan menyedar parti dan pemimpin tentang tanggungjawab mereka. Kalau kita baca akhbar, hadir perjumpaan atau kita baca surat layang atau kita kunjungi oleh sesiapa, atau dengan bahasan dalam dewan atau mana-mana dialog, seminar, simposium, atau rumusan tentang perkara-perkara tertentu atau di mana saja rakyat atau bukan rakyat berkumpul di apa juga peringkat dan taraf, tidak dapat tidak tumpuan diberi kepada mengingatkan kerajaan dan parti serta pemimpin yang berkuasa tentang tanggungjawab mereka secara terperinci dalam semua bidang. Yang jelas ialah peranan "pressure group" untuk memperingat kerajaan adalah satu peranan yang universal di Malaysia yang demokratik. Semua orang tahu bagaimana kerajaan patut diuruskan. Dalam keadaan seperti ini

sungguhpun pemuda patut memainkan peranan sebagai "pressure group" yang menyedarkan parti dan kerajaan, peranan ini tidaklah menjadi peranan yang terutama atau terpenting sekali.

Peranan penting dan utama bagi golongan muda ialah menentukan bahawa mereka terlatih dan faham hasrat dan dasar negara. Kita lihat di negara ini terlalu ramai muda-mudi yang sudah hilang nilai-nilai baik dan oleh itu telah hilang haluan. Usaha telah dijalankan oleh beberapa orang dan kumpulan tertentu untuk menghancurkan pegangan kepada nilai-nilai yang telah membawa kejayaan dan kebahagiaan dan sebaliknya mengganti dengan nilai-nilai yang boleh merosakkan masyarakat. Samada orang yang berbuat demikian tahu atau tidak tahu kesan kegiatan mereka, tidak perlu diperbincangkan atau dijadikan alasan. Yang penting ialah masyarakat dan kaum dan negara akan hancur kerana kegiatan ini.

Semangat kebangsaan umpamanya telah dijadikan suatu perasaan yang dikeji di kalangan pelajar Melayu. Kononnya semangat kebangsaan Melayu adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Mereka ini mengeneipkan firman Tuhan berkenaan dengan wujudnya orang berbagai bangsa dan persaudaraan antara mereka yang menjadi umat Islam. Mereka tidak menghiraukan tidak adanya tegahan terhadap perasaan kebangsaan. Mereka tidak mahu terima kenyataan bahawa perasaan kebangsaan tidak akan mengurangkan takwa seseorang kepada Tuhan.

Orang yang mengecam perasaan kebangsaan tidak pula tunjuk perasaan persaudaraan antara umat Islam seperti dituntut oleh Allah Subhanahuwata'ala. Kerana kononnya perasaan kebangsaan itu bertentangan dengan Islam kerana mereka ini membelakangkan seruan agama yang lebih penting iaitu persaudaraan dalam Islam. Oleh itu kita lihat orang yang mendakwa diri mereka sebagai berpegang kepada Islam dan menentang nasionalisme, tidak pula takut menolak kehendak Islam dalam soal persaudaraan. Mereka ini mengecam kuat dan mengasingkan diri dari perjuangan bahagian yang besar dari orang Islam dalam negara ini kerana tidak suka kepada perjuangan yang berasaskan kebangsaan.

Jika benarlah mereka ini cuma mengutamakan kelslaman dan perjuangan mereka adalah semata-mata untuk Islam, kenapakah mereka tidak rasai tekanan terhadap orang Afghanistan sebagai tekanan terhadap diri mereka sendiri? Sementara orang Afghan memikul senjata dan berperang untuk Afghanistan, mereka di

Malaysia cuma bercakap dan menulis sahaja. Mereka tidak pula menderma untuk bangsa Afghan. Sebenarnya mereka berpendapat bahawa peperangan di Afghanistan adalah masalah kebangsaan Afghan, dan mereka sebagai orang Melayu masih perlu perhatikan perkara titik bengik orang Melayu. Dengan perkataan lain perasaan mereka ialah perasaan kebangsaan, walaupun secara negatif. Dakwaan mereka bahawa kebangsaan adalah tidak Islam bukan sahaja tidak berasas tetapi cuma mencerminkan "hypocrisy" di kalangan mereka. Mereka tahu benar bahawa tanpa perasaan kebangsaan mereka tidak akan ada tempat di mana-mana dan mereka tidak ada tempat untuk berlindung. Di dalam perhimpunan-perhimpunan antarabangsa yang mereka hadiri, mereka mendakwa diri mereka sebagai orang Islam Malaysia, khusus orang Melayu dan bukan semata-mata orang Islam dunia yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada umat Islam di mana sahaja dengan tanggungjawab yang tidak membeza negara atau wilayah.

Mereka ini samalah dengan satu kumpulan orang Islam di India yang tidak menyokong penubuhan Pakistan oleh Mohd. Ali Jinnah kerana kononnya Islam tidak mengiktiraf tempat dan bentuk manusia - tetapi mereka ini telah awal-awal lagi lari ke Pakistan apabila negara itu ditubuh untuk mendapat nikmat dari kebangsaan Pakistan yang memberi perlindungan kepada Islam dan orang-orang Islam. Dan mereka ini juga setelah diselamatkan dengan penubuhan Pakistan terus menubuh parti politik yang kononnya berasas kepada Islam dan cuba merebut kuasa untuk diri sendiri. Begitu juga di Malaysia. Orang yang tidak mahu kemerdekaan dan menentang Parti Perikatan yang menuntut kemerdekaan, hari ini tidak segan-segan cuba merebut kuasa melalui cara memecah-belah orang Islam.

Semangat kebangsaan adalah satu daripada banyak nilai-nilai yang baik yang telah merosot di kalangan masyarakat Melayu dan Malaysia yang pemuda harus memberi perhatian yang serius. Nilai-nilai seperti ketertiban kemajuan, kebersihan, beradab dan beradab, bersopan-santun dan lain-lain lagi sudah pun tidak begitu dihargai lagi. Memang benar kita harus kurang ajar sedikit - tetapi kurang ajar sedikit tidak bermakna kurang ajar sehingga tidak berlandas langsung. Kurang ajar yang dimaksudkan cuma setakat menegur apabila teguran perlu - dengan cara yang tidak menyakit hati. Tetapi hari ini yang diamaikan cuma kurang ajar sahaja - tanpa niat baik dan tanpa sebab yang perlu atau tidak.

Masyarakat hari ini masih boleh mempertahankan kestabilannya kerana masih ada mereka yang memegang kepada nilai dan adat resam lama yang baik. Tetapi generasi lama ini akan beransur luput dan akan diganti dengan generasi baru yang mempunyai nilai yang saya sebutkan tadi. Kemungkinan masyarakat akan datang hilang kestabilannya kerana tidak punyai ketertiban dan adat resam hidup bermasyarakat amatlah besar - jika hari ini generasi muda tidak mula memperhidupkan semula nilai-nilai yang baik.

Inilah peranan yang patut dimainkan oleh pemuda. Peranan ini memang lebih sukar dimainkan dengan berkesan - memang tidak spectacular dan tidak popular. Tetapi ianya lebih penting untuk kesejahteraan dan kebahagiaan masyarakat. Memilih yang mudah dan popular adalah satu bukti kelemahan. Nilai naik memang tidak cocok dengan nafsu. Tetapi pemuda UMNO bukan seperti pemuda parti lain. UMNO adalah parti yang bertanggungjawab dan pemudanya tidak boleh utamakan cuma popular sahaja tanpa menghirau nasib bangsa, agama dan tanahair.

Peranan Pemuda tidak harus tertumpu kepada ahlinya sahaja. Tiap-tiap ahli hendaklah menjadi contoh yang baik. Tetapi pemuda juga harus titikberatkan masyarakat di luar gerakannya. Serulah kepada kebaikan. Jangan sekali kita turut cara dan kelakuan orang yang melawan kita yang selalunya mencaci, memaki hamun dan menyeru kepada keburukan yang bertentangan dengan agama Islam dan adat resam peradaban Melayu. Pemuda harus berani bukan sahaja memperkatakan yang benar dan baik, tetapi harus berani memperjuangkannya. Pemuda harus perangi nafsu yang selalu mendorong kepada yang muda dan sedap seperti menyalahkan orang lain dan kerajaan, dan sebaliknya memikul bersama beban menegakkan yang benar. Cuma dengan keberanian memperjuangkan nilai dan amalan yang baik sahaja barulah masyarakat kita akan menjadi kukuh dan boleh menyelamatkan kita dari segala bahaya.

Aliran ini memang tidak akan jadikan pemuda sasaran perhatian akhbar dan orang ramai. Dan mungkin pula pemuda diperhincan dan diejek-ejek oleh kumpulan-kumpulan tertentu. Tetapi pejuang tidak harus takut atau kecewa dalam memperjuangkan yang benar dan baik. Kita disuruh oleh agama Islam supaya seru kepada kebaikan dan ini harus dilakukan oleh Pemuda bukan kerana kepentingan diri tetapi kerana kebaikan masyarakat.

Saudara-saudari sekalian, parti yang memerintah tidak seperti

parti pembangkang dan orang lain. Memang mudah mencari salah di sisi orang yang terpaksa membuat keputusan - iaitu decision-makers yang bertanggungjawab yang terpaksa memilih antara beberapa pilihan. Yang tidak dipilih memang boleh mendapat juaranya. Memang pula yang tidak dipilih lebih ramai dari yang dipilih. Jadi tidak hairan jika parti yang berkuasa menentukan sesuatu yang menjadi sasaran tiap kali pilihan dilakukan.

Contoh yang jelas ialah apabila sesuatu peluang kerja atau biasiswa atau lesen atau tanah direbut oleh ramai pemohon; walau siapa pun yang berjaya, yang gagal tentu lebih ramai. Sementara yang berjaya mudah lupa bersyukur atau menganggap pemilihannya sebagai memang hak baginya, yang gagal bukan sahaja ramai tetapi akan sentiasa teringat nasib buruknya dan menyalahkan orang yang membuat keputusan menolaknya.

Sebab itu pemuda tidak perlu menumpukan kepada peranan yang popular, iaitu mengkritik pihak yang terpaksa memilih dan membuat keputusan. Memang lebih ramai yang berminat jikalau pemuda menjadi juara orang yang gagal. Yang penting bukan kegagalan tetapi keputusan yang adil. Jika keputusan adil dibuat, itu yang perlu diberi perhatian. Keputusan yang adil adalah satu kebaikan, dan pemuda perlu perjuangkan kebaikan kerana akhirnya kebaikan akan membawa kebahagiaan kepada masyarakat umumnya.

Pemuda tidak harus terikut-ikut dengan yang popular sahaja kerana yang disukai ramai tidak semestinya baik. Nilai-nilai perlu dibuat tentang baik buruknya sesuatu amalan atau aliran dalam masyarakat dan setelah ditentukan yang mana yang baik dan yang mana yang buruk, maka yang baik itulah yang perlu disokong dan diperjuangkan, walaupun tidak popular.

Mereka yang menentang kita suka kepada yang buruk dan bertentangan dengan agama Islam. Mereka menyeru kepada yang buruk tanpa menghiraukan Islam, sebab itu kita lihat mereka, tanpa takut kepada Tuhan, secara terbuka menyeru supaya umat Islam berpecah-belah, menolak persaudaraan dalam Islam, mengkafirkan orang Islam, mengugut orang Islam dengan tidak mahu sembahyang mayat dan lain-lain dan memaki-hamun apabila sahaja mereka membuka mulut. Amat malang sekali ada sebilangan orang Islam yang cenderung dan tertarik kepada perbuatan yang ditegah oleh Islam.

Memandang keadaan inilah maka Pemuda harus lebih-lebih lagi

mempertahankan nilai dan amalan yang baik yang semuanya dituntut oleh Islam. Kalau mereka menyeru kepada pecah-belah dan menolak persaudaraan, Pemuda harus mempertahankan dan menyeru kepada perpaduan dan persaudaraan. Kalau rakyat diugut, Pemuda mesti melengkapkan diri untuk menumpulkan ugutan itu. Pendekata pemuda harus di barisan hadapan dalam mempertahankan dan memperjuangkan nilai dan ajaran Islam. Serulah kepada mereka yang sudah hampir sesat dan tidak takut kepada Tuhan supaya balik ke pangkal jalan yang diredhai oleh Allah Subhanahuwata'ala.

Saudara-saudari sekalian, hari ini kita berkumpul untuk menentu dan mengekalkan keutuhan parti dalam memperjuangkan nasib agama, bangsa dan negara kita.

Syukur Alhamdulillah, kita masih berada dalam keadaan terselamat untuk bermesyuarat dengan tenang. Kita tidak menderita seperti orang Kemboja, Afghanistan, Turkestan, Yaman dan lain-lain yang tertindas kerana musuh-musuh Islam. Syukur, Alhamdulillah sekali lagi dan seribu kali juga.

Tetapi kesyukuran tidak harus tinggal di bibir sahaja. Kesyukuran mestilah diikuti dengan ibadah dan amalan yang boleh mengekalkan nasib baik kita. Sementara orang lain mengutamakan rupa bentuk Islam rekaan mereka, kita harus amalkan ajaran Islam yang sebenar. Kita harus lengkapkan diri dan tentukan keselamatan kita tidak diganggu-gugat kerana adanya kumpulan-kumpulan serpihan yang sengaja membuka jalan untuk musuh Islam menapak dan menakluk kita. Gandakan usaha menerang perjuangan UMNO yang berlandaskan agama Islam supaya perpaduan dan persaudaraan orang Islam yang 34 tahun dahulu telah menyelamatkan mereka dari rancangan Malayan Union British dapat dicapai semula untuk menyelamatkan orang Islam Malaysia di hari ini.

Maka dengan ini saya dengan segala sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita UMNO bagi tahun 1980.

*Ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 3hb Julai 1980.*

## MENYERU KEPADA KEBAIKAN DAN MENEGAH YANG BURUK

TAHUN 1981 bersamaan dengan tahun pertama abad ke 15 Hijrah ialah satu tahun yang bersejarah bagi negara kita Malaysia. Tahun ini memulakan dekad kedua dan penghabisan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Tahun 1981/1401 memperlihatkan pelancaran Rancangan Malaysia Keempat, rancangan raksasa untuk mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru. Dan tahun berbahagia ini juga memperlihatkan pelancaran satu skim luar biasa untuk memberi bumiputera bahagiannya dalam ekonomi negara, Skim Amanah Saham Nasional.

Sebenarnya tidak ada negara yang membangun atau yang sudah maju yang biasa mencuba satu program penyusunan semula masyarakat yang begitu radikal seperti yang dicipta untuk Dasar Ekonomi Baru. Ada yang berpendapat bahawa masyarakat tidak akan berubah melainkan dengan rampasan kuasa dan pembunuhan, iaitu dengan cara revolusi berdarah. Tetapi di Malaysia kita memperlihatkan satu revolusi yang tersusun untuk memukar satu bangsa yang mundur kepada satu bangsa yang kemas dan maju yang boleh mempertahankan nilai-nilai lama yang baik di samping menyerap nilai-nilai baru yang penting.

Dasar Ekonomi Baru, Rancangan Malaysia Keempat dan Amanah Saham Nasional Berhad adalah hasil ciptaan dasar dan strategi oleh Kerajaan Barisan Nasional khususnya kepimpinan UMNO yang lama dan yang baru bagi memenuhi kehendak rakyat keseluruhannya. Setelah dilancarkan, segala rancangan ini

dilaksanakan oleh kerajaan dengan tenaga dan peruntukan yang sebanyak-banyaknya. Tidak ada langkah yang perlu diambil yang tidak diambil oleh kerajaan. Undang-undang, jentera pentadbiran dan peruntukan wang, semuanya disediakan supaya kepentingan dan kehendak rakyat tidak terganggu-gugat. Jika kuasa kerajaan boleh mengatasi segala-galanya, hari ini, Malaysia tidak ada masalah lagi. Sepatutnya hari ini kemiskinan sudah dibasmi sebanyak 50% dari yang terdapat pada tahun 1970 dan masyarakat majmuk Malaysia tidak lagi terbahagi dan terpisah mengikut kaum dan kegiatan ekonominya. Hakikat yang terpaksa kita terima ialah usaha kerajaan semata-mata tidak akan dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Untuk mencapai cita-cita ini, semua pihak mestilah memainkan peranan masing-masing dengan cara yang berkesan. Dan di antara mereka yang perlu memainkan peranan yang besar ialah parti politik yang mendukung kerajaan.

UMNO tidak wujud semata-mata untuk pilihanraya. Memenangi pilihanraya adalah penting dalam menjayakan matlamat parti. Tetapi UMNO, sejak mulanya ianya ditubuh, adalah penyedar dan penyebar fikiran dan nilai yang baik untuk kepentingan masyarakat Melayu dan umat Islam di Malaysia.

Masyarakat Melayu tahun 1946 tidak akan faham bahayanya Malayan Union jika tidak kerana UMNO. Masyarakat Melayu tidak akan tahu apa dianya yang perlu dibuat untuk melindungi hak-hak orang Melayu jika tidak kerana UMNO. Orang Melayu tidak akan berjuang untuk kemerdekaan jika tidak kerana UMNO. Masyarakat Melayu tidak akan faham peranan agama, politik, ekonomi dan pelajaran secara mendalam jika tidak kerana UMNO. Mungkin ada yang akan berkata jika tidak ada UMNO orang Melayu akan menubuh parti lain untuk maksud yang sama. Mungkin. Tetapi hakikatnya ialah UMNO yang memainkan peranan-peranan yang penting ini dan sehingga sekarang belum ada parti yang boleh memainkan peranan ini. Ini bukan takbur. Ini adalah semata-mata kenyataan hasrat dan kecapaian majoriti orang Melayu yang bergabung dalam ataupun sekurang-kurangnya menyokong dan bersimpati dengan UMNO.

Memandangkan kepada peranan UMNO sebagai penyedar dan penyebar maklumat yang penting bagi kesejahteraan rakyat, apakah tahun 1981/1401 mengandungi apa-apa peranan yang istimewa bagi UMNO. Atau apakah memadai dengan kerajaan sahaja bertindak memandangi UMNO menguasai kerajaan dan dari segi

politik kerajaan sebenarnya merupakan extension kepada UMNO.

Mendesak orang lain untuk membuat itu dan ini memang mudah. Politikus yang sudah bangkrap memang menjadikan 'desakan' kepada kerajaan sebagai peranan utama. Tetapi untuk membuat sesuatu yang positif amatlah sukar. Dan lebih sukar lagi ialah membuat yang baik dan mencegah yang buruk seperti yang disuruh oleh agama orang Melayu, agama Islam.

Sesungguhnya apa yang diperlukan dari orang Melayu khususnya bukanlah lagi politik jaguh mendesak tetapi penyerapan semula satu sikap dan sistem nilai yang mulia yang sudah dipisah dari mereka oleh penjajah asing dahulu dengan polisi pentadbiran mereka. Dari satu bangsa yang berdiri atas kaki sendiri, yang mentadbir sendiri, yang berniaga sendiri, yang mempertahankan tanahnya sendiri, orang Melayu telah dijadikan satu bangsa yang dependent, yang terpaksa membenarkan negeri-negerinya ditadbir oleh penjajah, yang diberi sifat segan dan malu bekerja serta menganggap bidang perniagaan dan perusahaan sebagai hina dan yang menyerah bulat-bulat pertahanan negeri sendiri kepada askar asing dan persenjataan asing.

Kemerdekaan membolehkan kita menebus kuasa politik dan kuasa pentadbiran. Pertahanan negara juga sudah diurus oleh kita. Tetapi dalam bidang yang memerlukan kecekapan dan kesanggupan bekerja keras, kita masih ketinggalan. Kita masih berharap kepada orang lain bukan sahaja dalam bidang kerja yang memerlukan kepintaran dan kecekapan, tetapi dalam kerja yang berat sedikit atau kotor sedikit atau tidak selesai sedikit kita masih tidak sanggup, masih bersifat dependent.

Dasar Ekonomi Baru tidak bermakna semata-mata agihan harta dan kekayaan kepada bumiputera. Dasar Ekonomi Baru bukan semata-mata pemberian lesen dan tender atau kontrak bekalan dan binaan kerajaan kepada bumiputera. Dasar Ekonomi Baru bukan semata-mata jawatan Ketua Setiausaha dan kerani yang terjamin sehingga 55 dan pencen seumur hidup. Dasar Ekonomi Baru juga bermakna kerja; kerja di semua bidang, kerja yang ringan dan berat, yang memberi pendapatan yang lumayan dan yang tidak oleh bumiputera. Semua bidang mesti ada penyertaan secara bermakna oleh orang Melayu dan bumiputera. Penyertaan secara bermakna, bermakna pekerja bumiputera akhirnya tidak lagi bersandar kepada pekerja bukan Melayu dari segi kecekapan, kerajinan dan daya pengeluaran. Sebaliknya bumiputera akan bekerja bersama dengan

bukan bumiputera, masing-masing sama tanggungjawab. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Kajian sejarah menunjuk bahawa kemajuan dan kekuatan satu-satu masyarakat bergantung kepada kesanggupan bekerja. Bekerja dalam konteks ini termasuklah penyerapan ilmu dan kecekapan. Di zaman Islam berkembang penganut-penganutnya bukan sahaja berani dan sanggup menghadapi cabaran, tetapi mereka sanggup bekerja untuk kepentingan Islam di samping amal ibadah. Apabila orang Islam menyerah dan bergantung kepada orang bukan Islam untuk berbagai jenis kerja sehingga orang Islam tidak lagi berupaya membuat kerja-kerja tertentu, maka proses kelemahan dan kehancuran empayar Islam pun bermula. Jika hari ini 900 juta umat Islam tidak dapat mengalahkan 3 juta orang Yahudi, sebabnya ialah untuk kebanyakan kerja, dalam erti kata yang telah dijelaskan, kita adalah dependent-dependent kepada orang lain yang tidak nampak apa sebabnya yang mereka harus membawa kemenangan kepada umat Islam.

Sebenarnya Malaysia kaya. Di zaman dahulu raja-raja dan datuk-datuk Penghulu Daerah sedar tentang kekayaan ini. Mereka tidak perlu kerja. Rakyat mereka tidak mahu kerja. Oleh itu cara yang mudah untuk mendapat hasil ialah dengan menjemput orang asing untuk mengeluarkan bijih, getah dan lain-lain. Jika ini tidak cukup, orang asing boleh diberi pajak untuk candu, atau untuk kutipan hasil negeri. Pemerintah Melayu cuma dikehendaki menerima sahaja bayaran tetap dari semua kegiatan ini. Pendapat mereka ialah amatlah bodoh bekerja kalau hasil usaha boleh didapati tanpa kerja. Bagi mereka kuasa mentadbir boleh mengatasi segala-galanya.

Ini bukan cerita dongeng tetapi sejarah. 70 tahun dahulu sahaja sistem pajak ini masih berjalan. Pentadbir Melayu hisap candu dan terima bayaran dari pemegang monopoli candu dan monopoli cukai. Siapa juga orang Melayu yang punyai sedikit perhubungan dengan orang besar bercita-cita menjadi Pegawai Kerajaan yang makan gaji, iaitu orang yang tidak perlu kecekapan ataupun bekerja, tetapi mendapat pendapatan yang tetap. Pihak British memberi pencen politik kepada keluarga diraja supaya tidak bekerja.

Akibatnya, kita tahu British yang sepatutnya menjadi penasihat sahaja telah dengan mudahnya mengambil-alih dan menjajah negeri-negeri Melayu. Dan orang Melayu mempertuankan mereka kerana tidak berupaya mempertahankan hak. Maruah sudah tidak ada

lagi kepada orang Melayu. Kita diperhambakan dan dihina di negeri sendiri oleh semua kaum mendatang, sama ada dari kalangan penjajah atau tidak.

Kita mungkin salahkan orang asing dan penjajah dan memang dari segi etika mereka salah. Tetapi tidak sedikit dari kelemahan ini adalah akibat kesalahan kita, atau lebih tepat lagi, nenek moyang kita orang Melayu. Jika mereka sanggup melombong bijih dan menoreh getah dan mengurus perniagaan kecil dan besar dan mempertahankan negeri sendiri, tidak siapa akan datang untuk membuat kerja-kerja ini dan menakluk politik dan ekonomi negeri-negeri Melayu. Tetapi nenek moyang kita hendak senang dengan cara yang mudah.

Mereka yang tidak belajar dari kesalahan mereka akan didera dengan melakukan kesalahan itu berkali-kali. Apakah kita sudah belajar dari kesalahan kita? Apakah kita ingin melakukan kesalahan ini berkali-kali lagi? Apakah kita masih sanggup dijajah dan dihinakan? Apakah kita masih mahu menjadi bangsa yang depend-ent yang selalunya bergantung kepada orang lain untuk kesenangan hidup kita?

Soal-soal ini belum kita jawab; bahkan kita seolah-olah tidak sedar adanya soal-soal ini. Kerana kita menguasai politik di negara ini seperti nenek moyang kita dahulu menguasai negeri-negeri Melayu, kita fikir jalan mudah ke arah hidup mewah dan mati mewah ialah dengan mengharap orang lain menjalankan kerja dan kita dibayar sugu hati. Kita tuan dan kita tidak perlu berusaha, demikian khayalan kita.

Sebab itu kita tidak bekerja keras. Jika negara ini nak dibangunkan kita kutip hasil dari orang lain dan kita suruh orang lain membangunkan negara dengan dibayar dari kutipan hasil tadi Kita; kita kecap nikmat sepanjang masa.

Ada orang Melayu yang melarang kita dari belajar selain daripada perkara ibadah dan akidah dalam Islam sahaja. Kononnya pelajaran lain adalah sekular. Dan mereka membuat dakwaan ini melalui alat pembesar suara hasil dari pelajaran yang mereka kecam sebagai haram. Dan mereka ini ke sana ke sini dengan kereta dan kapal terbang untuk mengembangkan dakyah sesat mereka. Mereka memakai kain yang dibikin oleh negara-negara yang menggunakan ilmu yang mereka katakan haram. Tetapi mereka tidak segan silu mendakwa bahawa ilmu-ilmu yang kita pelajari di sekolah-sekolah di Malaysia adalah sekular dan haram.

Yang lain pula tidak mahu membuat kerja yang berat dan yang kotor sedikit walaupun pendapatan adalah lumayan. Kerja ini orang asing boleh buat. Kita tidak perlu selain dari menjadi penerima hasil usaha orang lain. Jikalau kita kerja janganlah kerja rajin-rajin. Jika boleh berpura-pura bekerja, buatlah demikian. Jika tidak kita akan menjadi hamba majikan, kononnya. Bahawa orang lain suka kita malas dan tidak cekap supaya kita bergantung kepada mereka sepanjang masa tidak sedikitpun terlintas dalam fikiran orang ini.

Ada juga orang-orang yang membawa pendapat bahawa berniaga mencari kekayaan adalah materialistik. Dan oleh itu jangan melibat diri dengan perniagaan atau perusahaan.

Senarai seruan kepada yang buruk ini tidak ada penghujung. Jika ada sahaja sesuatu yang boleh mengurangkan dependence orang Melayu kepada orang lain, maka akan adalah orang Melayu yang menegahnya. Yang lebih menyedihkan ialah mereka ini sering berpura-pura sebagai orang Islam dan orang Melayu yang berjuang untuk Islam dan untuk bangsa Melayu.

Kita tahu semua dakyah ini tidak baik, bahkan merbahaya. Falsafah ini akan menjadi kita sekali lagi lemah kepada nenek moyang kita yang terpaksa tunduk kepada British. Jalan yang mudah kita digesa memilih ini akan menjadikan kita hamba kepada orang lain lama-kelamaan. Kita akan menjadi begitu dependent sehingga tidak berdaya membantah apa sahaja yang dibuat oleh orang lain terhadap kita. Akhirnya kepercayaan kita kepada diri sendiri dan apa yang dihargai oleh diri sendiri, termasuk agama, akan merosot. Orang Melayu akan balik semula ke taraf mereka di zaman penjajah, yang mana pada zahirnya mereka memerintah tetapi sebenarnya mereka tidak boleh buat sesuatu apa kerana jika diizinkan sekalipun mereka tidak boleh kerana mereka tidak ada kebolehan dan terlalu dependent.

Selama UMNO dengan kawan-kawannya memerintah, kita memang berjaya sedikit sebanyak memperbaiki kedudukan orang Melayu. Memang orang Melayu tidak sebegitu dependent sekarang. Tetapi masih terdapat ramai orang Melayu yang hendak jalan mudah yang dilalui oleh nenek moyang mereka. Soalnya ialah apakah kita rela melihat orang Melayu sekali lagi menjadi lemah sehingga, seperti nenek moyang mereka dahulu, selagi lagi menjadi hamba kepada orang lain, sehingga terpisah dari agama Islam, semasa UMNO memerintah. Atau apakah kita akan menyedarkan

sebahagian orang Melayu yang masih khayal ini akan bahaya yang mereka hadapi dan menunjuk jalan bagaimana mengelak dari bahaya ini, bagaimana menjaga maruah mereka.

Jawabnya tentulah kita tidak rela melihat orang Melayu lemah dan terpisah dari agama Islam dan tidak punyai maruah. Tetapi hasrat tidak berguna tanpa tindakan bagi menjayakan hasrat itu. Di sinilah peranan Pemuda dan Wanita yang menjadi harapan bangsa dan tiang negara, yang bakal mewarisi segala-gala yang diusaha sekarang. Pemuda dan Wanita harus menjadi penyedar dan pemandu yang berkesan. Tugas Pemuda dan Wanita bukan sahaja mendesak dan menjadi 'ginger group' kepada parti dan kerajaan tetapi tugas Pemuda dan Wanita ialah bergerak di kalangan masyarakat Melayu, khususnya masyarakat muda, untuk menyedar akan bahayanya sikap yang dipunyai oleh setengah dari mereka dan pentingnya mereka melengkapkan diri dengan pengetahuan dunia dan akhirat dan dengan pengetahuan ini bekerja rajin bukan semata-mata untuk diri sendiri tetapi untuk bangsa, agama dan tanahair. Manusia yang cuma bekerja semata-mata untuk diri sendiri adalah manusia yang tamak.

Apakah yang dikehendaki dari Pemuda dan Wanita UMNO? Sementara Pemuda dan Wanita lain dari kalangan orang Melayu yang asyik mencari salah, berpura-pura menjadi jaguh, berpura-pura dengan agama ciptaan sendiri, mencari batu dan simen untuk dipukul dan mendapat headline dan kepujian dari orang Amerika dan Eropah kerana kononnya menentang penindasan dan dari komunis kerana mewujudkan iklim yang baik untuk perkembangan komunisme; sementara itu, Pemuda dan Wanita UMNO dikehendaki menyeru dan memandu ke arah kebaikan. Yang baik memang tidak menarik kerana yang baik memerlukan usaha dan korban, tidak mudah dan tidak menjadikan kita sasaran pemberita. Tidak ada majalah antarabangsa yang akan memasang gambar pejuang kebaikan di muka hadapan majalah mereka.

Pemuda dan Wanita yang menyeru supaya menuntut belajar kuat memang tidak akan menjadi popular di kalangan pelajar. Bagi pelajar adalah lebih senang mengadakan demo, mengadakan seminar hentam, maki hamun, memutar agama dan pura-pura menjadi hero dari duduk membaca buku dan menyerap ilmu, terutama apabila lemah dan takut diketahui umum bahawa mereka lemah. Memang seruan belajar untuk bangsa dan agama tidak begitu menarik. Memang menuntut ilmu adalah susah dan peperiksaan

adalah lebih susah lagi.

Tetapi seruan yang tidak popular inilah yang perlu diusahakan oleh Pemuda dan Wanita UMNO. Belia Melayu akan menjauhkan diri mereka dari Pemuda dan Wanita UMNO kerana takut kalau-kalau hati kecil mereka tergerak dan mereka terpaksa buat yang baik, tetapi Pemuda dan Wanita UMNO tidak harus kecewa. Mereka harus berani mendekati diri kepada belia Melayu Islam ini supaya kebaikan dapat berkembang.

Dalam bidang kerja, seruan Pemuda dan Wanita UMNO amatlah 'prosaic'. Saudara-saudari perlu seru supaya pemuda-pemudi Melayu bekerja kuat dan dengan jujur. Jika pekerja Melayu dibayar sekian banyak upah untuk sekian banyak kerja, mereka harus bekerja sekurang-kurangnya sebanyak yang diikrar oleh mereka di waktu menerima kerja, tetapi jika boleh lebih dari itu. Tujuannya bukan setakat mendapat gaji untuk diri sendiri tetapi untuk menjaga nama baik bangsa dan agama, supaya penganggur Melayu tidak lagi susah untuk mendapat kerja. Kegagalan penjaga Melayu tidak sedikit disebabkan oleh pekerja Melayu sendiri yang tidak bekerja kuat dan dengan jujur.

Menjadi juara pekerja yang selalu menimbulkan masalah memang mudah. Ramai dari kumpulan-kumpulan di luar UMNO menunggununggu untuk mendapat isu dari perasaan tidak puas hati pekerja. Jika Pemuda dan Wanita UMNO cuma mendesak pekerja bekerja kuat, Pemuda dan Wanita tentu tidak akan jadi popular. Tetapi jika saudara-saudari anggap kejujuran dan bekerja keras adalah baik dan secocok dengan ajaran agama kita, saudara-saudari tidak harus takut menjadi tidak popular. Yang penting ialah kejayaan kita apabila kita tahu dan dunia iktiraf bahawa tiap-tiap sesuatu yang dipertanggungjawab atau diurus oleh orang Melayu tetap akan beres dan sempurna. Bangsa yang terkenal kerana pegangannya kepada ikrar adalah bangsa yang berjaya dan bangsa yang dimuliakan.

Allah tidak suka kepada orang yang menimbulkan kekacauan. Masyarakat Islam sepatutnya menjadi masyarakat yang tenang. Tetapi hakikat yang sebenar ialah masyarakat dan negara-negara Islam tidak pernah sunyi dari berbagai kekacauan. Ini berlaku kerana kita tidak patuh kepada ajaran Islam supaya tidak menimbulkan kekacauan. Yang lebih buruk lagi ialah mereka yang kononnya mahu hidup secara Islam adalah mereka yang selalu menimbulkan kekacauan dan kelakuan tidak seperti yang dikehendaki oleh Tuhan,

rabbulalamin.

Sekali lagi peranan Pemuda dan Wanita UMNO bukanlah menimbul huru-hara dalam masyarakat. Saudara-saudari perlu berbuat yang baik yang disuruh oleh agama iaitu menjaga dan mewujudkan kemanan dalam masyarakat dan negara. Bukanlah menjadi tugas khas bagi Pemuda dan Wanita UMNO untuk mencari isu yang boleh dipermainkan, seperti yang dibuat oleh mereka dari parti politik dan kumpulan-kumpulan dakwah palsu yang lain.

Ini semua tidak bermakna Pemuda dan Wanita tidak harus perjuangkan keadilan bagi golongan bawahan dan kumpulan-kumpulan yang tertindas. Mempertahankan orang yang dianiaya masih menjadi tugas orang yang berjuang untuk kebaikan. Tetapi sebelum kita lompat dan latah apabila terdengar sahaja sesuatu kejadian, hendaklah kita berhati-hati dan menyelidik dengan teliti. Janganlah kerana mahu jadi juara kita diperalatkan dan kita mempertahankan yang tidak harus dipertahankan. Jika kita mudah berbuat demikian, maka orang Melayu khususnya tidak akan sanggup menghadapi sedikit cabaran dan akan menjadi angkuh kerana tiada siapa yang berani tempuh mereka kerana takut kepada juara yang handal dari Pemuda dan Wanita. Orang Melayu yang tidak sanggup sedikitpun menghadapi cabaran bukan sahaja akan menjadi lemah tetapi akan menjadi orang yang sukar menerima sebarang arahan dan disiplin.

Ini dapat kita lihat dari kejadian di Britain di mana kesatuan sekerja telah menjadi begitu kuat sehingga pekerja tidak lagi indah kepada sesiapa, baik penyelia mereka atau majikan atau negara. Akibatnya ialah perusahaan di Britain dan ekonominya sudah menjadi begitu merosot. Dari sebuah negara yang terkenal kerana kualiti dan luasnya pengedaran barang buatannya, Britain sudah jadi sebuah negara yang kualiti barangnya tidak terjamin dan bekalan tidak boleh diharap.

Jika pekerja dan pelajar Melayu menjadi terlalu terlindung (over protected), mereka juga akan membawa akibat yang buruk kepada kaum bangsa mereka, kepada negara dan agama dan kepada diri mereka sendiri. Pertolongan yang dianggap oleh mereka sebagai penyelamat adalah sebenarnya pegangan yang akan memusnahkan mereka. Hakikat ini perlu diingat oleh Pemuda dan Wanita. Janganlah kita terlalu manja-manjakan orang Melayu kerana tidak ada sesuatu yang lebih merosakkan seseorang daripada memanjakannya. Perlindungan oleh Pemuda dan Wanita mestilah

pada-pada sahaja. Pekerja dan pelajar Melayu mesti tahu apa diannya cabaran dan mesti sanggup menghadapi dan mengatasinya tanpa pertolongan sepanjang masa.

Tidak ada sesiapa yang akan berkata bahawa menyuruh orang Melayu menghadapi dan mengatasi cabaran dengan sendirinya adalah tidak baik. Kita tahu orang Melayu yang merantau dan bekerja atau berniaga di negara asing sering berjaya tanpa pertolongan. Tetapi di antara pengakuan terhadap kebaikan sesuatu dan amalannya terdapat jarak perpisahan yang jauh sekali. Di sinilah duduknya cabaran terhadap Pemuda dan Wanita dalam perjuangan yang berteras kebaikan.

Kebajikan mudah diperkatakan dan diakui tetapi amalannya adalah satu perkara yang lain. Kita tahu, umpamanya, sikap toleransi dan berbaik-baik seperti yang disuruh oleh agama Islam amatlah berkesan dalam menawan hati manusia. Tetapi apabila kita berkuasa sedikit kita menyebut seribu satu sebab dan masalah kenapa kita tidak harus toleran dan berbaik-baik. Bukan sahaja itu, kita pertahankan sikap angkuh dan kejam. Kita melihat bagaimana pendakwah agama asing mengembangkan agama mereka dengan cara membuat kerja amal dan betapa berjayanya mereka. Tetapi kita teruskan juga cara sombong dan bongkak dan desakan supaya apa juga kuasa yang ada pada kita, kita gunakan untuk paksa orang lain terima pendapat kita. Walaupun ada ayat dalam Al-Quran yang menegaskan bahawa tidak ada paksaan dalam Islam, ada yang kata ayat itu sudah dimansuhkan. Apakah mereka ingat Allah s.w.t. sudah terlupa.

Oleh kerana sikap kurang jujur manusia terhadap kebaikan dan membuat baik maka tugas Pemuda dan Wanita untuk menunjukkan nilai-nilai baik seperti rajin, kuat belajar, kuat bekerja, jujur, bertanggungjawab dan lain-lain, tetapi lebih sukar dari lain-lain tugas, terutama tugas mencari syor yang hendak diperjuang. Demikianlah sukarnya memperjuangkan kebaikan sehingga ucapan ini pun membosankan dan tidak bersemangat dan nyaring. Tetapi kebaikan mesti diperjuang kerana maju mundurnya bangsa Melayu bergantung sebenarnya kepada amalan nilai-nilai yang baik ini. Apabila orang Melayu menjadi sombong dan bongkak kerana kuasa yang ada di tangan mereka, apabila orang Melayu tidak lagi mahu menuntut ilmu kerana kuasa boleh menguasai ilmu yang ada pada orang lain, apabila orang Melayu tidak lagi mahu bekerja atau memikul senjata untuk mempertahankan diri, maka alamatnya

ialah orang Melayu sudah separuh jalan untuk ke arah kemusnahan. Titik-titik permulaan nilai-nilai buruk ini di kalangan orang Melayu sudah pun dapat dilihat. Apakah Pemuda dan Wanita akan terus mencari populariti sahaja atau akan berani menghadapi cabaran dan kecaman kerana mahu menyeru untuk kebaikan bagi bangsa, agama dan tanahair. Inilah soal yang perlu dijawab dalam tahun 1981, tahun pertama dekad penghabisan pelaksana Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Keempat dan permulaan abad ke 15 Hijrah.

Atas harapan yang murni ini, maka saya dengan segala sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita UMNO bagi tahun 1981 dan berdoa ke hadrat Allah Rabbulalamin, agar perhimpunan saudara-saudari direstuiNya.

*Ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 25hb. Jun 1981.*

## KE ARAH MALAYSIA YANG LEBIH GEMILANG

KITA berhimpun pada hari ini setelah kita sama-sama merayakan hari ulangtahun kemerdekaan negara yang ke 25. Masih terdengar-dengar lagi pembacaan ikrar dan azam kesetiaan rakyat bergema di seluruh pelusuk negara di mana ikrar tersebut kebanyakannya dipelopori oleh pemuda dan wanita.

Kita juga berhimpun hari ini setelah beberapa bulan sahaja kita sama-sama melalui proses pilihanraya umum di seluruh negara, di mana keseluruhan lapisan pemimpin dan anggota UMNO telah menunaikan tugas dan tanggungjawab dengan gigih dan setia.

Kini, sambutan hari kemerdekaan telah pun selesai. Sambutan kejayaan kemenangan pilihanraya umum sudah juga berakhir. Sekarang tibalah masanya kita menghadapi realiti - realiti tanggungjawab berkuasa guna kemajuan rakyat. Realiti menghadapi masalah-masalah pembangunan dalam suasana ekonomi dunia yang muram dan lesu. Realiti pergolakan politik dunia yang sentiasa bergelora dengan penggunaan kuasa yang ganas dan berleluasa oleh golongan-golongan seperti Yahudi di Asia Barat, komunis Russia di Afghanistan dan Vietnam di Kampuchea.

Kebanyakan daripada unsur-unsur realiti yang saya sebutkan tadi boleh ditafsirkan dengan cara negatif. Walau bagaimanapun secara positifnya pula, saudara-saudari selaku para Perwakilan sebenarnya melapangkan masa untuk berbincang, berdebat dan mengambil sesuatu keputusan pada hari ini, di ambang satu negara Malaysia yang lebih makmur, stabil dan sejahtera, hasil semua



*Datuk Musa bin Hitam*

lapisan masyarakat negara kita benar-benar berusaha serta sentiasa sedia menggembelngkan tenaga ke arah pencapaian yang diidamkan.

Berdasarkan keadaan yang saya sebutkan tadilah, maka menjadi tugas serta tanggungjawab kita semua - iaitu generasi saya, generasi saudara-saudari serta generasi adik dan anak cucu kita keseluruhannya - serta mendaulatkan kemerdekaan Malaysia yang kini berusia 25 tahun.

Di samping itu, adalah wajib bagi kita bersikap dan bertindak dalam perjuangan tersebut dengan matang dan dewasa. Kita hendaklah berprinsip dalam perjuangan, di mana prinsip itu berasaskan kepada kepentingan ramai dan bukan individu. Kita hendaklah mempertahankan maruah dalam perjuangan, di mana maruah itu berasaskan kepada iman dan keperibadian masyarakat. Kita perlu sentiasa ikhlas kepada Allah dan jujur kepada diri sendiri, semoga perjuangan ikrar, azam dan janji kita, tidak hanya merupakan gema suara yang membelah angkasa, ataupun cuma barisan kata-kata yang sama sekali tidak mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan negara.

Saya sengaja memilih tema "Ke Arah Malaysia Yang Lebih Gemilang" dalam ucapan saya hari ini, kerana impian, harapan, hasrat serta cita-cita murni ini, seharusnya dijadikan pendorong serta penggerak untuk menentukan arah serta corak perjuangan kita sekarang; serta arah dan corak perjuangan generasi muda Malaysia dalam tahun-tahun akan datang.

Usaha mencapai impian besar ini bukanlah satu tugas khas yang harus dipikul hanya oleh UMNO sahaja. Tanggungjawab ini juga merupakan tugas eksklusif kepimpinan parti serta kerajaan atas nama Barisan Nasional. Sebaliknya, tugas jangka panjang ini adalah tugas kolektif keseluruhan rakyat Malaysia, baik generasi lama yang berpengalaman, ataupun generasi muda yang sedang menghayati erti perjuangan dan semangat nasioanlisme.

Secara khususnya, penciptaan Malaysia gemilang memerlukan pemupukan semangat toleransi, persefahaman, keyakinan, keharmonian, kesetiaan yang tidak berbelah bahagi, serta ketahanan nasional berasas kepada fahaman ke atas sensitiviti-sensitiviti masyarakat majmuk.

Tahun 1990 merupakan tahun yang begitu penting bagi kita mengukur tahap pencapaian Dasar Ekonomi Baru negara. Oleh itu adalah perlu pada tahun 1982 ini, mengambil sempena 25 tahun kita

mencapai kemerdekaan, bagi kita memastikan sama ada setakat ini Dasar Ekonomi Baru telah mencapai kejayaan seperti yang dihasratkan oleh rakyat jelata. Sekiranya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sekarang didapati lembab dan kurang memuaskan, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memperbaikinya. Apakah pula corak serta strateginya yang perlu diatur bagi tempoh 8 tahun menjelang tahun 1990. Apakah pula peranan pelajaran dan latihan, kebudayaan nasional, proses mewujudkan identiti nasional dan unsur-unsur lainnya yang harus juga diambil kira dan disambung-kaitkan dengan proses penelitian tahap kemajuan Dasar Ekonomi Baru ini.

Kita sudah 25 tahun merdeka dan bebas dari belunggu penjajah. Kita sudah 25 tahun menikmati keamanan. Sudah sesuku abad juga kita menikmati kemakmuran serta kesejahteraan hidup. Tetapi, saya masih berpendapat, kita seharusnya membuat pengesahan kemajuan dan kaji-selidik terhadap prestasi dan pencapaian kita di semua bidang. Kita haruslah memastikan apakah konsep satu negara Malaysia yang bersatu-padu benar-benar bermakna ianya merangkumi setiap warganegara Malaysia yang berbilang keturunan? Atau apakah konsep ini merupakan konsep masyarakat Malaysia yang berpetak-petak - Melayu dengan kemelayuannya, Cina dengan kecinaannya, India dengan keindiaannya. Kadazan dengan kekadazannya dan Iban dengan keibanannya.

Dan apabila kita memperkatakan masyarakat hidup sempurna, sudah sempurnakah tugas kita setakat ini dalam menyediakan generasi muda yang benar-benar seimbang di antara jasmani dan rohani. Perlu soal ini dihalusi dan diambil-kira dalam proses kita mengatur strategi-strategi untuk mencapai hasrat dan matlamat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dengan sepenuhnya.

Di sinilah relevennya proses pemilihan yang sedang dialami oleh saudara-saudari hari ini. Dalam tempoh kita mencapai kejayaan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, satu fenomena di kalangan UMNO yang harus kita terima sebagai kenyataan ialah, bahawa begitu ramai daripada ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO sendiri datangnya dari golongan yang telah menikmati hasil pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru setakat ini.

Implikasi munculnya fenomena yang agak baru ini penuh dengan kemungkinan-kemungkinan yang tidak sihat. Tekanan pada aspek-aspek materialistik atau kebendaan bermakna bahawa mereka yang dianggap "Berjaya" dalam proses itu juga menekankan unsur-

unsur materialistik dan kebendaan sebagai ukuran kejayaan mereka sendiri.

Oleh sebab mereka aktif pula dalam arena politik UMNO, maka semakin lama nampaknya semakin menjalar unsur-unsur materialistik ini ke dalam sistem parti politik UMNO sendiri.

Tanda-tandanya sudah pun mula jelas kelihatan. Adalah dikatakan bahawa politik di kalangan ahli-ahli UMNO sekarang semakin sofistikated. Cara-cara berkempe mendapatkan pengaruh juga semakin moden dan penuh dengan gaya-gaya atau stail tersendiri. Berani saya mensifatkan perkembangan ini sebagai satu tendency menganuti sistem politik demokrasi ala-barat.

Kalaulah benar dan kalaulah kita tidak berhati-hati menyekat tendency ini, saya pasti lama kelamaan UMNO akan dipimpin oleh hanya golongan-golongan yang berada dan kaya-raya sahaja. Maka, semakin lama semakin rengganglah hubungan dan jarak pucuk pimpinan yang terpilih dengan barisan keanggotaan ahli-ahli biasa dalam parti.

Sejarah UMNO telah membuktikan bahawa kekuhunnanya bergantung kepada ahli-ahli yang datangnya dari segala lapisan masyarakat. Kebanyakan mereka ini pula terdiri daripada masyarakat bawahan yang menjadi tunggak keahlian parti ini. Sesiapa juga daripada para keahlian ini diterima menjadi pemimpin, sama ada di peringkat Cawangan, Bahagian, Negeri atau Nasional, dengan tidak mengira taraf kebendaannya, asalkan ia dapat membuktikan ketokohnya. Keadaan ini harus dikekalkan lebih-lebih lagi di kalangan generasi muda UMNO. Gelaplah masa hadapan UMNO sekiranya apa yang saya tarikan sebagai politik "Materialis Individual" dibenarkan menjalar dan merebak.

Oleh itu, demi kepentingan survival UMNO saya menyeru segala lapisan keanggotaan UMNO, lebih-lebih lagi golongan muda dan wanita yang menjadi teras kewibawaan masa hadapan parti kita, supaya menolak dengan sekeras-kerasnya nilai-nilai negatif ini. Sebaliknya, sama-samalah kita pelihara dan kekalkan nilai-nilai keahlian serta ketokohan parti yang murni ini, dan nilai-nilai tulin bangsa Melayu dengan erti kata yang sebenarnya. Insya Allah generasi muda UMNO meneruskan peranannya dalam menentukan negara kita berterusan ditadbir berasaskan kepada konsep yang dipelopori oleh Presiden kita Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, iaitu konsep Bersih, Cekap, Amanah. Unsur-unsur inilah yang diredhai oleh Allah.

Kalaulah kita sanggup memenuhi hasrat seperti yang saya sebutkan tadi, generasi muda Melayu pasti sedia menggembelikan segala sumber dan tenaganya melalui Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia untuk memelihara kejitian perpaduan UMNO yang telah wujud sejak 36 tahun lalu.

Bagaimanakah rupa bentuk Malaysia gemilang yang dicitakan oleh parti kita UMNO sendiri, hendaklah sama-sama kita menggariskan gambarannya dari sekarang. Di dalam hal ini saya pasti bahawa impian setiap pemimpin dan rakyat di negara ini seharusnya melihat lahirnya warganegara Malaysia dalam ertikata sebenarnya. Apa yang kita semua idam-idamkan seharusnya ialah kemunculan satu generasi Malaysia dari berbagai keturunan dan agama dan bertutur dalam satu bahasa, hidup dalam satu budaya dan berinteraksi setiap hari dengan penuh perasaan bersaudara.

Negara Malaysia kita yang gemilang hendaklah disegani oleh masyarakat antarabangsa sebagai negara yang maju, bukan sahaja dalam bidang materialisme ataupun jasmani tetapi juga spiritualisme ataupun rohani. Kita bukan saja harus berazam mewujudkan warganegara yang beragama, malahan kita mahukan Malaysia menjadi negara maju mengeluarkan berbagai-bagai bahan yang berasaskan kepada teknologi moden, di samping meneruskan peranan pentingnya dalam sektor pengeluar bahan-bahan utama, pertanian dan keperluan-keperluan perkhidmatan perdagangan moden.

Sebaliknya, negara kita Malaysia tidak akan menjadi lebih gemilang seperti yang dihasratkan tanpa kelahiran barisan rakyat yang berdisiplin tinggi, yang berjimat-cermat, yang tinggi nilai akhlaknya, dan yang kukuh pegangannya terhadap agama.

Saya yakin bahawa Pergerakan Pemuda UMNO serta Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, pasti akan dapat memainkan peranan utama dan mempelopori segala usaha-usaha ini.

Untuk memenuhi hasrat ini adalah perlu bagi Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia bermula daripada perhimpunan hari ini, membuat kaji-selidik dan mengenal pasti segala persiapan, kelengkapan, potensi dan dasar, supaya sidang kemuncak seperti inilah yang menentukan arah dan corak pentadbiran negara yang benar-benar dikehendaki oleh kita semua.

Segala hasil kaji-selidik dan mengenal pasti ini haruslah pula disalurkan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab, iaitu pucuk pimpinan parti, supaya dapat dinilai kesesuaiannya untuk

diamalkan.

Di samping itu pula kita harus insaf bahawa kekuatan UMNO selama ini adalah berasaskan kepada kejayaanya yang sentiasa menarik minat generasi muda dalam proses perjuangannya. Maka wajarlah diteliti atau dikaji apakah pula corak pendekatan yang sesuai dan bagaimanakah idea melahirkan Malaysia yang lebih gemilang boleh disalurkan sebagai motivasi ke jiwa kumpulan sasar ini.

Dalam proses ini, segala dilema, masalah, kesukaran ataupun halangan yang mungkin akan menjejaskan usaha kita perlu dikaji sehalus-halusnya. Perlu dicari apakah penyelesaiannya. Jangan pula usaha mewujudkan Malaysia yang lebih gemilang ini dijalankan tanpa perkiraan yang tepat dan matang.

Sejarah perjuangan UMNO merupakan sesuatu yang harus dibanggakan oleh tiap-tiap seorang Melayu khususnya rakyat Malaysia amnya. UMNO merupakan satu-satunya parti politik yang ulung di kalangan negara-negara membangun yang masih wujud, teguh dan berkuasa sejak penubuhannya pada 11hb. Mei, 1946 dahulu. Rekod ini sukar ditandingi oleh mana-mana parti politik di dalam sistem demokrasi di mana-mana sahaja di dunia ini. Oleh itu, kita perlu mempunyai kefahaman yang mendalam terhadap sejarah kita serta falsafah yang mendalam terhadap sejarah kita serta falsafah perjuangan kemerdekaan parti kita, kerana ini boleh membantu kita mengukuhkan tanggapan, sikap serta perspektif kita dalam usaha mengisi kemerdekaan serta mendaulatkan kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh para perwira parti kita yang lalu.

Maka oleh sebab itulah, misalnya, di dalam proses memilih calon untuk pilihanraya umum baru-baru ini, walau apa pun pandangan dari kacamata individu, barisan yang kita ketengahkan telah mencerminkan persambungan pengalaman, dan merupakan usaha penggembelangan tenaga muda dan lama. Ianya merupakan barisan yang mencerminkan keharmonian antara tenaga muda dan lama dalam parti kita keseluruhannya, tidak tertinggal juga dan tidak lupa pula kita kepada peranan penting yang bertambah-tambah dipertanggungjawabkan kepada wanita. Adalah menjadi harapan saya hari ini, agar dalam perjuangan kita perlu diberi perhatian khusus terhadap persambungan perjuangan dan terhadap pergabungan tenaga berpengalaman dan tenaga baru. Ciri-ciri ini perlu kerana usaha mewujudkan Malaysia yang lebih gemilang

adalah satu usaha yang gradual. Ianya hendaklah merupakan satu usaha yang hanya dapat ditentukan sesudah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru benar-benar memenuhi hasrat asalnya.

Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia serta Pergerakan Wanita UMNO Malaysia hendaklah sentiasa berhati-hati jangan pula kehilangan arah serta pedoman perjuangan mereka. Apa yang saudara-saudari perjuangkan hari ini akan menjadi asas kepada perjuangan di hari muka. Kejayaan hari ini, akan menentukan kejayaan kita di masa depan. Persiapan yang sempurna yang disediakan hari ini, akan lebih memudahkan kita melaksanakan tugas dalam jangka masa beberapa tahun kemudiannya. Ini ialah kerana saudara-saudari yang berhimpun pagi inilah sebenarnya yang mewarisi kepimpinan pejuang sebelumnya.

Di tiap-tiap Perhimpunan Agung Tahunan UMNO Malaysia Pemuda atau Wanita, corak serta wadah kepimpinan di masa depan ditentukan oleh para perwakilan sendiri. Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia hari ini juga tidak berbeza daripada perhimpunan-perhimpunan yang lalu, oleh sebab di Perhimpunan Agung sebeginilah saudara-saudari mengorak langkah ke arah menyiapkan-generasi generasi Malaysia yang kita percaya akan dapat menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka bagi membina Malaysia gemilang yang sama-sama kita hasratkan. Sama-samalah saudara-saudari melentur rebung negara dari sekarang.

Kini, marilah sama-sama kita cuba menggambarkan bagaimanakah bentuk negara yang diidam-idamkan setelah kita menjangkau dataran 1990. Bagaimanakah bentuk rakyat dan warganegara yang kita mimpikan itu akan menjelma. Bagaimana pula keadaannya kualiti hidup di kala itu.

Sesudah itu, sama-sama pula kita putarkan imaginasi kita ke seluruh negara sekarang dan perhatikan berapa ramikah rakyat Melayu ataupun secara amnya rakyat Malaysia, yang telah mencipta nama dan status atas ketabahan, usaha dan kerajinan masing-masing. Berapa ramaikah anggota masyarakat Melayu serta umumnya masyarakat Malaysia, yang kini berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan masyarakat antarabangsa yang satu hari dulu menjajah Malaysia secara politik, ekonomi atau kebudayaannya.

Dan lebih penting lagi, sama-sama pula kita alihkan imaginasi kita ke arah negara-negara yang menerima kemerdekaan masing-

masing dalam tempoh yang sama dengan Malaysia. Apakah jadinya kepada negara-negara berkenaan sekarang. Dan bagaimana kualiti serta kesejahteraan hidup rakyatnya.

Sesudah itu pula kembalilah kita memfokuskan perhatian kita ke sekitar negara kita hari ini, dan terus balik ke dewan ini sendiri di mana kita bersama-sama menumpukan perhatian kepada ucapan saya sebentar tadi. Ini semua hanya merupakan latihan imaginasi sahaja. Saya yakin latihan imaginasi ini akan membolehkan kita menghela nafas lembut sambil membisikkan kata-kata syukur kepada Allah, kerana Malaysia kini sudah membangun, Malaysia sudah berkemampuan berjuang ke arah Malaysia yang lebih gemilang lagi walaupun dengan penuh cabaran-cabarannya.

Setelah mendengar ucapan saya ini, mungkin saudara-saudari akan mendengus dan berkata: "Apalah Datuk Musa ni, asyik berkhayal macam Mat Jenin. Burung terbang dipipiskan lada."

Ataupun ada di antara saudara-saudari mungkin berkata: "Sudahlah Datuk Musa ini. Mentang-mentang kami menghadapi pemilihan, dia pun jual kisah seribu satu malam."

Walau bagaimanapun, kita harus menerima hakikat bahawa walau apapun dikatakan sebagai komen ke atas ucapan saya, kita harus sedar bahawa kalau benarlah Mat Jenin wujud hari ini, sudah tentu dia mogok lapar dan membuat protes. Sebabnya ialah bahawa sekarang ini walaupun burung masih terbang, ayam masih berkokok dan ikan di laut masih berenang-renang, sudah beratus kilogram lada yang dipipis dan rempah kari yang menjadi serbuk, supaya senang kita menyediakan lauk-pauk, apabila burung dapat dipikat, ayam diserkap dan ikan dapat ditangkap. Kepada saya apa yang saya sarankan dalam ucapan saya ini adalah merupakan satu vision yang saya yakin akan menjadi realiti satu hari nanti.

Dengan kata-kata tersebut, dengan iringan doa dan harapan, semoga saudara-saudari selamat bersidang dan selamat berjuang, dan dengan kalimah Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan bangganya merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia serya Perhimpunan Agung Pergerakan Wanita UMNO Malaysia yang ke 31.

*Ucapan Datuk Musa Hitam merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 9hb September 1982*

## GAGASAN REALITI

SAUDARA-SAUDARI berhimpun di sini hari ini, atas dorongan beberapa kesedaran. Kesedaran terhadap politik, kesedaran terhadap negara, kesedaran terhadap bangsa dan kesedaran terhadap agama. Dalam pada itu, saudara-saudari harus insaf, bahawa kesedaran serta penghayatan terhadap hakikat perjuangan semasa dan perjuangan masa depan, adalah juga penting. Saya katakan demikian kerana corak serta falsafah perjuangan pemimpin hari ini, adalah warisan dari corak serta falsafah perjuangan penganjur di masa lalu. Corak dan falsafah perjuangan pemimpin hari ini pula, akan menjadi acuan ataupun wadah kepada corak dan falsafah perjuangan penganjur di masa akan datang. Di dalam politik, kita terpaksa menimba teladan dari sejarah silam. Ini akan membolehkan kita mengatur tindakan buat hari ini, dan membantu kita membuat perancangan serta tindakan untuk zaman akan datang. Keperluan politik ini adalah selaras dengan keperluan hidup di mana kita sentiasa bersendikan adat. Adat bersendikan syara'. Syara' pula bersumberkan hadis dan al-Quran.

Dari penghujahan ini, jelaslah terbukti bahawa sesuatu perjuangan politik yang mantap, ataupun sesuatu perjuangan politik yang stabil, memang sangat-sangat memerlukan persambungan dari zaman ke zaman, walaupun menerusi gaya serta cara kepimpinan yang berbeza. Di dalam hubungan ini, saudara-saudarilah barisan pejuang yang menjadi jejambat penting. Saudara-saudari mempunyai tugas mengawas dan menentukan supaya keonsep serta falsafah perjuangan yang akan diwariskan dari

generasi ke generasi itu adalah sentiasa sambung-sambung, tanpa cacat dan cela.

Dari itu, sudah sewajarnya bagi saudara-saudari untuk melengkapkan diri mulai sekarang. Saudara-saudari harus mengenalpasti apakah bantuan yang perlu diberikan kepada penganjur parti dan pemimpin Kerajaan hari ini, demi kepentingan semasa rakyat jelata. Corak negara dan bangsa Malaysia yang sesuai untuk generasi akan datang juga perlu dibayangkan dari sekarang. Saudara-saudari perlu sentiasa bersiap sedia, kerana persiapan ini akan melicinkan lagi proses pemindahan kuasa ke bahu saudara-saudari sekalian kemudian hari kelak.

Dengan lebih khusus lagi, saudara-saudari sekalian mesti bertanggungjawab untuk mengenalpasti apakah cabaran-cabaran yang wujud hari ini, dan apakah pula cabaran-cabaran yang mungkin timbul di tahun-tahun yang akan datang. Apakah pula cadangan saudara-saudari kepada pemimpin sekarang tentang cara-cara mengatasi cabaran semasa. Sanggupkah pula saudara-saudari menganalisa secara bijaksana, sama ada cabaran-cabaran yang mungkin timbul di belakang hari itu dapat dibendung kemunculannya mulai sekarang.

Saya membawa saudara-saudari sekalian untuk meneroka gagasan pemikiran ini supaya saudara-saudari dapat mengkaji sejarah perjuangan serta kebangkitan UMNO. Kemudiannya, dapatlah saudara-saudari menggunakan fakta sejarah itu sebagai asas kepada kajian perbandingan terhadap proses perjuangan hari ini. Moga-moga hasil kajian perbandingan tersebut akan menjadi garis-panduan kepada corak perjuangan di masa saudara-saudari berperanan mentadbirkan parti dan Kerajaan.

Mungkin saudara-saudari akan tertanya-tanya, apakah signifikennya zaman silam UMNO terhadap parti kita hari ini dan di masa depan? Sebenarnya, saya mengemukakan "mental exercise" ini kerana kepimpinan hari ini mahukan saudara-saudari sekalian mempunyai penglibatan ataupun "commitment" yang penuh terhadap perjuangan parti serta pentadbiran negara.

Saya berpendapat demikian, kerana hanya sesuatu perjuangan yang "committed" sahajalah yang akan berjaya menempuh sebarang cabaran dan dugaan. Sesuatu perjuangan yang tidak disaingi dengan "commitment", atau sesuatu perjuangan yang tidak sepenuh jiwa dan raga, pasti akan gagal di dalam menghadapi sebarang cabaran, biar di dalam bentuk apa jua sekali pun.

Saya yakin, sesuatu perjuangan tanpa penglibatan, ataupun seseorang pejuang yang tidak "committed", mungkin akan mudah terdorong kepada beberapa kesongsangan. Biar pun songsang dari segi pemikiran, songsang di dalam membuat rancangan, songsang di dalam membuat sesuatu keputusan, mahupun songsang di dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Segala kesongsangan ini pasti akan membawa kesan negatif dan mungkin destruktif, terhadap perjuangan parti. Ini akan merugikan generasi muda kita pada keseluruhannya.

Sesuatu kesongsangan di dalam sistem politik, tentu akan melemahkan perjuangan kita di dalam mengekalkan UMNO sebagai teras kepada politik negara, didalam mengekalkan bangsa Melayu sebagai teras kepada UMNO, dan di dalam mengekalkan Islam sebagai teras kepercayaan bangsa Melayu. Dalam lain-lain perkataan, kita tidak mahu sistem serta nilai politik kita menjadi songsang, kita tidak mahu melahirkan ahli serta pemimpin politik yang songsang, kerana kesongsangan itu akan memusnahkan tugas besar kita di dalam mengekal serta memelihara ciri-ciri keMelayuan dan ciri-ciri kelslaman di negara kita Malaysia.

Apa yang saya maksudkan dengan keMelayuan di sini, ialah ciri-ciri dan nilai-nilai utama yang diwarisi dan dipegang oleh bangsa Melayu hingga ke hari ini, bagi memperkukuhkan lagi sistem-sistem dalam hidup, termasuklah sistem politik yang sihat. Pemeliharaan nilai-nilai tersebut akan membolehkan kita menangkis apa juga anasir yang boleh memecahbelahkan perpaduan, ataupun menangkis sebarang tindakan yang boleh menghancurkan-leburkan kekukuhan serta keluhuran sisten yang sendiri.

Dari sige kelslaman pula, adalah jelas bahawa Islam mesti diperdaulatkan di negara ini. Tetapi, perlulah kita berwaspada supaya proses penerapan nilai-nilai Islam di negara ini mesti dijalankan dengan lembut, dengan penuh susila dan tidak pula menimbulkan masalah serta keraguan. Kita tidak mahu sebarang salah-faham atau salah-tanggapan terhadap proses penerapan Islam, timbul di kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia. Salah-faham ataupun salah-anggap hanya akan menimbulkan prejudis terhadap Islam. Kita tidak mahu apabila kita bercakap tentang Islam di Malaysia, maka muncullah dalam pemikiran setengan rakyat bahawa kita bermaksud membuat sesuatu yang rigid dan mungkin destruktif seperti yang dikatakan berlaku di setengah-setengah negara Islam di dunia ini. Islam adalah satu agama dan

cara hidup yang mementingkan permuafakatan, keharmonian dan perpaduan di kalangan ummah.

Dalam pada itu, kebangkitan Islam dan kesedaran agama yang semakin meningkat adalah sesuatu perkara yang menarik perhatian ramai dari segi perkembangan sosial dan politik di tanahair kita sekarang. Peningkatan kesedaran ini adalah sesuatu yang baik dan wajib menerima sokongan. Walaupun demikian, kebangkitan dan kesedaran ini juga telah mula di eksploitasi oleh setengah golongan sehingga menimbulkan beberapa masalah tertentu.

Satu daripada isu-isu dalam konteks ini ialah mengenai nasionalisma. Sebagaimana kita ketahui, kini seolah-olah wujud satu dilemma dari segi falsafah, apabila segolongan generasi muda kita melihat perjuangan UMNO dalam konteks Islam. Perjuangan UMNO adalah berasaskan nasionalisma, khususnya nasionalisma Melayu. Islam pula adalah agama yang universal, satu agama dan cara hidup yang menembusi benteng puak, perkauman dan kebangsaan.

Maka, dari segi lahirnya dan tanpa pemahaman yang seimbang, setengah golongan generasi muda Melayu pun melihat konsep nasionalisma dan Islam ini seakan-akan berkongflik, bertentangan antara satu sama lain. Ini menimbulkan apa yang dikatakan sebagai dilema. Keadaan ini mula menggugat pegangan dan mungkin juga akidah sebahagian dari generasi muda Melayu kita sekarang.

Oleh itu, adalah menjadi tugas bersama kita semua untuk mengikis kekeliruan terhadap nasionalisma ini. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan bahawa konsep nasionalisma Melayu ini difahami dan dihayati sepenuhnya oleh setiap golongan di negara ini. Pada hakikatnya, konsep nasionalisma Melayu adalah berbeza dari tafsiran nasionalisma yang digunakan di Barat. Nasionalisma Melayu adalah khas untuk orang-orang Melayu. Nasionalisma Melayu lahir sebagai manifestasi kepada cetusan rasa dan keinsafan bangsa Melayu. Nasionalisma Melayu wujud kerana bangsa Melayu telah ditindas. Nasionalisma Melayu lahir kerana bangsa Melayu telah diperas oleh penjajah pada suatu ketika dulu. Nasionalisma Melayu lahir sebagai pendorong kepada orang Melayu menyatukan rancangan mereka, untuk membulatkan keputusan mereka serta untuk menjitukan tindakan mereka di dalam menuntut kemerdekaan dari penjajah.

Di dalam konteks ini, elok juga kita merenung sejenak terhadap beberapa perkara pokok yang telah berlaku dalam proses penerapan

nilai-nilai Islam ke dalam masyarakat Melayu di abad yang silam. Kepada saya, proses tersebut masih relevan dan masih boleh menjadi iktibar kepada perkembangan masyarakat kita pada hari ini. Proses tersebut mempunyai pertalian rapat dengan kebangkitan nasionalisma Melayu.

Saudara-saudari tentu sedia maklum. Sejak ratusan tahun dahulu, masyarakat Melayu kita telah terdedah kepada pertembungan pengaruh luar, sama ada dari barat atau dari timur. Pertembungan pengaruh ini telah mewujudkan begitu banyak unsur asing yang telah diMelayukan, dan kini menjadi sebahagian dari khazanah budaya Melayu yang dinamis.

Namun begitu, lebih penting dari segala-galanya, ialah kedatangan Islam ke alam Melayu serta penghayatan Islam di kalangan bangsa Melayu. Proses ini telah menerapkan kepada masyarakat Melayu, satu sahsiah ataupun ciri-ciri keperibadian yang membolehkan bangsa Melayu membina satu personaliti kebangsaan yang bersifat total. Penghayatan Islam ini juga membolehkan bangsa Melayu bertentangan dengan agama. Seiring dengan itu juga, Islam telah membangkitkan keazaman masyarakat Melayu untuk membina satu tamaddun yang unik dan sesuai dengan personaliti masyarakat Melayu.

Oleh itu, sekiranya saudara-saudari berpeluang meneliti semua teori perluasan Islam ke alam Melayu, iaitu sama ada teori yang diilhamkan oleh sarjana barat atau sarjana Islam, saudara-saudari tentu akan menemui satu persamaan yang mengkagumkan. Iaitu, Islam telah melahirkan satu perubahan, satu tradisi yang amat positif kepada masyarakat Melayu.

Dari segi politik umpamanya, kedatangan dan penghayatan Islam telah memperkukuhkan kedudukan politik bangsa Melayu ketika itu khususnya di dalam pembinaan satu empayar Melayu yang luas di wilayah Nusantara. Dari segi ekonomi pula, Islam telah mendorong kemajuan perdagangan dan teknologi komersial yang setanding dengan kemajuan perdagangan di mana-mana tempat pun di dunia ini.

Maka, jelaslah kepada kita bahawa kebangkitan Islam di zaman lampau telahpun mengasaskan satu era yang penuh dengan segala kemungkinan dan kecemerlangan, ataupun "an era of possibilities and excellence", dan bukannya satu era yang penuh kemustahilan serta kegelapan.

Saudara-saudari sekalian dan rakyat umum mungkin akan

berkata, bahawa singkapan sejarah ini adalah tidak relevan dan tidak mempunyai signifikan kepada keadaan hari sekarang kerana sejarah ini terlalu jauh ke belakang serta sudah di telan zaman. Jadi, bagaimanakah agaknya keadaan, di dalam abad 20an ini? Bagi mereka yang mempelajari sejarah perkembangan kesedaran kebangsaan Melayu, sudah pasti, dan tidak dapat tidak akan mengkagumi keluhurannya dari segi kebangkitan bangsa Melayu di dalam politik, pentadbiran dan juga ekonomi. Dan di dalam hubungan ini, setiap pengkaji sejarah silam juga akan menyedari betapa bibit kesedaran kebangsaan Melayu, ataupun nasionalisma Melayu, sebenarnya telah dipelopori oleh para umalak dan mereka yang terdidik dengan pelajaran agama Islam.

Dari satu segi, kegigihan para ulamak kita itulah yang telah membuka jalan kepada pertubuhan semangat kebangsaan Melayu dalam dekad-dekad yang berikutnya. Generasi kita berhutang budi kepada pejuang-pejuang awal ini. Mereka telah memperjuangkan satu order baru yang berteraskan Islam sebagai satu alternatif kepada sistem pemerintahan kolonial yang telah membawa keburukan serta kesengsaraan kepada bangsa Melayu dalam semua bidang penghidupan.

Perjuangan mereka telah dilakukan dengan penuh bijaksana dan dengan penuh kesabaran. Perjuangan tersebut, sesungguhnya merupakan sebahagian dari perjuangan yang berhikmah. Mereka telah menyingkap prinsip hikmah dan menterapkan ke dalamnya, konteks realiti segala rintangan dan halangan untuk mencapai cita-cita meningkatkan martabat serta kesejahteraan bangsa Melayu. Mereka telah meletakkan prioriti ataupun keutamaan tanggungjawab dan amanah yang seimbang. Mereka dapat menginsafi yang harus di dahulukan, bangsa Melayu ataupun manusia sejagat. Mereka tidak memisahkan cita-cita kebangsaan Melayu dari semangat kelislamannya. Mereka menghayati pengakuan Allah akan keragaman makhluknya yang dijadikan berbangsa-bangsa, supaya dapat tolong menolong di antara satu sama lain.

Hasil dari usaha dan ketabahan para ulamak silam di dalam memperjuangkan nasib bangsa Melayu ini, maka lahirah konsep nasionalisma Melayu yang kini diwariskan dan dipertanggungjawabkan perjuangannya kepada UMNO. Maka, asas perjuangan bersendikan nasionalisma ini adalah tidak bercanggah dengan kehendak Islam kerana tujuan kita adalah

semata-mata untuk mempertahankan kewujudan dan integrasi sekumpulan orang Islam yang bernama Melayu. Kita tidak bercita-cita untuk memusnahkan ataupun menzalimi kaum-kaum lain di negara ini.

Dalam hal ini, kita sungguh bernasib baik kerana perjuangan bangsa Melayu dan nasionalisma Melayu, kini sudahpun diiktiraf oleh masyarakat majmuk di Malaysia. Oleh yang demikian, perlulah diingat bahawa pengiktirafan itu tidak boleh sama sekali diganggu gugat oleh sebarang anasir yang cuba menakut-nakutkan mereka terhadap Islam.

Barisan pemimpin muda hari ini, khususnya pemimpin pelapis UMNO, atau pun pemimpin pelapis Barisan Nasional amnya, mestilah sedia dan sanggup mempelajari sejarah kebangkitan semangat kebangsaan Melayu ini. Hikmah sejarah ini akan menimbulkan keinsafan dan menebalkan lagi keyakinan kita terhadap perjuangan parti kita, dan perjuangan Barisan Nasional secara keseluruhannya.

Keinsafan terhadap hikmah sejarah akan melahirkan barisan pemimpin muda dan generasi muda Malaysia yang lebih "committed" terhadap prinsip dan asas perjuangan kita demi kepentingan bersama. Contoh dan teladan sejarah ini akan menjadi garis-panduan kepada kita dalam menghindarkan diri dari sebarang kesongsangan, baik di dalam politik, mahupun di dalam mengendalikan hidup seharian kita.

Berdasarkan kepada hakikat sejarah ini juga, maka adalah menjadi tugas kita semua untuk menangkis kegiatan setengah golongan yang cuba menidakkan peranan positif semangat kebangsaan Melayu di dalam mewujudkan kesejahteraan hidup rakyat di negara ini. Oleh itu, kita mesti sanggup mempunyai pemahaman yang lebih menyeluruh dan lebih "total" mengenai agama dan perjuangan kebangsaan kita. Saranan ini saya ketengahkan kepada saudara-saudari kerana kita harus sedar bahawa perjuangan orang-orang Melayu adalah satu perjuangan yang unik. Unik dalam ertikata kita mempunyai personaliti dan keindividuan sosial sebagai satu bangsa yang merdeka lagi bermaruah.

Namun begitu, semangat kebangsaan sebagai garis perjuangan kita, tidak dapat dipisahkan dari berlandaskan agama Islam. Kerana itulah apabila Perlembagaan Negara kita digubal, terdapat di dalamnya pengabdian prinsip kemutlakan intergasi kebangsaan

Melayu dengan Islam. Kerana itulah juga maka UMNO menggariskan di dalam Perlembangannya ciri-ciri perjuangan bagi menegakkan syiar Islam. Ciri-ciri keIslamannya ini berganding rapat dengan konsep nasionalisma yang menjadi sendi perjuangan bangsa Melayu. Sebab itulah kita berani mengatakan bahawa UMNO adalah parti terbesar yang mewakili umat Islam di negara ini. Maka, dengan penuh keyakinan, kita berikan istilah kebangsaan Melayu itu sebagai satu definasi budaya yang berteraskan Islam. Ini menolak samasekali masalah kulit dan keturunan. Sesungguhnya jika kita teliti dengan penuh keinsafan, ini melambangkan satu perjuangan politik yang amat tinggi.

Oleh itu, adalah menjadi harapan kepimpinan hari ini semoga barisan pemimpin pelapisnya, dan keseluruhan generasi Malaysia merdeka, supaya memahami hakikat nasionalisma ini dalam konteks persekitaran dan realiti di Malaysia. Kesanggupan untuk menghayati perkara ini akan membantu saudara-saudari sekalian di dalam menyambungkan konsep serta falsafah perjuangan hari ini dengan konsep serta falsafah perjuangan di masa akan datang.

Moga-moga kesanggupan saudara-saudari dan juga kesediaan rakyat jelata sekalian untuk menghayati konsep serta falsafah perjuangan ini, akan menjadikan keseluruhan generasi muda Malaysia dan keseluruhannya generasi pemimpin muda Malaysia, sebagai satu barisan rakyat yang lebih "committed" terhadap perjuangan bangsa, agama serta tanahair.

Saya melahirkan harapan ini kerana saudara-saudari sekalian adalah barisan pemimpin muda didalam UMNO. Saudara-saudari datang dari berbagai corak dan latarbelakang hidup dan telahpun didedahkan kepada anika pengalamannya yang berbeza. Saudara-saudari mewakili generasi muda di negara ini dalam membantu pucuk pimpinan sekarang untuk melahirkan satu bangsa Malaysia yang gagah, dan membina satu negara Malaysia yang gemilang, sesuai dengan kehendak semasa.

Sebab itulah maka menjadi tugas serta tanggungjawab saudara-saudari sekalian untuk membuat perancangan, keputusan dan tindakan yang sesuai dengan kehendak hari ini, serta secocok dengan zaman-zaman yang akan tiba kelak. Pendek kata, di samping menghayati serta menyemarakkan lagi segala idealisme yang relevan kepada masa hadapan bangsa dan negara, maka saudara-saudari juga mesti menyedari serta menghayati realiti hidup dan realiti persekitaran sosio-budaya, sosio-ekonomi dan

sosio-politik semasa, di negara ini.

Bagaimanapun, sebelum saya mengakhiri ucapan ini ingin saya meminjam secebis pandangan seorang penulis Jepun. Penulis tersebut menggariskan beberapa perkara yang wajar difahami oleh setiap rakyat yang ingin berjaya dan yang perlu dihayati oleh setiap pemimpin yang amanah. Antaranya penulis berkenaan berkata bahawa "di dalam perjalanan menuju kejayaan, seseorang pejuang itu harus melalui beberapa liku yang abstrak dan penuh rentak. Maka terdapatlah rentak yang membolehkan kita berjuang serta berkhidmat dengan jujur dan ikhlas. Ada rentak perjuangan yang membawa progres Akhir sekali terdapat juga rentak perjuangan yang membawa kehancuran."

Saya sajikan buah fikiran tersebut kepada saudara-saudari sekalian. Terserahlah kepada saudara-saudari sekalian untuk membuat analisa serta memahami maksudnya. Moga-moga petua ini akan mendorong saudara-saudari untuk berjuang dan berkhidmat dengan penuh keikhlasan.

Dengan kata-kata tersebut, dengan iringan doa dan harapan semoga perjuangan saudara-saudari sentiasa berada di jalan yang diredhai Allah. Dan dengan lafaz Bismillah-hirrahmannirrahim, maka saya dengan bangga dan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia Yang ke-32.

*Ucapan Datuk Musa Hitam merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 18hb Ogos 1983*

## KETAHANAN UMNO

SAYA bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan hidayahnya, untuk kesekian kalinya dapat bertemu muka dan mempererat silaturrahim dalam perhimpunan tahunan seperti ini. Sesungguhnya, perhimpunan ini telah menjadi satu tradisi kepada kehidupan berpolitik di negara kita ini. Oleh kerana itu marilah sama-sama kita pastikan semoga tradisi ini akan kekal dalam keadaan muhibbah dan semangat persaudaraan serta penuh dengan kesedaran dan rasa tanggungjawab. Di samping bersyukur, saya juga berdoa semoga Allah S.W.T. akan terus menunjukkan kita jalan yang lurus sesuai dengan doa Ihdinas Siratal Mustawim. Semoga sepanjang perhimpunan ini kita akan tetap mendapat taufik dan hidayah dalam berfikir dan berhujah, serta mendapat rahmat dan hikmah dalam merancang dan bertindak.

Tigabelas hari yang lalu kita telah menyambut ulangtahun UMNO yang ke-38. Ini bermakna perjuangan bangsa Melayu lambangkan kematangan di dalam parti kita. Matang dari segi pemikiran, matang di dalam membuat sesuatu keputusan dan matang di dalam mengambil sesuatu tindakan. Sebagaimana kita sedia maklum, perhimpunan ini diadakan ketika kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di dalam UMNO sedang melangkah de penggal yang kedua. Kesenambungan era Mahathir ini adalah bukti penerimaan bangsa Melayu terhadap UMNO. Penerimaan ini akan membolehkan UMNO, meneruskan perjuangannya ke arah kesejahteraan demi kepentingan agama, bangsa dan tanahair.

Dalam pada itu, saya pasti saudara-saudari sekalian tidak akan

lupa, tidak lupa bahawa tahun 2000 akan tiba tidak lama lagi. Penghijrahan dari abad ke-20 ke abad ke-21 ini adalah satu proses hidup yang hakiki. Penghijrahan ini akan mendorong kita manusia untuk terus menghadapi cabaran dan tanggungjawab. Cabaran dan tanggungjawab ini pula akan terus menggerakkan langkah serta arah perjuangan UMNO ke satu era yang lebih moden, lebih sofistikated dan lebih menuntut kejujuran, keberanian dan kebijaksanaan.

Oleh yang demikian, wajarlah saudara-saudari, kita bersama menyedari dan menginsafi hakikat tahun 2000 itu mulai sekarang. Saya harap saudara-saudari akan mengambilkira faktor ini dalam setiap gerak perjuangan. Ini akan membolehkan saudara-saudari bangkit sebagai angkatan penggerak zaman yang bijaksana, progresif lagi berkesan. Saya berharap, mulai hari ini saudara-saudari akan meneroka, memeriksa dan menganalisa segala kemungkinan yang akan wujud di abad ke-21. Moga-moga penerokaan, pemeriksaan serta penganalisaan itu akan melahirkan satu gagasan perjuangan generasi muda UMNO yang sentiasa mengobarkan idealisma, di samping bersikap pragmatis dalam segala tindak tanduknya.

Susunlah gerak dan langkah perjuangan saudara-saudari. Tentukanlah arah perjuangan yang dapat memenuhi kehendak masa depan yang lebih mencabar. Pastikanlah bahawa kita mengamalkan suatu budaya politik, budaya kerja dan perilaku ekonomi atau economic behaviour yang akan menjamin kepentingan dan kesejahteraan bersama. Tumpukanlah sepenuh perjuangan saudara-saudari kepada "commitment" dan cita-cita ini. Dan serentak dengan itu nyalakanlah terus semangat nasionalisma yang telah membebaskan kita dari belenggu penjajahan. Dan lebih dari itu, kobarkanlah semangat nasionalisma yang akan membebaskan kita dari belenggu kemiskinan dan kejahilan.

Hayatilah segala aspek ini dengan perimbangan yang rasional. Kaji dan bandingkanlah kualiti hidup zaman sebelum Merdeka dengan mutu hidup yang kita nikmati sekarang. Kemudian, rekalah bentuk dan tentukanlah corak hidup yang diinginkan pada tahun 2000 kelak. Dan sedarilah sentiasa, walau apapun corak dan bentuk hidup yang diinginkan itu, peningkatan kualiti atau mutu hendaklah sejajar dengan cita-cita keadilan masyarakat dan kesejahteraan bersama.

Konsep budaya kerja ini saya kemukakan dengan harapan saudara-saudari akan merenung dan memeriksa soal ini dengan teliti. Saudara-saudari perlu bertanya apakah pada tahun 2000 kita mahu menjadi masyarakat pinggir? Atau kita bercita-cita menjadi satu teras yang

kukuh bagi satu bangsa Malaysia yang bersatupadu, gagah dan disegani. Saudara-saudari harus bertanya apakah bangsa kita ketika itu akan musnah kerana tersilap-guna kuasa di tangan, sehingga kita menjadi satu bangsa yang mundur dan dhaif? Ataupun bangsa Melayu ketika itu adalah bangsa yang gagah kerana kita tekun, rajin dan berdisiplin. Bila kita mengamalkan budaya kerja yang positif, maka dapatlah kita memberikan pengabdian yang bermakna kepada agama, bangsa dan nusa.

Saya yakin bahawa budaya kerja yang akan saudara-saudari amalkan itu akan sesuai dengan suasana dan tuntutan ekonomi tahun 2000. Hadapilah kemungkinan ini dengan fikiran yang terbuka. Penerimaan dan penghayatan terhadap hakikat tersebut pasti akan menyedarkan saudara-saudari sekalian bahawa segala dasar yang telah wujud dan segala dasar yang telah digubal dan dilaksanakan oleh kepimpinan Parti dan Kerajaan hari ini, adalah untuk kesejahteraan hidup seluruh rakyat.

Oleh itu, wajarlah saudara-saudari bersedia menghadapi kemunculan satu perilaku dan realiti ekonomi tahun 2000. Perilaku dan realiti ekonomi ini bukan sahaja memerlukan berbagai bentuk kemahiran, tetapi juga akan melahirkan berbagai bentuk kemungkinan. Antara kemungkinan itu ialah, semakin meluasnya jurang perbezaan antara yang berada dan tidak berada, atau kemungkinan wujudnya kesejahteraan sosial dan kemakmuran yang lebih merata. tentu kita sama-sama faham kemungkinan manakah yang kita ingini. Maka, untuk mencapai kemungkinan yang kita cita-citakan itu, wajarlah saudara-saudari meningkatkan kemahiran dan menggembelngkan seluruh tenaga dan segala sumber yang ada.

Gagasan budaya kerja dan perlaku serta realiti ekonomi yang saya sebutkan sebentar tadi, sebenarnya mempunyai hubungan rapat dengan budaya politik yang akan lahir di kalangan generasi saudara-saudari untuk menghadapi segala-galanya itu. Persiapkanlah diri dari segi mental, emosi dan idealisma. Semuanya itu akan menentukan corak, arah, gerak serta langkah perjuangan UMNO, perjuangan bangsa Melayu dan perjuangan masyarakat Malaysia.

Saya kemukakan saranan ini kerana perjuangan kita sentiasa bergerak dalam lingkungan budaya yang dinamis dan sentiasa mengalami perubahan. Contohnya, budaya politik di zaman sebelum Merdeka amat berbeza sekali dengan zaman sesudah Merdeka. Budaya politik di peringkat awal Kemerdekaan sudah jauh bezanya dengan yang wujud hari ini. Namun demikian, kita hendaklah mempunyai

sikap yang positif dan memilih perspektif yang tepat dalam menghadapi berbagai-bagai perubahan. Kita harus menjadi tuan, dan bukan hamba kepada perubahan. Kita haruslah menentukan arah dan arus perubahan, dan bukannya hanyut dan tenggelam dalam arus perubahan. Kerana itulah ketahanan Parti kita ketahanan UMNO - wajib ditingkatkan.

Sepanjang sejarah perhitungan UMNO, kita telah mengharungi berbagai cabaran dan menempuh berbagai perubahan. Syukur Alhamdulillah, berkat keramat bumi dipijak, berkat tuah langit dijunjung, segala-galanya telah kita lalui dengan jayanya. Tetapi, kita tidak seharusnya khayal. Kita harus sentiasa berwaspada. Hapuskanlah gejala-gejala negarif yang nampaknya sudahpun mula tumbuh dan menjaral di dalam Parti kita. Buatlah "post-mortem" atau pengkajian kembali terhadap pengalaman yang sedang kita lalui ini. Saranan ini sesuai dengan kebijaksanaan orang tua-tua kita yang menasihatkan supaya: berkata sepatah difikiri, berjalan selangkah memandang surut. Moga-moga hapuslah unsur-unsur negatif itu buat selama-lamanya.

Adalah menjadi tanggungjawab saudara-saudari sekalian untuk berbimbing tangan dan berganding bahu dengan pucuk pimpinan dalam membina ketahanan politik parti kita. Ketahanan politik ini harus dipupuk dan dibaja supaya mekar dan segar, serta kukuh dan padu bersama ketahanan nasional. ini penting disedari kerana ketahanan nasional tidak dapat dipisahkan dengan ketahanan politik bangsa Melayu. UMNO adalah teras politik bangsa Melayu dan bangsa Melayu adalah teras politik negara.

Pada setiap tahap pembinaan ketahanan politik ini, Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNOlah, yang telah, dan seharusnya menjadi pelopor, menjadi asas dan menjadi wadah. Semua ini sesuai dengan tradisi perjuangan UMNO yang sentiasa menjadi juara penyelamat kepada bangsa Melayu. Dan lebih dari itu, UMNO bukan sahaja juara penyelamat, malah adalah benteng dan perisai dalam mempertahankan martabat dan maruah bangsa.

Ketahanan politik ini perlu ditingkatkan. Peringkat ini perlu untuk membendung dan membasmi segala gejala dan unsur negatif yang mungkin menggugat keutuhan bangsa dan politik Melayu. Saya yakin ketahanan politik yang sedemikian rupa akan meningkatkan maruah dan perjuangan bangsa Malaysia seluruhnya. Ketahanan politik ini akan menjamin survival UMNO di masa akan datang. Survival itulah yang akan menentukan corak, arah, gerak serta langkah perjuangan kita. Ini adalah selaras dengan aspirasi Parti dan tradisi

bangsa.

Disamping itu, survival Parti wajarlah ditinjau dari aspek kepimpinan. Saudara-saudari sekalian harus mempunyai vision dan perspektif yang khusus terhadap corak kepimpinan yang kita perlukan. Tentukanlah corak kepimpinan itu dengan bijaksana. Pastikanlah kita tidak berpaut di dalam rapuh, dan tidak berpijak di tebing runtuh. Terserahlah samaada kepimpinan itu mengikut gaya kepimpinan Dato'Onn Jaafar, berdasarkan kepimpinan Bapak Malaysai Tunku Abdul Rahman, berpandukan kepimpinan Bapak Pembangunan Tun Abdul Razak, mencontohi kepimpinan Tun Hussein Onn, ataupun berteladankan kepimpinan Datuk Seri Dr.Mahathir.

Walau apapun corak dan cara mana sekalipun yang menjadi pilihan, kepimpinan itu haruslah melanjutkan tradisi perjuangan parti dan mempunyai kesinambungan cita-cita untuk meningkatkan martabat dan maruah bangsa. Kita perlu sentiasa mengingatkan diri masing-masing bahawa sebarang kuasa, mandat dan amanah yang kita perolehi dari rakyat adalah untuk kepentingan rakyat. Ini bermakna pengabdian diri seseorang pemimpin kepada rakyat adalah suatu tanggungjawab yang dituntut oleh perjuangan. Inilah yang harus sentiasa kita ingat dan jadikan pedoman.

Sekiranya perjuangan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO sentiasa mengambilkira hakikat ini, saya yakin kepimpinan UMNO yang akan saudara-saudari warisi kelak akan mendapat hikmah dan hidayah daripada Allah. Hanya perjuangan seperti inilah yang akan memberi munafaat lahir dan batin kepada kita bersama. Perjuangan seperti inilah sesungguhnya yang sesuai dengan peranan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah di dunia ini. Oleh kerana itu, saya percaya tidak ada orang yang tergamak menggadaikan maruah agama, bangsa dan negara.

Demikianlah harapan saya kepada saudara-saudari sekalian sebagai perwira dan serikandi UMNO. Saya sandarkan hasrat murni ini ke bahu saudara-saudari sekalian. Jadikanlah hasrat dan aspirasi bangsa ini sebagai tanggungjawab dan amanat suci dalam meneruskan gerak dan langkah perjuangan UMNO dan bangsa Melayu. Moga-moga harapan, cita-cita dan vision ini akan menjadi satu realiti yang membawa kecemerlangan kepada bangsa Melayu dan masyarakat Malaysia seluruhnya.

"Our quest for excellence" ataupun perjuangan kita ke arah kecemerlangan sebenarnya baru bermula. Jalan yang panjang dan berliku-liku ke arah itu terbentang di hadapan kita. Kedatangan abad

ke-21 yang hanya 15 tahun lagi semestinyalah menjadi pendorong kepada kita untuk bekerja lebih kuat dan berjalan lebih cepat menuju kecemerlangan tersebut. Untuk itu seluruh tenaga dan pengalaman perlulah digembeling dengan penuh rasa kesedaran dan tanggungjawab. Bila bercakap mengenai perjuangan dan kepimpinan selepas tahun-tahun 2000 nanti, saya membayangkan betapa pengalaman dan pahit-getir perjuangan saudara-saudari selama ini akan menjadi bekalan dan saham yang sangat berguna. Pada ketika itu juga, kepimpinan saudara-saudari akan bergerak seiring jalan dengan pemimpin-pemimpin muda yang muncul di tahun 2000.

Bayangan saya mengenai kepimpinan selepas tahun 2000 itu mengingatkan saya kembali ke tahun-tahun 60-an dulu. Vision mengingatkan saya kembali ke tahun-tahun 60-an dulu. Vision dan pandangan jauh Allahyarham Tun Abdul Razak ketika itu telah mengadun dan menggembeling pengalaman orang lama dengan dinamisma tenaga muda. Hasilnya memang sungguh positif. Pandangan jauh dan vision itu telah membawa negara kita ke tahap dan prestasi pembangunan yang kita nikmati sekarang.

Maka, marilah kita padukan pengalaman dan dinamisma yang wujud hari ini. Dengan semangat dan kesedaran ini, sama-samalah kita mengabdikan diri kepada cita-cita perjuangan UMNO dan bangsa Melayu dengan satu kata dan satu nada, dan dengan langkah yang sederhana dan lenggang yang serentak. Marilah kita bergabung tenaga dalam perjuangan mencapai kecemerlangan dan kesejahteraan. Insya-Allah, penyatuan tenaga, hasrat dan cita-cita ini akan menjayakan perjuangan kita bersama.

Akhirnya, dengan doa semoga Allah Subhanahu Wataala akan menjauhkan kita dari sikap riak dan takbur, dan dengan harapan semoga kita dikurniakan sifat syukur semasa menerima kejayaan dan sifat sabar dan tawakal sewaktu mendapat dugaan, dan dengan lafaz Bismillah Hirrahman Nirrahim, dan sekali lagi dengan doa Ihdinas Siratal Mustaqim, saya merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia tahun 1984 ini. Sekian.

*Ucapan Datuk Musa Hitam merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 24hb Mac 1984*

## **BERSATU BERSETIA BERKHIDMAT**

TIGA puluh sembilan tahun yang lalu UMNO lahir di negara ini untuk menentang penjajah, memerdekakan negara, mengembalikan taraf ketuanan bangsa Melayu serta memulihkan keangungan agama Islam. UMNO ditubuhkan demi kepentingan agama, bangsa dan tanahair yang kita cintai.

Sejak tahun 1946 hingga ke hari ini, UMNO adalah lambang kekuatan politik Melayu dan kekuasaan Melayu. Kedudukan ini wujud akibat cabaran Allahyarham Datuk Onn Jaafar bahawa selagi bangsa Melayu berpecah-pecah dalam politik, selagi politik Melayu bersifat kenegerian, selagi itulah bangsa Melayu tidak akan muncul sebagai satu kuasa politik yang gagah dan kukuh di negara ini. Sebab itulah kita sentiasa mementingkan perpaduan dan semangat setiakawan dalam parti kita. Oleh kerana itulah juga maka Allahyarham Datuk Onn sentiasa mengingatkan seluruh ahli UMNO, bahawa jika orang Melayu benar-benar cinta, kasih dan sayang kepada bangsa, agama dan tanahairnya hendaklah mereka mengutamakan kepentingan ramai dan bukannya kepentingan diri sendiri.

Oleh kerana itu maka perlulah bagi setiap anggota UMNO untuk mengingatkan seluruh bangsa Melayu bahawa UMNO sahajalah yang mampu menjadi teras perjuangan politik seluruh bangsa Melayu di negara ini, sebagaimana Islam adalah agama seluruh Muslimin dan Muslimat sementara Kaabah adalah kiblat umat Islam sejagat. Parti ini mengamalkan prinsip moral yang universal di samping berusaha menegakkan keadilan,

mempraktikkan semangat tolak ansur dan kesederhanaan. UMNO tidak mempunyai sebarang tukar gantinya. Tiada alternatif lain kepada wadah perjuangan Melayu di negara ini, melainkan UMNO.

Maka wajar lah bagi kita mengingatkan diri masing-masing supaya sewaktu kita diberi mandat membantu Presiden UMNO hari ini, kita harus kenal serta menghayati falsafah perjuangan parti kita di samping sentiasa, menjaga kepentingan ramai, sama ada kepentingan majoriti ahli-ahli UMNO, bangsa Melayu ataupun rakyat Malaysia seluruhnya. Perkara ini penting kerana UMNO yang pada mulanya dilahirkan khusus untuk orang Melayu, hari ini turut menjadi sandaran hidup kepada seluruh masyarakat Malaysia.

Dalam pada itu, seluruh ahli UMNO, bangsa Melayu dan rakyat jelata perlu sedar, bahawa perjuangan politik yang berteraskan UMNOlah yang menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat. Generasi muda Melayu dan generasi muda Malaysia harus menerima kenyataan ini serta bersyukur oleh kerana perjuangan UMNOlah maka hidup mereka hari ini menjadi lebih bahagia dan terjamin. UMNO berjuang untuk membela bangsa Melayu dan seluruh bangsa Malaysia. UMNO juga berterusan berjuang untuk meningkatkan syiar Islam. Tiada sesiapa yang bolih menafikan hakikat ini. Sejak merdeka hingga ke hari ini, UMNO menaja segala gagasan kemajuan dan dasar pembangunan untuk membebaskan rakyat jelata, khususnya orang-orang Melayu sendiri dari lengkaran kemiskinan. UMNO menjadi penggerak utama dalam usaha menyatupadukan segala rupa dan corak keturunan di negara ini.

Saya harap bangsa Melayu khususnya dan rakyat Malaysia keseluruhannya tidak melupakan hakikat dan kenyataan ini. Asas persetujuan yang menjadi gagasan bertapaknya negara ini perlu difahami kerana penggubalan gagasan itu adalah berasaskan matlamat persamaan martabat yang begitu ketara sekali perbezaannya ketika itu. Apa juga peruntukan yang diungkit-ungkit sebagai mengistimewakan orang Melayu ke paras yang sama keseluruhannya dengan masyarakat-masyarakat lainlah akan dapat menjamin kestabilan yang kukuh untuk kesejahteraan rakyat Malaysia secara menyeluruh. Saya bimbang jika ada orang-orang yang cuba menjadi "jaguh" mula mempersoalkan hakikat ini, maka perpaduan kaum yang telah pun mula berhasil akibat kesedaran, kesabaran dan toleransi semua pihak akan menjadi sia-

sia belaka; sementara keharmonian politik yang wujud dalam Barisan Nasional sendiri pula mungkin menghadapi satu masalah yang sukar untuk diatasi. Jelaslah bagaimana kita semua harus menentang anasir-anasir dengan sekeras-kerasnya!

Sebab itulah pucuk pimpinan UMNO sering menggesa dan mendorong setiap ahli UMNO generasi muda Malaysai dan seluruh rakyat jelata supaya sentiasa memperkukuhkan ketahanan nasional serta ketahanan politik masing-masing. Perkara ini penting sekiranya kita mahu terus mempertahankan cita-cita serta perjuangan politik bangsa Melayu dan bangsa Malaysia seluruhnya. Kepada orang Melayu, khususnya kepada seluruh ahli-ahli UMNO, kita harus rela dan mampu menghayati falsafah perjuangan UMNO sebagaimana kita menghayati falsafah perjuangan UMNO sebagaimana kita menghayati agama Islam yang suci. Memang kita sedia maklum bahawa UMNO tidak mempunyai syurga dan neraka bagi mereka yang menyokong atau mengkhianati perjuangannya. UMNO juga tidak mempunyai hukum-hukum tauhid dan ibadat untuk memastikan proses perjuangan yang bersih lagi berkesan. Namun demikian, UMNO mempunyai undang-undang tubuh, adat dan etika. UMNO bergerak berlandaskan nilai dan susila yang wujud dalam institusi masyarakat Melayu. Parti kita ini mempunyai satu tekad politik yang murni.

Memang bukan seluruh orang Melayu menganggotai UMNO. Tetapi, seluruh orang Melayu di negara ini adalah beragama Islam. Ahli UMNO dan orang Melayu di luar UMNO percayakan Allah Subhanahu Wataala yang satu. Kita sama-sama mengakui bahawa Muhammad itu Pesuruh Allah. Kita mempercayai Rukun Islam dan Rukun Imam yang sama. Kita mengenal serta mengamalkan hakikat hidup yang serupa. Kita menyedari pengaruh dosa dan kesalahan terhadap jiwa dan akal. Kita sama-sama sedar tentang pengaruh kejahatan dan kebajikan dalam menghadapi sakaratil-maut. Oleh itu, kalau 39 tahun yang lalu ahli UMNO dan seluruh bangsa Melayu dengan rela hati menyatupadukan tenaga dan pemikiran untuk mewujudkan satu kuasa politik Melayu yang hakiki sehingga terhalau penjajah dari bumi ini dan sehingga agama Islam serta syiar Islam dapat dipulihkan martabatnya, maka tidak haruslah kalau hari ini kita merelakan diri kita untuk dipecahbelahkan oleh perbezaan politik. Maka tidak haruslah juga kita merelakan percaturan kuasa memisahkan kita sehingga kita lupa bahawa bersatu itu teguh, dan bercerai itu roboh.

Dari itu eloklah kalau saudara-saudari sekalian berusaha mengukur prestasi pergerakan masing-masing dalam konteks perjuangan UMNO, di samping sama-sama mencari jalan mengelakkan jurang perpecahan yang lebih besar di kalangan bangsa Melayu seluruhnya. Harus saudara-saudari sukat kembali ketahanan politik masing-masing dan ketahanan bangsa Melayu dan bangsa Malaysia pada keseluruhannya. Tanyalah diri sendiri sama ada perjuangan yang saudara-saudari sertai hari ini adalah khusus untuk majoriti ahli UMNO, bangsa Melayu dan rakyat Malaysia ataupun khas untuk memanjangkan kepentingan peribadi sendiri. Saudara-saudari harus sentiasa menunaikan mandat yang saudara-saudari perolehi di peringkat kebangsaan, bahagian atau akar umbi dengan penuh tanggungjawab. Saudara-saudari harus berani mengkaji dan menganalisa kepimpinan saudara-saudari untuk memastikan mandat yang diamanahkan itu tidak akan disalahgunakan hingga timbul implikasi negatif terhadap perjuangan UMNO, di mana akibatnya bukan sahaja terdapat ahli-ahli UMNO yang merasa jauh hati terhadap UMNO sendiri, malahan lahir golongan bangsa Melayu dan rakyat jelata yang merasa jijik terhadap UMNO dan perjuangannya.

Saudara-saudari adalah pewaris kepada perjuangan UMNO dan perjuangan Melayu. Kita tahu bahawa pewaris sesuatu perjuangan tidak disekat oleh hukum-hukum faraid seperti pewaris sesuatu harta pusaka. Namun demikian, beberapa pedoman dan etika perjuangan memang sudah termaktub di dalam institusi budaya hidup dan budaya politik bangsa Melayu. Misalnya, janganlah kita berlagak sebagai juara, kalau kejuaraan itu kita perolehi dengan cara yang bertentangan dengan amalan dan falsafah perjuangan yang kita hayati di dalam UMNO. Jangan pula kita mendabik dada sebagai pemain pedang yang lincah kalau kita belum pintar menilai dan menghayati kebenaran dari semua sudut, baik dari sudut hati mahupun dari sudut mata.

Sebab itulah saudara-saudari, kalau hari ini ada di kalangan pucuk pimpinan politik Melayu yang tergolong sebagai orang yang dayus, kalau hari ini wujud pucuk pimpinan politik Melayu yang tergolong sebagai orang yang menyeleweng, dan kalau hari ini ada pucuk pimpinan politik Melayu yang ekstremis, saya seru mereka supaya balik ke pangkal jalan perjuangan mereka. Kalau hari ini ada pucuk pimpinan politik Melayu yang boleh disifatkan sebagai ahli politik yang sesat, renungilah bintang-bintang di langit sebagai

arah pedoman ke jalan kebenaran yang dituntut oleh Allah. Seluruh pimpinan Melayu dan bangsa Melayu harus tahu, tiada sesiapa yang boleh menyelamatkan bangsa Melayu dari segala bentuk perpecahan dan kemungkarannya melainkan bangsa Melayu itu sendiri.

Kalau kita memang bercita-cita untuk menyelamatkan bangsa Melayu dan perjuangan Melayu dari segala bentuk perpecahan dan kemungkarannya, kita haruslah bersihkan gelanggang politik kita dari orang-orang yang dayus, dari golongan yang sesat, dari kumpulan yang menyeleweng, dari gerombolan ekstremis dan dari kalangan yang oportunis. Kita tidak mahu ciri-ciri negatif seperti ini wujud di dalam perjuangan kita. Perjuangan bangsa Melayu dan UMNO harus kita bebaskan dari cengkaman orang yang tamak, rakus dan haloba kuasa. Kita tidak mahu golongan seperti ini wujud kerana kita tidak mahu parti kita jadi pincang. Kita harus tumpaskan golongan seperti ini demi kestabilan politik UMNO dan politik Malaysia pada keseluruhannya.

Hari ini UMNO merupakan satu parti yang teguh kerana kukuh akar tunjang dan akar umbinya. Parti kita mewakili segenap lapisan bangsa Melayu, baik eksekutif, usahawan, buruh, petani mahupun nelayan. Minat dan sokongan terhadap UMNO terdapat di mana-mana sahaja di Tanah Semenanjung ini - dari desa ke kota, dari gunung ke lembah, dari hulu hingga ke hilir. Oleh itu, hasil perjuangan kita bukan sahaja harus dinikmati, malahan perlu dihargai oleh seluruh orang UMNO dan orang Melayu, tanpa mengira status masyarakat mereka. Faedah perjuangan UMNO perlu diakui dan dihargai oleh rakyat jelata berbilang keturunan di seluruh negara. Perlu kita pertahankan matlamat ini kerana kalau kita lalai apatah lagi kalau kita gagal mempertahankan cita-cita ini, saya khuatir UMNO akan kehilangan corak kekampungannya, orang Melayu akan lebih jauh hati terhadap UMNO, dan sekaligus UMNO akan jadi pertubuhan bercorak elitis di mana survivalnya akan didorong oleh faktor kebendaan, bukan lagi atas kesedaran nasionalisme Melayu dan semangat kebangsaan Malaysia.

Tidak harus kita merasa malu atau segan apabila saya mengatakan UMNO itu bercorak kekampungan ataupun UMNO itu adalah parti kampung. Saya sifatkan UMNO sebagai satu parti kampung kerana sebilangan besar Cawangan UMNO adalah di kampung-kampung. Orang-orang kampung lah yang mempunyai minat yang besar terhadap UMNO serta memberi sokongan yang jitu kepada UMNO. Di kampung-kampung lah kita dapati ciri-ciri budaya

politik dan budaya Melayu yang masih subur. Walaupun hari ini UMNO mempunyai sebuah bangunan pencakar langit yang indah tersergam sebagai ibu pejabatnya saya harap konsep, falsafah serta corak perjuangan parti kita ini tidak berubah dari corak kekampungannya, tetapi kekal dengan ciri-ciri yang progresif, dinamis lagi pragmatis.

Inilah hakikat sebenar tentang corak perjuangan parti kita. Biar pun apa yang akan dikatakan terhadap perkara ini, corak kekampungan UMNO bukan bermakna kekolotan, bukan bermakna sesuatu yang kuno, bukan pula berkait dengan unsur-unsur kemunduran. UMNO adalah satu parti kampung kerana dari latar belakang kekampungan inilah maka lahir dalam perjuangan UMNO ciri-ciri perjuangan yang penuh semangat musyawarah, ciri-ciri tanggungjawab secara kolektif, ciri-ciri perjuangan dengan penuh muhibbah dan semangat kejiranan serta setiakawan. Lebih penting dari itu, oleh kerana corak kekampungannya ialah maka UMNO mewarisi semangat pengorbanan serta semangat bergotong-royong dalam ertikata yang seluas-luasnya.

Terserahlah kepada saudara-saudari untuk mencorakkan suasana dan menggerakkan zaman perjuangan UMNO di masa akan datang. Kalau hari ini sebilangan besar saudara-saudari berjuang dengan lagak mewah ala-elitis, maka akan terbentuklah satu parti UMNO yang berimej mewah dan terpisah dari rakyat jelata dan sebilangan besar penyokong-penyokong UMNO di luar bandar di masa akan datang. Kalau hari ini saudara-saudari mengambil satu tekad untuk berjuang secara korup, maka akan lahirlah pemimpin yang rasuah dan UMNO yang rasuah coraknya di masa akan datang. Kalau hari ini saudara-saudari memilih perjuangan askar ala-askar upahan atau mercenaries, maka akan lahirlah pemimpin ala-mercenaries di mana komitmen dan kesetiaan perjuangannya adalah kepada orang yang mampu menawarkan ganjaran, upahan yang paling mahal, bukan komitmen kepada UMNO, bangsa Melayu ataupun rakyat jelata seluruhnya.

Saya percaya saudara-saudari sekalian tidak rela sesiapa juga dalam UMNO hari ini untuk memilih options atau pilihan-pilihan yang saya sebutkan sebentar tadi. Oleh itu, saudara-saudari harus sentiasa berwaspada supaya perjuangan UMNO hari ini tidak akan disertai oleh mana-mana golongan yang boleh menjejaskan imej kekampungannya UMNO. Inilah sebahagian dari cabaran dalam perjuangan saudara-saudari hari ini supaya masa depan parti

UMNO dan seluruh bangsa Melayu akan sentiasa terjamin.

Dalam konteks ini, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada kepimpinan Pergerakan Pemuda UMNO dan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia kerana sentiasa memberi tumpuan khususnya terhadap kesejahteraan rakyat jelata. Masalah rasuah, kemiskinan, keadilan sosial dan kesejahteraan masyarakat kini menjadi sebahagian dari perjuangan kedua-dua sayap UMNO ini. Saya juga bangga kerana Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO hari ini terus memperjuangkan masalah kebajikan insaniah berlandaskan idealisme penyatuan ummah dan konsep integrasi nasional. Moga-moga corak perjuangan ini akan melahirkan kepimpinan UMNO yang lebih berkesan lagi bermakna di masa akan datang.

Dalam pada itu, saudara-saudari harus sentiasa berpegang teguh kepada prinsip moral dan budaya perjuangan bangsa Melayu. Dalam menegakkan keadilan sosial dan menumpaskan rasuah, jangan sekali-kali kita berusaha menudung bangkai gajah. Jangan kita berbuat sesuatu yang merugikan umpama dagang lalu ditanakkan, kera di hutan disusukan, sedangkan anak di rumah mati kelaparan. Jauhkan diri dari salah perhitungan, kalau tidak saudara-saudari akan jadi Lebai Malang, menang sabung, kampung tergadai. Janganlah hendaknya perjuangan itu sekadar untuk memenuhi kepuasan intelektual saudara-saudari walaupun kepuasan politik yang diharap-harapkan oleh seluruh masyarakat masih lagi jauh dari berjaya.

Saudara-saudari harus sentiasa mengingatkan diri masing-masing bahawa saudara-saudari adalah ahli UMNO, bangsa Melayu, beragama Islam dan merupakan sebahagian besar bangsa Malaysia yang hari ini berusaha keras mencari penyatuan identiti serta bekerja keras untuk mempertahankan dan mengisi kemerdekaan negara. Dengan kebijaksanaan yang ada pada diri saudara-saudari, carilah jalan untuk saudar-saudari tembusi tembok-tembok permusuhan yang hari ini menjadikan bangsa Melayu hidup berpuak-puak, berpetak-petak dan semakin berpecah-belah. Atas nama generasi muda Melayu, saudara-saudari harus menjadi penggerak utama dalam merintis jambatan muhibah yang boleh menggabungkan seluruh bangsa Melayu untuk bersatu-padu semula sehingga kita dapat benar-benar berganding bahu menuju satu matlamat perjuangan bangsa dan agama dan sehingga bangsa Melayu benar-benar muncul sebagai satu bangsa yang gagah, hidup dengan penuh toleransi terhadap keturunan lain di negara ini.

Serulah dan ingatkanlah seluruh bangsa Melayu bahawa mereka mempunyai warna kulit yang sama, mereka mengadap kiblat yang sama dan mereka sama-sama berhadapan dengan timbangan neraca syurga dan neraka bila kita berhimpun di Padang Mahsyar kelak. Setiap orang Melayu itu adalah saudara biar atas asas bangsa atau agama. Sebab itu, perlulah dicari jalan damai, mudah-mudahan kita beroleh rahmat dari Allah.

Saudara-saudari dan seluruh bangsa Melayu harus sama-sama menyedari bahawa kuasa yang ada di tangan UMNO hari ini bukannya satu kuasa yang akan dijadikan senjata untuk menindas mana-mana pihak di negara ini. Kuasa itu digunakan sebagai sumber utama untuk membela bangsa Melayu dan bangsa Malaysia. Oleh itu, kuasa politik janganlah dijadikan bahan pertaruhan politik, baik politik antara UMNO sesama UMNO, baik pertarungan politik antara UMNO dengan lain-lain komponen Barisan Nasional mahupun pertarungan politik antara UMNO dengan lain-lain parti Melayu di negara ini.

Kuasa politik negara ini yang berteraskan kuasa politik UMNO adalah umpama nur atau sinar, seperti matahari atau bulan, seperti lampu elektrik ataupun lilin yang wujud untuk memberi cahaya kesejahteraan perpaduan serta kemakmuran. Memang kuasa dunia adalah sesuatu yang sementara dan tidak sempurna. Namun demikian, seluruh ahli UMNO, bangsa Melayu dan rakyat jelata harus tahu bahawa kuasa ini penting dalam menentukan baik buruknya dan hidup matinya bangsa Melayu, agama Islam dan seluruh rakyat. Moga-moga berbahagialah ahli-ahli UMNO, bangsa Melayu dan rakyat jelata Malaysia yang mahu mengerti dan menyedari hakikat ini.

Saya menegaskan perkara ini kerana sekarang wujud satu trend atau aliran dalam UMNO di mana perjuangan politik itu dijadikan alat untuk mendapatkan kuasa demi kepentingan kuasa itu sendiri, bukannya perjuangan mendapatkan kuasa demi kepentingan ramai. Walaupun aliran mendapatkan kuasa demi kepentingan kuasa itu sendiri, ataupun "power per se" ini belum lagi berleluasa, saudara-saudari harus sentiasa berwaspada. Saudara-saudari perlu menyedari perkara ini. Saudara-saudari harus memainkan peranan untuk menentang aliran sedemikian. Jangan sekali-kali saudara-saudari membiarkan, apatah lagi menghalalkan trend perjuangan seperti ini.

Oleh itu, ahli-ahli UMNO khususnya Pemuda dan Wanita perlu sentiasa sedar bahawa kuasa politik Melayu yang lahir dari kekukuhan UMNO pada hari ini adalah untuk menggerakkan seluruh nadi hidup masyarakat negara. Kuasa yang ada di tangan UMNO di semua

peringkat di negara ini adalah sentiasa digerakkan untuk merancang dan melaksanakan program pembangunan masyarakat umum. Kuasa politik ini digunakan demi ketinggian syiar Islam dan perpaduan ummah. Saudara-saudari juga harus maklum bahawa kekukuhan kuasa Melayu di negara ini akan hanya wujud kalau seluruh bangsa Melayu sentiasa bersatu-padu, bulat bagai air dalam pembetung dan kukuh umpama aur dengan tebing.

Dalam mencapai tekad politik ini, seluruh ahli UMNO dan sesiapa sahaja yang tergolong sebagai bangsa Melayu, harus mempunyai arah pedoman (sense of direction) dan arah matlamat (sense of purpose) yang tepat. Perkara ini penting kerana keadaan kucar-kacir dalam perjuangan politik bangsa Melayu hari ini adalah akibat hilangnya arah pedoman dan arah matlamat di kalangan orang-orang Melayu itu sendiri. Hilangnya arah pedoman dan arah matlamat ini adalah akibat orang-orang Melayu bercakaran sesama sendiri kerana mabuk kuasa, dan kesempatan ini sengaja digunakan oleh anasir-anasir oportunis politik melalui berbagai-bagai helah bagi mengelirukan orang-orang Melayu. Memang pahit bagi kita mengakui hakikat ini. Tetapi kegetiran rasa ini boleh jadi lebih merbahaya kalau generasi muda Melayu enggan menerimanya dan enggan pula mencari ubat penawarnya. Akhirnya orang-orang Melayu sendiri juga yang binasa!

Jangan saudara-saudari lupa, UMNO adalah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang cogan kata perjuangannya adalah Bersatu, Bersetia, Berkhidmat. Renunglah satu-persatu perkataan daripada cogan kata ini, Bersatu, Bersetia, Berkhidmat. Renungkanlah apa sikap, apa tindakan dan apa tanggungjawab yang harus diambil berasas fahaman kata-kata itu, Bersatu, Bersetia, Berkhidmat. Gunakanlah kata-kata ini semua sebagai asas dorongan kita memelopori perjuangan kita yang suci murni ini.

Inilah tugas abadi saudara-saudari. Begitulah tuntutan perjuangan parti kita. Saya berdoa moga-moga terhindarlah segala rintangan dalam perjuangan mencapai cita-cita ini. Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang, saya dengan bangganya merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia tahun 1985 ini.

*Ucapan Datuk Musa Hitam merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 26hb September 1985.*

## DEMOKRASI DALAM UMNO

SAYA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan izinnya dapat kita bertemu kembali di suatu perhimpunan politik yang besar ertinya kepada perjuangan bangsa Melayu dan rakyat Malaysia pada keseluruhannya.

Di kalangan perwakilan hari ini, terdapat ramai pemimpin Pemuda dan Wanita UMNO yang baru sahaja dan buat pertama kalinya bergelar Yang Berhormat kerana menang dalam pilihanraya umum awal Ogos lalu. Ada pula yang sudah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri, Menteri, Menteri Besar dan juga ahli Exco. Saudara-saudari yang berjaya mempertahankan kerusi masing-masing dalam pilihanraya tersebut, sudah pun dinaikkan pangkat di peringkat pusat dan di peringkat negeri. Saudara Ketua Pemuda kita juga telah menang dengan begitu senang sekali dan yang lebih signifikan, dikekalkan di kementerian yang sama. Ketua Wanita tidak kurang hebatnya. Beliau bukan sahaja berjaya mengekalkan kerusinya, malahan mempertahankan jawatan kabinetnya. Dalam pemilihan Pergerakan Wanita kali ini pun beliau menang tanpa bertanding. Kepada saudara-saudari yang berkenaan, saya ucapkan syabas dan tahniah. Saya percaya dan berharap mereka akan benar-benar berkhidmat kepada masyarakat dengan jujur dan amanah. Kepada para perwakilan yang tidak berpeluang mendapat apa-apa jawatan selepas pilihanraya, saya harap mereka akan meneruskan khidmat dan bakti mereka kepada parti seperti sediakala, iaitu berkhidmat dengan dedikasi, amanah, jujur dan ikhlas. Berkhidmat dengan

rela hati dan sentiasa patuh kepada segala peraturan serta perlembagaan parti.

Tahun ini adalah tahun bagi saudara-saudari sekalian memilih barisan pemimpin baru pergerakan masing-masing. Saya harap pemilihan ini akan berjalan dengan penuh semangat setiakawan, selaras dengan adat dan susila politik UMNO, dan adat serta susila kita sebagai Melayu. Janganlah hendaknya di dalam proses saudara-saudari menawarkan diri untuk berkhidmat kepada parti, bangsa, agama dan tanahair ini, ada pula di kalangan saudara-saudari yang mencurahkan pasir ke periuk nasi sahabat-sahabat seperjuangan yang sama-sama bertanding.

Dalam pada itu, perhimpunan ini juga berlatarbelakangkan beberapa isu semasa, baik isu politik, mahupun isu ekonomi yang tidak harus kita lupakan. Perhimpunan hari ini berlatarbelakangkan iklim ekonomi yang muram. Perhimpunan hari ini juga berlatarbelakangkan beberapa persoalan politik dan isu dasar yang sedang dijeritlaungkan dan sedang dijuarai oleh beberapa golongan politik di luar UMNO. Seluruh latar belakang ini memerlukan saudara-saudari bertindak dengan matang, tenang dan tanpa prejudis. Saudara-saudari juga dituntut untuk bertindak dengan tegas dan berani.

Bagaimanapun, ini tidak bermakna saudara-saudari boleh bertindak dengan sesuka hati ataupun dengan sama sekali mengenyepikan segala sensitiviti yang wujud di negara ini. Saudara-saudari akan menjadi tegas dan berani dalam tindakan dan keputusan saudara-saudari, sekiranya saudara-saudari sentiasa berpegang teguh kepada prinsip dan perjuangan parti. Saudara-saudari akan bertindak tegas dan berani jika tindakan itu benar-benar mencerminkan kepentingan masyarakat umum, bukannya kepentingan peribadi ataupun kepentingan khusus sesuatu golongan. Ketegasan dan keberanian akan lahir dengan sendirinya jika saudara-saudari benar-benar memahami prinsip serta falsafah perjuangan bangsa Melayu dan pejuang-pejuang Melayu pada keseluruhannya.

Saudara-saudari harus sentiasa ingat bahawa Parti UMNO dilahirkan atas himpunan semangat kebangsaan Melayu yang tulin untuk memperjuangkan kebebasan, keadilan serta kesejahteraan masyarakat. UMNO mengamalkan prinsip demokrasi, bukannya sistem diktator ataupun kuku besi. UMNO sentiasa mengutuk penindasan dan penyelewengan kuasa. UMNO mendapat kuasa

pemerintahan negara menerusi undi yang rahsia, bukannya menerusi ugutan ataupun rasuah. Pendekata, UMNO adalah parti yang ditaja oleh rakyat, di mana segala tindakannya adalah mencerminkan aspirasi rakyat, demi kepentingan rakyat itu sendiri. Jadi, perkotakanlah kata-kata ini. Janganlah lain yang dikata, lain pula yang dibuat.

Saya pernah huraikan di perhimpunan agung saudara-saudari tahun lalu, UMNO adalah parti berlatarkan kampung, bukannya pertubuhan elitis. UMNO bercorak kekampungan kerana sebilangan besar penyokong UMNO adalah orang kampung. Baik mereka yang tinggal di kampung-kampung tradisional, mahupun mereka yang bemasib baik terpilih menjadi peneroka di skim pembangunan tanah kerajaan. Orang Melayu yang sekarang di bandar pun semuanya berasal dari kampung. Namun demikian, UMNO adalah pertubuhan yang demokratik dan progresif, dan pertubuhan yang dinamis lagi pragmatis. Corak kekampungan UMNO bukan bermakna UMNO itu kolot ataupun UMNO itu mundur. Setiap anggota UMNO perlu mempertahankan corak kekampungan ini, kerana corak ini sahajalah yang dapat menjamin konsep musyawarah, konsep kepimpinan dan tanggungjawab secara kolektif, semangat setiakawan dan muhibah serta semangat pengorbanan dalamerti kata yang seluas-luasnya, semua ini menjadi warisan kepada setiap anggota dan pemimpin UMNO selama ini.

Saudara-saudari perlu sentiasa ingat bahawa perjuangan saudara-saudari hari ini bukan sekadar untuk memenuhi kepuasan nafsu kuasa saudara-saudari sendiri. Berjuanglah dengan sepenuh daya usaha untuk mencapai kepuasan politik seluruh anggota masyarakat yang saudara-saudari wakili sekarang. Kuasa politik yang saudara-saudari perolehi janganlah pula dijadikan modal pertaruhan untuk memperkukuhkan kedudukan politik diri sendiri. Janganlah saudara-saudari kehilangan ideal perjuangan yang suci dan murni apabila saudara-saudari sudah berkuasa. Apabila saudara-saudari sudah berkuasa, janganlah pula mempunyai terlalu banyak kepentingan sehingga kepentingan tersebut mengatasi segala ideal perjuangan. Janganlah saudara-saudari jadi golongan kacang lupukan kulit. Apabila saudara-saudari cuba-cuba menggunakan kuasa untuk kepentingan diri, janganlah saudara-saudari terlupa akan pepatah Melayu: Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga.

Di bahu saudara-saudari sekalian tersangkut mandat,

kepercayaan dan harapan masyarakat "grassroot" ataupun masyarakat bawahan yang saudara-saudari wakili. Jadi, apabila saudara-saudari berada di takhta kuasa, janganlah sekali-kali saudara-saudari lupa kepada sumber kekuasaan itu. Jadi, setelah saudara-saudari menjamah juadah yang bernama kuasa, kuasa itu perlu digunakan untuk manfaat mereka yang memberi kuasa. Kalau tidak, saya khuatir saudara-saudari akan kecundang.

Janganlah hendaknya kepimpinan saudara-saudari sekalian mengulangi kesilapan kaum Bani Israel. Kaum tersebut telah pun hancur dan gagal dalam mempertahankan keagungan bangsanya, walaupun sebelum itu, kaum berkenaan telah berjaya mewujudkan suatu tamadun yang besar dan kukuh. Kehancuran kaum itu adalah kerana pemimpin-pemimpinnya menyeleweng dari prinsip asal perjuangan. Pemimpin-pemimpin Bani Israel telah menyimpang dari jalan yang diredhai Allah, ingat sebarang tindakan yang menyeleweng akan menimbulkan konflik, di mana konflik itu sendiri akan menyebabkan keadaan yang tidak stabil.

Saudara-saudari harus sentiasa mengingatkan diri sendiri bahawa UMNO adalah parti yang mengamalkan prinsip demokrasi, di mana demokrasi itu adalah dari rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat. Dalam suatu pertubuhan yang demokratik, segala keputusan yang diambil dan segala tindakan yang dijalankan adalah keputusan serta tindakan yang mewakili aspirasi dan kepentingan rakyat. Kepentingan individu atau golongan tertentu tidak harus ditonjol tonjolan sepanjang masa. Kepentingan rakyat jelatalah yang seharusnya mendorong saudara-saudari untuk bekerja keras pada setiap masa. Dalam suatu sistem yang demokratik, saudara-saudari sebagai seorang individu mungkin terlupa akan asas dan falsafah perjuangan parti. Tetapi, sebagai pemimpin, saudara-saudari tidak harus langsung menyimpang dari objektif dan falsafah asal perjuangan parti yang saudara-saudari wakili. Sebagai seorang individu, saudara-saudari mungkin bertindak secara rasuah. Tetapi, sebagai seorang pemimpin, saudara-saudari adalah diharamkan dari melibatkan diri dengan rasuah. Sebagai seorang individu, saudara-saudari boleh berkhidmat secara berpura-pura. Tetapi sebagai seorang pemimpin, saudara-saudari adalah dituntut melaksanakan tanggungjawab dan tugas saudara-saudari tanpa bertopengkan kepura-puraan. Sebagai seorang individu, saudara-saudari memang bebas untuk melakukan sesuatu, walaupun perbuatan itu boleh menjejaskan kredibiliti saudara-saudari. Tetapi,

sebagai seorang pemimpin, perbuatan yang boleh menjejaskan kredibiliti kepimpinan itu haruslah dielakkan sama sekali. Sebagai seorang individu, saudara-saudari memang boleh bersikap bongkak dan angkuh. Tetapi, tiada pertubuhan yang benar-benar demokratik akan membela pemimpinnya yang bongkak, angkuh, apatah lagi seorang pendusta.

Prinsip, amalan budaya demokrasi memang menuntut seseorang pemimpin itu menghargai dan mementingkan suara ramai. Dalam suatu sistem yang demokratik, seseorang pemimpin itu harus sanggup dan sedia menerima teguran, di mana teguran itu hendaklah digunakan sebagai maklum balas untuk memperbaiki diri sendiri sebagai pemimpin, dan seterusnya untuk memperbaiki organisasi yang dipimpinya. Mereka yang membuat teguran pula janganlah dijadikan mangsa dan dilayan dengan penuh prasangka. Janganlah wujud di kalangan jiwa pemimpinnya, bahawa seseorang itu boleh disifatkan sebagai penderhaka sekiranya ia mengambil keputusan untuk menawarkan diri bagi meningkatkan kedudukannya dalam pertubuhan itu sendiri. Citarasa orang lain janganlah diperkecil atau dipandang ringan, kerana citarasa orang lain ini adalah elemen yang sejagat dan juga elemen yang menjadi teras dan sumber kepada konsep demokrasi itu sendiri. Dalam suatu budaya demokrasi, "The prejudice of ignorance are more easily removed than the prejudices of interests", yang bermakna prasangka orang yang tidak mengetahui adalah lebih senang untuk dihapuskan daripada prejudis orang yang berkepentingan.

Saya harap saudara-saudari sekalian akan menggunakan konsep demokrasi ini dengan cara yang benar-benar positif. Saya yakin kepimpinan Pemuda dan Wanita UMNO akan bertindak tegas sekiranya seseorang pemimpin itu menjadi kurang demokratik apabila sudah berkuasa. Saya harap Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO bukan sahaja menjadi benteng utama untuk memelihara semangat nasionalisme Melayu, bukan sahaja menjadi benteng utama memelihara sifat kesederhanaan perjuangan UMNO, malahan juga menjadi benteng utama dalam memelihara sistem demokrasi dalam UMNO. Konsep yang bersendikan semangat nasionalisme ini harus sentiasa dipelihara dan dipertahankan oleh semua pihak. Ini penting kalau UMNO masih mahu memelihara kekukuhan dan kredibilitinya. Selama ini, tradisi menegakkan demokrasi inilah yang menjadi tarikan kuat kepada orang Melayu untuk menganggotai UMNO.

Generasi dalam UMNO hari ini perlu bersikap lebih tegas dan lebih berani dalam memperjuangkan nasib bangsa Melayu dan politik Melayu. Saudara-saudari sekalian tidak mempunyai pilihan lain dari bertindak tegas dan bersikap berani. Ini penting, kerana kini terdapat satu generasi kepimpinan politik bukan Melayu yang sudah lupa atau sengaja lupa tentang sejarah semangat muafakat antara kaum di negara kita. Mereka bersuara lantang dan garang. Sebarang tindakan ataupun kenyataan pemimpin UMNO yang dirasakan kurang secocok dengan selera politik mereka, akan dijadikan bahan polemik politik. Beberapa perkara dasar dan pokok yang telah diperjuangkan oleh UMNO dan sudah pun dipersetujui oleh majoriti rakyat jelata Malaysia, mula diungkit-ungkit kembali. Perkara-perkara ini dijadikan isu kontroversi, dijadikan umpan mendapat kuasa dan populariti, dijadikan bahan menjejaskan kredibiliti pihak pemerintah dan dijadikan bahan mengalihkan pandangan ramai terhadap kelemahan diri sendiri. Saya tidak mahu saudara-saudari sekalian menjadi seperti mereka. Apa yang perlu saudara-saudari buat ialah berikhtiar supaya golongan tersebut dapat meneliti dan menghayati perkara yang dijadikan kontroversi itu, dari suatu sudut yang positif dan dari satu perspektif yang membawa manfaat terhadap keharmonian kaum serta perpaduan negara.

Dalam pada itu, saya sentiasa berdoa kepada Allah moga-moga tidak akan wujud "sindrom bisu" dalam Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia hari ini. Saudara-saudari akan mengalami sindrom tersebut jika saudara-saudari hanya membisu seribu kata, ataupun sengaja diminta supaya membisu, sebaik sahaja timbul sesuatu isu yang memerlukan suara dan tindakan wajar dari saudara-saudari sekalian. Sindrom bisu ini akan wujud bila saudara-saudari menjadi "insentive" ataupun bersikap dingin terhadap perkembangan politik semasa, ataupun apabila saudara-saudari hanya menjadi tukang komen kepada kenyataan pemimpin-pemimpin tertentu sahaja, dengan harapan saudara-saudari akan mendapat perhatian pemimpin berkenaan, dan seterusnya saudara-saudari akan menjadi lebih dikenali oleh pemimpin yang tersebut.

Sindrom seperti ini tidak harus wujud dan tidak harus diizinkan bertapak di mana-mana peringkat UMNO sekalipun. Sikap sedemikian adalah sikap yang "defeatist" ataupun sikap mengaku kalah tidak kena pada tempatnya. Kalaulah sindrom itu wujud di

Malaysia

kalangan generasi muda UMNO sekarang, ini bermakna Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia hari ini sudah tidak lagi menjadi pengibar bendera perjuangan parti. Kalau sindrom ini tidak langsung wujud hari ini, alhamdulillah, saya percaya generasi muda UMNO sekarang akan terus mewarisi semangat serta amalan perjuangan yang sentiasa disegani.

Sebagaimana kita sedia maklum, parti UMNO sudah berusia 40 tahun. Umur ini seharusnya mencerminkan ciri-ciri kematangan dalam perjuangan. Sejak 40 tahun yang lalu hingga ke hari ini, ahli dan pemimpin UMNO sudah melihat sendiri serta mengalami perkembangan politik UMNO. Saudara-saudari pasti sudah dapat menghayati zaman permulaan UMNO, dari satu pertubuhan yang tidak langsung mempunyai kuasa dan pengaruhnya agak kecil, menjelma kepada satu pertubuhan yang sangat-sangat berkuasa dan mempunyai pengaruh yang kuat lagi luas. Oleh itu, saudara-saudari yang sebilangan besar adalah generasi yang lahir sesudah kewujudan UMNO, harus menentukan sikap perjuangan saudara-saudari sekalian. Saudara-saudari harus menjamin kesinambungan kepimpinan dalam UMNO. Saudara-saudari harus menjamin kesinambungan falsafah serta corak perjuangan UMNO.

Oleh itu tidaklah terlambat kalau saudara-saudari sekalian membaharui tekad, azam serta ideal perjuangan masing-masing mulai hari ini. Kajilah mulai sekarang, apakah cabaran-cabaran yang saudara-saudari hadapi hari ini, dan apa pula yang akan muncul di masa akan datang. Kajilah mulai sekarang sama ada pergerakan saudara-saudari dan UMNO sendiri mempunyai kesinambungan falsafah perjuangan, satu ciri penting dalam menentukan supaya parti kita tidak akan kehilangan arah pedoman dalam perjuangannya. Kalau hari ini saudara-saudari dan UMNO mempunyai kesinambungan dalam corak kepimpinan, adakah saudara-saudari mempunyai kesinambungan corak dan falsafah perjuangannya. Ini perlu dikenalpasti mulai hari ini kerana kesinambungan dalam kepimpinan yang tidak disaingi oleh kesinambungan dalam falsafah perjuangan sudah tentu akan menimbulkan kepincangan dalam perjuangan itu sendiri.

Dalam konteks ini, perlu bagi saudara-saudari sekalian sama ada saudara-saudari baru sahaja menganggotai UMNO, sama ada saudara-saudari baru beberapa tahun sahaja menjadi ahli UMNO tetapi sudah diiktiraf sebagai seorang tokoh dalam UMNO, ataupun sama ada saudara-saudari dulunya berada di luar UMNO dan

menentang UMNO - untuk memikirkan perkara ini dengan serius. Elakkanlah diri saudara-saudari dari terperangkap dengan hal-hal semasa sahaja dan terperangkap dengan "Obsession" ataupun kehairahan hendak mengekalkan kuasa dengan apa cara sekalipun. Kaji balik sejarah perjuangan UMNO. Dari zaman Allahyarham Dato' Onn Jaafar bawa kepada era Tunku Abdul Rahman Putra. Dari zaman Tunku hingga ke zaman Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein. Kemudian bawalah ke zaman Tun Hussein Onn. Dan, seterusnya kajilah UMNO di zaman Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Kajilah segala perbezaan dan persamaan ideal perjuangan mereka. Kajilah segala kejayaan dan kelemahan perjuangan di zaman-zaman kepimpinan ini. Kalau terdapat kekurangan, adalah menjadi tugas serta tanggungjawab saudara-saudari sekalian untuk memperbaikinya.

Kajilah semula segala ideal politik penganjur-penganjur Pemuda UMNO yang lalu seperti Kapten Hussein Onn, Allahyarham Tun Razak, Allahyarham Tun Sardon Jubir, Tan Sri Syed Jaafar Albar serta Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Kamaruddin. Himpunkanlah semula segala suara-suara tokoh lama seperti suara Allahyarham Tun Dr. Ismail, Tan Sri Syed Nasir, Allahyarham Dato' Haji Ahmad Bahawi, Allahyarham Dato' Haji Ali Haji Ahmad dan suara Allahyarham Dr. Burhanuddin Helmi. Dan di kalangan wanita, kajilah semula suara-suara perjuangan Allahyarham Khadijah Sidek, Tan Sri Fatimah Hashim, Tan Sri Aishah Ghani dan juga suara-suara perjuangan Yang Berbahagia Ibu Zain.

Saudara-saudari harus gabungkan seluruh suara Pemuda dan Wanita UMNO di tanah hari ini dengan suara-suara cerdas pandai, dengan suara-suara golongan profesional, dengan suara golongan birokrat, dengan suara seluruh rakyat jelata, nelayan dan petani, Anggota Persatuan Belia dan Ahli Kesatuan Sekerja. Kajilah peranan generasi muda sejak 40 tahun yang lalu dan peranan generasi muda sekarang. Dari hasil kajian ini dan dari hasil penggabungan suara-suara yang mewakili setiap lapisan masyarakat Melayu ini, saya percaya saudara-saudari sekalian akan berjaya mengukur sejauh manakah kejayaan UMNO dalam tempoh 40 tahun yang lalu, apakah kelemahan UMNO dahulu dan sekarang, apakah program tindakan yang harus diutamakan oleh UMNO hari ini serta apakah pula program tindakan yang sesuai untuk UMNO di masa akan datang.

Saudara-saudari sekalian harus mencari jalan bagaimanakah

UMNO yang mempunyai ciri-ciri kekampungan ini akan terus menjadi sebuah parti yang pragmatis lagi dinamis. Satu perkara yang harus kita bincangkan dari sekarang ialah soal memisahkan struktur pengurusan politik dari pengurusan perniagaan dalam UMNO. Perkara ini penting memandangkan wujudnya suatu trend sejak beberapa tahun kebelakangan ini di segenap lapisan UMNO, bahawa kononnya "Jika hendak berjuang dan berjaya dalam politik, perlulah dengan terlebih dahulu, seseorang itu memperkukuhkan kedudukan kewangannya." Trend atau kecenderungan inilah yang mewujudkan trend "Politik Wang" dan "Politik Komersial" dalam UMNO hari ini.

Oleh itu, sudah sampai masanya untuk UMNO memisahkan minat politik dan minat perniagaannya. Segala pelaburan UMNO hendaklah diurus oleh para profesional yang langsung tidak berminat untuk aktif berpolitik. Sekiranya tenaga profesional itu menyeleweng atau gagal membawa keuntungan kepada syarikat, maka UMNO harus bertegas untuk menyingkirkan mereka, tanpa mengira kesetiaan politik mereka, dan tanpa mengira sama ada mereka mempunyai kaitan rapat dengan mana-mana golongan atau individu tertentu dalam parti. Segala keuntungan yang diperolehi pula harus digunakan untuk kepentingan seseorang individu atau golongan tertentu sahaja. Jika saudara-saudari dapat menghayati masalah-masalah ini, carilah jalan supaya perkara ini diatasi dengan seberapa segera.

Apabila saya menghuraikan masalah pelaburan dan perniagaan, saya sedar bahawa Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia, memang sudah mengambil beberapa ketetapan tentang kedudukan ekonomi negara. Dulu hangat saudara-saudari memperkatakan tentang projek mewah dan kaitannya dengan kedudukan kewangan negara. Hari ini pula terdapat suara-suara membidas beberapa pihak yang mengungkit-ungkit masalah Dasar Ekonomi Baru. Suara-suara seperti ini memang harus dipuji dan dihargai. Dalam pada itu, barangkali berguna juga kalau perhatian dan penelitian diberikan kepada apa yang saya namakan sebagai "Projek Megah" atau "Prestigious Projects" yang mempunyai kaitan lebih rapat dan lebih serius dengan kedudukan ekonomi negara sekarang. Sebarang perbincangan mengenainya mungkin boleh disifatkan sebagai perbincangan bercorak akademik. Tetapi, sebarang perbincangan mengenainya hari ini saya pasti boleh membantu kerajaan dalam mengubahsuaikan beberapa dasar tertentu yang berkaitan rapat

dengan projek megah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa beberapa projek yang telah dilaksanakan sudah dan akan menjadi kemegahan negara. Tetapi, sejauh manakah projek-projek seperti ini membawa kesan kepada kedudukan kewangan negara, terutama sekali apabila kita sedang berhadapan dengan keadaan ekonomi negara yang lembap lagi meleset. Projek-projek megah ini kalau dilihat seimbias lalu boleh dikatakan tidak mempunyai hubung-kait dengan kehidupan masyarakat kampung. Tetapi, kalau diteliti dan dianalisa dengan lebih mendalam, kenyataannya adalah sebaliknya.

Saya percaya perkara-perkara yang saya sebutkan sebentar tadi baik dari segi demokrasi dan tradisinya, dari segi UMNO dan corak kekampungannya, dari segi kedudukan ekonomi negara, mahupun dari segi generasi muda UMNO dan ideal perjuangannya, akan dapat saudara-saudari sekalian fahami sedalam-dalamnya. Saya tidak jemu-jemu menghuraikan masalah generasi muda UMNO dan perjuangan UMNO pada setiap kali Perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO, kerana UMNO sahajalah dahan untuk bangsa Melayu menaungkan untung nasib dan hidup mati mereka. UMNO dan Melayu tiada tukar gantinya. UMNO dan Melayu tidak boleh dijual-beli, apatah lagi digolok-gadaikan maruahnyanya. Tidak keterlaluan kalau saya katakan juga bahawa UMNO sebenarnya milik rakyat jelata Malaysia keseluruhannya. Insafilah, UMNO adalah milik bangsa Melayu. UMNO milik saudara-saudari dan, UMNO milik saya sendiri.

Kepada diri saya UMNO terlalu murni budinya untuk saya hancurkan. UMNO terlalu tinggi harga dirinya untuk saya musnahkan. UMNO terlalu suci perjuangannya untuk saya khianati. UMNO tiada tukar gantinya untuk saya tinggalkan. Oleh kerana UMNO terlalu murni budinya, oleh kerana UMNO terlalu tinggi harga dirinya, oleh kerana UMNO terlalu suci perjuangannya dan oleh kerana UMNO tiada tukar gantinya, maka saya akan tetap berjuang dalam UMNO dengan penuh keinsafan, dengan penuh iman dan dengan penuh keyakinan, biarpun saya tidak memegang apa-apa jawatan tinggi atau tidak mendapat apa-apa habuan hidup atau ganjaran dari perjuangan tersebut.

Kita sebagai bangsa Melayu adalah juga umat Allah yang beragama Islam. Oleh itu, dalam kita menunaikan tugas dan tanggungjawab kita terhadap bangsa Melayu menerusi perjuangan dalam UMNO, kita harus juga sentiasa mengabdikan diri kita kepada Allah Subhanahu Wataala. Harus kita abadikan diri kita

kepada Allah dengan penuh keimanan dan perasaan taqwa. Kalau prinsip Islam menuntut umatnya untuk sentiasa berbaik-baik dengan sesiapa sahaja dan pada memilih jalan yang diredhai Allah, dan kalau Islam adalah satu agama kedamaian, maka marilah kita sebagai orang Islam dan anggota UMNO, menunaikan segala tuntutan Allah itu. Marilah kita bersatu-padu dan tidak memecah-belah. Marilah kita bermuafakat dan tidak menyekat. Marilah kita bermuafakat dan tidak memaksa. Marilah kita bermaaf-maafan dan tidak berdendam dan menindas. Moga-moga perjuangan kita akan sentiasa mendapat restu dan hidayatNya. Mudah-mudahan perjuangan kita ini, bukan sahaja membawa muafakat kepada umat Allah di dunia ini, malahan juga akan menerima ganjaranNya di akhirat kelak. Insyallah.

Dengan kata-kata yang demikian, dengan harapan semoga kita akan terus melaksanakan tugas serta tanggungjawab kita sebagai pejuang bangsa Melayu, dengan harapan semoga saudara-saudari yang bertanding dalam pemilihan kali ini akan memperolehi kejayaan menerusi jalan yang benar, dengan harapan semoga mereka yang gagal tidak akan berputus asa, dan dengan seruan semoga saudara-saudari akan terus berganding bahu dengan kepimpinan UMNO dan kepimpinan kerajaan pada hari ini, saya sudahi ucapan saya ini, dan, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini dengan bangga dan sukacitanya, saya merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO dan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia Kali Yang Ke 36 ini.

*Ucapan Datuk Musa Hitam merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 17hb. September 1986*

## PENJUNJUNG OBOR PERJUANGAN

DENGAN sepenuh pujian ke hadrat Allah s.w.t. marilah sama-sama kita menyatakan rasa syukur atas segala rahmat dan rahim yang telah dilimpahkanNya kepada kita. Kita bersyukur kerana dengan taufik dan hidayahNya, sekali lagi kita dapat berhimpun dalam satu majlis yang khusyuk dan gemilang yang sudah menjadi satu tradisi tahunan parti kita, iaitu Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Perhimpunan Agung Pergerakan Wanita UMNO Malaysia.

Sebagai satu upacara tahunan parti yang sudah menjadi tradisi, majlis kita ini mempunyai nilai-nilai dan unsur-unsur simbolik yang tersendiri. Majlis ini memberi kesempatan kepada kita untuk mempererat rasa persaudaraan dan merapatkan silaturrahim. Majlis ini memberi peluang kepada kita untuk memupuk dan menyuburkan rasa cinta dan kasih kepada parti. Dan majlis ini juga, serta peristiwa-peristiwa berkaitan, turut menggelorakan perasaan kita, mengipas bara semangat hingga api patriotisme tetap menyala dan kasih sayang kita kepada agama, bangsa dan tanahair tetap segar dan subur.

Oleh itu, di samping bersyukur kepada Allah s.w.t., marilah kita berdoa semoga kita terus menerima berkat dari nilai-nilai kekeluargaan dan persahabatan, serta nilai-nilai perjuangan dan patriotisme yang terdapat dalam perhimpunan yang penuh simbolik ini. Selanjutnya, marilah kita berdoa semoga dalam kegembiraan kita bertemu dan bermesra dengan sahabat handai, dan dalam keghairahan kita menggelorakan semangat perjuangan, kita akan

tetap dilindungi dan dipelihara Allah dari sikap riak dan takbur.

Saya mengucapkan tahniah kepada saudara-saudari seperjuangan yang terus diberi kepercayaan dan amanah untuk memimpin Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita UMNO di peringkat bahagian masing-masing. Kepada saudara-saudari yang baru pertama kalinya diberi amanah dan tanggungjawab untuk memimpin Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita UMNO di bahagian-bahagian, saya huluskan salam perjuangan, moga-moga saudara-saudari sekalian akan mengorak langkah perjuangan dengan ikhlas, jujur dan penuh rasa tanggungjawab. Jadikanlah rasa kasih dan cinta kepada Parti sebagai penggerak untuk saudara-saudari berjuang dengan iman yang kukuh, jiwa yang jernih dan tekad yang bulat.

Khusus kepada YB Datuk Najib bin Tun Abdul Razak yang akan diamanahkan memimpin Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, saya mengucapkan selamat bertugas. Kepada YB Saudara Anwar, saya ucapkan selamat bertanding. Begitu juga saya ucapkan selamat bertanding kepada saudara-saudari dari Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia yang menawarkan diri masing-masing untuk berkhidmat sebagai anggota majlis tertinggi, dalam pemilihan esok.

Bangsa Melayu telah melalui beberapa tahap perkembangan atau pertumbuhan sosio-politik dan ekonomi semenjak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946. Dalam setiap tahap itu, UMNO senantiasa berada di barisan hadapan sebagai perintis, pendukung dan penggerak pertumbuhan dan perkembangan itu. Oleh itu, dapat dikatakan degup jantung bangsa Melayu sentiasa sederap dengan denyut nadi perjuangan UMNO itu sendiri.

Tanpa sebarang maksud untuk bersifat riak dan takbur, tanpa sebarang niat untuk bermegah-megah atau membesar-besarkan diri, malah dengan segala kerendahan hati, kita semua boleh berbangga, bahawa kita adalah sebahagian yang 'Integral' dari perjuangan itu. Kita, saudara-saudari dan saya sendiri, serta keluarga UMNO seluruhnya sepanjang 40 tahun kewujudan parti kita ini, boleh berbangga dan harus bersyukur kerana kita telah dikurniakan Allah kesempatan dan keupayaan untuk memainkan peranan dalam setiap tahap perkembangan dan pertumbuhan tersebut.

Sepanjang 40 tahun usianya, UMNO telah menghadapi cabaran demi cabaran yang dihadapkan kepada bangsa Melayu di bidang

politik, sosio-ekonomi dan kebudayaan. Alhamdulillah, berkat keramat bumi dipijak, berkat tuah langit dijunjung dan berkat rahmat dan rahim Tuhan yang kaya, berbagai-bagai cabaran tersebut telah dapat diatasi oleh bangsa Melayu melalui kebijaksanaan dan ketabahan para pemimpin dan penyokong UMNO.

Cabaran-cabaran politik yang utama dan pertama dihadapi oleh UMNO, ialah rancangan *Malayan Union* yang cuba merampas dan menginjak-injak maruah dan martabat bangsa dan raja-raja Melayu. Tetapi, berkat perpaduan bangsa Melayu melalui UMNO yang dipimpin oleh Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar, rancangan *Malayan Union* itu dapat dihancurkan. Sesungguhnya, UMNO dan bangsa Melayu amat terhutang budi kepada Allahyarham Datuk Onn, pemimpin arif lagi bijaksana.

Setelah cabaran yang dibawa oleh rancangan *Malayan Union* itu dapat kita atasi, bangsa dan negara kita Persekutuan Tanah Melayu, telah diancam pula oleh bencana keganasan dan kezaliman komunis. Dan dalam keadaan darurat bertahun-tahun lamanya, ibarat meniti buih, menghadapi berbagai-bagai kesulitan, dengan penuh kesetiaan dan tanpa sebarang rasa jemu, UMNO terus menyumbangkan khidmat baktinya, membangkitkan kesedaran politik bangsa Melayu.

Sebagai sebuah parti politik yang senantiasa memperseimbangkan kehendak-kehendak idealisme dengan tuntutan-tuntutan pragmatisma, UMNO telah kemudiannya merintis hubungan kerjasama antara kaum yang lebih bererti demi persiapan kita melangkah ke gerbang kemerdekaan.

Serentak dengan itu, dengan kesedaran terhadap tanggungjawab melanjutkan pesan dan perjuangan nenek moyang kita, yang antara lain tersimpul dengan kata-kata hikmat *tidak Melayu hilang di dunia*, UMNO juga telah berjaya memastikan tergubalnya satu perlembagaan untuk sebuah negara Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Keluhuran dan kemuliaan agama Islam dan kedaulatan bangsa serta budaya Melayu dapat dimaktubkan di dalam perlembagaan ini. Demikianlah antara kejayaan-kejayaan UMNO menyahut dan menghadapi cabaran-cabaran politik dalam tahun-tahun 40an dan 50an.

Dalam parti kita yang telah menjangkau usia 40 tahunnya sekarang, wajar jugalah kita bertanyakan diri masing-masing, apakah punca dan apakah rahsia kepada segala kejayaan-kejayaan gemilang yang telah kita capai. Kepada saya, rahsia dari segala rahsia

kejayaan kita menghadapi cabaran politik tersebut, tidak lain tidak bukan ialah perpaduan yang teguh dan kukuh.

Perpaduan bangsa Melayu di bawah kepimpinan UMNOlah yang telah berjaya menghancurkan-leburkan perjuangan rancangan Malayan Union. Perpaduan bangsa Melayu di bawah kepimpinan UMNOlah yang telah berjaya menumpaskan keganasan dan kezaliman komunis. Perpaduan bangsa Melayu di bawah kepimpinan UMNOlah yang telah memungkinkan wujudnya persefahaman di antara kaum semasa negara di ambang kemerdekaan.

Perpaduan bangsa Melayu di bawah kepimpinan UMNOlah yang telah menjamin termaktubnya keluhuran dan kemuliaan agama Islam, serta kedaulatan bangsa dan budaya Melayu dalam perlembagaan negara kita. Perpaduan bangsa Melayu di bawah kepimpinan UMNOlah yang telah berjaya membebaskan kita dari belenggu penjajah sehingga memungkinkan kita setaraf, duduk sama rendah, tegak sama tinggi dengan negara lain di dunia ini. Oleh kerana itu, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab suci kita bersama untuk berjuang mengekalkan, dan lebih dari itu, meningkatkan perpaduan parti dan bangsa Melayu setiap masa.

Kalau kemerdekaan yang dicapai dalam tahun 1957 itu dapat dianggap sebagai puncak kejayaan usaha UMNO menyahut berbagai-bagai cabaran politik, setelah kemerdekaan tercapai UMNO juga menghadapi berbagai cabaran politik yang lain, baik yang berpunca dari dalam negeri ataupun luar.

Penubuhan Malaysia dapat dianggap sebagai satu kejayaan politik bangsa Melayu di bawah kepimpinan UMNO. Dan dengan demikian kedudukan UMNO semakin meningkat pada pandangan setiap pihak sehingga dapatlah UMNO diibaratkan sebagai payung panji tempat berlindung semasa panas dan tempat berteduh semasa hujan.

Berkat perpaduan bangsa Melayu di bawah pimpinan UMNO jugalah berbagai-bagai krisis politik seperti konfrontasi dan beberapa rusuhan kaum dapat diatasi satu persatu. Kita bersyukur kepada Allah, semuanya ini telah dapat diatasi, berkat perpaduan bangsa Melayu di bawah kepimpinan UMNO.

Di samping kejayaan-kejayaan menghadapi berbagai-bagai dugaan dan cabaran politik itu, perpaduan bangsa Melayu di bawah kepimpinan UMNO juga telah berjaya menyahut cabaran-cabaran dan tuntutan sosio-ekonomi bangsa Melayu khususnya,

dan bangsa Malaysia amnya.

Rancangan pembangunan luar bandar kita yang diilhamkan dan dipelopori oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, bukan sahaja telah merubah rupa dan wajah persekitaran tanahair kita yang tercinta, tetapi juga telah memperbaiki nasib, dan meningkatkan taraf kehidupan ratusan ribu nelayan dan petani miskin di seluruh negara. Oleh kerana kegigihan Allahyarham Tun Razak dalam memimpin dan menggerakkan program pembangunan luar bandar dengan penuh dedikasi dan amanah maka rebahlah rimba belantara menjadi tanah-tanah pertanian, maka muncullah desa menggantikan belukar, maka ratusan ribu hektar tanah hutan menjelma menjadi kawasan penempatan di seluruh negara, maka projek-projek pertanian pun luas terhampar, subur menghijau menyejukkan mata memandang.

Parit dan taliair, jalanraya dan balairaya, pusat-pusat kesihatan dan sekolah-sekolah, masjid dan surau pun bercambah di mana-mana. Semua ini dengan sendirinya menolong meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar yang sebahagian besarnya terdiri dari bangsa Melayu. Sekali lagi, semua ini hanya mungkin berlaku kerana berkat perpaduan bangsa Melayu di bawah kepimpinan UMNO.

Kira-kira tigapuluh tahun yang lalu, sewaktu saya menuntut di universiti, bilangan siswa-siswi Melayu ketika itu tidak sampai 10 peratus. Di kala itu sebahagian besar anak-anak Melayu hanya berkesempatan mendapat didikan setakat darjah enam sekolah Melayu sahaja. Hanya segelintir kecil sahaja yang berpeluang belajar di sekolah-sekolah menengah yang rata-rata berbahasa pengantar Inggeris. Pendeknya, taraf pendidikan dan pencapaian pelajaran bahasa Melayu pada masa itu amatlah rendah.

Saya sengaja mengingatkan kembali keadaan alam pendidikan bangsa Melayu 30 tahun yang lalu ini untuk kita bandingkan dengan pencapaian yang kita perolehi semenjak 20 tahun yang lalu, terutamanya semenjak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan dan Dasar Pelajaran Kebangsaan dilaksanakan.

Walaupun perjuangan kita di bidang pelajaran ini masih jauh dari kesempurnaan matlamatnya, namun tidak boleh dinafikan bahawa kemajuan yang diperolehi setakat ini amatlah banyak dan membanggakan. Inilah hasil perjuangan kita meningkatkan taraf sosio-ekonomi bangsa Melayu. Perjuangan ini hanya mungkin berjaya kerana wujudnya perpaduan bangsa Melayu di bawah

kepimpinan UMNO.

Ertinya jika bangsa Melayu berpecah-belah, jika keluarga UMNO bercakar dan bertelagah, jika kita, pemimpin-pemimpin UMNO gagal mengekalkan semangat kekeluargaan di dalam parti, maka semua kejayaan-kejayaan tersebut mustahil boleh kita perolehi. Marilah sama-sama kita sedar dan insaf bahawa jalan perjuangan yang akan ditempuh masih terlalu panjang, matlamat yang hendak dicapai masih terlalu jauh.

Untuk menempuh jalan perjuangan yang masih panjang dan untuk mengejar matlamat mulia yang masih jauh, di samping mengambil iktibar kepada segala rahsia kejayaan kita di masa lalu, iaitu perpaduan, maka kita haruslah pula membawa pembaharuan, dengan niat yang senantiasa suci dan semangat yang lebih berkobar. Azam dan tekad, gaya dan cara perjuangan kita haruslah diperbaharui.

Tetapi, dalam kita membawa pembaharuan-pembaharuan, perlulah kita memastikan bahawa kita tidak kehilangan arah, tidak pula kehilangan punca. Untuk tidak kehilangan arah, dan supaya tidak kehilangan punca, perlulah kita sedar dan perlulah kita menghayati asas-asas falsafah bangsa Melayu yang dirumuskan oleh ajaran agama dan amalan adat. Asas falsafah kehidupan bangsa Melayu dan mengatakan bahawa *hidup bersendi adat, adat itu bersendikan syarak, syarak pula bersendikan kitabullah*.

Antara perbilangan-perbilangan adat yang telah menjadi pedoman kehidupan masyarakat Melayu di masa lalu ialah: *Biar berlaga ayam di reban, biar menendang kuda di kandang, namun adat wajib dijaga. Adat bersaudara; saudara dipertahankan, adat berkampung, kampung dijaga; adat berbangsa, perpaduan bangsa diutamakan*.

Antara tafsiran dan iktibar yang boleh kita timba dari perbilangan adat ini ialah bahawa perbezaan pendapat dalam kehidupan kita bermasyarakat adalah sesuatu yang lazim dan kadang-kalanya tidak dapat dielakkan. Namun pendapat itu janganlah sampai memporak-perandakan perpaduan dan kehidupan kita bermasyarakat.

Sebaliknya, kalau kita dapati sesuatu perbezaan pendapat itu sudah tidak mungkin untuk diselesaikan antara dua pihak yang berbeza, maka eloklah penyelesaiannya diserahkan kepada pihak yang ketiga, dengan semangat kekeluargaan serta persaudaraan di bawah lindungan ajaran agama dan amalan adat. Setelah pihak ketiga mengambil keputusannya, maka setiap pihak yang terlibat

hendaklah menerimanya dengan dada yang lapang dan fikiran yang terbuka, dengan rasa persaudaraan yang akrab dan semangat kekeluargaan yang sejati, dengan kesediaan membuang yang keruh dan mengambil yang jernih.

Dalam konteks perhimpunan agung parti kita sekarang ini, pihak ketiga itu adalah saudara-saudari dan para perwakilan seluruhnya. Walau tokoh atau pihak manapun yang nanti akan diberi kepercayaan dan amanah untuk memikul tugas kepimpinan itu, setiap pihak yang terlibat haruslah menerimanya dengan hati yang ikhlas dan perasaan yang suci. Umpama kata pepatah Melayu: *Biduk lalu kiambang bertaut; air dicincang tak akan putus.*

Maka dengan semangat kekeluargaan dan perpaduan yang pulih seperti sediakala itu, marilah sama-sama kita berganding bahu, berbimbing tangan, menghayun langkah menempuh jalan perjuangan yang masih panjang berliku-liku, mencapai matlamat perjuangan yang diamanahkan kepada kita.

Seruan ini saya buat sesuai dengan semangat dan amalan demokrasi yang sebenarnya memang sudah sedia tumbuh dan segar dalam diri dan tata hidup bangsa kita. Asas falsafah adat bangsa Melayu menganjurkan supaya setiap pertelingkahan dan setiap perbezaan pendapat hendaklah diselesaikan secara aman dan muafakat seperti yang dibayangkan oleh bidalan-bidalan seumpama ibarat menarik rambut di dalam tepung, rambut janganlah putus, tepung pula tidak bersepah; ibarat membunuh ular, kayu pemukul janganlah patah, ular dipukul biarlah mati, tanah terpuak janganlah lekuk.

Di samping itu ada juga perbidalan yang mengatakan sekali air bah, sekali pasir berubah. Sekarang, cara kita berparti, cara kita berpolitik dan cara kita berjuang, juga mengalami perubahan. Dalam hubungan ini, perlulah kita bersikap arif dan bijaksana dalam ertikata kita hendaklah senantiasa bersikap positif dan berpandangan optimis. Dengan sikap dan pandangan sedemikian, marilah kita anggap perubahan yang kita alami sekarang sebagai satu proses pembelajaran yang akan meningkatkan kematangan kita dalam berpolitik. Gelombang perubahan ini adalah juga merupakan satu proses yang memantapkan penghayatan kita terhadap prinsip-prinsip dan amalan demokrasi.

Sesuai dengan semangat kepeloporan yang dipunyai oleh Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita, kepada saudara-saudarilah letaknya harapan agar proses pembelajaran dan

kematangan ini berjalan dengan lancar dan berakhir dengan kejayaan. Sebagai generasi muda yang akan menempuh jalan sejarah yang masih jauh berliku-liku, setiap satu yang saudara-saudari alami pada saat ini adalah satu peristiwa sejarah yang akan dikenang dengan penuh nostalgia. Oleh kerana itu, ambillah iktibar dan timbalah pengajaran dari peristiwa bersejarah yang sedang sama-sama kita lalui ini. Ambillah tauladan apa yang patut dan batasilah diri di sempadan yang wajar.

Sepanjang sejarah kewujudan parti kita, Pergerakan Wanita dan Pemuda senantiasa berada di barisan hadapan dalam menghadapi sebarang cabaran atau mengharungi sebarang pembaharuan. Pergerakan Pemuda adalah yang mempelopori penukaran cogan kata parti kita daripada 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka'. Pergerakan Wanita pula telah berjasa membangkitkan semangat dan kesedaran baru di kalangan wanita-wanita Melayu. Pergerakan Wanita dan Pergerakan Pemuda adalah ibarat Dinamo, sumber tenaga dan kekuatan yang senantiasa menyalakan obor cita-cita dan perjuangan serta mengibarkan panji-panji kemenangan.

Dan sekarang parti dan bangsa kita, untuk kesekian kalinya sedang mengharungi arus dan gelombang perubahan yang telah menimbulkan berbagai-bagai ramalan dan spekulasi. Ada orang meramalkan, di dalam dan di luar negeri, kononnya cabaran-cabaran yang kita hadapi sekarang akan menyebabkan yang retak menjadi belah dan yang genting akan putus. Sebagai jawapan terhadap ramalan dan spekulasi itu, biarlah dengan lantang kita tegaskan di sini, bahawa kita tidak rela melihat parti kita berpecah-belah. Kita tidak akan membiarkan yang retak menjadi pecah dan yang genting menjadi putus.

Sebaliknya, dengan semangat *carik-carik bulu ayam dan biduk lalu kiambang bertaut*, kita akan mengembalikan perpaduan dan keutuhan parti kita. Dan serentak dengan itu kita akan membuktikan bahawa ramalan-ramalan dan spekulasi negatif dan tidak akan berlaku.

Dengan semangat dan harapan sedemikian itulah maka selagi nyawa dikandung badan, selagi darah terus mengalir, hidup dan mati kita adalah perjuangan atas nama UMNO. Perjuangan kita adalah untuk agama, negara dan bangsa tercinta. Ini adalah selaras dengan konsep pengabdian diri seseorang hamba kepada Allah Yang Maha Kaya. Ingatlah, saudara-saudari sekalian, perjuangan kita adalah total dan menyeluruh.

Kita berjuang untuk menjamin ketuanan bangsa Melayu kekal di

tanahair yang merdeka. Kita berjuang untuk memastikan bangsa Melayu terus dihormati dan terus disegani di serata dunia. Kita berjuang untuk memastikan bangsa Melayu, tidak akan malu mengakui dirinya Melayu, di bumi tumpah darah tercinta ini.


Kepada diri kita masing-masing, marilah sama-sama kita mengingatkan bahawa parti kita. Tidak ada pilihan lain kecuali mengembalikan dan meningkatkan perpaduan demi kemantapan politik dan keutuhan kuasa bangsa Melayu.

Dengan terbuktinya ramalan-ramalan negatif itu tidak berlaku, dan dengan kesedaran sekali-kali akan kita gadaikan, marilah kita bersama-sama menyalakan terus obor cita-cita dan perjuangan serta mengibarkan panji-panji kemenangan.

Kepada seluruh bangsa Melayu marilah kita ingatkan kembali bahawa *UMNO adalah dahan teguh tempat berpaut, tanah pejal tempat berpijak*. UMNO telah melaksanakan tanggungjawab sejarahnya kepada bangsa Melayu. UMNO akan mara dan terus mara menjunjung dan menatang amanah rakyat. UMNO akan mara dan terus mara menjunjung dan menatang kedaulatan dan maruah bangsa. UMNO akan mara dan terus mara menjunjung dan menatang keluhuran dan kesucian agama Islam. UMNO akan mara dan terus mara menyalakan obor cita-cita dan perjuangan serta mengibarkan panji-panji kemenangan.

Dengan harapan itu, berkat sufaat Rasulullah s.a.w., berkat rahmat dan hidayat s.w.t. dan dengan lafaz bismillah-hirrahman-nirrahim, saya rasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia kali ini. Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

*Ucapan Datuk Musa Hitam merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada tahun 1987*



*Y.A.B Encik Abdul Ghafar bin Baba*

## UMNO-PENGGANTI DAN PENYAMBUNG PERJUANGAN

BERSYUKUR kerana kita dapat duduk bersama di sini pada hari ini sekali lagi dalam semangat persaudaraan untuk melanjutkan perjuangan.

Saya menjunjung tinggi usaha Pergerakan Pemuda dan Wanita yang sentiasa berjuang untuk memperkukuhkan parti.

Kita bangga atas keupayaan pemimpin kita dengan tenang, sabar dan tabah hati telah berjaya menempuh gelora yang menimpa parti dan dapat menghidupkan semula UMNO yang telah terkubur itu.

UMNO yang ada sekarang ini adalah warisan kepada perjuangan UMNO yang telah diharamkan itu. Perjuangan UMNO tidak harus diragui. Jatuh bangun orang Melayu bergantung kepada perpaduan dan kekuatannya sendiri melalui UMNO. Mereka yang menyertai parti semata-mata dengan tujuan hendak merebut kuasa dan menggunakan parti sebagai 'batu loncatan' tidak ada tempat dalam UMNO. UMNO tidak mahu pisang berbuah dua kali dengan mengalami sekali lagi nasib buruk seperti yang menimpa UMNO asal itu.

Andaikata UMNO yang telah diharamkan itu dapat dihidupkan semula namun krisis yang sedang melandanya tidak akan berakhir kerana masih ada orang yang tidak mahu mengiktiraf Majlis Tertinggi yang dipilih dengan sah pada 24 April 1987. Jika Majlis Tertinggi

yang dipilih pada bulan Jun 1984 pula hendak dihidupkan semula maka akan timbul juga kekecohan yang sama kerana mungkin lebih banyak lagi bilangan Cawangan-cawangan yang tidak didaftarkan pada waktu itu.

Oleh itu, mendaftarkan semula UMNO adalah jalan keluar yang sebaik-baiknya untuk menyelesaikan krisis. Apakah ruginya atau apakah salahnya UMNO didaftarkan semula jika ia mampu menyambung perjuangan UMNO yang telah dikuburkan itu?

Saya telah menjadi ahli UMNO selama 38 tahun, dan selama itu juga saya memegang berbagai-bagai jawatan dalam UMNO dengan tidak putus-putus walaupun sehari. Saya juga telah menjadi Ahli Majlis Tertinggi selama 30 tahun berturut-turut sejak 1958. Tempoh ini lebih lama daripada Tunku Abdul Rahman sendiri. Dan saya juga telah menjadi Naib Presiden selama 25 tahun berturut-turut. Inilah bukti saya setia dan mencintai UMNO. Jika kasih sayang saya kepada UMNO tidak melebihi daripada orang-orang lain tapi tidak kurang daripada sesiapa jua pun. Adalah menjadi cita-cita saya selama ini seperti orang lain juga ingin melihat UMNO hidup selama-lamanya tetapi, sedih. Sedih kerana krisis yang tidak sepatutnya berlaku menyebabkan UMNO telah terkorban.

Orang Melayu bergantung kepada sebuah parti politik Melayu yang kuat untuk menyelamatkan mereka. UMNO yang ditubuhkan semula pada 13 Februari 1988 inilah satu-satunya parti yang ditunggu oleh mereka itu.

Saya menyeru kepada semua orang-orang Melayu supaya jangan membangkitkan isu-isu yang boleh mengeruhkan suasana kerana itu adalah kerja sia-sia dan merugikan. Islam menegah perbuatan yang sia-sia. Kepentingan diri hendaklah diketepikan. Kita mahu melihat bangsa Melayu bersatu dan maju.

Dalam sejarah UMNO, parti ini telah menghadapi dua peristiwa besar yang telah mengancam nyawanya. Pertama berlaku pada tahun 1951, di mana Yang Dipertua UMNO Dato' Onn bin Jaafar telah meninggalkan UMNO. Jasa beliau menubuhkan UMNO dan menubuhkan Malayan Union tetap disanjung tinggi. Malangnya setelah meninggalkan UMNO beliau telah menubuhkan "Independent of Malaya Parti (IMP)" untuk menentang UMNO. Apabila parti itu tidak diterima oleh rakyat, maka beliau telah menubuhkan pula "Parti Negara" yang juga bertujuan untuk menentang UMNO. Nasib baik dalam Pilihanraya Kebangsaan Pertama dalam tahun 1955, semua calon-calon Parti Negara telah kalah dengan teruk.

Jika ditakdirkan Parti Negara menang, maka bererti hancurlah UMNO dan tahun 1957 sebagai tahun keramat iaitu tahun kita mencapai kemerdekaan tidak akan sampai kerana perjuangan kedua-dua parti tersebut mirip bekerjasama dengan pemerintahan British.

Kali kedua peristiwa besar yang berlaku dalam UMNO adalah ekoran daripada pemilihan Majlis Tertinggi yang berlangsung pada 24 April 1987.

Apakah faedahnya parti mempunyai perlembagaan jika perlembagaan tidak mahu dipatuhi. Perlembagaan UMNO adalah lengkap. Ia boleh menyelesaikan sebarang masalah yang berbangkit dalam parti.

Perhimpunan Agung UMNO pada 24 April 1987 dahulu yang boleh ditanggguhkan sekiranya ada ahli-ahli persidangan yang membangkitkan perkara-perkara di mana perjalanan UMNO yang didapati bercanggah dengan perlembagaan atau undang-undang negara. Jika sikap itu diambil UMNO tidaklah berkubur.

Perlembagaan UMNO juga membolehkan supaya diadakan Perhimpunan Agung UMNO Khas. Perhimpunan Agung UMNO Khas mempunyai kuatkuasa yang sama dengan Perhimpunan Agung Biasa yang mana boleh memansuhkan keputusan Perhimpunan Agung UMNO pada 24 April 1987.

Malangnya pihak yang tidak puas hati dengan keputusan pemilihan pada 24 April 1987 itu tidak mahu menggunakan peruntukan yang ada dalam perlembagaan bagi menyelesaikan masalah tapi sebaliknya lebih suka membawa UMNO ke mahkamah. Mereka telah diberitahu dengan jelas UMNO akan diharamkan jika dibawa ke mahkamah. Mengikut peruntukan dalam perlembagaan UMNO, pemilihan hendaklah diadakan semula jika didapati undi yang didapati oleh calon-calon itu sama banyak. Jika pengundian kali yang kedua juga didapati sama banyak, maka keputusan dengan mencabut undi hendaklah dijalankan. Undi sama banyak tidak berlaku dalam Perhimpunan Agung pada 24 April 1987, dengan sebab itu untuk mengadakan semula Perhimpunan Agung seperti yang dituntut oleh mereka tidak perlu kerana bertentangan dengan perlembagaan.

Setelah UMNO diharamkan pada 4 Februari 1988, maka selang tidak berapa hari kemudian mereka telah menubuhkan "UMNO Malaysia" pada 8 Februari 1988.

Saya difahamkan bahawa sebenarnya mereka hendak

menubuhkan "UMNO Malaysia" lebih awal tetapi ditanggungkan kepada 8 Februari, kononnya hendak mengambil sempena hari jadi Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.

Mereka mungkin berkeyakinan, bahkan boleh jadi mereka sendiri mahukan UMNO diharamkan supaya mereka dapat menubuhkan sebuah UMNO lain yang mana mereka akan berkuasa di dalamnya.

Apabila permohonan pertubuhan UMNO Malaysia ditolak dan oleh kerana tidak ada jalan lain lagi untuk menyambung perjuangannya, mereka berpatah balik membuat rayuan kepada Mahkamah Agung untuk menghidupkan balik UMNO yang telah mati itu.

Adalah jelas bahawa merekalah yang bertanggungjawab menyebabkan UMNO telah diharamkan tetapi sekarang ini untuk menutup dosanya mereka berdalih mengatakan Dr. Mahathiriah yang hendakkan UMNO ini diharamkan. Kerana kononnya Dr. Mahathir enggan menghidupkan balik UMNO yang telah mati itu.

Memang ada kuasa Menteri Dalam Negeri untuk memaafkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana pertubuhan. Tetapi dalam hal UMNO ini mereka tidak mahu menggunakan kuasa yang ada kepada Menteri Dalam Negeri. Mereka lebih suka membawa perkara itu ke mahkamah, walaupun mereka tahu bahawa Seksyen 12(3) itu jelas mengatakan jika ada sebuah cawangan yang tidak didaftarkan, maka UMNO pada keseluruhannya menjadi haram.

Setelah UMNO diharamkan barulah mereka memohon supaya Menteri Dalam Negeri menggunakan kuatkuasanya. Sebenarnya kuatkuasa yang ada pada Menteri Dalam Negeri itu boleh digunakan jika perkara itu tidak dibawa ke mahkamah dan apabila mahkamah telah membuat keputusan maka campur tangan daripada Menteri Dalam Negeri tidaklah berguna lagi. Sekarang mereka mencari dalih untuk menutup kesalahan yang telah dilakukannya itu.

Mahkamah Agung telah memutuskan baru-baru ini dengan muktamad bahawa UMNO yang ada pada hari ini boleh menggunakan perkataan "UMNO" sahaja dengan tidak payah menggunakan lagi perkataan "BARU". Ini bermakna UMNO telah kembali kepada kedudukannya yang asal. Tambahan pula seratus peratus ahli-ahli UMNO yang telah diharamkan itu adalah dibenarkan menyertai UMNO yang ada sekarang.

Setiap orang ahli UMNO mempunyai hak yang sama iaitu mereka hendak memilih dan dipilih. Ini bererti setiap orang ahli

UMNO berhak memegang apa jua jawatan yang ada di dalam parti.

Persidangan Cawangan dan perwakilan Bahagian untuk memilih jawatankuasa di peringkat masing-masing akan diadakan pada tahun hadapan mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh perlembagaan jika perlembagaan diluluskan pada esok hari.

Janganlah pindaan perlembagaan dijadikan isu. Perlembagaan boleh dipinda pada bila-bila masa sahaja pun.

Cadangan hendak mengadakan sebuah kongres Melayu kononnya untuk menyatu-padukan orang-orang Melayu dan juga untuk menentukan siapa yang patut menjadi pemimpin Melayu adalah satu impian sahaja. Satu kongres orang-orang Melayu telah diwujudkan sebelum UMNO dilahirkan pada tahun 1946. Tetapi kemudiannya beberapa buah pertubuhan seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Persatuan Melayu Semenanjung dan Parti Islam Setengah Melayu telah menarik diri. Akhirnya UMNO terpaksa berjalan dengan bersendirian. Kongres Melayu mustahak diadakan kerana sistem berpolitik belum wujud lagi pada waktu itu. Sekarang ini segala-galanya telah tersusun. Keadaan telah berubah walau bagaimanapun kita tidak mahu menghalang siapa-siapa jua pun yang hendak menganjurkan apa jua kongres yang mereka ingini.

Politik Melayu tidak bererti orang Melayu hendak menjajah orang-orang bukan Melayu. Setiap orang rakyat negeri ini mempunyai hak sebagaimana yang tersebut di dalam perlembagaan dan pemerintahan negara ini terserah kepada rakyat yang mendapat sokongan majoriti dengan tidak mengira bangsa dan agama mereka. Orang-orang Melayu mestilah mengukuhkan kedudukan politiknya dan dengan demikian dapatlah kita memimpin orang-orang bukan Melayu bersama-sama memerintah negeri ini.

Ekonomi bangsa Melayu masih lemah dan perjuangan untuk membaikinya mesti diteruskan. Hanya dengan bersatu-padu sahaja di bawah pimpinan UMNO cita-cita orang Melayu untuk membaiki ekonominya akan tercapai. Orang-orang Melayu hendaklah sedar apakah akan jadi pada nasib bangsa kita apabila perpecahan yang ada pada hari ini berlarutan di mana kekuatan politik yang ada pada kita selama ini akan hilang. UMNO adalah sebagai politik negara bagi melindungi semua rakyat dari semua kaum yang ada di negeri ini.

Pucuk pimpinan tidak boleh disalahkan apabila didapati adanya beberapa buah Cawangan yang tidak didaftarkan kerana Cawangan-

cawangan adalah ditubuhkan oleh Bahagian-bahagian dan merekalah yang bertanggungjawab untuk mendaftarkan Cawangan-cawangan tersebut. Jika perkara Cawangan-cawangan tidak berdaftar hendaklah dibangkitkan saya kira UMNO telahpun menjadi pertubuhan yang haram dari sejak tahun 1966 lagi tetapi kita bernasib baik kerana tidak ada orang yang berperangai seperti kumpulan sebelas yang wujud pada waktu itu. Maka terselamatlah UMNO.

UMNO akan mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Perlembagaan negara telah menentukan pemerintahan negara diserahkan kepada rakyat melalui Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat. Barisan Nasional tidak sekali-kali akan bertolak ansur mengenai prinsip ini. Janganlah ada sesiapa yang cuba hendak mencero bohi sistem ini.

Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya memulihkan ekonomi negara. Tetapi malangnya ada orang yang bersikap negatif hendak menjatuhkan kerajaan kerana ingin berkuasa dengan cara menghancurkan ekonomi negara yang sedang berkembang. Taktik seperti ini telah juga digunakan oleh Parti Komunis Malaya. Mereka merancang untuk menghancurkan ekonomi negara lebih dulu bagi mendapatkan kuasa. Kepentingan negara hendaklah diutamakan daripada kepentingan diri jika benar-benar seseorang itu hendak menjadi wira bangsa.

Melalui Perhimpunan-perhimpunan Agung UMNO seperti hari ini, melalui kongres-kongres ekonomi, melalui seminar-seminar, persoalan-persoalan mengenai kedudukan ekonomi bumiputera telah hangat diperbahaskan. Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita UMNO telah banyak memainkan peranan penting dalam perkara ini. Dari kesedaran dan perasaan insaf, dari kebimbangan nasib bangsa maka terhasillah desakan-desakan yang akhirnya menjadi dasar dan program kerajaan untuk mengatasi kepincangan ekonomi masyarakat bumiputera.

UMNO telah berjaya membawa pembangunan ke luar bandar. Pembangunan dalam bidang pembinaan infrastruktur, sekolah-sekolah, pembukaan tanah-tanah baru, program penanaman semula getah dan sebagainya telah dapat dibawa ke luar bandar. Dalam tahun tujuh puluhan pula, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah memperhebatkan lagi program-program kerajaan untuk membasmi kemiskinan serta menyusun semula masyarakat. Banyak institusi-

institusi kerajaan telah ditubuhkan pada masa ini bagi mencapai matlamat tersebut.

Matlamat DEB yang mahu membasmi kemiskinan sehingga ke paras 16.7% dalam tahun 1990, meningkatkan hakmilik bumiputera di sektor syarikat kepada sekurang-kurangnya 30%, dan menghapuskan pengenalan pekerjaan mengikut pengenalan kaum telah dirancang dan dilaksanakan.

Dalam tempoh tiga rancangan lima tahun, pertumbuhan ekonomi negara telah dapat diwujudkan pada kadar yang pesat dan ini telah membolehkan kadar kemiskinan di Semenanjung dapat dikurangkan dari 49.3% dalam tahun 1970 kepada 29.0% dalam tahun 1980 dan dapat diturunkan lagi kepada 18.4% dalam tahun 1984. Apabila berlaku kemerosotan ekonomi dalam tahun 1985-86, kadar kemiskinan telah meningkat semula ke paras yang lebih tinggi. Walaubagaimanapun pemulihan ekonomi telah berlaku selepas itu terutama dari kenaikan harga komoditi utama negara dan ini menghasilkan kadar kemiskinan dapat diturunkan semula kepada 17.3% dalam tahun 1987.

Walaupun matlamat meningkatkan hakmilik saham syarikat bagi kaum bumiputera tidak dapat dicapai dengan sepenuhnya, tetapi kejayaan yang dapat dicapai setakat ini adalah besar ertinya. Hakmilik saham syarikat bumiputera dan badan amanah yang hanya sebesar 2.4% dan bernilai \$125.6 juta dalam tahun 1970 telah dapat dinaikkan kepada 12.5% atau \$4,000 juta mengikut nilai par dalam tahun 1980. Sekarang bahagian tersebut dijangka mencapai lebih 19% dan dianggarkan bernilai lebih kurang \$19,000 juta.

Dalam masa kemelesetan banyaklah peristiwa-peristiwa buruk terpaksa dihadapi. Banyak projek-projek pembinaan dan perumahan tergendala kerana tidak laku. Pekerja-pekerja swasta banyak pula yang terpaksa diberhentikan. Hutang-hutang bank yang tidak dapat dibayar juga telah meningkat dan banyaklah para peminjam yang menjadi muflis.

Peristiwa-peristiwa yang mengecewakan ini sebenarnya sekarang sudah banyak berkurangan. Kita boleh berbangga sekarang kerana kita bukan sahaja dapat mengatasi masalah ekonomi malah kedudukannya dapat diperkukuhkan. Misalnya Malaysia kukuh dari segi kewangan, akaun luar negeri, hutang negara, asas eksport negara dan lain-lain. Kita telah berjaya menukar haluan pertumbuhan ekonomi negara dari -1% dalam tahun 1985 kepada 5.2% dalam tahun 1987 dan tahun ini dijangka mencapai dalam lingkungan 7.4%.

Walaupun bagaimanapun dalam pergolakan politik yang menimpa UMNO muncul golongan yang terus berusaha menimbulkan perasaan benci rakyat kepada kerajaan. Mereka menafikan kejayaan-kejayaan ekonomi negara dan cuba menutup kejayaan ini daripada diketahui rakyat.

Kejayaan kita memulihkan kemelesetan ekonomi telah mendapat sanjungan dari institusi-institusi serta pakar-pakar ekonomi antarabangsa, umpamanya dari Bank Dunia, IMF, serta pakar-pakar perunding ekonomi antarabangsa. Mereka menyanjung keupayaan kita memulihkan kewangan kerajaan dari keadaan yang cemas kepada keadaan yang stabil. Pada masa yang sama kita bukan sahaja dapat menghapuskan deficit luar, malah kita telah berjaya mewujudkan lebihan yang besar menjadikan kedudukan kewangan negara lebih kukuh.

Akaun semasa imbalan bayaran yang deficit sebanyak \$1,500 juta dalam tahun 1985 telah menjadi lebihan sebanyak \$6,100 juta dalam tahun 1987. Dengan lebihan akaun semasa yang besar bagi tahun 1987 dan 1988, rizab Bank Negara dijangka meningkat kepada lingkungan \$20,400 juta dan dijangka mampu untuk menampung lebih kurang 5.8 bulan import. Ini adalah satu pencapaian yang dapat menandingi dari apa yang dicapai dalam tahun tujuh puluhan.

Jumlah pelaburan asing yang telah diluluskan meningkat berkali-kali ganda datang ke Malaysia iaitu dari \$959.3 juta dalam tahun 1985 kepada \$2,059.9 juta dalam tahun 1987. Bagi tahun ini, sehingga bulan September, jumlah permohonan pelaburan asing yang telah diluluskan ialah sebanyak \$3,469.4 juta.

Sektor swasta telah dapat meningkatkan persaingan mereka dalam pasaran antarabangsa. Hasil eksport barang-barang perkilangan telah meningkat dengan banyaknya dan kadar pertumbuhan ini dapat menyamai kadar pertumbuhan eksport negara-negara perindustrian baru. Dalam tahun 1987 buat pertama kalinya eksport barang perkilangan dapat mengatasi jumlah eksport komoditi utama negara satu prestasi yang membanggakan yang tidak termimpi oleh sesiapa pun sebelumnya.

Kita mesti hapuskan kebimbangan pelabur dari kekecohan politik supaya Malaysia dapat maju dengan lebih pesat lagi. Jika Malaysia maju siapakah yang akan untung dan jika Malaysia mundursiapakah yang akan rugi. Kembalilah kepada matlamat perjuangan parti kita yang bertujuan membela nasib rakyat dan bukannya berjuang untuk kepentingan peribadi seseorang.

Saya menyeru Pergerakan Pemuda dan Wanita berusaha melipatgandakan peranan saudara-saudari supaya masa depan bangsa

kita lebih terjamin. Pemuda dan Wanitalah yang boleh melibatkan diri secara langsung di dalam melahirkan usahawan bumiputera yang benar-benar tulin supaya impian UMNO sejak UMNO dilahirkan dapat diwujudkan dengan lebih cepat lagi.

UMNO akan terus berjuang untuk mengusahakan Dasar Ekonomi Baru dengan seberapa daya yang boleh sehingga dapat diwujudkan satu dasar lain selepas tahun 1990. Usaha membasmi kemiskinan dengan tidak mengira bangsa akan diteruskan selama-lamanya dan usaha-usaha untuk menyeimbangkan kedudukan di antara kaum akan juga diperjuangkan dengan seadil-adilnya setelah berunding dengan rakan-rakan yang ada dalam Barisan Nasional dan juga oleh Parlimen. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi setiap orang rakyat atau pertubuhan bebas mengeluarkan pandangan masing-masing untuk menjadi panduan kita bersama bagi menentukan dasar ekonomi yang akan datang.

Pilihanraya umum tetap akan diadakan mengikut jadualnya. Tuduhan atau ramalan yang sengaja diada-adakan yang mana kononnya darurat akan diisytiharkan jika parti pemerintah didapati mungkin kalah adalah satu ramalan karut dan negatif yang tidak membawa apa-apa keuntungan sebaliknya membawa kerugian kerana menimbulkan ketakutan di kalangan rakyat terutama sekali kepada pelabur-pelabur asing yang sedang mcurah-curah masuk ke negara kita sekarang. Sekali lagi saya nyatakan bahawa kepentingan negara hendaklah diutamakan, bukan kepentingan diri. Jika kita melakukan sesuatu yang buruk kepada orang lain akibatnya mereka yang berbuat demikian akan menerima pula akibat yang sama satu hari kelak.

Ada orang berkokok ke sana ke mari menjual Semangat 46. Satu semangat yang mereka sendiri tidak tahu. Apa yang dibuat oleh mereka sebenarnya berlawanan dengan Semangat 46 yang dilaungkannya. Ada di antara mereka belum lahir ke dunia pada waktu itu.

Semangat 46 adalah semangat jihad, setiap orang berkorban mengikut kemampuannya masing-masing dengan satu tujuan suci, semata-mata untuk mencapai kemerdekaan. Semangat itu dilanjutkan seterusnya untuk membina negara selepas tercapai kejayaan yang awal.

Tidak ada perebutan kuasa sehingga tergamak menghancurkan parti walaupun pertandingan merebut jawatan. Kami bertanding secara persahabatan dalam suasana meriah. Caci-mencaci tidak ada. Politik wang jauh sekali. Yang tewas taat kepada keputusan majoriti. Selepas bertanding yang kalah dan yang menang berganding bahu

semula. Tidak terlintas sedikit pun di hati kami hendak menghancurkan UMNO semata-mata kerana hendak merebut kuasa. Inilah yang dikatakan Semangat 46.

Ada orang berkata Malaysia terlalu ghairah kerana terlampau banyak mengadakan pilihanraya. Anehnya, ada pula yang berkata Malaysia negara diktator.

Saya mahu pihak menuduh pemimpin kita diktator membuktikan ada undang-undang yang diluluskan oleh Perdana Menteri seorang diri dengan tidak dibawa ke Parlimen lebih dahulu.

Undang-undang ISA boleh dihapuskan jika ada jaminan bahawa Malaysia sudah tidak ada lagi ancaman komunis dan ancaman pergaduhan perkauman dan keagamaan. Barisan Nasional tetap mempertahankan hak asasi manusia di samping bertanggungjawab atas keselamatan jiwa rakyat.

Barisan Nasional tetap mempertahankan kebebasan kehakiman. Dalam tempoh 10 tahun yang lalu kerajaan telah mengalami kekalahan di mahkamah sebanyak lebih dari dua ribu kali dalam kes-kes sivil, tetapi tidak ada seorang pun hakim yang telah dilucutkan jawatannya. Sesiapa jua yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan ke atasnya, termasuk Perdana Menteri sendiri. Inilah demokrasi.

UMNO akan tetap menyokong prinsip-prinsip demokrasi dan tradisinya. UMNO tetap kepunyaan bangsa Melayu seperti juga UMNO asal.

Pergerakan Wanita dan Pemuda harus mengambil iktibar dari situasi muram yang telah melanda bangsa Melayu sejak pemilihan 24 April tahun lalu.

Jadikanlah pengalaman pahit ini sebagai satu teladan kepada kita semua.

Sementara kita mendukung prinsip-prinsip tradisi kita, janganlah kita memperalatkan dan mengambil kesempatan sistem demokrasi untuk merebut kuasa dan dengan sekaligus, menghancurkan segala yang telah dibina oleh negarawan-negarawan dan pemimpin-pemimpin kita sejak wujudnya nasionalisme Melayu pada tahun 1946.

Kejadian seperti mengheret parti ke mahkamah kerana gilakan kuasa tidak harus berulang lagi. Harapan bangsa terletak di tangan tuan-tuan dan puan-puan.

*Ucapan Encik Ghafar Baba merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 27 Oktober 1988.*

## MENCIPTA SEJARAH DALAM PERPADUAN

TIDAK ada sesiapa pun boleh menafikan kejayaan perjuangan semua pemimpin-pemimpin yang telah lalu termasuk pemimpin-pemimpin radikal Melayu di luar UMNO, baik dalam bidang politik ataupun pembangunan negara. Jasa mereka tetap dikenang dan diabadikan. Satu bangsa yang berjiwa besar adalah terdiri daripada bangsa yang tahu menghargai jasa pemimpin-pemimpinnya.

Sejak ditubuhkan 43 tahun yang lalu UMNO telah berkembang maju dari setapak ke setapak. Dalam tempoh itu UMNO telah melahirkan ramai pemimpin-pemimpin, masing-masing dengan cita-cita dan impian murni mereka untuk memaju dan memulihkan maruah bangsa serta mengikis "stigma" masa lampau tentang kemunduran, kemiskinan dan kelemahan. Pemimpin parti dan kerajaan yang ada sekarang pula telah mencetuskan dua revolusi baru, iaitu dalam bidang politik antarabangsa dan perindustrian perkilangan.

Peranan Malaysia dalam arena politik antarabangsa telah menampakkan kejayaan. Kini Malaysia sedang mendapat perhatian dunia. Walaupun kita terpaksa berbelanja untuk mengadakan persidangan-persidangan antarabangsa itu tetapi ianya membawa faedah yang besar kepada pembangunan ekonomi negara. Ahli-ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita hendaklah bersiap-sedia bagi meneruskan perjuangan ini apabila saudara mentadbirkan negara ini kelak.

Dalam bidang perindustrian kejayaan yang tidak diduga telah

tercapai apabila hasil eksport barang-barang buatan Malaysia melebihi daripada hasil keluaran pertanian yang selama ini menjadi punca utama hasil negara.

Semua kejayaan ini dapat dicapai kerana adanya perpaduan di kalangan rakyat yang telah berjaya mewujudkan kestabilan politik. Kesedaran rakyat Malaysia dalam perkara ini sangat membanggakan dan ianya perlu diperkukuhkan lagi jika kita mahu melihat Malaysia berupaya untuk bersaing dengan negara-negara lain yang lebih maju, demi kestabilan politik kerana ianya sangat penting untuk pembangunan. UMNO mengamalkan sikap 'pintu terbuka' pada sepanjang masa dengan menerima semua orang Melayu menyertainya termasuk ahli-ahli Kumpulan 46. Malangnya ada kumpulan orang Melayu yang tidak menghiraukan langsung soal kepentingan bangsa. Mereka sanggup melihat bangsanya berpecah-belah dan lemah semata-mata disebabkan hendak merebut kuasa.

Kebanyakan dari tuan-tuan dan puan-puan adalah generasi selepas merdeka. Dibesar dan dididik di bawah pemerintahan bangsa sendiri dan menikmati kemajuan hasil dasar-dasar kerajaan di bawah pemerintahan sendiri. Penyertaan tuan-tuan dan puan-puan dalam UMNO adalah penting untuk meneruskan kesinambungan pemerintahan sendiri ini.

Dari tahun 1946 hinggan 1957 UMNO dikenali dalam sejarah sebagai zaman kebangkitan bangsa Melayu menuntut haknya di tanahairnya sendiri. Zaman menyaksikan semangat dan pengorbanan bangsa Melayu yang berkobar-kobar demi membebaskan diri daripada rantai penjajahan tanpa dirayu dan diminta, bangsa Melayu sanggup bergadai bergolok untuk menyumbang kepada tabung parti. Itulah ketikanya bangsa Melayu tidur di kaki-kaki lima semata-mata untuk bersama pemimpin-pemimpin mereka memperjuangkan kemerdekaan. Itulah masanya tanpa didesak dan dirayu mereka dengan rela hati menyumbangkan tenaga kepada parti. Semua pengorbanan itu dicurahkan dengan rela dan jujur tanpa apa-apa pembalasan. Contoh serta semangat ini mestilah diteruskan.

Tanpa semangat, pengorbanan dan perasaan cintakan parti, tuan-tuan dan puan-puan akan hanya menjadi ahli parti yang menjadi abdi kepada kuasa, pangkat dan kebendaan. Tanpa perasaan sayang dan cintakan parti, ahli-ahli UMNO dengan mudah akan masuk ke dalam perangkap musuh-musuh yang berusaha untuk memusnahkan UMNO. UMNO kini menjadi parti yang begitu

berpengaruh maka nafsu musuh-musuh untuk menghancurkan UMNO pastilah besar juga.

Sebagai orang Melayu yang beragama Islam, tuan-tuan dan puan-puan juga bertanggungjawab memastikan bangsa Melayu tidak terperangkap dengan pengaruh-pengaruh yang boleh menghalang kemajuan bangsa Melayu. Segala usaha dan perjuangan UMNO untuk memajukan bangsa Melayu akan menjadi sia-sia jika bangsa Melayu dipengaruhi oleh pergerakan anti kemajuan dunia. Malah tidak mustahil bangsa Melayu akan menjadi bangsa yang merempat di tanahairnya sendiri jika kita tidak menyekat pengaruh negatif ini daripada merebak. Tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan dalam mempertahankan maruah orang Melayu tidak boleh diabaikan. Kuasa yang terlucut akibat kelalaian dan ketaksuban kita sukar untuk ditebus semula.

Apa yang berlaku pada UMNO pada 4 Februari 1987, sehingga parti diisytiharkan haram, adalah bukti tindakan satu golongan ahli UMNO yang tidak bertanggungjawab. Inilah akibatnya jika UMNO mempunyai ahli yang tidak mencintai parti. Mereka sanggup mengheret parti ke mahkamah tanpa menghormati keputusan majoriti ahli. Kerana hendak memenuhi nafsu dan cita-cita peribadi mereka sanggup melihat UMNO terkorban.

Biarlah apa yang telah berlaku itu menjadi pengajaran kepada kita semua. Kini UMNO kembali pulih, malah bertambah kuat hasil kesedaran dan sokongan kita semua. Ramai di antara mereka yang dahulunya menyeleweng sudah pun kembali ke pangkuan UMNO. Perkembangan sejak akhir-akhir ini nampaknya mirip kepada perpaduan. Tanda-tanda menunjukkan seruan kita ke arah perpaduan mendapat sambutan.

Bila tiba masanya, generasi kami akan pergi dan saudara-saudari akan mewarisi teraju kepimpinan UMNO dan negara. Sebagai pemimpin kerajaan, tidak ada yang lebih menggembirakan daripada melihat bangsa dan negaranya aman, makmur, kukuh dan bersatu-padu.

Saya menyeru supaya segala gerakan, khususnya di peringkat Bahagian dan Cawangan-cawangan UMNO mesti diperkukuhkan segera bagi menjamin kemenangan yang cemerlang dalam pilihanraya yang akan datang ini.

Penubuhan sesebuah parti politik bukan menjadi matlamat perjuangan. Matlamat perjuangan yang sebenar adalah untuk mencapai cita-cita nasional yang boleh menjamin keamanan,

keharmonian, kemakmuran, keadilan dan kebebasan rakyat. Soal bilakan sesebuah parti ditubuhkan atau apakan nama yang diberikan kepada parti itu tidak menjadi perhitungan. Apa gunanya bermegah-megah dengan nama parti atau sentimen-sentimen mengenainya kalau tujuan asal perjuangan tidak tercapai. Orang Melayu akan terus tertinggal di belakang jika mereka lebih mengutamakan perkara titik-bengik dengan membelakangkan soal-soal pokok. Perjuangan hari ini adalah untuk faedah generasi masa hadapan. Kita sekarang berada di ambang tahun 90an dan bukan di tahun 40an lagi. Masalah yang dihadapi oleh orang Melayu jauh lebih besar dan "complicated" daripada masa-masa lalu. Jika kita mahu menyaingi kaum-kaum lain di negara ini bangsa Melayu mesti cergas dan bertindak cepat. Sikap ingin bersaing dan berlumba dengan kaum-kaum lain yang lebih maju penting kerana itu adalah syarat mutlak untuk memperkukuhkan teras politik orang Melayu.

Walaupun UMNO merupakan sebuah parti yang didaftarkan semula tetapi gerak langkahnya tetap selaras dengan perjuangan UMNO yang telah diharamkan itu. Apa yang penting dalam soal ini ialah mencapai matlamat dan bukannya untuk bermain-main sentimen dengan sejarah penubuhan parti tersebut. Jika benar Kumpulan 46 sayangkan UMNO mengapakan mereka membunuh UMNO dahulu?

Mengapa masih ada ahli-ahli UMNO lama enggan menyertai UMNO sekarang jika sekiranya mereka mematuhi konsep demokrasi kerana majoriti ahli-ahli lama telah pun menjadi ahli semula. Keengganan mereka menyertai UMNO jelas kerana mereka tidak berjuang untuk bangsa Melayu. Apa gunanya kuasa yang ada sedikit kepada mereka itu jika perbuatannya itu boleh menyebabkan UMNO berpecah-belah? Kumpulan yang mempunyai pendirian seperti ini wajib ditolak oleh rakyat kerana perjuangannya telah menyimpang jauh dari cita-cita suci orang Melayu.

Walaupun Barisan Nasional sebuah parti gabungan, tetapi ianya merupakan seolah-olah sebagai sebuah parti politik tunggal kerana gabungan ini menjalin kerjasamanya pada sepanjang masa, sebelum dan sesudah pilihanraya. Dalam pilihanraya parti ini berdiri di atas satu "platform", mempunyai manifesto yang dipersetujui bersama dan menggunakan satu simbol sahaja bagi semua calon-calon walaupun mereka datang daripada berlainan parti. Inilah contoh cemerlang kejayaan Barisan Nasional dalam usaha menyatupadukan rakyat berbilang kaum.

Pembangkang cuba hendak meniru sistem Barisan Nasional tetapi masa sahaja akan menyaksikan sejauh mana mereka boleh berjaya. Rakyat hendaklah menyedari bahawa hanya sebuah kerajaan yang kukuh sahaja yang boleh menjamin pembangunan yang pesat. Apa faedahnya parti pembangkang yang mahukan sebuah kerajaan yang lemah. Walaupun mereka menyedari bahawa mereka tidak akan menubuhkan kerajaan, tapi nampaknya mereka akan berpuas hati jika dapat melemahkan kerajaan. Rakyat hendaklah insaf dan mesti menolak mereka kerana mempunyai sikap yang merugikan negara.

Di bidang ekonomi kerajaan akan terus membuka lebih banyak tanah-tanah baru dengan mempelbagaikan tanamannya kerana buah-buahan dan sayur-sayuran Malaysia sekarang boleh dieksport selain daripada getah, kelapa sawit, nenas dan koko. Skim FELDA sudah dipinda baru-baru ini. Diharapkan peserta-peserta akan mendapat keuntungan yang lebih baik. Tanah-tanah FELDA yang akan datang akan dimajukan oleh syarikat. Peneroka akan menyertai rancangan sebagai pekerja dan juga sebagai pemegang 50% daripada saham syarikat.

Infrastruktur di Malaysia walaupun merupakan salah satu yang terbaik di dunia akan terus dipertingkatkan lagi kerana ianya menjadi urat nadi dalam perkembangan ekonomi.

Bekalan elektrik akan dipanjangkan ke seluruh ceruk kampung dan masanya akan sampai tidak lama lagi apabila semua kampung-kampung akan mendapat bekalan api elektrik. Bekalan api elektrik bukanlah semata-mata untuk kegunaan di dalam rumah sahaja, tetapi bertujuan untuk mencetuskan satu revolusi baru di bidang perindustrian perkilangan bagi penduduk luar bandar. Lembaga Letrik Negara telah pun diarahkan oleh jemaah menteri supaya mengurangkan bayaran tarifnya. Langkah ini akan dapat mempercepatkan perkembangan ekonomi penduduk luar bandar dalam bidang pengeluaran barang-barang buatan.

Jalanraya baru yang menghubungkan Ulu Kelantan dengan Ipoh melalui lojing dan Cameron Highland adalah merupakan satu projek kerajaan yang terbaharu bertujuan untuk memajukan kawasan-kawasan tanah pertanian di atas dataran tinggi yang berhawa sejuk dan juga untuk perindustrian pelancongan. Pembinaan jalan ini akan memberi peluang bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik kepada mereka yang sanggup meneroka kawasan tersebut.

Skim latihan kepada petani-petani dan perindustrian kecil akan diperhebatkan kerana perindustrian kecil penting untuk menampung perindustrian besar yang sedang berkembang pesat di Malaysia sekarang. ASN akan diteruskan dengan bentuk baru iaitu "Amanah Saham Bumiputera" supaya penyertaan bumiputera dalam bidang korporat bertambah pesat.

Sistem barat bukan semuanya buruk. Perkembangan industri, sistem bank, kualiti hidup, pendidikan, perkembangan sains dan teknologi serta sistem perhubungannya - banyak yang boleh kita contohi. Masyarakat Melayu sering tersepit apabila timbul konflik antara pengaruh barat dengan pengaruh timur. Bukan kerana barat itu begitu buruk dan timur itu begitu suci. Ada para pembawa dan penyebar maklumat dan ilmu pengetahuan sudah terpahat dalam fikiran mereka bahawa apa jua yang bersifat barat tetap buruk. Di sinilah berpuncunya pengaruh anti duniawi.

Kerana ketohoran ilmu masyarakat Islam tidak berupaya untuk berdepan dengan masyarakat barat. Mereka menutup pandangan dan pendengaran mereka daripada perbahasan dan penemuan-penemuan yang sepatutnya boleh menolong memperkukuhkan maruah Islam di mata dunia. Di tangan orang-orang yang anti duniawi inilah Islam seolah-olah berundur ke belakang. Kerana tiada keupayaan untuk menentang biji mata ahli-ahli fikir barat secara rasional, kerana ketohoran ilmu, mereka membina benteng dan menegakkan dinding pejal supaya mereka boleh berselindung di sebalik hukum. Sepatutnya masyarakat Islam bangkit dengan berani dan menggunakan hukum-hukum dalam Islam untuk bertempur dengan fikiran barat dalam masalah kemiskinan, kemunduran dan kemajuan sejagat. Sepatutnya masyarakat Islam mencabar ketajaman akal bukan sahaja masyarakat-masyarakat lain, bahkan masyarakat Islam sendiri dalam soal-soal yang lebih mencabar daripada perbahasan tentang pakaian semata-mata. Penyelewengan terhadap masalah sebenar yang dihadapi oleh masyarakat Islam tidak akan menolong mereka untuk menebus malu dari kemunduran dan kemiskinan yang melemahkan mereka selama ini. Kemenangan dalam peperangan saraf dengan penentang-penentang Islam bukan sahaja memerlukan semangat bahkan juga ilmu yang diuji dan mata benda yang banyak.

Kemenangan juga tidak boleh dicapai kalau di kalangan bangsa sendiri masih wujud usaha-usaha untuk meletakkan hukum

sewenang-wenang dengan menuduh orang lain sebagai tidak 'Islamic'. Mencari pengaruh dan berusaha untuk mengekalkan pimpinan dengan cara yang tidak hormat ini boleh menjejaskan Islam di mata orang lain. Oleh itu saya menyeru Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO supaya sentiasa waspada terhadap gerakan-gerakan ini yang mungkin bergerak secara halus di sekeliling atau di kalangan mereka.

Walaupun para alim ulama dan cerdik pandai mengetahui adanya kebaikan dan faedah dari kejayaan barat, tapi tidak ramai dari golongan ini yang berani tampil ke muka untuk mengatakan timur tidak semestinya baik belaka dan unsur-unsur dari kejayaan barat semuanya buruk. Kadangkala timbul perasaan takut di kalangan cerdik pandai Melayu dan Islam sendiri bahawa mereka akan dihukum oleh masyarakat sebagai sekular dan pemuja duniawi sekiranya mereka mencontohi kejayaan barat dan timur yang baik.

Ramai rakyat yang mempunyai kedudukan yang baik dan berpengaruh dalam masyarakat dan setengah-setengahnya dalam kerajaan, universiti dan swasta - hasil usaha kerajaan yang memberi mereka bantuan, galakan dan peluang. Pada ketika bantuan dan peluang itu diberi kepada mereka, kerajaan berharap mereka akan kembali untuk memajukan bangsa dan negara. Kepada mereka kita berharap akan dapat membantu meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam bidang ekonomi moden.

Pada ketika kerajaan menggalakkan dan mendorong orang Melayu mencari ilmu untuk menolong bangsa dan agama ada pula di antara mereka yang berpendapat perkara yang perlu dipelajari oleh orang Melayu bukan ilmu untuk menjadi kaya-raya. Akibat tiada penguasaan ilmu, sama ada ilmu Islam, barat atau timur, dan juga akibat penguasaan ilmu yang disalahgunakan, seperti membenci dunia dan menghasut orang Melayu supaya menjadi mundur, akan menghilangkan daya usaha dan minat orang Melayu untuk berjaya di dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Penubuhan Barisan Nasional adalah menjadi asas politik negara yang kukuh yang akhirnya harus akan melahirkan sebuah parti politik tunggal bagi semua kaum untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu. Setiap orang rakyat Malaysia wajib committed kepada cita-cita ini dan berusaha untuk mencapainya. Perubahan-perubahan secara evolusi tidak dapat dielakkan supaya usaha baik ini tidak gagal.

Usaha kerajaan untuk mempertingkatkan ekonomi orang-orang Melayu bukanlah bertujuan memberikan keutamaan kepada satu kaum tetapi bertujuan untuk menyempurnakan satu proses bagi mempercepatkan kelahiran satu bangsa Malaysia yang bersatu kerana perbezaan ekonomi di antara kaum yang ketara sekarang menjadi batu penghalang.

Ahli-ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO hendaklah menjadi pelopor dan berusaha giat untuk memperkukuhkan lagi kerjasama dengan pemuda-pemuda dari semua kaum dan bersama-sama tampil ke hadapan untuk menjadi satu barisan yang kreatif yang berupaya mencetuskan idea-idea baru dan mencipta teknologi-teknologi sendiri yang boleh menyokong meningkatkan lagi prestasi pembangunan negara.

Peluang Malaysia untuk bersaing dengan negara-negara lain bukannya sesuatu yang mustahil. Menjelajah ke seluruh dunia bukan sahaja untuk menuntut ilmu tetapi juga untuk meninjau kemajuan orang-orang lain adalah perlu bagi pemuda-pemuda. Kita tidak perlu berasa malu untuk meniru kejayaan-kejayaan orang lain. Usaha merapatkan hubungan dengan pemuda-pemuda seluruh dunia juga penting dalam usaha menegakkan keamanan.

Pilihanraya umum pasti akan datang. Pemuda-pemuda dan Wanita adalah menjadi harapan parti untuk mencapai kemenangan. Persiapan-persiapan untuk menghadapi pilihanraya mestilah dimulakan dan diperhebatkan daripada sekarang juga.

Ada di antara parti pembangkang telah mengubah-ubah dasarnya berkali-kali dengan begitu mudah sekali. Ada pula yang berjuang bukan untuk kepentingan rakyat tetapi semata-mata hendak mendapat kuasa bagi faedah diri. Parti pembangkang yang tebal perkaumannya pula masih enggan bekerjasama dengan kaum-kaum yang lain. Mereka inilah yang sedang berusaha kononnya hendak bersama-sama menubuhkan kerajaan alternatif.

Walaupun parti-parti pembangkang belum berjaya mewujudkan kerjasama di antara mereka, namun Barisan Nasional tidak boleh leka. Pilihanraya adalah satu-satunya perkata yang terpenting sekali dan kita hendaklah menentukan bahawa kita akan mendapat kemenangan. Perpaduan di kalangan ahli-ahli parti sendiri hendaklah diutamakan dan diperkukuhkan kerana ia adalah punca kejayaan.

Perjuangan untuk mencapai kemerdekaan bukanlah bermula daripada tahun 1946. Kebangkitan orang-orang Melayu untuk

merebut kembali kemerdekaan telah bermula jauh lebih dahulu daripada tahun 1946. Malangnya parti-parti politik dan persatuan-persatuan yang ditubuhkan sebelum 1946 itu tidak berjaya mencapai kemerdekaan tetapi semangat dan perjuangan mereka adalah menjadi sebahagian daripada kejayaan perjuangan UMNO mencapai kemerdekaan.

Ketika UMNO ditubuhkan pada peringkat awalnya ia adalah untuk menghancurkan Malayan Union. Dan dengan menerima "Federation of Malaya Agreement 1948" yang tidak membawa apa-apa keuntungan kepada rakyat Malaya kemudiannya, maka setengah pemimpin-pemimpin UMNO pada waktu itu telah menjadi lemah dan dengan senang hati sanggup bekerjasama semula dengan penjajah British.

Hanya pada awal tahun 50an barulah UMNO mula menggerakkan tenaga dan menentukan matlamatnya untuk mencapai kemerdekaan penuh. Oleh yang demikian tidaklah tepat jika dikatakan segala-galanya perjuangan kita bermula daripada tahun 1946, sehingga ada orang yang begitu taksub sekali dan memandang tahun 46 itu sebagai tahun keramat.

UMNO ditubuhkan bukannya untuk mencari kemegahan atau populariti orang perseorangan tetapi adalah untuk rakyat. Saya tidak nampak di mana kurangnya UMNO sekarang ini kerana ianya mempunyai tujuan perjuangan yang sama dengan UMNO yang ditubuhkan dalam tahun '46 itu. Saya percaya parti-parti orang Melayu yang ada sekarang selain dari UMNO akan menerima nasib seperti I.M.P. dan Parti Negara yang telah berkubur itu. Sebaliknya UMNO adalah sebuah parti yang disokong oleh semua peringkat orang Melayu dan merupakan warisan perjuangan orang-orang Melayu yang ingin menebus nasib bangsanya melalui parti tersebut.

Orang-orang Melayu tidak harus dipesongkan oleh ajaran-ajaran agama yang menyeleweng dan membawa orang Melayu menjadi mundur di dunia. Yang jelas ialah nasionalisme Melayu dan agama Islam sama-sama memainkan peranan dalam menjaga kepentingan dan hak orang Melayu.

Diayah-diayah yang disebar oleh setengah-setengah pihak sejak akhir-akhir ini kononnya kerajaan Barisan Nasional telah menyerah kawasan-kawasan perindustrian dengan banyak kepada pelabur-pelabur asing sehingga boleh menyebabkan negara ini tergadai adalah satu propaganda murah. Kemudahan-kemudahan tapak

perindustrian dan pengilangan yang disediakan oleh kerajaan kepada pelabur-pelabur dibuat untuk kepentingan negara. Menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi mengurangkan pengangguran adalah satu-satunya janji yang kita wajib penuhi. Tidak kira sebanyak mana sekalipun pelabur asing mencurahkan masih ke Malaysia namun kekuasaan politik tetap di tangan kita sendiri.

Para pemimpin pembangkang Melayu ini sendiri sedar tentang keperluan ini dan mereka sendiri juga terlibat membuat dasar ini pada masa mereka berada dalam kerajaan dahulu.

Oleh kerana didorong oleh nafsu hendak berkuasa dengan cepat parti-parti pembangkang ini tidak menghiraukan kepentingan rakyat dengan membuat propaganda yang merugikan. Sepatutnya mereka menunjukkan contoh yang baik sebelum mereka dapat menubuhkan kerajaan. Janganlah hanya tahu mengkritik sahaja.

Orang Melayu dan UMNO janganlah terperangkap oleh penentang-penentang kerajaan. Perbezaan peribadi di antara pemimpin-pemimpin tidak seharusnya menembusi bilik-bilik persidangan, melintasi jalan-jalanraya dan tumpah dalam akhbar-akhbar, majalah dan buku-buku. Semua perbezaan bersifat sementara. UMNO dan Barisan Nasional telah menyaksikan perbezaan ini berulang kali sejak tahun 1946, di mana semuanya berakhir dengan bertolak-ansur dan berbaik-baik. Seperti kata pepatah Melayu, "Biduk berlalu kiambang bertaup" ataupun "Carik-carik bulu ayam lama-lama bercantum juga".

Kita semua telah melihat betapa sahabat karib boleh bertukar menjadi musuh secepat kilat kerana adanya tekanan yang melampaui batas kepada pebezaan yang berasaskan kepentingan peribadi dan kerana kekeliruan terhadap prioriti serta tanggungjawab. Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO haruslah sentiasa mengingatkan diri mereka bahawa UMNO dan Barisan Nasional mempunyai agenda perjuangan yang sangat besar. Mereka hendaklah sentiasa mengingatkan diri mereka bahawa penglibatan dalam perbahasan atau politik yang berkait dengan perbezaan peribadi di kalangan pemimpin-pemimpin akan hanya mendorong perbahasan seperti itu meluas menjadi jurang yang sukar untuk dibendung pada satu masa kelak. Kemudaratan yang akan ditanggung oleh parti kerana perpecahan tidak akan menjadikan mereka wira, sebaliknya mereka akan dicap sebagai petualang.

Tumpuan yang keterlaluan terhadap kempen-kempen untuk

mendapat kuasa tidak dapat menolong mengukuhkan parti. Jika nilai ini dibiarkan membiak di setiap cawangan dan bahagian akhirnya perjuangan UMNO untuk membela orang Melayu akan dilupakan dan menjadi tidak penting lagi.

Saya menimbulkan masalah ini kerana bukan sahaja matlamat perjuangan UMNO yang sebenar akan dilupakan, bahkan Badan Pergerakan Pemuda dan Wanita juga akan hilang kuasa keramatnya. Oleh itu adalah penting menerima nasihat dan diikuti dengan perasaan insaf di atas cita-cita parti kita yang sebenar. Saya menyeru agar seluruh jentera parti digembleng untuk mewujudkan perpaduan yang sejati dan yang lebih besar ertinya kepada perjuangan politik orang Melayu di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Marilah kita sama-sama mencipta sejarah gemilang dalam perpaduan Melayu dan UMNO yang tidak pernah dicipta sebelum ini.

Tiap-tiap orang dari kita ada kekuatannya sendiri. Oleh itu, marilah kita mencetuskan semula satu "vision" secara kolektif dalam perjuangan suci parti supaya zaman kita ini akan dikenang sebagai zaman menebus malu dari kemunduran, kelemahan, penderitaan dan perhambaan.

Buat pertama kalinya dalam sejarah negara kita, setelah dijajah selama empat kurun lamanya kita telah membuktikan kehebatan bangsa Melayu di bawah pimpinan UMNO dan Barisan Nasional memerintah negara ini. Di samping keberanian kita menyatakan sikap yang tegas terhadap beberapa isu antarabangsa kita juga telah mengejutkan penjajah tentang pencapaian dan kemajuan di negara kita di bawah pimpinan orang-orang Melayu dan kerjasama semua kaum. Kejayaan persidangan CHOGM telah menimbulkan penghormatan kepada satu bangsa yang pada satu ketika dulu dicemuh kerana kemunduran, tiba-tiba muncul menjadi "A Model Nation", negara contoh, kepada negara-negara lain yang diperintah oleh kulit putih. Kita telah berjaya menebus maruah kita. Tidak syak lagi negara kita adalah satu-satunya negara bekas tanah jajahan British yang termantap dan teraman dari segi politik - iaitu satu syarat yang terpenting bagi pembangunan ekonominya. Persidangan CHOGM juga telah berjaya meletakkan Malaysia di atas peta dunia sebagai sebuah negara kecil yang bercita-cita besar. Mari sama-sama kita ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dr. Mahathir atas kejayaannya ini. Pertumpahan darah untuk mengenalkan negara kita di luar negeri tidak perlu. Yang diperlukan

oleh negara kita ialah ketahanan rakyat, kerajinan dan budi pekerti yang disanjung tinggi. Juga yang diperlukan oleh negara kita ialah perubahan sikap pembangkang yang sepatutnya menolong membina perpaduan di kalangan rakyat dan mengamalkan "fair play", tidak ekstremist. Pembangkang yang sihat hendaklah tahu bila hendak mengkritik dan bila hendak memuji, bila hendak menyokong dan bila hendak menentang. Sikap ini penting untuk mewujudkan kestabilan politik dan kesejahteraan rakyat. Yang lebih penting lagi ialah usaha untuk membolehkan negara kita muncul dengan satu imej nasional yang disegani oleh kawan dan lawan. Saya harap parti-parti pembangkang akan menginsafi tujuan baik kita ini dan terus memberikan sumbangan yang lebih bermaruah kepada kestabilan politik negara.

Ekonomi yang mantap tidak mungkin boleh bertahan lama dalam sebuah negara yang diancam oleh keretakan persaudaraan di kalangan rakyat. Sebab itulah perbezaan yang jelas wujud di antara pembangkang dalam negara yang tidak bertamadun dan pembangkang dalam negara yang bertamadun. Kalau pendidikan, taraf hidup rakyat dan kemerdekaan dari belenggu penjajahan yang telah tercapai tidak boleh dijadikan ukuran untuk menilai antara pembangkang yang bertamadun dan tidak, maka apakah ukuran yang boleh dipakai untuk pembangkang yang membelakangkan kepentingan rakyat semata-mata untuk merebut kuasa?

Parti-parti pembangkang di negara ini harus ingat agar mereka tidak terjerumus ke dalam kancah perpecahan rakyat yang berlarutan. Mereka harus ingat bahawa tidak siapa yang akan mendapat faedah dari perbalahan rakyat.

Kemajuan ekonomi di negara kita berkait rapat dengan perpaduan rakyat kerana perpaduan akan mewujudkan kestabilan politik. Perkembangan politik di negara ini pada masa-masa lalu menunjukkan bahawa cara yang paling mudah bagi pembangkang ialah menjejaskan ekonomi negara dan dengan itu melemahkan pelaburan asing dalam negeri dan kemudian melancarkan perang anti-kerajaan. Apabila prestasi ekonomi negara telah merosot mereka akan memukul gendang dengan lebih kuat lagi dengan menuduh kononnya kemerosotan ekonomi berpunca dari pimpinan kerajaan yang tidak popular. Golongan ini timbul tenggelam di negara kita pada setiap ketika, lebih-lebih lagi apabila hampir pilihanraya. Mereka sedikitpun tidak insaf terhadap nasib rakyat

yang kurang bernasib baik di luar bandar dan di pinggir-pinggir bandar. Kepada mereka kalau lebih ramai rakyat yang menderita maka adalah lebih baik, kerana propaganda mereka akan menjadi lebih berkesan lagi. Tindakan yang tidak bertanggungjawab seperti ini sudah tentu akan meretakkan perpaduan.

Ada rakyat yang tidak begitu mengetahui sepak terajang politik pembangkang. Mereka tidak begitu faham perbezaan antara PAS, 46 dan DAP yang begitu besar sehingga jika ditakdirkan mereka berkuasa, negara akan kehilangan kestabilan.

Sebagai contoh, penarikan diri DAP daripada MAPEN menunjukkan parti ini seolah-olahnya tidak mengakui langsung hakikat wujudnya rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Bagaimanakah satu dasar hendak diwujudkan hanya untuk kepentingan satu bangsa sahaja dengan mengeneipkan kaum yang lain? MAPEN diwujudkan untuk tujuan baik bagi mencari titik pertemuan di antara semua kaum dalam negeri ini. Sekarang ini terang DAP tidak boleh diharap dapat menolong menyelesaikan masalah perkauman, bahkan mereka sebenarnya menjadi penghalang kepada perpaduan rakyat, parti ini dengan dasarnya yang ada sekarang bukan sahaja tidak layak memerintah bahkan tidak patut wujud di negara ini.

PAS telah berkali-kali mengubah dasarnya. Ini menunjukkan parti ini tidak berpegang teguh kepada Islam yang sebenarnya. Adalah bahaya bagi umat Islam menyokong parti yang seperti ini kerana ternyata sekarang PAS menggunakan agama Islam dengan membuat tafsiran mengikut sekehendak hati mereka untuk faedah politiknya.

Kalau dahulu PAS menggunakan ayat Quran dan hadis untuk menuduh UMNO 'UNISLAMIC' kerana bersekutu dengan orang-orang Cina tetapi sekarang parti PAS sendiri sanggup pula kerjasama dengan orang-orang Cina.

Pada pendapat PAS fahaman kebangsaan atau 'Abasiah' haram kerana bertentangan dengan Islam tetapi sekarang ini mereka sudah terbalik semenjak berkahwin dengan 46. PAS memuji bekas ahli-ahli UMNO yang bersama-sama mereka sekarang tinggi melangit semata-mata kerana mereka telah menjadi kawan perkongsiannya. Inilah sebahagian daripada kepalsuan parti ini. Apa yang diucapkannya dahulu jauh benar bezanya dengan apa yang diamalkannya sekarang.

Orang-orang Melayu beruntung menjadi pemeluk Islam kerana

agama Islam adalah satu agama yang menitikberatkan soal pembangunan mengikut kehendak fardu kifayah yang sedang dilaksanakan dengan hebat oleh UMNO sekarang ini. UMNO akan terus-menerus menunaikan fardu kifayah yang dituntut oleh agama Islam ini untuk kemajuan rakyat. UMNO tidak mahu menggunakan Islam untuk kepentingan politik tetapi sebaliknya menggunakan politik untuk kepentingan agama. Ini adalah berbeza dengan sikap PAS yang menggunakan Islam untuk kepentingan politik.

Peluang pemuda-pemuda untuk maju dalam bidang ekonomi, pelajaran dan sebagainya adalah berpuluh kali ganda lebih baik jika dibandingkan dengan keadaan sebelum tercapai kemerdekaan. Jangan lepaskan peluang keemasan ini. Hanya mereka yang bersungguh-sungguh memajukan diri sendiri yang akan beroleh kejayaan. Apa yang dikatakan "Pemuda Tiang Negara" itu ialah mereka yang sentiasa berusaha, mempunyai semangat ingin menandingi orang-orang lain yang lebih maju daripadanya. Dunia berubah dengan begitu cepat sekali dan kita akan tertinggal di belakang jika kita leka dengan masalah-masalah yang remeh-temeh.

*Ucapan Encik Ghafar Baba merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 16 November 1989*

## MEMANTAP DAN MENGUKUHKAN UMNO

SAYA mengucapkan selamat datang kepada para perwakilan sekalian. Syukur kepada Allah s.w.t. sekali lagi dapat kita berjumpa dalam suasana yang meriah kerana pilihanraya yang baru saja selesai telah memberi kemenangan yang sangat cemerlang kepada Barisan Nasional. Kita akan gunakan kemenangan kita yang cemerlang ini dengan sebaik-baiknya untuk membangunkan negara sepertimana janji yang tersebut dalam manifesto kita itu. Terima kasih sebanyak-banyaknya kepada Pemuda, Wanita yang telah bekerja keras dalam pilihanraya yang baru lalu. Tahniah kepada calon-calon Pemuda dan Wanita yang menang. Mudah-mudahan calon-calon Pemuda yang menang itu akan kekal menjadi orang muda selama-lamanya.

Negeri Kelantan telah menerima banyak pembangunan sejak BN berkuasa semula pada tahun 1978. Sebagai satu contoh dalam tempoh 12 tahun sejumlah \$441 juta telah dibelanjakan oleh kerajaan pusat untuk memajukan Kesedar, satu rancangan kemajuan wilayah di Kelantan Selatan. Tetapi kerana terlalu percaya kepada dakyah Semangat 46, rakyat Kelantan telah menjadi seperti kata pepatah, "Dengarkan guruh di langit air di tempayan dicurahkan". Mereka telah berubah haluan dengan menyokong APU. Tangan yang mencencang, bahu yang memikul. Biarlah mereka menentukan nasibnya sendiri. UMNO menghormati keputusan yang telah dibuat oleh mereka. Mudah-mudahan di bawah pemerintahan PAS mereka akan mendapat kemajuan yang lebih banyak. Jika mereka kecundang maka Semangat 46 tidak dapat melarikan diri

daripada dipertanggungjawabkan.

Pembangkok pernah menuduh "Demokrasi telah mati di Malaysia". Tetapi apakah sikap mereka di atas perbuatan PBS menikam Barisan Nasional dari belakang dalam pilihanraya yang baru lalu, di mana PBS telah mendapat kemenangan sebanyak 14 kerusi Parlimen dengan percuma yang bererti mereka mengeneppikan hak rakyat Sabah untuk memilih wakil-wakilnya dengan bebas dalam 14 kawasan tersebut? Kemenangan 14 kerusi Dewan Rakyat oleh PBS dengan percuma itu adalah satu kemenangan yang tidak bermaruah. Satu perbuatan yang memalukan. Peratusan rakyat keluar mengundi dalam 14 kawasan yang ditandingi oleh PBS sangat-sangat rendah. Di kawasan Padas, umpamanya, jumlah pengundi yang membuang undi hanya 32% sahaja. Ini membuktikan satu demonstrasi rakyat memprotes perbuatan PBS yang merampas hak kebebasan mereka untuk mengundi. Tuhan maha kaya, kita masih memperolehi majoriti lebih daripada 2/3 sekalipun kita kehilangan 14 kerusi di Sabah itu. BN tidak rugi sedikit pun atas langkah PBS keluar dari Barisan Nasional. Kita pun tidak mahu bersekongkol lagi dengan orang-orang yang tidak jujur.

UMNO akan masuk ke Sabah. Permohonan Akar, sebuah parti orang orang Kadazan dan Dusun untuk menjadi anggota Barisan untuk menggantikan PBS sedang ditimbang. PBS jangan fikir bahawa hanya partinya sahaja yang boleh mewakili kaum Kadazan. LDP, sebuah parti masyarakat Cina di Sabah juga telah memohon untuk menjadi anggota Barisan Nasional. Sudah pasti akan lahir satu barisan parti-parti yang kuat yang mewakili semua kaum di Sabah yang akan memberi tentangan hebat kepada PBS dalam pilihanraya yang akan datang. Insya Allah, kita akan menawan semula Sabah.

Sama ada PBS mahu bekerjasama dengan kerajaan pusat atau hendak menyemarakkan lagi kempen anti Federal adalah menjadi hak mereka. Mereka boleh memilih apa sahaja yang mereka mahu. Bagi kita, suara lantang mereka menentang pusat adalah seperti kata pepatah, "Seperti anjing menyalak bukit" sahaja.

PBS janganlah berfikir bahawa PBS itu Sabah dan Sabah itu PBS. Bukan semua rakyat Sabah menyokong PBS. Kerajaan pusat juga adalah bertanggungjawab kepada rakyat Sabah. Kerajaan pusat akan memberi perlindungan secukupnya kepada rakyat Sabah yang diketepikan oleh PBS.

Saudara-saudara sekalian, walau apa pun sungutan yang

berbangkit ekoran daripada pilihanraya yang baru lalu, namun UMNO tetap akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi perpaduan rakyat berbilang kaum di negara kita ini.

Parti pembangkang adalah menjadi batu penghalang kepada usaha kita hendak menyatu-padukan kaum di negara ini. DAP hanya sanggup bertanding di kawasan orang Cina manakala PAS pula di kawasan orang Melayu sahaja. Hanya Barisan Nasional sahaja satu gabungan parti-parti yang sanggup bertanding dalam semua kawasan dengan tidak mengira kedudukan bangsa dan agama pengundi-pengundi yang ada di tiap-tiap kawasan itu.

Di kawasan Parlimen Bukit Bintang, sebagai contoh, DAP mendapat kemenangan besar kerana hampir 90% pengundinya terdiri daripada orang-orang Cina. Sebaliknya, di kawasan Ampang Jaya yang bersempadan dengan Bukit Bintang yang terdiri daripada 65% majoriti Melayu, calon MCA telah mendapat kemenangan dengan majoriti sebanyak 9,000. Perbandingan keputusan pilihanraya di antara dua kawasan tersebut ternyata sekali menunjukkan Barisan Nasionallah satu-satunya parti yang benar-benar boleh mewujudkan perpaduan kaum, bukannya parti pembangkang.

Semua rakyat yang ada di Malaysia diakui menjadi penduduk tetap dan mempunyai hak seperti yang terkandung dalam perlembagaan. Janganlah hendaknya ada orang-orang Melayu yang masih menganggap orang-orang bukan Melayu sebagai penduduk sementara. Sebaliknya orang-orang bukan Melayu, terutamanya bangsa Cina, janganlah menganggap bantuan kerajaan untuk meningkatkan ekonomi orang-orang Melayu sebagai satu langkah berat sebelah. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk membantu kumpulan miskin dengan tidak mengira kaum supaya pembahagian rezeki yang adil benar-benar tercapai. Inilah satu-satunya tindakan yang paling berkesan sekali untuk menghapuskan semangat perkauman di Malaysia.

Pembasmian kemiskinan dengan tidak mengira bangsa dan agama bagi semua penduduk di Malaysia akan menjadi satu perjuangan BN yang berterusan. BN insaf bahawa orang-orang miskin bukan sahaja di kalangan orang Melayu tetapi ada juga wujud di kalangan lain-lain kaum di negara ini. Adalah menjadi satu kesilapan besar jika ada sesuatu kaum yang cuba hendak menjajah satu kaum yang lain di negara ini. Percubaan hendak menindas mana-mana kaum oleh satu kaum yang lain hanya akan

mencetuskan konfrontasi yang boleh menghancurkan negara.

Setiap orang hendaklah mempunyai perasaan penuh tanggungjawab lagi jujur dalam usaha memupuk semangat bersatu-padu di antara semua kaum untuk menjamin keselamatan hidup keturunan kita yang akan datang. Peperangan atau pergaduhan tidak akan dapat menyelesaikan masalah. Rundingan demi rundingan di antara kaum-kaum yang telah dibuat menerusi Barisan Nasional selama 33 tahun yang lalu sahaja cara yang boleh menghasilkan kejayaan. Orang-orang Melayu hendaklah memahami masalah orang-orang Cina, dan orang-orang Cina hendaklah memahami masalah orang-orang Melayu. Hanya semangat tolok ansur sahaja yang boleh menyelesaikan masalah negara yang mempunyai penduduk berbagai kaum ini. Kita tidak mahu adanya puak pelampau dalam mana-mana kaum jua pun.

UMNO mesti diperkukuhkan lagi kerana ianya mutlak menjadi payung melindungi orang-orang Melayu dan agama Islam. Pintu UMNO sentiasa terbuka kepada semua orang bumiputera. UMNO yang lebih kuat dengan ahli yang lebih ramai lagi berkualiti sahaja yang akan dapat menyelamatkan orang-orang Melayu.

Setiap orang Melayu berkehendakkan pembelaan, tetapi malangnya sebahagian daripada mereka hanya mengharapkan tenaga orang lain semata-mata. Bahkan setengah daripada mereka hanya tahu mengkritik UMNO sahaja sedangkan mereka sendiri tidak sanggup tampil ke hadapan atau berbuat sesuatu untuk memikul tanggungjawab. Hidup bererti perjuangan. Hidup tidak bererti jika tidak ada perjuangan.

Syukur, Allah s.w.t. telah mengembalikan kemerdekaan negara kepada kita. Inilah peluang terakhir bagi kita bangkit semula untuk menjamin kedaulatan, keselamatan dan penghidupan rakyat yang lebih makmur. Setiap orang mesti memikul tanggungjawab masing-masing dalam perjuangan membangunkan negara.

Adalah menjadi tanggungjawab UMNO untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% hak-hak orang-orang Melayu dalam ekonomi negara dalam masa yang sesingkat-singkatnya tanpa mencero bohi kedudukan ekonomi kaum-kaum yang lain. Setiap orang Melayu hendaklah mempunyai semangat keinsafan, berani tampil ke hadapan mengambil bahagian dalam apa jua bidang perniagaan untuk membolehkan kita mencapai matlamat tersebut. Orang-orang Melayu memang dikehendaki cergas dalam bidang politik. Tetapi tidak bererti kecergasan dalam bidang politik itu

sehingga sampai mengabaikan tanggungjawab kita dalam bidang ekonomi. Kedua-duanya, politik dan ekonomi, mesti bergerak serentak.

Tanggungjawab kita adalah berat untuk mengekalkan agar pertumbuhan ekonomi negara sentiasa berkembang di paras antara 9 hingga 10 peratus seperti yang ada sekarang, satu-satunya pertumbuhan ekonomi yang tertinggi di antara beberapa buah negara dalam dunia.

Pendapatan per kapita rakyat Malaysia sebanyak \$6,000 sekarang mesti dipertingkatkan lagi ke paras 9 hingga 10 ribu ringgit setahun supaya paras kemiskinan dapat dikurangkan. Paras kemiskinan sebanyak 15% di Semenanjung pada hari ini hendaklah diturunkan lagi kepada 10%. Paras kemiskinan di Sabah dan Sarawak juga mesti dikurangkan.

Kira-kira 200 ribu orang kanak-kanak meninggalkan bangku sekolah setiap tahun untuk masuk dalam pasaran buruh. Adalah menjadi tanggungjawab kita menyediakan pekerjaan untuk mereka semua. Jika rakyat Malaysia tidak memilih pekerjaan memang ada harapan pengangguran dapat dihapuskan di tanahair kita ini.

Pembangunan luar bandar akan diteruskan. Jihad membasmi kemiskinan akan dipertingkatkan. Infrastruktur yang lebih baik akan diwujudkan untuk menggalakkan pelabur-pelabur mendirikan kilang-kilang di kawasan luar bandar. Bekalan api dan air akan ditambah. Mengikut rancangan kita, bekalan api akan dapat disampaikan 100% ke seluruh pelosok tanahair dalam tahun 1995 dan belakalan air pula dapat dipertingkatkan daripada 75% pada hari ini kepada 90% dalam tempoh 5 tahun yang akan datang. Syarikat Telekom Malaysia (STM) akan membelanjakan \$1.39 bilion dalam Rancangan Malaysia Keenam bagi tujuan menambahkan lagi perkhidmatan telefon luar bandar. Adalah menjadi azam kerajaan supaya tidak ada lagi perbezaan kemudahan-kemudahan dan taraf ekonomi di antara penduduk bandar dan luar bandar.

Kerajaan sedia berdamping rapat dengan usahawan-usahawan bumiputera bukan sahaja untuk membantu mereka tapi juga untuk menentukan bahawa mereka dapat mengukuhkan usaha kerajaan mencapai sekurang-kurangnya 30% penyertaan orang Melayu dalam ekonomi negara.

UMNO mesti diperkemas dan diperkukuhkan lagi. Jangan jadikan UMNO sebuah parti yang bergerak hanya di musim pilihanraya sahaja. UMNO hendaklah bergerak sepanjang masa.

Wujudnya UMNO di merata-rata tempat hendaklah dirasai oleh rakyat dengan cara kita sentiasa memberikan khidmat kepada mereka.

Jumlah pengundi dalam pilihanraya 5 tahun lagi dianggarkan meningkat kepada 10 juta orang yang terdiri daripada kira-kira 6 juta orang pengundi Melayu. UMNO hendaklah mempunyai ahli sekurang-kurangnya seramai satu pertiga daripada jumlah pengundi-pengundi Melayu itu untuk menentukan kemenangan kita dalam pilihanraya yang akan datang nanti. Saya menyeru kepada semua orang-orang Melayu dengan rasa penuh tanggungjawab supaya tampil ke hadapan dengan tidak berlengah-lengah lagi menyertai UMNO. Dan saya menyeru kepada semua Ketua-ketua UMNO di peringkat Cawangan dan Bahagian jangan sekali-kali menyekat sesiapa jua pun orang Melayu yang hendak menjadi ahli UMNO.

Perjuangan UMNO yang telah berjaya mencapai kemerdekaan dan membangunkan negara adalah bertunjangan kepada ajaran dan tuntutan Islam. UMNO tetap mempertahankan kemerdekaan dan terus berjuang untuk memajukan negara. Semuanya ini dilakukan mengikut kehendak agama Islam dengan perspektif yang luas.

UMNO tetap menjunjung dan mempertahankan institusi Raja Berperlembagaan. Perbahasan dalam Perhimpunan Agung mengenai perkara ini semata-mata bertujuan untuk menentukan tentang pengertian Raja Berperlembagaan sahaja supaya rakyat dan Raja-raja sama-sama memahami dengan jelas, supaya tidak berbangkit apa-apa perselisihan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Islam adalah agama yang diturunkan untuk semua makhluk Allah. Islam diturunkan bukannya semata-mata untuk sesuatu golongan yang tertentu sahaja. Perjuangan UMNO terhadap Islam ialah menggunakan politik untuk mengembang, mempertahankan dan memperkukuhkan agama kita itu dan bukan sebaliknya.

Pergerakan Wanita dan Pemuda adalah sebahagian daripada UMNO. Kedua-duanya tidak boleh diasing-asingkan. Satu ketika dahulu pernah berlaku Pemuda digunakan untuk menjadi batu loncatan bagi satu golongan yang hendak merebut kuasa. Itu adalah satu perbuatan yang tidak sihat. Di dalam UMNO setiap ahli mempunyai hak yang sama. Seorang Wanita, seorang Pemuda boleh bertanding untuk menjadi Presiden parti. Tidak ada halangan.

Tidak salah seorang ahli Pemuda masuk bertanding merebut jawatan Ketua Bahagian. Apa yang tidak sihat ialah jika Pemuda tersebut bertanding kononnya sebagai calon mewakili Pemuda. Kalau ini berlaku maka akan retaklah hubungan Pemuda dengan Bahagian itu. Faedahnya tidak ada.

Peraturan Pergerakan Pemuda dan Wanita akan disemak dan disusun semula sekalipun terpaksa meminda perlembagaan jika kedua-dua jawatan Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita hendak dipilih semula. Penyemakan ini perlu supaya kedua-duanya dapat bergerak lebih cergas dan teratur. Pemuda dan Wanita hendaklah lebih menumpukan tenaga kepada gerakan-gerakan belia, ekonomi, kebudayaan dan sukan. Memang itulah tujuan kedua-dua pergerakan ini ditubuhkan dahulu. Usaha menyatu-padukan kaum-kaum juga hendaklah dijadikan perjuangan utama Pemuda dan Wanita. Saya dukacita melihatkan kurangnya bilangan pemuda-pemuda Cina menyertai gerakan-gerakan belia di negara kita ini. Pemuda-pemuda parti komponen Barisan Nasional hendaklah mengambil berat atas perkara ini. Memupuk semangat perpaduan kaum hendaklah dimulakan di peringkat belia-belia, bahkan sepatutnya daripada semasa mereka berada di bangku sekolah lagi.

Masih kedengaran orang-orang Melayu lantang melaungkan berbagai-bagai cogankata seperti "dominan Melayu". Apakah faedahnya kita melaung-laungkan cogankata-cogankata sahaja jika isinya kosong. Apa yang penting bagi orang-orang Melayu sekarang ialah melengkapkan kelayakan diri menjadi pemimpin bagi menyelesaikan semua masalah negara termasuk masalah meningkatkan ekonomi orang-orang Melayu sendiri. Kemampuan orang Melayu menjadi pemimpin dengan sendirinya meletakkan bangsa Melayu sebagai bangsa yang dihormati. Usaha kita dalam hal ini adalah lebih penting daripada membuang masa melaung-laungkan slogan-slogan sahaja.

Setiap orang rakyat Malaysia dari semua kaum hendaklah mempunyai semangat ingin berdikari dan kreatif untuk menyaingi kemajuan negara-negara lain terutama dalam bidang teknologi tinggi. Kita janganlah berharap negara asing akan menyerahkan teknologi tinggi mereka kepada kita dengan begitu senang sekali seperti memberi sedekah. Kita hendaklah berani masuk ke dalam gelanggang perlumbaan mencipta teknologi-teknologi baru. Tidak ada siapa yang akan menitiskan air mata jika sekiranya kita ketinggalan. Jatuh bangun negara ini terletak di atas bahu kita

sendiri.

Sukalah saya mengingatkan sekali lagi bahawa tujuan kita memasuki UMNO adalah semata-mata untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara. Apabila sampai waktu pemilihan biarlah ahli-ahli parti memilih pemimpin-pemimpin dengan menilai semata-mata atas prestasi mereka. Jika seseorang itu menjadi ahli parti dengan tujuan hendak memegang jawatan tinggi semata-mata, sudah pasti akan berlaku perlumbaan hebat di antara satu dengan lain yang akan menyebabkan parti menjadi lemah. Apakah faedahnya kita berparti jika parti itu lemah.

Akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Ibu Pejabat UMNO yang telah berjalan dengan baik selama setahun yang lalu sehingga membolehkan kita dapat menghadiri persidangan ini dengan teratur dan penuh keselesaan. Terima kasih.

*Ucapan Encik Ghafar Baba merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada tahun 1990.*

## PERJUANGAN SUCI UMNO

DALAM tempoh 30 tahun yang akan datang menjelang tibanya tahun keramat 2020 yang kita tunggu itu saudara-saudara sudah pasti akan berhadapan dengan beberapa peristiwa-peristiwa, masalah-masalah, cabaran dan rintangan yang mesti diatasi bagi menentukan tercapainya Wawasan 2020 itu. Dalam tempoh tersebut negara kita akan menghadapi lima kali pilihanraya umum yang mesti dimenangi oleh Barisan Nasional supaya pembangunan dapat berterusan sehingga tercapai cita-cita murni kita itu. Saudara-saudari sudah pun tahu bagaimana sukarnya hendak memenangi pilihanraya. Pada tahun 1969 dahulu dua buah negeri yang dahulunya dikuasai oleh Parti Perikatan, Selangor dan Perak hampir-hampir jatuh ke tangan pembangkang. Manakala di Pulau Pinang Perikatan kalah dengan teruknya.

Dalam pilihanraya tahun 1990 pula Kelantan dan Sabah dikuasai oleh parti pembangkang. Jika tidak ada kestabilan politik sudah pasti rancangan pembangunan menghadapi kesukaran.

Dalam tempoh yang sama UMNO pula akan berhadapan dengan 10 kali pemilihan Majlis Tertinggi yang mesti diadakan setiap tiga tahun sekali. Kadang-kadang pemilihan di dalam parti menimbulkan pergolakan yang lebih besar. Jika UMNO lemah ekoran daripada pemilihan Majlis Tertinggi maka dengan sendirinya ia akan menggugat kekuatan kita menghadapi pilihanraya umum. Sebuah kerajaan yang lemah tidak akan bertenaga untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 itu.

Setiap ahli parti hendaklah bertanya kepada diri sendiri apakah

tujuan sebenar mereka menyertai UMNO. Tujuan yang paling mulia sekali memasuki parti adalah semata-mata untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara. Jika tujuan suci itu dicampuradukkan dengan kepentingan diri atau untuk mendapat kemegahan maka parti akan menjadi porak-peranda dan segala yang dicita-cita pada akhirnya akan berkesudahan dengan satu impian kosong.

Pemilihan di dalam parti hendaklah berjalan dengan semangat persahabatan atau setiakawan dan setelah selesai pemilihan semuanya hendaklah bersatu semula mendukung cita-cita parti. Kalau amalan ini diketepikan maka peristiwa perpecahan UMNO sebagaimana yang berlaku dalam tahun 1987 akan berulang kembali. Kalau ini berlaku jangan harap usaha pembangunan boleh berjalan dengan lancar.

Sebelum tercapai kemerdekaan ahli-ahli politik menumpukan sepenuh masa semata-mata bercakap mengenai politik sahaja. Memang tidak ada faedahnya pun pada waktu itu bercakap mengenai pelajaran, ekonomi dan pembangunan kerana kuasa tidak ada di tangan kita.

Setelah kemerdekaan tercapai maka perjuangan kita telah bertambah kepada usaha pembangunan. Dua usaha besar mesti dilaksanakan jika kita mahu UMNO menjadi lebih kuat. Pertama, UMNO hendaklah menunjukkan kepad orang ramai bahawa pemimpin-pemimpin UMNO boleh bersatu hati dan bekerja semata-mata untuk kepentingan rakyat. Kedua, UMNO mesti menunjukkan keupayaannya membawa perubahan yang boleh menjadikan negara bertambah maju di mana rakyat dapat hidup dengan selesa, senang dan mewah.

Oleh yang demikian ahli-ahli parti terutama sekali Pemuda hendaklah bekerja keras mencapai tujuan yang saya sebutkan itu.

Mempertingkatkan ekonomi orang-orang Melayu dan Bumiputera supaya dapat bersaing dengan kemajuan kaum-kaum lain bukanlah satu perkara mudah. Walaupun Dasar Ekonomi Baru telah berjaya begitu banyak tetapi kita masih jauh lagi tinggal di belakang.

Dalam bidang ekonomi orang-orang Cina mempunyai banyak kelebihan dibandingkan dengan orang-orang Melayu. Pertama, dari dahulu lagi ekonomi orang-orang Cina sudah sedia lebih maju daripada ekonomi orang-orang Melayu dan dengan sendirinya mempunyai 'purchasing power' yang kuat. Kedua, ekonomi sudah

menjadi darah daging mereka dari zaman dahulu lagi dan mereka mempunyai pengetahuan yang banyak dalam selok-belok perniagaan. Ketiga, mereka mempunyai semangat perpaduan yang boleh membawa kepada tolong menolong di antara sesama sendiri. Maka dengan sebab itu kedudukan mereka kukuh ibarat sebatang pokok yang telah berakar berumbi dapat hidup dengan gagah dan boleh menahan dari digoncang angin.

Manakala kedudukan orang-orang Melayu adalah sebaliknya. Ekonomi orang Melayu lemah dari dulu lagi. Dengan demikian 'purchasing power'nya juga lemah. Orang Melayu hanya baru sahaja bermula mempelajari selok-belok perniagaan dan oleh kerana rata-rata orang Melayu lemah maka bantu-membantu di antara satu sama lain juga tidak ada. Demikianlah gambaran tentang perbezaan di antara kedudukan orang Melayu dengan orang-orang lain yang mesti kita perbaiki. Persoalan ini bukanlah satu perkara mudah tetapi wajib diperjuangkan walau dengan apa cara sekalipun.

Sistem pelajaran kita telah menunjukkan kejayaan. Banyak cerdik pandai telah dapat dilahirkan, tetapi itu belum mencukupi. Kerajaan menyedari tentang perkembangan-perkembangan baru industri yang berteknologi tinggi dan beribu macam perusahaan canggih di mana orang Melayu tidak boleh ditinggalkan. Oleh itu selepas meninggalkan bangku sekolah latihan-latihan khas diwujudkan untuk melatih pemuda-pemuda supaya dapat melayakkan diri memasuki perusahaan-perusahaan baru yang berteknologi tinggi itu.

Peluang latihan-latihan khas dalam berbagai bidang teknologi akan bertambah luas apabila pihak swasta juga digesa sama-sama mengambil bahagian. Walau bagaimanapun melahirkan pemuda-pemuda Melayu yang bersemangat tinggi lagi bertanggungjawab dan berupada maju adalah lebih penting lagi.

Adalah menjadi tanggungjawab Pemuda UMNO supaya membimbing belia-belia Melayu untuk memahami hasrat Kerajaan dan seterusnya mengambil bahagian masing-masing supaya tidak ada sedikitpun tenaga belia yang terbuang sia-sia dan lebih buruk lagi jika mereka menjadi punca bahaya kepada begara seperti penagihan dadah dan sebagainya.

Kita mahu melihat Malaysia bukan sahaj bersih dari kekototan tapi juga bersih daripada ancaman dadah dan penyakit Aids. Kita mahu melihat wujudnya rakyat Malaysia yang berdisiplin, bersemangat, dedikasi, sihat, bersatu-padu dan sanggup berkorban

untuk kepentingan negara.

Kerajaan memang banyak membantu gerakan belia di Malaysia tetapi bantuan itu terhad bukan sahaj kerana Malaysia belum mewah tetapi kerana Kerajaan tidak mahu membunuh semangat berdikari di kalangan mereka. Jika semangat berdikari telah lemah maka sendi-sendi kekuatan sesuatu masyarakat menjadi penyakit yang boleh menghancurkan negara.

Ahli-ahli parti janganlah membuang masa dengan gosip-gosip politik kosong. Gosip-gosip politik kosong tidak memberi apa-apa faedah. Kejayaan kita dalam bidang ekonomi dengan sendirinya akan mengukuhkan UMNO. Mereka yang bekerja kuat dengan tulus ikhlas dan menunjukkan keupayaan memimpin akhirnya akan terpilih menjadi pemimpin-pemimpin parti. Inilah jalan yang sebaik-baiknya untuk seseorang yang bercita-cita hendak meningkat naik.

Semakin lama, Malaysia semakin terkenal dalam arena politik antarabangsa. Setiap Perdana menteri kita telah memainkan peranan penting ke arah tersebut. Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah berjaya dalam usahanya menubuhkan Asean dan Persatuan Negara-negara Islam Sedunia. Dengan usaha Malaysia pada waktu itu juga maka Afrika Selatan telah disingkirkan daripada Komanwel. Malangnya, dua orang pemimpin kemudian daripada beliau Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn, memegang jawatan Perdana Menteri dalam waktu yang pendek sebelum mereka dapat memainkan peranan yang besar dalam arena politik antarabangsa.

Presiden kita sekarang, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, selaku Perdana Menteri telah mendapat kejayaan besar dalam usahanya memperkenalkan Malaysia dengan lebih meluas ke seluruh dunia sehingga beliau sekarang ini menonjol sebagai juara memperjuangkan nasib negara-negara kecil yang lemah. Walaupun Malaysia mendapat sebanyak sedikit bantuan daripada negara maju tetapi ini tidak bererti Malaysia sanggup menggadaikan maruah semata-mata untuk mengharapkan bantuan. Kita faham bahawa Malaysia adalah sebuah negara kecil yang masih lemah dalam bidang ekonomi tetapi kita terpaksa bersuara terus terang dan lantang di atas perkara yang benar. Nampaknya pendirian Malaysia yang tegas ini mendapat perhatian dunia dan kita harus mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri. Pemilihan beliau menjadi pengerusi 11 buah negara Komanwel

untuk menyelesaikan masalah Afrika Selatan sangat membanggakan kita semua.

Kita mendoakan supaya beliau dengan jawatankuasanya ini berjaya dalam usaha mengkuburkan 'apartheid'. Mudah-mudahan kejayaan ini kelak akan membawa nama Perdana Menteri sendiri dan Malaysia amnya tertulis dengan tinta emas dalam sejarah perjuangan politik dunia.

Usaha gigih Perdana Menteri hendaklah dijadikan satu contoh yang baik, jika kita berdiam diri dan sentiasa menadah tangan meminta sedekah jangan harap ada sebuah pun negara lain yang mahu menolong kita. Syukur, pada hari ini dengan kepintaran dan keberanian pemimpin kita, Malaysia berjaya mengambil tempat terkemuka di dunia di mana kedapatan sekarang ini banyak negara-negara lain ingin menghantar pegawai-pegawainya menjalankan latihan pentadbiran di Malaysia. Ada juga yang datang untuk mempelajari rancangan Felda, Sistem Tabung haji, Institut Penyelidikan Getah, Amanah Saham Nasional dan lain-lain lagi. Ini adalah di antara satu-satunya kejayaan lain yang boleh kita banggakan. Lawatan Perdana Menteri ke seluruh dunia untuk merapatkan kerjasama ekonomi memang dapat dilihat kejayaannya. Setiap negara yang dilawatinya telah dapat memulakan kerjasama dalam bidang ekonomi. Memanglah perkembangan ekonomi itu penting kerana ia menjadi syarat mutlak bagi mencapai Wawasan 2020.

Malaysia tidak akan maju jika hanya bergantung kepada kecekapan Perdana Menteri sematamata. Setiap orang rakyat lelaki dan perempuan mestilah bekerja keras menunaikan tanggungjawab masing-masing terlebih dahulu sebelum kita dapat melihat Malaysia menjadi negara maju. Dasar Kerajaan dalam bidang ekonomi sangat jelas. Kerajaan mahukan rakyat sendiri menjalankan perniagaan dan Kerajaan hanya menjadi pentadbir dan menyediakan infrastruktur selain daripada memberi pelajaran dan latihan. Setiap orang rakyat patut menerima dasar Kerajaan yang liberal dan yang terbaru dan mesti berlumba-lumba merebut peluang. Mereka yang sanggup bekerja keras akan beroleh kejayaan dan orang malas jangan harap akan mendapat bantuan. Kerajaan tidak mahu menyekat perkembangan ekonomi kaum-kaum lain kerana mereka adalah rakyat Malaysia yang mempunyai hak untuk hidup dengan bebas di negara ini. Kejayaan yang diperolehi oleh mereka itu pun boleh menolong memperkembangkan ekonomi negara. Kita

berharap oleh kerana semua kaum mempunyai satu tujuan yang sama untuk menentukan kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 7-10% setahun, maka sudah sepatutnya bahkan wajib bagi semua kaum berganding bahu tolong-menolong antara satu sama lain kerana kerjasama semua kaum adalah menjadi satu lagi syarat yang boleh menentukan masa depan negara yang lebih cemerlang.—

Dalam hal perpaduan kaum pemuda-pemuda juga mesti memainkan peranan penting. Pemuda-pemuda UMNO hendaklah menjadi pelopor dalam semua bidang. Demikianlah beratnya tanggungjawab pemuda-pemuda UMNO.

Wanita UMNO juga mempunyai peranan yang sama penting seperti pemuda-pemuda. Wanita kita telah menunjukkan kebolehan, mempunyai daya saing dengan kaum lelaki dalam bidang politik, pelajaran, ekonomi, pentadbiran dan juga perundangan. Wanita UMNO mempunyai tanggungjawab yang berat untuk mempertahankan diri supaya kaum Wanita tidak boleh dipesongkan lagi oleh propaganda agama dan fatwa-fatwa sempit yang boleh membawa kaum wanita berbalik ke zaman jahiliah.

Wanita terdiri daripada separuh penduduk negara, kita tidak mahu tenaga wanita terbuang dengansia-sia. Wanita-wanita kaum lain bergerak dengan bebas, cergas seperti lelaki dalam semua bidang yang mendorong kaum-kaum tersebut lebih mudah mendapat kejayaan. Wanita-wanita Melayu sepatutnya mesti bekerja keras di samping kaum lelaki kerana bangsa kitalah yang jauh tercicir di belakang pada hari ini.

Sudah menjadi satu budaya orang-orang Melayu pada hari ini ghairah dengan mengagung-agungkan ijazah yang diperolehi daripada universiti-universiti. Sebenarnya bukanlah mustahil sangat untuk mendapatkan sebarang ijazah tapi apa yang lebih penting ialah sama ada seseorang itu berguna kepada masyarakat atau tidak. Kita pernah menyaksikan ada orang yang tidak tahu menulis dan membaca boleh menjadi millionaire, sebaliknya, ramai yang bermegah-megah dengan ijazah-ijazahnya melutut meminta pertolongan daripada orang lain yang dihinakannya.

Orang-orang yang boleh bercakap bahasa Arab pula, lebih-lebih lagi keluaran daripada universiti seberang laut dengan mudah menganggap dirinya sudah menjadi ulama. Orang lain dipandang jahil dan adakalanya dikafirkan kerana tidak setaraf dengannya. Walaupun mereka hanya tahu bercakap sahaja tetapi orang seperti itu masih ada yang disanjung tinggi dalam masyarakat.

Budaya seperti ini mesti dihapuskan. Kita mahu melahirkan lebih ramai orang-orang yang berilmu tapi yang mempunyai daya untuk membangunkan negara. Ilmu pengetahuan bukanlah boleh didapati semata-mata di sekolah-sekolah biasa sahaja. Dunia pada keseluruhannya adalah tempat manusia belajar. Orang-orang yang tekun dan rajin, ingin belajar daripada segala kejadian dan perubahan yang berlaku setiap hari boleh mencapai kejayaan, kadang-kadang lebih besar keupayaannya dibandingkan dengan mereka yang hanya sibuk dengan menayangkan sijil-sijilnya sahaja.

Negara-negara bekas imperialis menggunakan berbagai taktik terutama media-massa mereka untuk memburuk-burukkan negara bekas tanah jajahannya termasuk Malaysia kerana mereka tidak mahu melihat negara-negara bekas tanah jajahannya berjaya mencapai kemajuan. Kejayaan-kejayaan yang dapat dicapai oleh negara-negara yang dulunya tertindas adalah memalukan mereka kerana mereka mahu membuktikan bahawa hanya mereka sahaja bangsa yang boleh melahirkan kemajuan di dunia ini. Malaysia sekarang sedang dikecam hebat oleh mereka dengan melemparkan berbagai-bagai tuduhan. Malaysia dituduh, kononnya hendak membinasakan hutan rimba, menahan orang dengan tidak payah dibicarakan (ISA), kebebasan kehakiman di Malaysia kononnya semakin hari semakin pupus.

Bukannya di Afrika Selatan sahaja wujud 'apartheid' tapi juga di Malaysia tuduh mereka lagi. Ada di antara mereka menulis buku-buku dengan mengejek-ngejek Malaysia yang ingin hendak menjadi negara maju. Mereka memberi alasan mengapa Malaysia tidak layak menjadi negara maju. Kononnya kerana Malaysia sebuah negara Islam dan penuh pula dengan persoalan perkauman. Yang paling menyedihkan ada pula rakyat Malaysia sendiri yang menjadi tali barut mereka itu. Mereka yang menjadi tali barut itu lupa tentang diri mereka mendapat pelajaran tinggi dan kemewahan hidup adalah hasil daripada perjuangan parti kita. Janganlah menjadi pengkhianat kepada negara sendiri. Orang seperti ini sedikitpun tidak mempunyai hati perut untuk menolong rakyat miskin. Apa yang mereka tahu hanya semata-mata mengumpulkan kekayaan sambil mencemuh Kerajaan. Kononnya ada di antara ketua-ketua firma yang memberi amaran kepada pekerja-pekerjanya bahawa mereka akan disingkirkan dari tempat bekerja jika tidak menentang Kerajaan.

Mereka berani bersikap demikian kerana mereka tahu bahawa

negara ini mengamalkan demokrasi dan patuh kepada undang-undang, *rule of law*.

Kita tidak patut khuatir atas perbuatan mereka itu. Sekap mereka yang suka merendah-rendahkan kita itu sebaliknya hendaklah dijadikan sebagai satu cabaran untuk kita bekerja lebih keras lagi. Insya Allah kita akan jadi negara maju akhirnya.

"Industrial Master Plan" kita yang ada sekarang hanya memberi peluang kemajuan perindustrian di Pantai Barat Semenanjung sahaja. Sekarang sudah sampai masanya industri perkilangan diperluaskan dengan tambahan beberapa "corridor" baru, iaitu "corridor" timur, dari Kota Bharu ke Johor, dari Pelabuhan Kelang ke Kuantan dan akhirnya di sepanjang Highway Timur Barat. Kita tidak mahu melihat negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung hanya mendapat nikmat dari hasil perusahaan tani dan perikanan sahaja. Mereka juga mesti diberi peluang meningkatkan ekonominya dalam industri perkilangan. Untuk mencapai tujuan tersebut, infrastrukturnya akan dipertingkat lagi. Lebih banyak industrial estate akan dibuka. Sabah dan Sarawak tidak ditinggalkan. Kekurangan tenaga pekerja di beberapa sektor di Malaysia sekarang adalah menjadi barometer bahawa kita sudah mulai memasuki ambang untuk menjadi negara maju. Kita menganggarkan pengangguran di Malaysia lebih kurang 6% walaupun laporan World Bank mengatakan hanya 3.5%.

Saya menyeru seluruh rakyat supaya menghapuskan sama sekali saki-baki semangat perkauman dan bekerja keras membenteras fahaman agama yang terpesong yang boleh menghalang rancangan pembangunan.

Penutupnya, marilah kita renungkan secara serius bagaimanakah perasaan kita dalam tahun 2020 apabila Malaysia menjadi negara maju tapi bangsa Melayu dan Bumiputera masih di belakang juga! Janganlah rosakkan perpaduan, teruskanlah perbincangan-perbincangan, bekerjalah dengan sekeras-kerasnya dengan penuh keazaman dan keyakinan bahawa bangsa kita mampu menyaingi lain-lain kaum.

*Ucapan Encik Ghafar Baba merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 7hb. November 1991.*

## PENGUKUHAN BANGSA, POLITIK, EKONOMI DAN ISLAM

SYUKUR alhamdulillah dapat kita dengan izinNya berkumpul sekali lagi di sini. Saya ucapkan selamat datang kepada saudara-saudara sekalian. Khususnya saya dengan sukacitanya mengalu-alukan kehadiran perwakilan Pergerakan Pemuda dan Wanita dari Negeri Sabah ke Perhimpunan Agung UMNO buat kali pertamanya. UMNO menyanjung tinggi di atas perjuangan gigih Pemuda dan Wanitanya. Saya percaya penyertaan UMNO Sabah akan dapat memberikan sumbangan yang berharga untuk meningkatkan lagi kekuatan UMNO.

Perjuangan UMNO yang berterusan ternyata bertujuan untuk mempertahankan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan demokratik. Kita bercita-cita hendak menjadikan Malaysia sebuah negara yang sentiasa aman, rakyatnya hidup maju dan makmur dengan pemerintahannya yang diredai oleh Allah s.w.t. Jika kita mahu Malaysia menjadi salah sebuah negara contoh yang disegani dalam dunia, marilah kita berganding bahu, bekerjasama dengan sepenuh hati, sepanjang masa.

Tertubuhnya Barisan Nasional dalam sistem politik Malaysia yang rakyatnya terdiri daripada berbagai kaum benar-benar telah menarik perhatian pemimpin-pemimpin dari luar negara yang mengunjungi negeri kita. "Coalition Government" yang telah berjaya ditubuhkan sejak 37 tahun yang lalu di Malaysia bukannya Coalition yang diwujudkan selepas berlangsungnya sesuatu pilihanraya disebabkan tidak ada parti yang dapat "Absolute Ma-

majority", seperti yang pernah diamalkan di negara-negara lain. Sebaliknya "Coalition Government", gabungan parti-parti politik yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum dalam Barisan Nasional, ditubuhkan sebelum pilihanraya diadakan. Gabungan ini berjaya membahagi-bahagikan jumlah kerusi yang dipertandingkan di antara parti-parti komponen dan dapat pula mencapai kata sepakat untuk menggunakan manifesto dan simbol yang sama. Pelawat-pelawat kita kagum dengan kejayaan kita kerana kita dapat mewujudkan sistem seperti ini. Di negara-negara lain yang penduduknya terdiri daripada berbilang kaum jangan kata hendak bersatu sebaliknya berperang tidak berhenti-henti. Kita harus sentiasa memperingati jasa besar Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Allahyarham Tun Abdul Razak yang masing-masing telah berjaya melahirkan Parti Perikatan dan Barisan Nasional.

Parti pembangkang di Malaysia gagal apabila mereka cuba hendak mencontohi sistem politik Barisan Nasional kita ini. Semangat 46 mungkin berjaya menubuhkan Gagasan Rakyat Malaysia tetapi hanya dengan DAP sahaja, manakala dalam waktu yang sama 46 bergabung pula dengan PAS dan menubuhkan APU. Rakyat telah menyedari bahawa dua jenis gabungan yang ganjil di antara parti-parti pembangkang ini adalah percantuman yang tidak logik kerana ia terjadi dari satu simbiosis yang oportunistik dan bersifat kepentingan diri. Gabungan seperti ini patut ditolak kerana pada awal-awal lagi mereka gagal menyatukan semua parti-parti politik yang terlibat di bawah satu gabungan seperti Barisan Nasional.

PBS pula telah tersepit. Pada mulanya ia menyokong Gagasan Rakyat sekarang terpaksa menolak gabungan tersebut bukan sahaja kerana mereka sudah menyedari kesilapannya tetapi juga sudah pasti kerana hilang kepercayaan.

UMNO masih unggul kerana terus dapat mengekalkan kedudukannya sebagai tulang belakang kepada Barisan Nasional. Apabila UMNO diharamkan dalam tahun 1987 dengan sendirinya UMNO telah terkeluar daripada Barisan Nasional. Dengan ketiadaan UMNO maka kedudukan parti-parti lain yang masih berada dalam Barisan Nasional pada waktu itu telah terumbang-ambing seperti anak ayam kehilangan ibu. Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional yang tidak lagi disertai oleh UMNO pada 16hb. Februari 1988 telah memilih Presiden MCA Dr. Ling Leong Sik menjadi Pengerusi Barisan Nasional menggantikan Dato' Seri Dr. Mahathir

Mohamad. Setelah UMNO diterima semula menjadi anggota, dengan sebulat suara mereka telah memilih balik Presiden parti kita, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadi Pengerusi. Demikianlah pentingnya kewujudan UMNO dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Oleh itu haruslah kita insafi seandainya UMNO lemah dan gagal maka Barisan Nasional akan hancur yang akhirnya akan membawa akibat buruk kepada negara. Hakikatnya, UMNO, Pergerakan Pemuda dan Wanitanya hendaklah dijaga dan dipupuk supaya kuat setiap masa.

Kegiatan berpuak-puak adalah merbahaya kepada perpaduan mana-mana pertubuhan pun. Saya bimbang kalau-kalau kegiatan seperti itu menular semula ke dalam UMNO. Parti tidak sepatutnya dikorbankan hanya semata-mata kerana hendak memenangkan pemimpin yang mereka sokong.

Pada ketika orang lain sibuk mengumpul saham, membeli bangunan dan tanah-tanah, menghantar anak-anak mereka ke Oxford, Cambridge dan Harvard, membesar dan mengembangkan kolej-kolej mereka dalam negeri, orang Melayu pun sibuk juga tapi untuk mengumpul penyokong-penyokong dan puak-puak untuk menempah kedudukan. Ini adalah satu aktiviti yang tidak sihat.

Tujuan asal penubuhan Pergerakan Pemuda dan Wanita ini dahulu ialah untuk menjadikan kedua-dua badan ini sebagai pembantu yang kukuh bagi menguatkan UMNO. Saya berharap tujuan suci ini sentiasa berada dalam ingatan dan menjadi pegangan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya timbulkan perkara ini kerana pada suatu ketika dahulu sudah mula kelihatan tanda-tanda yang menunjukkan Pergerakan Pemuda seolah-olah hendak bersendirian sehingga ada ura-ura hendak mendaftarkan Pergerakan Pemuda sebagai sebuah parti berasingan. Kita tidak mahu melihat adanya parti dalam parti. UMNO dan Pergerakan Pemuda dan Wanita adalah satu badan yang tidak boleh dipisah-pisahkan.

Tidak ada apa-apa sekatan sedikit pun bagi ahli-ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita mengambil bahagian yang sepenuhnya dalam pertubuhan UMNO induk. Tetapi apabila ada seorang ahli Pergerakan Pemuda atau Wanita bertanding untuk merebut sesuatu jawatan dalam UMNO induk, maka janganlah beliau dianggap sebagai mewakili Pemuda atau Wanita. Beliau kenalah berdiri sebagai sifatnya seorang ahli UMNO biasa. Tidak ada seorang pun orang muda yang akan kekal muda selama-lamanya. Saudara-

saudara semua akhirnya akan menjadi orang tua juga dan sudah pasti akan berhadapan dengan pemuda-pemuda yang akan mengambil tempat saudara-saudara sekarang ini pada satu hari kelak.

Jika ada apa-apa teguran yang dibuat terhadap Pergerakan Pemuda janganlah hendaknya teguran yang ikhlas itu disalahfahamkan sebagai hendak menafikan perjuangan dan pengorbanan pemuda-pemuda selama ini. Jika jasa-jasa Pemuda hendak dinafikan maka ini bererti seolah-olah pemimpin-pemimpin yang ada sekarang menafikan kejayaan dirinya sendiri kerana kebanyakan pemimpin yang ada sekarang adalah bekas ahli Pergerakan Pemuda dahulu.

Dalam tahun 50an dan 60an dahulu lebih separuh perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO ini terdiri daripada guru-guru dan orang-orang kampung sahaja tetapi sekarang senario itu telah bertukar. Semakin hari semakin ramai ahli-ahli perniagaan dan orang-orang profesional menjadi perwakilan. Walaupun ada kebimbangan setengah-setengah pihak tentang perubahan-perubahan ini, kerana mereka khuatir UMNO akan bertukar corak dari sebuah badan politik menjadi sebuah pertubuhan dagang, tapi bagi diri saya sendiri kekhuatiran seperti ini tidak harus timbul. Tidak ada apa salahnya mereka ini mengambil bahagian cergas dalam UMNO asalkan mereka terdiri daripada orang-orang yang kuat dengan semangat kebangsaan Melayunya dan akan memperjuangkan nasib bangsanya seperti perwakilan-perwakilan yang dahulu. Tambahan pula mereka datang ke Perhimpunan Agung ini setelah dipilih oleh ahli-ahli UMNO sendiri. Sebaliknya perubahan ini pun sebenarnya menunjukkan bukti kejayaan UMNO yang selama ini telah berusaha untuk melahirkan seberapa ramai usahawan-usahawan bumiputera.

Kita telah berjaya mewujudkan kestabilan politik. Negara kita aman dan Dasar Pembangunan Negara (D.P.N.) sudah berjaya diwujudkan. Jadi apakah yang menjadi masalah kita sekarang ini? Kewajipan kita ialah bekerja keras untuk melaksanakan D.P.N. tersebut.

Sungguhpun ramai jumlah peniaga dan pengusaha Melayu/ bumiputera yang telah berjaya mengharungi dugaan ekoran daripada kemelesetan ekonomi negara pada pertengahan tahun 80an dahulu, tetapi Kerajaan sedar masih ada lagi peniaga dan pengusaha Melayu yang menderita akibat gejala resesi ekonomi itu.

Kerajaan percaya masalah dan kesempitan tersebut akan dapat diatasi kerana telah ada dasar sokongan Kerajaan bagi memulihkan mereka yang bermasalah.

Tidak ada sekolah atau universiti yang boleh menjamin kejayaan seseorang peniaga dan pengusaha. Ilmu, didikan dan selok-belok berniaga semuanya perlu sebagai asas dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Pengalaman, kemahiran dan kenalan pula boleh membantu ilmu pengetahuan. Begitu juga dengan sokongan dan bantuan dari Kerajaan. Skim-skim, seperti Tabung Pemulihan Usahawan (TPU), Skim Galakan Bank Pembangunan dan agensi-agensi seperti MARA, UDA dan sebagainya adalah jentera yang diamanahkan membantu peniaga-peniaga Melayu. Jika semuanya ini masih belah dapat menjamin kejayaan seseorang peniaga mungkin kerana ia terlalu bergantung kepada Kerajaan.

Kejayaan ahli-ahli perniagaan juga bergantung kepada keadaan ekonomi dunia, kestabilan politik dan suasana ekonomi negara, persaingan dan pasaran serta turun-naik harga dan bayak lagi faktor-faktor yang mungkin berada di luar dugaan dan kekuasaan kita, di samping daya-saing, daya-tahan, kecekapan pengurusan dan seumpamanya. Dengan lain-lain perkataan, berniaga dan menceburi bidang perusahaan bukanlah satu kerjaya yang mudah. Pendek kata bukan senang nak jadi kaya!

Dunia perniagaan di negara kita sekarang ini semakin maju. Tidak ada satu perkara pun yang boleh dicapai atau terjadi dengan sebegitu mudah. Banyak faktor yang saling berkaitan dan mesti berkemampuan menguasai semua situasi kalau ingin menjadi peniaga dan bangsa yang maju.

Kejayaan orang Melayu dalam bidang perniagaan adalah penting bagi menjamin pembangunan ekonomi negara. Peniaga-peniaga Melayu adalah "Support Group" atau kumpulan penyokong kepada syarikat-syarikat multinational, syarikat-syarikat korporat serta agensi-agensi yang telah diswastakan.

Kejayaan orang Melayu tidak seharusnya ditentukan oleh orang laon, melainkan oleh orang Melayu sendiri. Dalam peraturan perniagaan orang Melayu perlu yakin bahawa mereka boleh mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan setanding dengan kaum-kaum lain. Tidak ada teori yang mengatakan orang Melayu lahir hanya untuk menjadi pentadbir, di "condemned to fail" atau disumpah untuk gagal dalam sebarang perniagaan yang dimasukinya. Tuhan menjadikan manusia sama sahaja. Garis

pemisah antara yang berjaya dan yang gagal ialah keberanian, kemahiran, ketekunan dan pengetahuan.

Oleh itu, kepada saya UMNO adalah satu 'platform' dan 'forum' yang amat strategik di mana titik-tolak kepada segala masalah dan penyelesaian, kemudahan dan strategi bermula sama ada ianya politik mahupun ekonomi.

Kita mesti mengukuhkan kedudukan usahawan Melayu di semua peringkat. Adalah penting kita melahirkan seberapa ramai usahawan Melayu yang unggul kerana selain dari memantapkan ekonomi orang Melayu ia dapat membantu mengembang dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Dengan mandat yang diberikan oleh rakyat, Kerajaan akan tetap dan terus berusaha untuk memajukan ekonomi golongan yang tidak bemasib baik ini, sama ada di bandar atau luar bandar, dan dengan demikian meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dengan mewujudkan peluang dan suasana pelaburan dan perniagaan yang lebih baik.

Pada awal tahun ini Kerajaan dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) telah menganjurkan bersama Kongres Ekonomi Bumiputera Ke3. Tujuan Kerajaan adalah jelas iaitu untuk menggalakkan sebarang forum yang bersifat ekonomi supaya tiada halangan bagi bumiputera mencapai kejayaan dan agar pembangunan dan pencapaian bumiputera sebagai masyarakat perdagangan dan perindustrian yang maju dapat ditingkatkan.

Memandangkan resolusi tersebut adalah pandangan dan cetusan fikiran dari cerdik pandai bumiputera yang juga dibantu oleh beberapa orang dari kaum lain, maka Kerajaan akan melaksanakannya dengan sepenuhnya. Sungguhpun begitu, adalah salah bagi kaum bumiputera untuk meletakkan 100% tanggungjawab meningkatkan keupayaan usahawan Melayu kepada Kerajaan semata-mata. Walaupun Kerajaan boleh menyediakan infrastruktur, landasan, peraturan dan dasar-dasar serta kemudahan untuk mewujudkan suasana yang sesuai seperti yang terkandung dalam ucapan belanjawan Menteri Kewangan minggu lepas, tetapi hakikat yang sebenarnya usahawan bumiputera sendirilah yang perlu memainkan peranan yang lebih aktif untuk mencapai matlamat tersebut. Kegagal bumiputera mungkin dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan tapi hakikatnya Kerajaan itu adalah UMNO.

Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan mewujudkan peluang-peluang pelaburan, dasar kewangan

dan perdagangan serta peraturan buruh yang menarik. Peluang-peluang ini mestilah diambil oleh orang-orang Melayu sepenuhnya.

Dewan-dewan Perniagaan Melayu sendiri di semua peringkat harus mengatur program dan menyediakan rancangan yang tersusun dan terperinci untuk membantu usahawan Melayu dalam semua kegiatan ekonomi. Dewan Perniagaan Melayu sendiri mestilah mempunyai 'vision', haluan dan matlamat untuk menggalakkan pertumbuhan keusahawanan di kalangan orang-orang Melayu. Dengan lain-lain perkataan, Dewan Perniagaan Melayu mesti mewujudkan rancangan pembangunan sendiri untuk merangka pencapaian dan matlamatnya berperingkat-peringkat. Perlu ditekankan bahawa kualiti keusahawanan dan 'corporate ventures' yang lebih bermakna mesti diceburi oleh orang Melayu dalam jangka waktu yang singkat untuk menyaingi kemajuan yang telah dicapai oleh orang lain.

Ahli-ahli perniagaan Melayu perlulah mempertingkatkan pengurusan mereka di bidang pengeluaran dan pemasaran supaya mutunya setanding dengan barang-barang keluaran negara maju. Hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020 tidak akan tercapai selagi peniaga-peniaga Melayu tidak mempunyai rancangan dan program-program yang tersusun untuk melibatkan usahawan Melayu di bidang pembuatan dan perindustrian sehingga ke peringkat pemasaran antarabangsa.

Usahawan-usahawan Melayu hendaklah mempelbagaikan perniagaan mereka dan tidak hanya menumpukan kepada bidang-bidang tradisi tertentu sahaja dan meninggalkan bidang-bidang yang lebih besar kepada orang lain. Mereka perlu berani meneroka bidang baru yang lebih mencabar terutama dalam industri teknologi tinggi supaya barangan yang dikeluarkan dapat bersaing dan mempunyai permintaan di pasaran antarabangsa, mempunyai mutu dan kepakaran pembuatan yang canggih.

Kita gembira hari ini terdapat syarikat korporat bumiputera yang sudah mencapai kejayaan yang membanggakan di peringkat antarabangsa tetapi jumlahnya masih terlalu kecil dibandingkan dengan bukan bumiputera. Saya berharap mereka yang telah berjaya dapat berkongsi kejayaan dan pengalaman dengan usahawan yang belum berjaya. Dewan Perniagaan Melayu boleh mengambil inisiatif dengan menganjurkan perjumpaan antara usahawan-usahawan Melayu dalam sektor-sektor seperti carigali, kewangan, saham, komputer, komunikasi, pembinaan, industri kereta motor,

perkapalan, pertanian dan sebagainya. Hanya dengan cara ini kita dapat menambah bilangan dan penglibatan kaum bumiputera dalam perniagaan dan perindustrian yang mencabar ini.

Di samping mengharapkan para peniaga Melayu menyediakan kajian kemungkinan projek dan meneliti pengurusan kewangannya, bank-bank juga mesti tidak terlepas dari tanggungjawab memandu, menasihati dan juga meneliti secara dekat projek-projek yang telah diberi kemudahan kredit. Dengan cara ini lebih banyak kes-kes projek yang pada mulanya dianggap tidak "viable" dapat diatasi dan dengan demikian lebih ramai orang Melayu boleh mendapat kemudahan kredit dan bilangan orang Melayu yang berjaya akan bertambah.

Dalam bidang pembangunan semua rakyat Malaysia telah menikmati taraf hidup yang lebih tinggi dan agihan pendapatan yang lebih baik. Petunjuk-petunjuk sosial seperti jangka hayat, nisbah kemasukan ke sekolah dan kemudahan perubatan dan kesihatan telah meningkat sementara kadar kematian telah menurun.

Pendapatan purata bulanan isi rumah meningkat dari \$505 pada tahun-tahun 1976 kepada \$1,167 pada tahun 1990. Ketidakseimbangan pendapatan antara kaum dan antara kawasan bandar dan luar bandar telah juga dapat dirapatkan. Usaha-usaha membasmi kemiskinan adalah membanggakan di mana peratus isi rumah luar bandar yang berada di bawah garis kemiskinan telah berkurangan dari 58.7% dalam tahun 1976 kepada 19.3% tahun 1990.

25 tahun yang lalu, barang-barang "MADE IN JAPAN" bermakna "Poor Quality". Tetapi sekarang Jepun menjadi "Economic Power" yang ulung dalam dunia. 25 tahun dahulu Korea adalah sebuah negara yang mundur tetapi sekarang Korea adalah sebuah negara yang digelar salah satu "East Asian Tiger Countries" dan mempunyai daya-saing dalam ekonomi dunia. 25 tahun dahulu China bergegar dengan pergolakan "Cultural Revolution" tetapi sekarang negara itu sudah mulai bertukar corak kepada market ekonomi dan mempunyai "Economic Growth" yang menggalakkan. Dalam tempoh yang sama Malaysia juga berupaya menjadi sebuah negara membangun yang sederhana. 25 tahun yang akan datang sudah pasti akan wujud perubahan-perubahan baru yang boleh membawa kepada kemajuan yang lebih besar. Vietnam sedang mengorak langkah yang berkemungkinan besar berupaya menyaingi kita. Malaysia tidak boleh berdiam diri, kita harus bergerak lebih cepat

jika kita tidak mahu ketinggalan.

Walaupun berlaku perpecahan politik di kalangan masyarakat orang-orang Tionghua di negara kita ini tetapi perpecahan mereka itu nampaknya tidak sedikit pun menjejaskan pertumbuhan ekonomi mereka. Berlainan dengan orang-orang Melayu. Perpecahan di kalangan orang-orang Melayu sungguh-sungguh merugikan. Perpecahan dalam apa bentuk sekalipun tetaplah negatif dalam usaha Kerajaan hendak meningkatkan ekonomi orang-orang Melayu.

Yang lebih malang lagi apabila didapati ramai di kalangan orang-orang Melayu yang hanya menumpukan masanya semata-mata kepada perkara akhirat sahaja. Golongan ini sedang bergerak cergas untuk mengembangkan pengaruhnya. Orang-orang yang telah termasuk ke dalam perangkap mereka menjadi buntu dan tidak dapat lagi melihat perkembangan ekonomi moden yang sedang muncul dengan cepatnya dalam dunia pada hari ini. Tenaga dan fikiran mereka yang telah diracuni itu tidak dapat digunakan lagi untuk membantu memperkembangkan ekonomi moden bangsa Melayu.

Setiap orang yang menganuti Islam termasuk ahli-ahli UMNO sudah tentu beriman, mempercayai adanya hari akhirat di mana buruk baik seseorang semasa hayatnya di dunia akan dihisab dan diadili. Agama Islam jauh sekali daripada melarang penganut-penganutnya berusaha mencapai kemajuan sewaktu berada dalam dunia ini. Islam diturunkan oleh Allah s.w.t. untuk faedah kedua-duanya, dunia dan akhirat. Kumpulan yang berjuang semata-mata untuk akhirat ini menuduh UMNO sebagai sekular dan asabiah. Fahaman mereka mengenai sekular dan asabiah adalah sempit. Seandainya pemerintahan negara jatuh ke tangan orang-orang seperti ini maka akan hanyutlah bangsa Melayu. Mereka ini tidak sedar dan tidak peduli apa yang akan terjadi kepada agama Islam jika orang Melayu sudah tenggelam.

Kebanyakan orang Melayu selama ini silap memahami istilah "ulama". Title ulama itu dengan sewenang-wenangnya diberikan kepada sesiapa saja asalkan mendapat sedikit pelajaran agama sama ada di pondok-pondok atau di mana sahaja dan boleh pula bertutur dalam bahasa Arab. Soal sama ada orang itu berkemampuan untuk membela nasib kaumnya tidak menjadi syarat atau perhitungan langsung. Menjadi seseorang "ulama" untuk tujuan akhirat semata-mata tidak mencukupi.

Pengertian ulama yang sebenarnya pada pendapat saya ialah

orang-orang yang berilmu dan berjaya menggunakan ilmunya itu untuk memimpin dan meninggikan taraf hidup rakyat bagi faedah dunia dan akhirat. Seseorang yang berilmu lagi beriman seperti seorang doktor atau jurutera yang berusaha untuk membangun masyarakat dan negaranya sepatutnya layak juga diberikan gelaran ulama.

Adalah menjadi tanggungjawab Pemuda dan Wanita UMNO bekerja keras untuk memimpin orang-orang Melayu terutama di kalangan pemuda-pemuda supaya tidak terpengaruh dengan kumpulan-kumpulan sesat yang hanya menumpukan kepada akhirat sahaja. Tenaga manusia yang mahir adalah penting bagi pembangunan ekonomi sesuatu kaum dan negara. Jika kita gagal memberikan kepimpinan maka cita-cita untuk meningkatkan ekonomi bangsa Melayu tidak akan berhasil.

Islam sebuah agama yang progresif, adil dan sentiasa menyeru kepada kebaikan, perpaduan, keamanan dan kemakmuran. Yang memesongkan Islam ialah pendakwah yang anti-sosial yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan dugaan-dugaan dan cabaran yang melanda umat Islam. Mereka mahu mengubah masyarakat dengan revolusi, paksaan dan kekerasan. Mereka mahu undang-undang di negara ini dilaksanakan mengikut cara mereka dan membelakangkan pandangan cerdik pandai Islam yang lain. Islam tidak diturunkan untuk menyusahkan umatnya. Sebaliknya kerana ada segelintir orang Islam yang berkepentingan politik, maka Islam menjadi sempit dan perkembangan serta kemajuannya terbantut. Kerana keghairahan untuk menjadi popular menerusi tiket agama, maka Islam halal diselewengkan untuk membolehkan mereka mencapai tujuan politiknya di samping menyebarkan fitnah terhadap pemimpin-pemimpin Islam di luar parti politik mereka. Kita wajib bekerja keras untuk membetulkan kesilapan-kesilapan mereka itu.

Tidak ada sebab mengapa orang Melayu tidak boleh menjadi bangsa yang maju. Soalnya ialah sama ada kita mahu atau tidak. Saudara-saudaralah orangnya yang diharap dapat memikul beban yang berat ini. Jika bukan saudara-saudara sendiri siapakah lagi orangnya yang hendak kita tunggu?

Suara lantang dan pendirian tegas Malaysia dalam arena politik antarabangsa bukanlah kerana kita bongkak atau pura-pura tetapi adalah berdasarkan kepada prinsip dan kebenaran. Kita sedar Malaysia adalah sebuah negara kecil dan ekonominya masih lemah. Kita tidak berniat bermusuhan dengan mana-mana jua negara

dalam dunia kecuali negara yang masih jadi penindas. Kita mahu order baru dunia memberi keuntungan kepada semua. Oleh itu UMNO khasnya dan rakyat Malaysia amnya harus memberikan sepenuh-penuh sokongan kepada Presiden UMNO Dr. Mahathir Mohamad atas kebijaksanaan dan keberaniannya melaksanakan tugasnya sebagai Perdana Menteri.

Perhimpunan kita pada hari ini berjalan dengan teratur dan dalam suasana yang meriah. Saya mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Agung dan semua pegawai-pegawai Ibu Pejabat yang telah bekerja keras untuk menjayakan perhimpunan kita ini.

17 JAN. 1994

*Ucapan Pembukaan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO oleh YAB Encik Abdul Ghafar bin Baba, Timbalan Presiden UMNO pada hari Khamis 5hb. November 1992*

**PERJUANGAN SUCI  
UMNO**